

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 19

Selasa

17 Disember 2013

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 26)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2014 (Halaman 27)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 17 Disember 2013
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:
- (a) bilangan kes mereka yang menghina Islam dalam laman sosial seperti *Facebook, Twitter, YouTube* dan sebagainya yang berlaku terus menerus; dan
 - (b) apakah tindakan yang telah dikenakan terhadap mereka yang telah menghina Islam dan apakah juga usaha kementerian untuk memastikan bentuk penghinaan seperti yang tersebut tidak berulang lagi.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar di atas soalan beliau yang saya mohon menjawab sekali dengan...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: ...Beberapa yang lain termasuk Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor, Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus. Semua soalan yang berkaitan dengan perkara-perkara berkaitan dengan soal-soal penghinaan terhadap agama Islam dalam laman sosial dan tindakan-tindakan yang perlu diambil.

Sehingga sekarang, pihak SKMM telah menerima sebanyak 36 aduan terhadap laman web dan blog yang menghina Islam. Justeru itu, bagi pihak SKMM telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi kes-kes yang melibatkan penyebaran ajaran sesat Syiah dan penghinaan terhadap agama Islam. Selain itu setakat ini, setakat bulan Jun 2013, sebanyak 29 kes sedang dalam siasatan SKMM bagi kesalahan di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 termasuklah kes-kes yang mana media sosial dan blog digunakan untuk menghina seperti penghinaan terhadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Institusi Sultan dan Raja. Terkini, seorang individu telah disabitkan dengan kesalahan menghina Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menerusi laman *Facebook* dan telah didenda sebanyak RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen.

Menyedari bahawa kandungan laman web dan blog ini tidak boleh dikawal sepenuhnya kerana ada perkara yang berkaitan dengan ramai yang menggunakan akaun-akaun palsu dan sebagainya, pihak

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah membuat kempen yang dipanggil “*Klik Dengan Bijak*” bagi menggalakkan orang ramai untuk membuat pengawalseliaan sendiri ataupun *self-regulation*, dengan izin, supaya setiap orang dalam menggunakan laman media sosial dan sebagainya tahu apakah yang baik dan apakah yang tidak baik dan mendidik orang ramai tentang apa yang boleh kita percayai dan tidak boleh percayai. Terima kasih.

Dato’ Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kes-kes penghinaan terhadap Islam, Raja terus meningkat, adakah kementerian bercadang untuk pertama, mewajibkan pendaftaran, dikenakan bon pencagaran kepada semua *blogger, facebookers, twitters*, dan sebagainya untuk melayari internet maya seperti yang dikenakan oleh sesetengah negara di dunia ini? Contoh yang terdekat ialah Singapura. Kedua, apakah kerajaan juga akan mengetatkan hukuman dan denda dengan menyemak dan menggubal syarat peraturan yang baru atau undang-undang yang baru? Terima kasih.

Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato’. Sebenarnya undang-undang yang ada - terdapat pelbagai undang-undang yang boleh digunakan bagi tujuan untuk diambil tindakan terhadap mereka yang menyalahgunakan laman sosial. Selain daripada undang-undang dalam Akta Komunikasi dan Multimedia itu sendiri, ada undang-undang lain seperti Akta Hasutan, Akta Fitnah, *Penal Code* ataupun Kanun Keseksaan. Ini semua boleh digunakan. Ia seumpama orang yang berbual di kedai kopi tetapi dia berbuat fitnah kepada orang lain. Orang lain boleh mengambil tindakan ataupun dia buat ucapan dan sebagainya. Bezanya, orang yang bercakap, berbual di kedai kopi itu mungkin golongan yang mendengarnya adalah lebih sedikit tetapi kalau dia menyuarakan pandangan perkara-perkara yang menimbulkan sensitiviti dan sebagainya dapat didengar oleh golongan yang lebih luas dan ini boleh menimbulkan kesan-kesan yang tidak menyenangkan dan boleh menimbulkan perkara-perkara yang melibatkan keselamatan negara dan sebagainya.

Oleh sebab itu kita juga memerhati tentang kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh negara-negara lain. Misalnya di Singapura baru-baru ini diperkenalkan tentang peraturan yang mana setiap apa yang disebutkan *online media*, ini sama seperti *Malaysiakini, Malaysian Insider* dan sebagainya ataupun *Utusan Online* dan sebagainya, mesti berdaftar. Mereka dikehendaki meninggalkan bon sebanyak SGD50,000 yang mana kerajaan akan memberi ingatan sekiranya ada kenyataan-kenyataan ataupun cerita-cerita yang dianggap tidak baik, maka mereka boleh diambil tindakan termasuk merampas bon yang diperkenalkan. Ini adalah satu kaedah yang digunakan. Ada negara ia mempunyai ‘Akta Jenayah Komputer’ sendiri.

■1010

Kalau kita lihat di Thailand baru-baru ini di mana hukuman yang berat telah dikenakan. Seorang telah dikenakan hukuman sehingga lima tahun penjara kerana menghina rajanya dan seorang lagi dikenakan hukuman sehingga 20 tahun penjara kerana menghina rajanya. Ini antara perkara-perkara yang kita lihat dan kita rasakan ada perkara yang boleh kita buat dan ada perkara-perkara yang kalau kita ada undang-undang tetapi sukar untuk kita mempraktikkannya, mungkin ia tidak dapat dibuat dengan berkesan.

Sebagai contoh, ramai orang yang menghina di laman *Facebook*. Orang hendak tanya apakah kita perlu mendaftar *Facebook*? Mendaftar *Facebook* dalam negara kita mempunyai lebih kurang 15 juta akaun *Facebook*. Jadi, kalau kita hendak buat pendaftaran *Facebook*, kita kena ada 'Jabatan Facebook Negara'. 15 juta orang setiap negeri, kita buka kena ada berpuluh-puluh kaunter kerana dalam konteks negara kita, ada budak yang berumur lapan tahun pun sudah ada akaun *Facebook*. Apakah budak-budak yang berumur lapan tahun dia kena tinggalkan bon RM50,000? Jadi ianya akan memberikan kesan yang negatif juga sekiranya kita hendak membuat satu undang-undang yang seperti itu.

Namun begitu, kita merasakan bahawa saya bersetuju sekiranya ada pendekatan baru yang dibuat kerana orang menyalahgunakan laman-laman sosial tanpa melihat dan mengekang diri mereka untuk menjaga sensitiviti kaum lain. Seperti mana contoh tindakan mahkamah telah diambil kepada orang yang menghina Islam dikaitkan dengan soal berbuka puasa dengan makanan yang tertentu di mana bagi orang-orang Islam sangat sensitif. Akan tetapi saya difahamkan bagi kawan-kawan dia menganggap itu perkara kecil. Jadi perkara ini sukar kita katakan dan kita serahkan kepada mahkamah. Dalam sistem kita, kita boleh menyiasat tetapi akhirnya kita serahkan kepada pihak Peguam Negara untuk mengambil tindakan dan akhirnya yang menentukan sama ada dia bersalah atau tidak, besar atau kecil kesalahannya ialah mahkamah.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab tadi. Saya ingin bertanyakan kerana ramai yang membuka akaun-akaun individu dan juga ada yang segelintir membuka identiti-identiti palsu. Akan tetapi, saya difahamkan Jabatan Multimedia tidak dapat mengenal pasti siapa pengguna identiti palsu itu. Jadi ini memberikan kemudahan kepada orang untuk menuduh orang lain begitu sahaja. Saya hendak tanya apakah pandangan Yang Berhormat Menteri terhadap perkara ini?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akaun palsu itu kita lihat apa maksud akaun palsu kerana misalnya ada orang yang membuka akaun *Facebook* namanya Mawar bin Bunga misalnya. Itu dia tidak menggunakan nama yang betul, dia boleh buka. Ataupun ada orang namanya, dia menggunakan nama saya misalnya, saya ada orang yang membuka di atas nama saya. Itu orang panggil sama ada palsu ataupun dipanggil parodi kerana dia tengok ada akaun orang tertentu mungkin mendapat sambutan tertentu, dia buat nama yang sama cuma ditukar sedikit sahaja, ejaan dia ada satu huruf besar, huruf kecil dan sebagainya supaya dapat mengalihkan. Ini beberapa taktik yang digunakan dalam perang siber yang ada sekarang ini.

Masalahnya ialah kerana sekarang ini kebanyakan daripada mereka yang mendaftar misalnya *Facebook*. *Facebook* itu domainnya ataupun *server* utamanya bukan dalam negara. Kita tidak boleh menggunakan, kita kena pergi ke Amerika untuk mengambil tindakan, itu bukan satu perkara yang mudah. Apa yang boleh kita buat, orang yang merasakan dirinya dianiaya dan sebagainya boleh menulis kepada *Facebook*. Akan tetapi, itu pilihan sama ada *Facebook* ingin melayaninya atau tidak. Ini adalah merupakan bukan kuasa kita.

Orang kata apakah kita hendak mengharamkan *Facebook*, boleh. Maknanya kalau kita mengharamkan *Facebook*, kita hanya *stop Facebook* daripada masuk ke negara kita, tetapi kita tidak boleh pilih orang ini, orang-orang ini tidak boleh masuk. Jadi, apakah kita hendak lihat satu masa nanti

seluruh dalam negara kita tanpa *Facebook* misalnya. Itu adalah satu perkara, satu pilihan yang amat sukar dan saya rasa kita tidak boleh atau belum bersedia ke arah itu. Ada negara yang buat misalnya China.

Oleh sebab China, ia memulakan sistem negaranya dengan sistem yang dianggap bersifat autoritarian, bersifat tidak ada kebebasan. Kebebasan hanya diberi sedikit-sedikit, negara kita berbeza. Kita bermula dengan kebebasan. Apabila seseorang sudah mendapat kebebasan tetapi hendak tarik kebebasan itu amat sukar. Misalnya kalau Yang Berhormat sekarang ini sudah mendapat elaun sekian-sekian, esok hendak kurangkan RM100 sukar. Hendak tambah boleh tetapi hendak tarik susah.

Jadi kalau katakan esok kita hendak menghentikan *Facebook* sebagaimana China buat, kita rasa itu adalah satu keputusan yang amat sukar untuk dibuat tetapi kita mesti mencari jalan lain sebab itu "*Klik Dengan Bijak*" adalah pilihan yang terbaik untuk kita mengenal pasti dan mendidik rakyat. Tidak semestinya apa yang tertulis dalam media sosial, apa yang keluar daripada Internet itu adalah benar, banyak perkara-perkara yang tidak benar dan rakyat mesti memilih antara baik dan buruk.

2. Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi melonjakkan syarikat-syarikat peringkat pertengahan (*mid-tier companies*) Malaysia ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hajah Noriah. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui MATRADE ataupun Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia akan menganjurkan program pembangunan syarikat peringkat pertengahan di Malaysia. Jadi ini benarlah, perkara ini benarlah dan program pecutan ataupun *acceleration program* ini bertujuan untuk mengenal pasti, membangun dan memperkembangkan lagi pertumbuhan kelompok syarikat peringkat pertengahan di Malaysia yang bergiat dalam inovasi dan pembangunan teknologi untuk terus maju dan lebih berdaya saing di peringkat serantau dan global. Penganjuran program ini adalah selaras dengan usaha kerajaan dalam memperkasakan syarikat-syarikat Malaysia di persada antarabangsa seterusnya dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi.

Inisiatif bagi membangunkan dan mempertingkatkan lagi keupayaan dan daya saing syarikat peringkat pertengahan seperti ini telah lama dilaksanakan di negara-negara seperti New Zealand, Amerika Syarikat, Jerman, India, Turki, Perancis dan Singapura dan jelas terbukti dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan memperkukuhkan lagi eksport negara.

Untuk makluman, syarikat peringkat pertengahan di Malaysia terdiri daripada berkelompok iaitu syarikat buatan yang mempunyai jualan tahunan sebanyak RM50 juta hingga RM 500 juta dan syarikat perkhidmatan yang mempunyai jualan sebanyak RM20 juta hingga RM500 juta setahun.

Aktiviti yang akan dilaksanakan oleh kerajaan menerusi program pembangunan ini mampu melonjakkan syarikat-syarikat peringkat pertengahan di Malaysia melalui program- Tuan Yang di-Pertua, minta maaf sebab panjang sedikit sebab ini belum berlaku di Malaysia dan kalau saya baca ringkas takut tidak faham...

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, jelaskanlah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: ...Pertamanya mempertingkatkan *capability*, kapasiti dan kecekapan syarikat peringkat pertengahan dengan mengadakan forum-forum dan bengkel-bengkel pengkhususan yang meliputi aspek peningkatan kemahiran industri dan pasaran di peringkat serantau dan global. Forum atau bengkel yang diadakan juga termasuk pemberian taklimat dan *hands-on training* oleh rangkaian pakar antarabangsa yang berpengalaman dalam industri dan pasaran peringkat serantau dan antarabangsa. Program ini akan memantapkan lagi kemahiran dan maklumat pasaran baru.

Kedua, mempertingkatkan kemahiran dan daya saing syarikat peringkat pertengahan melalui pendekatan inovasi dan aplikasi teknologi dengan mengadakan beberapa makmal inovasi dan pembangunan produk dan perkhidmatan khusus bagi kepentingan setiap syarikat yang terlibat. Di bawah program ini, produk-produk dan perkhidmatan yang memberikan inovasi dan berimpak tinggi yang ditawarkan oleh syarikat peringkat pertengahan dapat dipertingkatkan lagi dari segi jumlah pasaran dan jualan.

Ketiga, mendapatkan khidmat nasihat kepakaran ataupun mendapatkan khidmat nasihat berkepakaran daripada rangkaian penasihat pakar luar negara. Aktiviti-aktiviti yang akan dikendalikan adalah spesifik kepada keperluan setiap syarikat peringkat berkenaan. Contohnya adalah;

■1020

- (i) memasuki pasaran baru.
- (ii) memperkukuhkan jenama yang telah sedia ada di pasaran terpilih.
- (iii) membantu meningkatkan kecekapan syarikat supaya terus berkembang dan maju di peringkat antarabangsa.
- (iv) mengadakan Program Serapan Pasaran atau pun *Country Emersion Programme*. Melalui program insentif ini peserta syarikat peringkat pertengahan akan mendapat pendedahan dan bimbingan dalam menembusi segmen pasaran yang berpotensi tinggi di luar negara. Di samping itu, setiap peserta syarikat peringkat pertengahan akan disuaipadankan dengan institusi kewangan dan rakan teknologi yang bersesuaian dengan keperluan syarikat peringkat pertengahan tersebut supaya barangan dan perkhidmatan yang sedia ada dipertingkatkan lagi dari segi kualiti dan daya saing akan lebih berupaya meneroka pasaran baru; dan
- (v) mengadakan makmal diagnostik dan mengendalikan penilaian diagnostik ke atas setiap peserta program ini bagi mengenal pasti *critical barriers to entry* serta pasaran keutamaan bagi pertumbuhan setiap syarikat tersebut.

Setelah keupayaan syarikat dinilai, program ini berkeupayaan untuk mengurangkan jurang kompetensi yang dikenal pasti seterusnya menjadikan syarikat peringkat pertengahan Malaysia lebih mantap dan mampan di peringkat serantau dan antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan itu memang cantik dan molek, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada sedar atau pun tidak. Soalan saya, apakah kerajaan akan mengkaji semula syarat-syarat permohonan kemudahan kewangan yang agak ketat dan banyak syarat-syarat

seperti pelantikan konsultan, panel peguam tertentu dan sebagainya yang menyebabkan syarikat pertengahan ini sukar mendapat pinjaman dan membantutkan perkembangan syarikat? Apakah kerajaan mengadakan kerjasama dengan agensi antarabangsa dalam memastikan syarikat-syarikat pertengahan ini diberi peluang melebarkan perniagaan di syarikat antarabangsa? Adakah perjanjian TPPA baru-baru ini akan menjejaskan syarikat pertengahan bumiputera? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah. Soalan itu sangat tinggi, dan tahniah kerana soalan tersebut. Sebenarnya soalan ini pun sebenarnya soalan yang masih terlalu awal di Malaysia tetapi Yang Berhormat Senator telah pun mengetahuinya, tahniah. Untuk menjawab soalan tambahan tersebut, di antara pendekatan yang kita buat ialah untuk menilai sebuah syarikat itu, sebenarnya apa masalah dia? Kalau kita hendak naikkan sebuah syarikat ke tahap yang lebih tinggi, syarikat tersebut akan dikaji kelemahan-kelemahan ia dan kelebihan-kelebihan ia. Kadang-kadang sebuah syarikat itu kelemahannya adalah lebih kepada pasaran bukannya kewangan. Jadi semuanya ada pendekatan. Oleh demikian, tidak semestinya masalah kewangan itu adalah punca utama kepada sesebuah syarikat yang mungkin sukar berdaya saing. Walau bagaimanapun, melalui program-program yang telah pun diatur sebenarnya banyak intensif atau pun termasuk geran tertentu yang telah pun disertakan oleh kerajaan sekadar bergantung kepada sejauh mana syarikat-syarikat tersebut sebenarnya berdepan dengan masalah kewangan.

Syarikat-syarikat yang dikenal pasti sudah tentu akan diberikan dengan izin, *injection*, dari segi keupayaannya dan lain-lain berkaitan supaya mampu untuk menembusi pasaran antarabangsa. Ertinya, syarikat-syarikat sudah- termasuk syarikat bumiputera sebenarnya ada program-program tertentu misalnya di MATRADE, ada *special grant*, dengan izin, yang dihaskan untuk syarikat bumiputera untuk mempromosi produk mereka keluar negara, khas untuk bumiputera selain daripada peruntukan atau pun geran tertentu yang juga diagihkan disediakan untuk syarikat-syarikat selain daripada bumiputera. Khusus untuk bumiputera ada, untuk yang lain pun ada, maknanya ada.

Menyentuh tentang TPPA, sebenarnya salah satu daripada perjuangan pasukan perunding kita ialah untuk mendapatkan fleksibiliti supaya syarikat-syarikat bumiputera akhirnya mampu bersaing di peringkat global melalui pendekatan dengan izin, *transition* atau pun transisi. Sekian, terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Saya cuma ingin bertanya sedikit sebab sebagaimana yang kita tahu, kita ada kursus pemantauan terhadap bumiputera dan juga peniaga pengusaha-pengusaha dari aspek-aspek lain.

Akan tetapi saya ingin bertanya sama ada kementerian ada memberi pemantauan khusus kepada pengusaha-pengusaha *mid tier* ini dengan izin, dari kalangan wanita? Oleh sebab kita mempunyai ramai pengusaha wanita apabila kita mohon untuk produk kita ke luar negara atau pun dinaik tarafnya, kita mendapati kesukaran dari segi itu. Jadi adakah kementerian mempunyai wakil-wakil yang boleh memantau untuk menaiktarafkan pengusaha-pengusaha wanita yang berkelayakan? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puan Norliza. Seperti mana yang saya sebut tadi, program ini adalah program yang dikendalikan oleh MATRADE. Secara kebetulan, Pengerusi MATRADE adalah seorang wanita, Yang

Berhormat Ahli Parlimen Parit Sulung. Salah satu daripada amanah yang telah pun ditugaskan kepada beliau ialah untuk memastikan dua perkara iaitu pertamanya bumiputera dapat peluang yang luas untuk bangun dalam bidang keusahawannya sampai ke peringkat global. Keduanya, wanita. Akan tetapi kalau kita tengok rekod yang lepas, sebenarnya yang lebih ke hadapan dalam bidang keusahawanan, berdaya saing, agak tekun dalam bidang keusahawanan ini adalah wanita sebenarnya, wanita. Walaupun kami menganggap ini belum lagi cukup, percayalah bahawa MATRADE sudah tentu akan memastikan bahawa penyertaan pertamanya bumiputera, kedua wanita itu akan terus berlaku. Maksudnya ada tempat dan ruang yang luas di situ. Sekian, Terima kasih.

3. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan, status penyediaan infrastruktur ICT terutamanya keupayaan *server* bagi sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan sistem semak *online* yang masih lemah dan apakah cadangan kerajaan untuk menaiktarafkan sistem ini.

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat Dewan Negara, saya jawab soalan nombor tiga [*Dewan riuh*]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini jumlah sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah mempunyai capaian *internet* ialah sebanyak 9,898 buah. Daripada jumlah tersebut, 85% atau pun 8,526 buah sekolah telah dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet. Manakala selebihnya iaitu sebanyak 1,372 buah sekolah dirangkaikan melalui pelbagai pemberi perkhidmatan seperti Telekom Malaysia, *SpeedCast* dan lain-lain pemberi perkhidmatan *internet*.

Untuk makluman, sekolah-sekolah ini akan dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet secara berperingkat-peringkat sehingga selesai pada tahun hadapan. Kementerian juga maklum bahawa ada banyak kelemahan di dalam pelaksanaan 1BestariNet dan juga PBS yang sentiasa diungkitkan bukan hanya di Dewan ini tetapi juga di Dewan Rakyat.

■1030

Antara isunya ialah isu capaian, isu kelajuan jalur lebar, isu integrasi sistem dan juga isu server. Kementerian dalam mengambil tahu dan sebab itulah kita sedang memastikan kita meningkatkan lagi kapasiti server yang ada dengan meningkatkan kapasiti pemprosesan atau pun menggunakan kapasiti pemprosesan secara *on demand* atau pun kapasiti mengikut keperluan. Bermakna jika keperluan bertambah, kapasiti akan bertambah dan juga mengatasi isu *auto lock out* kerana dahulunya apabila kapasiti pemprosesan bertambah, ia dengan secara automatik *lock out*, dengan izin.

Begitu juga dengan penggunaan teknologi Java dan juga HTML5 atau pun Java dan juga *Hypertext Markup Language version 5* menggantikan *version co Fusion* yang kita guna terdahulu. Sistem ini, kita juga menggunakan sistem *catch* atau pun di mana maklumat-maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem itu tidak akan hilang apabila wujudnya *blackout* atau pun terputus elektrik. Akhirnya kita juga memastikan agar adanya integrasi. Dahulu ada banyak modul yang dikendalikan di kementerian, mungkin kerana kehairahan pegawai-pegawai ingin melihat sistem ini dapat dilaksanakan dengan

cepat, dan kita mengintegrasikan semua ini modul PBS ke dalam (SPS) atau pun Sistem Pengurusan Sekolah dengan menggunakan *single window*.

Insyah-Allah dengan proses-proses penyelesaian ini kita harap isu-isu PBS, isu-isu IT di sekolah-sekolah akan dapat diatasi.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang begitu baik. Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah ini memang ada satu penilaian yang sangat baik bukan saja ia berasaskan kepada peperiksaan tetapi ia meliputi keseluruhan dan satu sistem yang holistik. Adakah kementerian sedar pada masa yang sama bahawa guru-guru telah dibebani dengan tugas-tugas tambahan iaitu tugas-tugas pentadbiran di samping tugas-tugas mengajar.

Jadi soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk membahagi-bahagikan tugas mengajar dan juga tugas pentadbiran kepada perkeranian. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Olian tentang soalan tersebut. Sebenarnya ia berlaku kerana dalam kita ingin melaksanakan PBS, banyak modul baru yang diwujudkan. Apabila banyak modul baru yang diwujudkan, jadi guru-guru dibebankan. Memang kita faham, dibebankan dengan kerja itu, kerja ini sedangkan kerja itu boleh dilaksanakan dengan menggunakan data yang sama.

Guru-guru terpaksa memasukkan data-data yang sama untuk modul-modul yang berbeza. Oleh sebab itu dengan adanya integrasi sistem yang saya katakan tadi, di samping guru-guru yang di luar kawasan yang tidak ada akses *internet*, terpaksa tidur malam, ini semua kita dapat laporan. Pukul dua itu pun tidak tidur lagi, suami ajak tidur pun tidak boleh tidur kerana, ini masalah-masalah yang menimbulkan masalah keluarga yang kita tidak faham Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu kita cuba mengatasi masalah-masalah itu, asasnya begitu.

Dengan adanya *single window*, kita harap, kementerian berharap agar beban guru itu akan berkurangan. Betul kata Yang Berhormat tadi bahawa kita juga sedang mengadakan *teacher assistant*, pembantu guru di sekolah-sekolah untuk memastikan bebanan guru itu juga akan dapat dikurangkan dengan sewajarnya.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana yang disebut tadi PBS ini membebaskan guru. Mungkin peringkat awal saya percaya bahawa sistem ini dapat disempurnakan beban guru akan berkurangan. Masalahnya sekarang sungutan yang kita terima, guru-guru ini hendak masukkan data daripada PBS ini ialah masa yang terluang seperti Yang Berhormat Menteri sebut tadi waktu malam. Kadang-kadang gangguan internet yang mereka ini terutamanya kawasan pedalaman seperti Sabah dan Sarawak dan sebagainya dan *broadband* yang mereka gunakan itu tidak dapat hendak akses untuk mereka masuk ke dalam sistem ini.

Pertanyaan saya adalah adakah kerajaan tidak bercadang untuk membekalkan kepada guru ini *broadband* yang lebih canggih yang mampu untuk kita akses atau pun *online* supaya tidak mengganggu kerja-kerja yang mereka hendak lakukan di rumah. Ini kerana walaupun di sekolah ada kemudahan

barangkali, mereka tidak ada ruang untuk melakukan di sekolah sebab mereka kena masuk ke kelas. Jadi ruang itu mungkin ada di rumah supaya kerja-kerja itu dapat dilakukan di rumah. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Memang betul Yang Berhormat, terima kasih kerana sememangnya kerajaan dalam usaha meningkatkan lagi *broadband* atau pun jalur lebar di kawasan-kawasan pedalaman. Memang ada lagi kawasan yang tidak ada capaian, didapati bahawa 201 sekolah masih lagi tidak ada capaian. Ini proses yang berterusan mengikut bajet yang diberi kepada kementerian untuk memastikan bahawa guru-guru tidak dibebankan.

Akan tetapi sudah saya katakan tadi bahawa sememangnya bukan hanya capaian tetapi isu yang dihadapi oleh cikgu ialah isu yang di mana *server* kita tidak mampu untuk menampung, terlalu banyak kerja, terlalu banyak sistem sebab itulah dengan adanya proses-proses integrasi, adanya proses-proses penggunaan sistem yang lebih baik saya katakan HTML5 tadi dan juga sistem *catch* yang kita gunakan dan juga isu *auto lock out* yang tidak akan berlaku, banyak perkara yang dihadapi oleh guru itu akan dapat kita selesaikan dengan sebaik-baiknya.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang mengatakan bahawa memang PBS ini baik. Ini kerana dahulunya kita menggunakan sistem PBS kerana untuk mengganti sekolah-sekolah yang terlalu banyak menumpukan kepada peperiksaan. Untuk mengurangkan beban peperiksaan pelajar-pelajar, kita membuat satu sistem yang kita panggil sistem PBS iaitu Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bukan parti Sabah. Itulah, dengan adanya sistem tersebut kita harap sistem yang terlalu berorientasikan peperiksaan itu akan diubah. Itu kalau hurai pun panjang lagi. Akan tetapi itu lah asasnya kenapa PBS diwujudkan dan ia merupakan satu sistem yang baik. Isu sekarang ialah isu pelaksanaan yang *insya-Allah* kementerian dari semasa ke semasa cuba untuk mengatasinya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya. Saya bagi satu lagi soalan tambahan memandangkan Menteri ada di sini. Teruskan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya apakah mekanisme pihak kementerian dalam melakukan kajian terhadap sesebuah kawasan bagi mengenal pasti keperluan sekolah mengikut kepadatan penduduk sekitar? Ada di setengah kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi menyebabkan sekolah yang tidak dapat menampung jumlah kehadiran pelajar yang ramai, sekali gus mereka ini terpaksa bersekolah di luar kawasan yang mereka duduki. Contohnya satu kawasan di kawasan saya, di kawasan Kampung Batu Muda. Ada satu sekolah menengah sahaja di situ. Di sekitarnya ada enam buah sekolah rendah. Jadi ini saya nampak tidak mampu menampung satu sekolah menengah. Anak-anak yang hendak belajar terpaksa keluar daripada kawasan itu dan menyukarkan ibu bapa.

Saya dapati kawasan itu Tuan Yang di-Pertua, ada satu tapak tanah Kementerian Pendidikan terbiar begitu lama, semak samun dan saya hendak tahu apakah perancangan? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita mempunyai banyak permohonan untuk pembinaan sekolah-sekolah baru. Kita juga faham bahawa kita mempunyai

tapak-tapak yang masih belum dibangunkan dengan sekolah-sekolah. Akan tetapi kita punyai kekangan Tuan Yang di-Pertua kerana peruntukan-peruntukan tahunan yang didapati oleh kementerian.

■1040

Walau bagaimanapun, saya harap Yang Berhormat boleh tulis surat kepada saya dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri lebih baik lagi, dia Menteri Pendidikan I untuk kita melihat dan meninjau kemungkinan kita membina sekolah tersebut mengikut kemampuan yang ada di kementerian.

4. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, kaedah dan syarat pemberian lesen senjata api kepada syarikat-syarikat pengawal keselamatan dan apakah ujian tapisan keselamatan dan kelayakan yang dikenakan kepada individu yang memohon menjadi pengawal keselamatan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam bahagia, selamat pagi dan salam 1Malaysia.

Pertama, persoalan ini membangkitkan soalan pemberian lesen kepada syarikat senjata api kepada syarikat-syarikat pengawal keselamatan. Undang-undang yang ditubuhkan pada tahun 1971 memberi garis panduan yang tertentu kepada mereka yang berminat untuk menjalankan atau pun terlibat dengan industri keselamatan.

Pada ketika berikut diputuskan bahawa hanya mereka yang ada latar belakang kepolisan dan tentera diberi kebenaran untuk menubuhkan syarikat dan mereka ini pula mesti memegang saham tidak kurang daripada 30% di dalam syarikat tersebut untuk dapat menjadi pengawal keselamatan. Berlatar belakangkan di sini ialah oleh kerana satu tanggapan ataupun *assumption*, memikirkan bahawa mereka yang berlatar belakangkan polis dan tentera ini mempunyai kepakaran dalam sudut senjata.

Mereka ini juga mempunyai satu disiplin yang tertentu dan satu lagi latar belakang ini juga memastikan satu tanggapan bahawa pihak polis dan tentera ini sememangnya mempunyai patriotisme dan pemikiran untuk menjaga keselamatan negara yang amat tinggi sekali. Di situlah letaknya syarat-syarat ini yang mana ia telah diletakkan kepada mereka, ini disyaratkan mempunyai latar belakang kepolisan, tentera dan sebagainya sebelum menubuhkan syarikat dan diberikan lesen keselamatan.

Latar belakang ini di bawa ke hadapan pula untuk membenarkan mereka mempunyai lesen senjata kepada syarikat. Lesen senjata di bawah syarikat ialah di bawah bidang kuasa pihak Ketua Polis Negara. Ketua Polis Negara mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan menerusi Undang-undang Akta Polis tahun 1976 yang mempunyai satu garis panduan-garis panduan yang tertentu untuk mensyaratkan Ketua Polis Negara menapis pihak-pihak walaupun berlatar belakangkan polis dan tentera ini membolehkan mereka memohon keperluan kenapa syarikat itu mendapat senjata api.

Sebabnya ialah ada sukuan-sukuan tertentu mengatakan mungkin klien-klien mereka perlukan senjata api ini sebagai pegawai penjaga bank atau pun menjaga institusi, menjaga tempat-tempat mereka. Jadi, dalam keadaan sedemikian, inilah latar belakang dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum seseorang itu boleh turut. Selain daripada itu, walaupun dia bekas polis dan tentera, dia tidak

juga mempunyai latar belakang jenayah atau penyelewengan atau pun telah ada membuat kesalahan dalam sudut keselamatan negara.

Makanya, hingga masa kini sejak 2010 hingga kini sebanyak 20 buah syarikat telah digantung lesen dan 20 syarikat dibatalkan lesen di bawah Akta Agensi Persendirian yang mulanya berasal sebanyak 138 buah syarikat kawalan keselamatan telah diberi lesen senjata api dan 806 pucuk pistol yang di antara 138 buah syarikat Tuan Yang di-Pertua.

Sebanyak 10,712 pucuk *pump gun* yang diberi pada mereka ini. Semua agensi ini atau pun syarikat ini yang boleh memegang senjata ialah orang tempatan sahaja. Walaupun mereka mempunyai pegawai keselamatan yang mungkin bukan orang tempatan tetapi mereka tidak dibolehkan untuk membawa senjata.

Kedua, yang membawa senjata itu pula mesti daripada orang tempatan dan tidak dari luar negara. Mereka ini diberi lesen secara individu oleh Ketua Polis Negeri. Syarikat daripada IGP, individu *carry and used, license carry and use* atau pun C&U sebagai disebut biasa diberi oleh Ketua Polis Negeri. Ketua Polis Negeri semasa membuat kelulusan untuk memberi ini juga, menapis individu-individu tersebut daripada semua sudut. Sudut-sudut yang ditapis ialah daripada sudut fizikal, keperluan penggunaan senjata api dan kepakaran latihan, kesihatan, fizikal dan mental. Ini disebutkan mental ini walaupun mental, kita belum ada mempunyai satu mesin atau pun satu mekanisme atau pun mungkin pakar psikologi yang tertentu untuk menapis kewarasan mental pemohon.

Bersih daripada catatan rekod jenayah dan cawangan khas, wujud ancaman ke atas diri, keluarga dan harta benda, latar belakang permohonan yang bersih daripada sebarang rekod negatif. Rekod negatif ini bermakna selalu minum dan selalu bergaduh. Minum araklah, buat orang mabuk. Jadi ini juga menjadi satu kriteria yang diperlukan atau pun mana-mana landasan yang lain dianggap akan boleh menjejaskan mereka apabila membawa senjata api. Daripada situ Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Mutakhir ini sebagaimana yang kita semua tahu banyak berlaku kes-kes kecederaan, rompakan, jenayah yang melibatkan pengawal-pengawal keselamatan yang juga melibatkan pemalsuan kad-kad pengenalan. Jadi, persoalan yang ingin saya timbulkan adalah pertamanya sebagai mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ada beberapa ciri semakan yang dibuat ke atas pengawal-pengawal keselamatan ini sebelum diberikan lesen.

Akan tetapi, kenapakah masih lagi berlaku sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Jabatan Pendaftaran, daripada 804 operasi penyemakan kad pengenalan pengawal-pengawal keselamatan yang dibuat, sebanyak 808 kes dibuat pendakwaan melibatkan pemalsuan kad pengenalan. Ini operasi yang telah dibuat pada tahun 2010 menunjukkan tapisan keselamatan untuk anggota-anggota pengawal keselamatan yang kita buat kemungkinan perlu dibaik pulih, perlu dikemas kini kerana kalau kita tengok daripada angka tadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: ...lanya begitu tinggi. Kedua, mohon sedikit sebab daripada kita lihat beberapa kes yang berlaku sebelum ini, ia melibatkan pemalsuan kad pengenalan yang di tengah-tengahnya bernombor 12, menunjukkan dari Sabah. Adakah aktiviti pemalsuan kad pengenalan oleh pengawal keselamatan di Sabah risikonya begitu tinggi dan memerlukan pemerhatian yang lebih serius? Mohon jawapan, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya hendak tunggu juga soalan ini sebab bolehlah saya tunjuk yang saya tahu apa perkara yang berlaku. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembaikpulihan telah kita mulakan. Selepas apa yang kita dapati bahawa ada di dalam industri keselamatan ini pemalsuan kad pengenalan. Sebenarnya biarlah kita guna, bukan pemalsuan. Pengubahsuaian kad pengenalan. Bukan pemalsuan.

Sebenarnya kad pengenalan yang dipakai ialah kad pengenalan yang asli. Apa yang berlaku ialah membran. Apa membran ini? Boleh dibuka daripada muka hadapan dan boleh dimasukkan gambar dan dilapiskan gambar, *diseal* semula. Dia menjadi macam original. Jadi, gambar itu sahaja berubah. Butiran manusia dalam itu kalau dimasukkan dalam mesin, komputer mana pun dia akan menunjukkan bahawa dialah orangnya, anak Malaysia. Akan tetapi kalau mesin itu tidak tunjuk gambar. Jadi, kalau dia tunjuk gambar baru gambar itu *discrepancy* dia didapati bahawa butiran ini tidak sama dengan muka yang ditunjuk dalam gambar. Ini yang sebenarnya yang berlaku semasa di AmBank itu. Ini yang berlaku yang kita dapati Yang Berhormat sebutkan itu tadi.

Jadi, sebenarnya kad pengenalan yang baru, yang diguna pakai selepas tahun 2011 iaitu mempunyai *ghost image* di belakang itu.

■1050

Itu belum lagi ada dikesan bahawa pengubahsuaian itu dibuat oleh mana-mana pihak. Jadi walau bagaimanapun, ekoran daripada apa yang berlaku kita lihat sekarang ini, kita masih membuat serbuan, kita masih membuat pemeriksaan kepada semua syarikat bahkan saya telah meminta kepada pihak polis sehingga kita boleh *check* semua hampir 290,000 masyarakat yang terlibat dengan *security industry* ini, dapat kita *check* tiap-tiap individu itu adalah asli daripada sudut pengenalannya, rupa mukanya dan sebagainya menggunakan satu sistem yang baru kita perkenalkan selepas insiden tembakan di AmBank baru-baru ini iaitu sistem yang dipanggil ALIS iaitu *Agency Link-Up System*, yang mana dua tiga agensi bersama dalam itu mengenal pasti seseorang individu tersebut, nama dalam itu dan gambar dia bersama yang boleh kita cap jari dengan sekejap sahaja, gambar kita keluar dan butiran kita keluar. Kalau tidak, ia tidak akan diluluskan.

Jadi sistem ini baru dilaksanakan dan penggunaannya Tuan Yang di-Pertua, mempunyai keperluan kewanganlah. Oleh sebab itulah kadang-kadang kita hendak melaksanakan apa sistem sekalipun, untuk kebaikan apa sekalipun, ini perkara pokok, soalan kewangan. Jadi, itu yang pertama. Kedua, saya masih membuat kajian kepada undang-undang itu sendiri, kepada peraturan di bawah undang-undang itu sendiri. Bahkan saya pada minggu ini, KPI saya kena buat satu mesyuarat untuk Undang-undang Syarikat 1971 ini supaya kita kaji semula undang-undang itu dan kita hendak masukkan dua tiga pindaan yang membolehkan pihak kementerian mewujudkan undang-undang kecil supaya dalam undang-undang kecil itu untuk menggantikan 11 direktif yang telah kita bagi selama ini semenjak

tahun 1971 sebagai *there is a force of law behind every action that you take*, dengan izin supaya kita boleh memantau. Saya juga memikirkan satu mekanisme untuk *auditing* tiap-tiap syarikat keselamatan ini kerana jumlahnya begitu besar sekali, sudah 290,000 anggota. Akan tetapi dalam masa yang sama kita punya *auditing capacity* dalam KDN itu sendiri tidak mempunyai keupayaan yang lebih yang dapat kita lihat sekarang.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita mencari mekanisme yang baru dan saya akan merangka, *insya-Allah* dalam masa tiga empat bulan ini kita boleh *until the next Parliamentary Session*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bentangkan apakah kawalan, *auditing*, sistem yang kita akan perkenalkan untuk membaik pulih supaya kita mengelak dengan sebaik mungkin daripada apa yang kita lihat sekarang ini. Bukan ada kelemahan sebab undang-undang, kelemahan itu mesti kita lihat keseluruhannya kita hendak *revamp the whole security industry* di negara ini Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk menjawab soalan ini dan *insya-Allah* kita akan beri janji dengan Dewan ini, Dewan yang mulia ini yang kita akan bentangkan sistem itu nanti. Terima kasih.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah tertumpu kepada pengawal keselamatan. Ini kerana sekarang ini kita banyak memberi peluang kepada pengawal keselamatan orang asing, warga asing. Jadi masalah timbul sekarang ini *communication breakdown*. Macam pagi tadi saya ada masalah di hotel, saya kata saya hendak naik atas hendak pergi *stamp parking*. Dia tunjuk, lepas itu dia bawa saya tunjuk. Dia tunjuk tidak boleh, dia tunjuk mesin bayar dahulu. Lepas itu saya cakap bahasa Inggeris lagi, mula-mula bahasa Malaysia lepas itu bahasa Inggeris. Saya kata saya hendak pergi *stamp*, dia kata tidak boleh kena bayar dahulu. Inilah masalahnya. Jadi kalau masalah itu naik masalah, macam mana dia orang hendak *explain* kedudukannya, minta maaf. Jadi saya mohon kepada kementerian dan saya cadangkan kepada kementerian supaya kursus bahasa diadakan kepada pengawal keselamatan ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada lebih tinggi daripada 100% itu, saya sebutlah 100% setuju dengan apa Yang Berhormat cadangkan itu. Memang, saya pergi ke kantin kita di belakang sana pun saya kata minta maaflah kalau orang *Philippines* itu, saya pandai juga cakap Orang Putih ini tetapi saya lebih minat berbahasa Melayu dengan orang yang kerja di kantin itu. Akan tetapi masih ada juga orang yang tidak boleh cakap Melayu. Sedih rasa bukan? Jadi inilah dilema yang kita hadapi. Saya amat bersetuju tiap-tiap mereka ini, terima kasihlah kerana masukkan dalam nota saya dan kita masukkan salah satu daripada agenda kebaikan yang kita perlu buat untuk pengawal keselamatan ini. Ini kerana dia bukan *dealing* dengan *high level of hierarchy*, dia *dealing* dengan daripada pihak bawah hingga ke pihak atasan. Daripada *driver* sampai ke Yang Berhormat Senator, Ahli Majlis Tertinggi Malaysia.

Makna dia, tiap-tiap orang daripada semua *level* ini boleh daripada hierarki *starter of society* Malaysia ini boleh berinteraksi dengan pegawai-pegawai ini. Jadi saya amat setuju dan kita akan letakkan juga salah satu daripada syaratnya diberi kursus selain daripada kursus-kursus lain, bahasa kepada semua pekerja yang masuk dalam industri keselamatan ini termasuk warga asing. Kalau tidak, *disqualified*, tidak boleh masuk. Terima kasih.

5. **Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, pada tahun 2020, negara kita mempunyai ramai tenaga mahir dan berkebolehan. Sila nyatakan kesediaan tenaga mahir yang telah dicapai setakat ini dan bagaimana pula di dalam jangka masa pendek dan panjang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Datuk Raja Ropiaah. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada dia dua keadaan. Pertama, tanya soalan ini. Kedua, walaupun dia bukan di Maran, dia dari Kuantan tetapi dia datang ke tempat saya membantu orang banjir dan sebagainya. Inilah pemimpin yang kita hendak.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah menyasarkan 33% tenaga kerja dalam kategori pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2015. Makna kita ada dua tahun sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua dan 50% menjelang tahun 2020. Dalam konteks ini, tenaga kerja mahir dikategorikan sebagai mereka yang memiliki kelayakan diploma ke atas dan daripada pengelasan pekerjaan, mereka terdiri daripada pengurusan profesional dan juga juruteknik dan sebagainya. Jadi saya hendak sebutkan sedikit Tuan Yang di-Pertua, mengikut MASCO, MASCO ini ialah Piawai Pengelasan Pekerjaan Malaysia di mana dikategorikan 10 kategori pekerjaan di negara kita ini. Ini maklumat tambahan yang saya boleh beri.

Pertama, yang dikategorikan sebagai tenaga mahir, pekerja mahir ini ialah mereka yang tergolong dalam kategori berikut iaitu pengurus atau *manager*, profesional iaitu berbagai-bagai tidak perlu saya sebutkan, juruteknik dan juga profesional bersekutu. Manakala pekerja separa mahir, pekerja sokongan perkeranian, pekerja perkhidmatan dan jualan, pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan, pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan. Manakala pekerja tidak mahir kita panggil operator loji dan mesin dan pemasang. Pekerja pekerjaan asas dan satu lagi kalau ikut MASCO ini ialah 0D10 iaitu terdiri daripada polis dan tentera yang mereka ini mempunyai tanggungjawab khas. Jadi, ini 10 kategori pekerjaan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi Yang Berhormat Senator minta saya menjelaskan persediaan ataupun keadaan tenaga mahir hari ini. Menurut perangkaan terkini, negara kita bagi suku tahun ketiga 2013 ini, peratus tenaga mahir negara berada pada tahap 28% iaitu daripada keseluruhan 13.7 juta guna tenaga.

■1100

Bermakna kita ada lebih kurang 3 juta. Ini bermakna daripada 13.7 juta guna tenaga sejumlah 3.4 juta adalah tenaga mahir hari ini. Jadi, *target* kita untuk 2020 ialah 50% tenaga mahir yang berasaskan kalau kita asaskan kepada 13.7 juta guna tenaga maknanya kita perlukan 6.85 juta tenaga mahir untuk kita mencapai negara maju 2020 yang dihasratkan oleh kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2014, usaha berterusan akan diambil untuk meningkatkan kualiti latihan bagi menyediakan tenaga kerja yang

berkemahiran tinggi. Oleh itu, kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah berikut di antaranya bagi menentukan matlamat untuk kita mencapai tenaga mahir ini dapat kita peroleh. Tuan Yang di-Pertua, antaranya ialah:

- (i) melaksanakan *single tier* bagi kursus Sijil Kemahiran Malaysia tahap satu hingga tiga selama dua tahun di semua Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jabatan Tenaga Manusia (JTM) malahan tawaran baru yang kita ambil hari ini kita minta terus pelatih-pelatih kita ini mengikuti kursus ke tahap tiga;
- (ii) menaik taraf dan menyelenggarakan bangunan serta peralatan di Institut Latihan Perindustrian Jabatan Tenaga Manusia seiring dengan teknologi terkini dengan peruntukan RM178 juta; dan
- (iii) menyediakan dana pinjaman latihan kemahiran berjumlah RM330 juta di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita ada juga langkah-langkah lain termasuklah langkah kerajaan hari ini menyediakan Institut Latihan Kemahiran yang melibatkan bukan sahaja Kementerian Sumber Manusia tetapi kementerian-kementerian yang lain. Saya sebutkan sedikit di sini iaitu:-

- (i) Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) sejumlah 379 institut dan mereka ini juga melatih tenaga-tenaga untuk tenaga mahir;
- (ii) Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) sebanyak 750 institut; dan
- (iii) di bawah Kementerian Sumber Manusia sendiri kita mempunyai keseluruhan 32 institut iaitu Institut Latihan Perindustrian 23 buah, ADTEC lapan buah dan kita ada *join* dengan Kerajaan Jepun, JMTI sebanyak satu buah.

Jadi, ini antara usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam kita melahirkan tenaga mahir kita. Itu mungkin pada saya, anggapan jangka pendek saya yang kita terus lakukan tetapi dalam memastikan untuk tenaga mahir bagi jangka panjang ini, antaranya yang kita akan laksanakan dan usahakan ialah menggalakkan dan memastikan keluaran-keluaran lepasan sekolah atau SPM disalurkan ke bidang-bidang teknikal dan vokasional. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, umpamanya di negara kita ini kalau mengikut laporan EPU, lepas SPM di negara kita 25% memasuki pasaran pekerjaan tanpa kemahiran. Maknanya katalah 100 orang maknanya 25 orang pergi ke pasaran pekerjaan tanpa kemahiran dan pendidikan tinggi yang mengehadkan prospek kerja. Maknanya peluang mereka agak terhad untuk mencari pekerjaan. Sebanyak 10% sahaja memasuki aliran vokasional dan teknikal. Secara perbandingan kita lihat kalau di Australia 62% lepasan sekolah yang setaraf dengan SPM ini, mereka terus ke vokasional dan juga teknikal. Manakala di Korea sebanyak 28%. Jadi, ini kita cadangkan antaranya kalau kita hendak melihat kita boleh mencapai tenaga mahir yang lebih cepat maka sudah tentulah dasar-dasar ataupun pendekatan ini perlu kita berikan.

Yang kedua ialah menambah atau membanyakkan lagi institut latihan kemahiran, mewujudkan jawatankuasa khas kemahiran di peringkat Kerajaan Pusat dan juga kementerian umpamanya Jawatankuasa Kabinet mengenai modal insan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di pusat. Jawatankuasa Tertinggi Latihan Kemahiran Peringkat Kementerian Sumber

Manusia yang dipengerusikan oleh KSU kementerian dan yang keempat, penyelarasan di antara agensi yang bertanggungjawab dalam melahirkan tenaga mahir.

Tuan Yang di-Pertua, kita terdapat banyak agensi dan kementerian lain yang juga terlibat dalam menyediakan tenaga mahir ini, termasuklah MARA di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan beberapa kementerian yang lain termasuk Kementerian Pendidikan. Sudah tentulah mereka melahirkan tenaga-tenaga profesional yang juga akan menyumbang kepada kemahiran ataupun kemahiran negara ini.

Kelima, melibatkan dan mendedahkan pelatih-pelatih kemahiran di pertandingan-pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan, ASEAN dan antarabangsa. Kita sudah pergi ke peringkat antarabangsa. *Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian. Maknanya anak-anak kita boleh mencapai tahap yang cukup baik dan ini perlu kita galakkan supaya mereka boleh memberikan saingan kepada kepakaran kemahiran-kemahiran di peringkat antarabangsa.

Kementerian Sumber Manusia akan juga meneruskan kerja-kerja menggalakkan anak-anak muda kita supaya mereka terus menceburkan diri dalam bidang-bidang teknologi dan vokasional. Bukan sekadar hanya berpegang kepada bidang akademik ataupun yang biasa pada mereka untuk bekerja dengan kerajaan sahaja.

Langkah-langkah lain yang perlu kita ambil Tuan Yang di-Pertua termasuklah melibatkan seluruh lapisan, masyarakat termasuklah kita semua sebagai pemimpin. Kalau boleh kita uar-uarkan ini supaya anak-anak muda kita yang keluar daripada pusat pengajian itu, walaupun mereka merasakan mereka selesa hidup di sini sebagai sebuah negara yang cukup aman tetapi kita hendak mereka menyumbang kepada kemajuan negara kita menjelang tahun 2020.

Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang begitu terperinci. Walau bagaimanapun, saya masih merasa agak risau juga kerana kalau dilihatkan bahawa kita hanya sekarang ini ada 28% sahaja tenaga mahir dan dalam masa lebih kurang enam tahun kita perlulah meningkatkan kepada 50% iaitu hampir 4 juta tenaga mahir yang diperlukan oleh negara untuk kita menangani masalah pekerja pada masa itu.

Jadi, saya lihat bahawa walaupun langkah-langkah itu ada banyak, yang perlu saya rasa penyediaan secara terus-terang, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri merasakan bahawa *target* ini boleh dicapai dalam masa enam tahun? Sekiranya kita rasakan bahawa ini tidak mungkin boleh dicapai sudah pasti kita kemungkinan besar akan terpaksa mengambil pekerja-pekerja yang mahir daripada luar negara. Kalau itu yang berlaku kita harus ada perlindungan kepada pekerja-pekerja mahir tempatan. Jadi, saya ingin mendapat maklum apakah perancangan kerajaan dan kementerian yang sebenarnya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. Saya sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia, walaupun kita rasa optimis bahawa hasrat kerajaan untuk 2020 iaitu negara maju yang berpendapatan tinggi dengan jumlah pekerja mahir 6.85 juta dan hari ini kalau kita *target* kan 2015 ialah 4.5 juta. Namun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator kerana kita boleh meletakkan sasaran kita tetapi bagaimana kita hendak mencapai sasaran ini? Oleh sebab tidak ada apa yang mustahil dalam dunia ini dengan syarat kita mesti bersungguh-sungguh, semua jentera kerajaan, semua pihak termasuklah masyarakat dan

orang ramai, pelajar-pelajar kita di peringkat universiti dan sebagainya, mestilah kita dedahkan mereka bahawa kita hendak mencapai negara maju pada tahun 2020 dan negara maju ini untuk hidup kita juga bukan untuk orang lain.

Oleh sebab itulah hari ini kita ada 2.1 juta pekerja asing yang saya sebutkan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pun sebutkan dan sebahagian daripada mereka akan mengambil tempat-tempat ini. Kalau ini gerakan kerja yang kita lakukan, saya kira kita boleh mencapai hasrat itu. Oleh sebab itulah bagi kementerian dan bagi agensi-agensi yang lain, saya kira kita sudah sedaya-upaya, seboleh mungkin, termasuklah kita menyediakan peruntukan pinjaman kepada pelatih-pelatih kita untuk mereka berlatih.

■1110

Kita mempunyai beberapa banyak tadi saya sebutkan tadi institut latihan yang swasta dan awam. Tujuan ini adalah ke arah kita memenuhi kehendak kerajaan kita, matlamat kita pada tahun 2020, kita mencapai negara maju dengan pekerja mahir ini pada tahap 6 juta lebih kurang begitu. Jadi itu saja jawapan. Terima kasih banyak.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, adakah antara input-input yang dapat diambil oleh kementerian melalui kerjasama negara-negara maju dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020? Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Oleh sebab itu, saya sebutkan tadi bahawa antara satu program yang kita libatkan pendedahan dengan melibatkan negara asing ialah kita melibatkan diri dalam pertandingan, *skill competition*, pertandingan kemahiran. Di peringkat nasional kita sudah ada, memang kita buat tiap-tiap tahun bahkan bagi kita, kita sudah mengadakan kita panggil Tangan Emas Perdana Menteri. Bagaimana kita hendak berikan galakan kepada anak-anak muda kita supaya mereka rebut peluang kemahiran ini dan kita sediakan satu anugerah yang cukup berprestij tinggi, Tangan Emas Perdana Menteri, *insya-Allah* yang akan kita sampaikan kepada pelatih-pelatih kita yang telah membuktikan kemahiran mereka dan membuktikan kepada negara.

Kita juga menghantar pelatih-pelatih kita, anak-anak kita terlibat dalam pertandingan kemahiran peringkat Asia. Begitu juga kita telah melibatkan diri dalam *World Skill Competition*, dengan izin, pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa. Saya sempat, bila saya masuk ke kementerian ini, dua, tiga bulan. Itulah rezeki saya hendak pergi ke luar negeri Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kalau ini payah juga. Kita orang kampung, banjir dan sebagainya. Jadi sempat pergi dan kita menghantar 14 pelatih kita, 14 peserta kita yang bertanding dengan negara-negara maju ini. England, UK, Amerika, Australia, New Zealand, Jepun dan sebagainya. Jadi kita menggondol, membawa balik sembilan hadiah yang cemerlang. Ini satu petanda yang cukup baik dan inilah antara kerjasama yang telah pun kita libat.

Bukan saja di peringkat Asia bahkan di peringkat antarabangsa dan malahan pula kita ada juga melibatkan negara-negara lain seperti *British Nation Institute* yang juga terlibat dengan kita. *German-Malaysian Institute* (GMI), lepas itu JMPI salah satu institut latihan yang ada di negara kita JMPI (*Japan Malaysian Technical Institute*), dengan izin. Inilah penglibatan kita dengan negara-negara asing. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Ini satu pemikiran baru Yang Berhormat yang

bertanya kemudian ini. Makna dia hendak supaya anak-anak kita juga terdedah dengan kemahiran di peringkat dunia ini. *Insyaa-Allah* Tuan Yang di-Pertua, 2014 ini *Asian Skill Competition* akan diadakan di Hanoi tahun depan dan 2015 kita hendak lancarkan *Heart to Sao Paulo*. Maknanya *World Skill Competition* pada 2015 akan kita adakan di Brazil, Sao Paulo dan kita akan menghantar pelatih dan pesaing-pesaing peringkat negara kita ke peringkat antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah garis panduan yang diberi kepada guru sekolah dalam memberi markah 60% bagi para pelajar mengikut *National Education Blueprint*. Dari segi apakah markah ini akan diberikan dan bagaimana pelaksanaan ini akan memastikan bahawa tiada guru yang sengaja memberi markah rendah kepada pelajar atas alasan isu-isu peribadi.

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kualiti pentaksiran pelajar-pelajar kita itu berjalan dengan baik, Lembaga Peperiksaan dan juga Jemaah Nazir memainkan peranan penting di dalam melaksanakan tugas-tugas mereka yang dikatakan tersebut. Di kementerian, selepas pelaksanaan PBS iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah, sebenarnya ia akan dilaksanakan kepada Tahun 6 sekolah-sekolah pada tahun 2016, yang bermula pada tahun 2011 yang akan dilaksanakan di sekolah di Darjah 6 ataupun sekarang dipanggil Tahun 6. Pada tahun 2016 ialah dengan menggunakan 60% peperiksaan pusat, bukan 40%, 60% peperiksaan pusat dan 40% PBS.

Dengan peperiksaan pusat, mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains untuk sekolah-sekolah kebangsaan dan juga untuk sekolah jenis kebangsaan termasuk mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil akan dikendalikan secara berpusat. Untuk mata pelajaran di bawah PBS ada bahagian akademik dan juga bahagian bukan akademik. Untuk bahagian bukan akademik, pelajar-pelajar akan dinilai dari segi sukan mereka, peranan dalam bersukan, kokurikulum dan juga psiko motor.

Sebenarnya untuk memastikan agar tindakan itu tidak dilaksanakan sewenang-wenangnya oleh guru, kita ada dua kerangka asas pentaksiran. Satunya ialah dokumen standard prestasi untuk semua mata pelajaran. Dokumen standard prestasi memang ada dalam laman web sebenarnya yang boleh dilihat oleh guru-guru dan ibu bapa di mana kerangka standard prestasi ini diukur dalam enam Band. Band 1 hingga Band 6. Untuk Band 1, maknanya Band yang paling rendah itu mereka hanya tahu. Untuk Band 2, mereka tahu dan mereka faham. Band 3, tahu, faham dan boleh buat. Band 4,5,6, yang 6, yang paling hebat sekali, tahu, faham, boleh buat dan beradab mithali, dengan nilai-nilainya sekali.

Satu lagi asas yang digunakan ialah panduan pengurusan PBS di mana sebagai satu contoh, saya katakan lebih contoh di sini jika dinilai aspek pentaksiran sukan dan kokurikulum di mana untuk penglibatannya, jawatan yang dipegangnya beri 10 markah. Peringkat yang dipegangnya – 20 markah, komitmen – 10 markah, khidmat dan sumbangan – 10 markah, kehadiran dan penyertaan – 10 markah dan juga pencapaian – 20 markah. Maknanya penilaian itu dibuat dengan mengikut tanda aras yang begitu ketat yang memastikan guru-guru tidak boleh membuat penilaian sewenang-wenang mereka. Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih, saya berasa begitu bertuah pagi ini dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri. Terima kasihlah di atas komitmen Yang

Berhormat Menteri datang ke Dewan menjawab soalan. Saya memang setuju dengan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian menukar cara *assessment* kepada cara PBS ini yang lebih fleksibel, memberi 60% kepada peperiksaan dan 40% kepada kokurikulum dan *assessment*.

Saya hendak tahu ini, soalan saya nombor satu, sebab kita terdapat banyak jenis sekolah di Malaysia ini. Jadi, apakah jangka masa dan langkah-langkah yang diambil supaya pelaksanaan PBS ini sama di semua jenis-jenis sekolah di Malaysia? Nombor dua, dari segi latihan. Memang ada di laman web tadi seperti Yang Berhormat Menteri telah memberi keterangan, enam band ya. Akan tetapi daripada latihan kepada guru-guru untuk mengendalikan PBS ini, adakah ada latihan ini dan bilakah latihan ini dapat *dicomplet*elah, dilaksanakan untuk semua sekolah-sekolah?

Soalan terakhir itu, memang PBS ini bagus untuk mereka yang suka akademik dan ko kurikulum tetapi ada juga banyak yang masih gagal dalam peperiksaan UPSR di peringkat sekolah rendah. Mereka ini lebih berminat kepada bukan akademik, langsung tidak berminat kepada *Math*, tidak minat pada Sains. Jadi, apakah cadangan kementerian untuk memberi satu pelajaran yang lebih fleksibel kepada mereka? Adakah ini dalam jangka masa panjang sesuatu yang akan dikeluarkan daripada kementerian? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Gulung soalan itu. Terima kasih, pendekkan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal memang dia minat dengan pendidikan ini sebab soalan dia panjang. Sebenarnya itulah yang saya katakan tadi bahawa kita bila kita menggunakan sistem PBS ini, kita melihat bahawa bukan hanya mereka diukur pencapaian akademik mereka semata-mata. Hanya 60% akademik.

■1120

Mereka masih menduduki UPSR yang mana 60% ialah akademik, yang lainnya 40%nya saya katakan tadi ialah sukan, kokurikulum dan psikometri. Psikometri ini ialah mengukur kecenderungan mereka apakah kecenderungan pelajar-pelajar atau murid-murid tersebut. Sama ada mereka kecenderungan dalam menggunakan tangan mereka, kecenderungan mereka dalam muzik sebab itu selepas Darjah Enam kita sudah ada sekarang sekolah muzik dan sekolah seni. Ini yang mana pelajar-pelajar atau murid-murid yang tidak ada kecenderungan dalam akademik boleh masuk sekolah seni.

Mereka ini antaranya memang genius, memang hebat dalam bidang seni dan tetap suka kepada sistem akademik. Itulah yang sedang dilaksanakan dengan adanya pentaksiran PBS ini, saya harap semua Senator boleh balik rumah beritahulah betapa kita hendak beritahu betapa hebatnya sistem yang ada yang hendak kita laksanakan ini agar anak-anak kita boleh dijuruskan mengikut kemahiran-kemahiran dan kebolehan-kebolehan mereka apabila mereka tamat Darjah 6 kelak.

Band ini sudah banyak latihan dilaksanakan. Kalau kita lihat dahulu, sebelum kita melaksanakan PBS ini, kita telah mengadakan rintisan kepada 550 buah sekolah rendah. Di mana pentadbir-pentadbir dan guru-guru telah setuju dan juga pada tahun 2011 kita laksanakan dan tahun 2012 kita terus mengadakan lagi soal selidik di mana 46,926 orang guru tingkatan satu telah diambil kira, 84.2% orang guru telah faham konsep dan sedia dilaksanakan. Jadi proses pengetahuan untuk guru itu akan terus dilaksanakan. Cuma isu saya katakan tadi dalam soalan yang ketiga tadi ialah isu pelaksanaan, isu

penggunaan ICT, isu beban kerja yang Kementerian sedang memastikan guru-guru tidak dibebankan dengan perkara-perkara baru dalam mereka melaksanakan sistem PBS ini.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sistem PBS ini memang jika ikut jawapan Menteri memang baguslah. Akan tetapi setahu saya, sikap ibu bapa. Mereka *still* - memang sangat pentingkan akademik. Jadi yang kita boleh nampak pelajar sejak tadika sudah hantar ke tuisyen, bukan satu tuisyen satu demi satu, satu hari.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa soalan Yang Berhormat?

Dato' Lim Nget Yoon: Jadi, apakah langkah-langkah diambil oleh Kementerian untuk mengubah sikap ibu bapa? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini fasal sikap ibu bapa Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih. Yang Berhormat, sebenarnya yang kita laksanakan PBS ini kerana sikap ibu bapalah. Ibu bapa mengatakan bahawa sistem kita terlalu berorientasikan peperiksaan. Jadi Kementerian apabila telah membuat kajian mengatakan memang itulah yang harus dilaksanakan dan kita beralih kepada PBS kerana sikap yang dikehendaki oleh ibu bapa. Jadi tidak perlulah kita hendak beritahu lagi sebab ramai majoriti daripada ibu bapa merasakan inilah yang diperlu oleh mereka.

7. **Dato' Boon Som a/l Inong** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, bilangan syarikat tempatan yang terlibat dalam industri animasi, potensi perkembangan industri berkenaan serta langkah-langkah bagi meningkatkan penyertaan rakyat tempatan sebagai pelabur dan pekerja dalam industri berkenaan.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri yang saban hari turun padang. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia, sanggup turun padang, meredah air kerana menolong, membantu mangsa banjir. Inilah pemimpin yang dicontohi [*Tepuk*] Pemimpin yang berjiwa rakyat. Dahulunya kulitnya putih sekarang ini sudah gelap sedikit sudah kerana membantu setiap hari.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucap terima kasih di atas ucapan puji-pujian yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator. Sebenarnya bukan saya sahaja, ramai kawan-kawan di sini Yang Berhormat Senator Hajah Rohani itu adalah daripada Kemaman juga. Rakan-rakan sentiasa memberi semangat kepada kami kerana bencana boleh datang pada bila-bila masa. Hari ini kita, esok orang lain dan sebagainya. Semangat yang diberikan itu sebenarnya sangat memberikan inspirasi kepada kita untuk terus berkhidmat.

Terima kasih di atas soalan yang telah dikemukakan. Soalan ini adalah merupakan soalan yang saya kira cukup penting untuk kita fahami semua kerana di dalam kita mencapai pembangunan ekonomi sekarang ini. Kita telah melihat bagaimana negara kita telah berkembang untuk membuka pelbagai sektor-sektor baru yang dahulunya kurang kita terokai. Sekarang ini kita terokai dan mengharapkan ia adalah merupakan suatu bidang yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara di masa yang akan datang.

Salah satu bidang yang selalu kita katakan, bidang ICT itu sendiri. Bidang ICT itu sendiri kita mengharapkan satu masa nanti memberikan sumbangan yang besar kepada keseluruhan KDNK negara. Sasaran kita tahun 2020 lebih kurang mencapai sehingga 17%, itu harapan kita. Dalam bidang ICT itu terdapat banyak sektornya. Ada sektor perkhidmatan, ada sektor pembuatan, ada sektor perdagangan dan ada sektor *commerce*. Salah satu sektor yang kita anggap penting ialah sektor *content* ataupun kandungan dan aplikasi.

Semua faktor itu kita katakan bahawa harapan kita yang besar ialah sektor kandungan. Kandungan ini ertinya dunia sekarang kita berbeza. Dahulu kita ada televisyen ada dua saluran TV1 dan TV2. Sekarang entah berapa saluran. Itu hanya platform Astro. Kalau kita ada platform yang menggunakan *internet*, menggunakan kabel ada beratus saluran lain. Kalau kita ada lagi sistem baru yang akan kita pasang tidak lama lagi iaitu digital televisyen beratus lagi saluran akan ada. Akhirnya kita tanya dalam saluran ini apa yang kita hendak muatkan? Salah satu yang kita katakan yang hendak dimuatkan itu adalah merupakan industri yang tersendiri dipanggil sektor kandungan. Begitu juga dalam kita menggunakan komputer, menggunakan telefon pintar dan sebagainya pelbagai aplikasi dapat kita gunakan. Kita hendak tengok peta, hendak cari restoran atau hendak cari apa, ini adalah sektor yang besar.

Jadi sebab itu kita katakan dalam sektor kandungan satu aspek yang kita berikan tumpuan besar sekarang ini ialah sektor animasi. Animasi mempunyai potensi yang cukup besar. Kita telah gerakkan dan sehingga sekarang sebagaimana yang ditanya berapakah jumlah syarikat yang ada? Sekarang ini saya tanya tidak ada satu maklumat yang tepat. Berapakah jumlah syarikat yang ada, yang mengeluarkan bidang animasi? Cuma kita katakan yang berdaftar di bawah MDeC yang diberi status MSC yang bila sampai tahap tertentu antaranya bidang kerjanya, dia ada unsur eksport dan sebagainya, kita ada sebanyak 97 buah syarikat. Dalam tahun 2013, nilai jualan tempatan ialah sebanyak RM220.5 juta dan telah berjaya mengeksport dalam *quarter* ketiga tahun ini sebanyak RM72 juta. Ini adalah satu petanda yang baik.

Sehingga tahun 2012 dia telah memberikan peluang pekerjaan kepada 2,113 peluang pekerjaan yang telah diwujudkan oleh syarikat ini. Kita telah memberikan pelbagai insentif untuk memastikan ia berkembang maju kerana kita menganggap ini adalah potensi yang besar. Potensi yang besar kita katakan bahawa sekarang ini orang semakin memerlukan animasi. Dahulu orang fikir animasi ialah *Upin & Ipin*, itu animasi. Kita lihat filem-filem yang bersifat animasi, kartun dan sebagainya yang dikeluarkan oleh *Walt Disney* dan sebagainya itu adalah bersifat hiburan.

Akan tetapi sekarang ini animasi akan digunakan dalam pendidikan. Macam banjir misalnya, dalam penerangan bagaimana banjir datang? Sebanyak 777 milimeter hujan turun yang sepatutnya- itu sama dengan dua bulan hujan musim tengkujuh turun dalam masa satu hari. Apa kesannya? Kalau orang kata ini salah kerajaan, salah apa dan sebagainya, bagaimana hendak menerangkan? Bagaimana animasi digunakan untuk kerja-kerja yang berkaitan dengan soal simulasi berlakunya *accident*, berlakunya bencana dan sebagainya. Animasi memang sangat diperlukan.

Jadi sebab itulah mengembangkan animasi ini adalah merupakan salah satu daripada objektif penting dalam kementerian ini. Saya ucap terima kasih di atas penghargaan yang diberikan oleh Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah bagi Malaysia, tahap industri ini animasi ini masih rendah lagi kalau hendak dibandingkan negara-negara jiran seperti Thailand dan Korea dan sebagainya. Jadi apa yang dijawab oleh Menteri begitu terperinci sekali dengan soalan saya.

■1130

Soalan tambahan saya adalah kerajaan perlu menggalakkan bagi *fresh graduate* daripada universiti-universiti tempatan supaya ramai yang kreatif supaya inisiatif yang peruntukan yang lebih untuk menunjukkan kebolehan mereka. Jadi saya mohon supaya Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengadakan inisiatif yang lebih kepada penuntut-penuntut yang baru keluar daripada universiti. Ini kerana mereka ini *very creative* kadang-kadang tetapi tidak ada tempat untuk mereka menunjukkan kebolehan mereka. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan. Saya faham bahawa satu persoalannya ialah peruntukan. Peruntukan ada, kalau saya katakan mencukupi memang, kalau kira perlu banyak lagi. Peruntukan daripada MDeC itu satu yang boleh dicari. Dia ada pelbagai cabang di dalam peruntukan yang diberi oleh MDeC.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sama ada bentuk *grant* atau dalam bentuk menggunakan kemudahan yang ada. Begitu juga di FINAS kita ada peruntukan yang boleh membantu mereka membuat kerja-kerja animasi. Begitu juga di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia pun ada, dari segi peruntukan untuk membangunkan *content* ataupun kandungan yang saya sebutkan tadi pun boleh kita cari dalam soal ini. Cumanya, dua, tiga perkara yang saya kena akui kalau hendak bandingkan negara kita dengan negara seperti di Amerika. Di Amerika berkembang bukan kerana kerajaan mereka yang bagi siapa ada idea, bagi.

Akan tetapi kerana dia sudah ada ekosistem di mana kita tidak pernah dengar perkataan misalnya *business angle* Tuan Yang di-Pertua. *Business angle*- ertinya kalau kita sebutkan sebagai *angle* kalau kita sebut malaikat tapi tidak sesuai malaikat di sini iaitu pari-pari usahawan. Yang sekumpulan orang yang sentiasa mencari orang yang ada idea. Dia mencari ada idea dan idea ini dia kata okey, tolong kembangkan idea. Kemudiannya dia cari syarikat-syarikat yang ingin melabur dengan idea tersebut. Jadi sebab itu dia kata *the process ideation* selepas itu *incubation* dan seterusnya *acceleration*.

Bagaimana untuk mempercepatkan di mana mereka dilatih, ada idea kami masih beri tiga bulan untuk kembangkan idea, kita ketemukan kamu dengan CEO syarikat-syarikat besar. Kamu dilatih bagaimana untuk menggunakan masa 60 saat untuk terangkan idea kamu. CEO ini dikatakan syarikat-syarikat dipanggil *venture capitalist* yang sanggup melabur. Rugi, rugilah. Kalau untung dia mungkin dia akan dapat berlipat ganda sebagaimana berkembangnya *Facebook, Twitter, Google* dan sebagainya. Keuntungannya mungkin 300%, 1,000% dan sebagainya mereka sanggup melabur.

Di Amerika, mereka mempunyai dikirakan bahawa apa yang disebut *venture capitalist* ini, di Amerika ada lebih kurang 1,000 syarikat yang sedia untuk melabur pada idea-idea anak-anak muda ini. Di China ada 500, di India dia kata ada lebih kurang ada 300. Sebab itu India berkembang. Ada idea hendak buat filem, hendak buat apa sebagainya orang hendak melabur. Sebab pelaburan dalam filem ini terlalu risikonya tinggi. Tidak boleh harapkan sorang untuk melabur. Dia kena panggil ramai-ramai.

Kalau rugi-rugi, kalau untung-untung besar dan kita tidak tahu. Tidak semestinya mahal untung bagus, tidak semestinya murah itu tidak bagus tetapi di negara bukan sahaja Malaysia, di negara Asia Tenggara yang penduduknya sama ramai dengan sebuah negara seperti Amerika, setakat ini dikatakan *venture capitalist* yang disebutkan tadi baru ada 20, lebih kurang. Jadi ini antaranya jadi semuanya mengharap kepada kerajaan. Jadi ekosistem dalam tempat kita kurang lagi dikatakan sama jikalau kita hendak bandingkan dengan Amerika. Mungkin antara lainnya, kita boleh ada universiti, seperti Universiti Multimedia yang boleh ajar orang bagaimana hendak buat *animation* dan sebagainya.

Tetapi sebahagiannya dikaitkan dengan budaya. Budaya penceritaan misalnya. Orang boleh mereka satu cerita, selepas cerita, cerita yang menjadikan ia menarik dan boleh dikembangkan. Dulu budaya ini ada dalam masyarakat Melayu. Budaya Tok Selampit, cerita *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, cerita tentang *Awang Selamat*. Siapa reka kita tidak tahu. Ceritanya berkait-kait. Cerita *Hikayat Seribu Satu Malam*. Saya ingat masa kecil-kecil dulu baca *Hikayat Seribu Satu Malam*. Macam mana Raja dia tidak percaya pada isterinya- dia tidak percaya. Dia kata, kalau hendak kahwin, hendak bunuh. Sehingga tidak ada orang, tidak ada dara lagi.

Kemudiannya, Wazir- Menterinya, tiada orang lain, anak dia tawarkan. Anak dia kata, kahwin sebelum itu dia cerita pada Raja. Dia cerita, cerita- dalam cerita ada cerita, dalam cerita ada lagu, dalam cerita ada sebagainya sehingga seribu malam. Penceritaan itu- kenapa orang dahulu seribu tahun dahulu bijak bercerita? Ini sebahagian dalam budaya kita tetapi sekarang ini budaya bercerita, budaya untuk menghuraikan, budaya untuk memasukkan kepelbagaian dalam itu, kurang. Mungkin kepintaran membuat animasi menggunakan teknologi moden dan sebagainya ada.

Jadi ini perkara yang digalakkan. Tadi kita bercakap tentang soal sistem pendidikan kita. Mungkin kita terlalu penting kepada periksa, mungkin kita pentingkan pada sains. Kita telah melupakan tentang perkara ini tetapi sekarang ini kita tahu bahawa dari segi punca rezeki dan kekayaan bukan sahaja bagi di kalangan doktor dan *engineers* sahaja. Di kalangan pencerita, di kalangan *directors*, di kalangan artis, di kalangan penyanyi, di kalangan pelakon misalnya adalah satu bidang yang besar dan animasi adalah satu bidang yang kita rasakan penting. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya ke pasaran filem negara kita di Perancis di Cannes, *alhamdulillah* kita dapat menjual lebih kurang tidak silap saya RM175 juta, lebih kurang USD75 juta dapat kita jual pada waktu tersebut.

Antaranya ialah yang paling laku ialah filem animasi di mana banyak negara-negara Timur Tengah sudah beralih ke Malaysia, pada Malaysia. Dia kata kita boleh cerita tentang bagaimana hendak bangunkan filem Saladin. Bagaimana hendak filem hendak bangunkan kembali penceritaan tentang Ibnu Batutah tentang sahabat-sahabat Nabi melalui animasi. Mereka kata di negara sana tidak berapa ramai yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, boleh pendekkan sedikit Yang Berhormat.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Jadi saya hendak beritahu bahawa ini adalah potensi yang besar yang perlu kita hargai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang kedua, silakan Puan Hajah Khairiah.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Berkenaan soalan animasi ini saya ingin bertanyakan berkenaan dengan apakah pemantauan yang dibuat oleh pihak kerajaan berkaitan penyiaran dan penulatan animasi-animasi kartun yang berwatak ganas. Seperti mana yang tersiar di laman-laman web contohnya kartun *Happy Three Friends* yang memaparkan aksi-aksi dera dan juga aksi-aksi pembunuhan melalui watak-watak kartun yang sememangnya sangat tidak sesuai ditonton oleh kanak-kanak. Jadi macam mana kerajaan mengawal penulatan kartun-kartun ini melalui laman web. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Laman web ini susah sikit ya. Kita boleh kata kita boleh haram yang ini, banyak perkara yang perlu diharamkan. Oleh sebab itu kita katakan bahawa perlu diperkenalkan Program Klik Dengan Bijak, ibu bapa kena membantu untuk mengawal dalam soal ini. Ada orang kata bahawa bukan sahaja nama-nama kartun yang disebutkan tadi, misalnya orang kata *Tom & Jerry* itu pun adalah merupakan sesuatu yang bersifat keganasan. Dia ketuk, dia pukulnya, kucing pukul tikus, lari dan sebagainya pun ada unsur keganasan.

Jadi ini ada perkara yang bersifat dan kartun yang bersifat unsur pornografi sekarang ini, adalah satu perkara baru yang dikembangkan tetapi hari ini kita boleh haramkan, esok digunakan domain baru, dia menggunakan laman baru. Hari ini boleh kita haramkan, esok boleh naik baru. Oleh kerana di dalam dunia sekarang ini pengharaman, tindakan hanya boleh dibuat dalam pada waktu yang tertentu tetapi orang akan mencari kaedah-kaedah untuk mendapat akses pada laman berkenaan. Kecuali kita katakan bahawa Malaysia perlu menyekat *internet*, perlu menyekat semua ini. Saya rasakan ini adalah suatu perkara sebagaimana yang saya sebutkan tadi adalah sesuatu perkara yang agak sukar.

■1140

Dunia sekarang ialah memerlukan soal pengendalian sendiri *self-censorship* yang saya sebutkan dengan izin, dan ibu bapa perlu memainkan peranan untuk mengendalikan dan tahu beberapa kaedah seperti menggunakan *password*, menggunakan kaedah-kaedah *rating* supaya menyekat aksesnya kepada laman yang berkenaan kepada mereka yang tidak sepatutnya dapat, terima kasih.

8. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah bilangan kamera litar tutup (CCTV) yang dipasang di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan adakah kementerian berhasrat untuk menambah bilangan CCTV ini kerana penggunaan CCTV adalah lebih berkesan dan boleh membantu PDRM dan ATM dalam menjalankan rondaan di sempadan.

■1140

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua,
Tanah kuat gagah perkasa,
Buat rumah dengan papan,
Walaupun kurang masa,

Akan kujawab juga soalan nombor lapan.

Tuan Yang di-Pertua: Orang Perlis ini dah ada *arrangement* ini, silakan Yang Berhormat. Bagus, bagus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, jumlah sempadan darat Malaysia-Thailand adalah sepanjang 646.5 kilometer. Ia meliputi pelbagai bentuk muka bumi. Terdapat lapan buah pintu masuk darat utama yang diwartakan sepanjang sempadan Malaysia-Thailand iaitu tiga di Kelantan dan dua di Kedah dan Perlis dan satu di Perak.

Kini hanya terdapat 27 buah CCTV yang digunakan untuk pemantauan di kawasan persempadanan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand yang terletak di sekitar kawasan Kompleks Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Juga Kuarantin Keselamatan (ICQS), Padang Besar, Perlis. CCTV tersebut dipasang sepanjang 5.3 kilometer di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Padang Besar, Perlis bagi tujuan pemantauan di kawasan sempadan.

Pemasangan CCTV tersebut dilaksanakan pada 6 Januari 2006, dan ia dipasang secara *unilateral* tidak melibatkan pihak Thailand. Pemasangan CCTV tersebut merupakan *pilot project*, dengan izin, bagi menguji keberkesanan pemasangan CCTV untuk memantau aktiviti di kawasan persempadanan negara dan ia terbukti berkesan. Pemasangan CCTV sepanjang sempadan merupakan salah satu medium untuk memudahkan penguatkuasaan anggota keselamatan di kawasan sempadan dan bukan merupakan medium utama dalam mengekang aktiviti negatif dan ancaman di kawasan sempadan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, boleh memandangkan Kerajaan Negeri Perlis dengan *Southern Thailand* begitu erat sekali Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kita bekerjasama dengan pihak Thailand agar mereka juga turut memasang CCTV ini di mana CCTV ini kita memantau sempadan kita dan CCTV mereka memantau sempadan kita? Sekian. Minta Yang Berhormat Menteri..

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh meminta tetapi sejarah telah menunjukkan bahawa sering kali Malaysia menjadi orang yang terpaksa mengambil tugas penghabisan. Contohnya macam bila kita jual padi, yang elok kita jual pada swasta, yang buruk kita jual kat BERNAS. Jadi yang akhirnya apabila tidak elok kita akan cerita kepada orang, yang elok kita tidak cerita. Jadi demikianlah seterusnya. Semasa komunis dahulu kita menghadapi tekanan komunis dan komunis memberi tekanan kepada kita. Akan tetapi komunis berada di selatan Thailand. Apabila kita buat operasi, Kerajaan Malaysia mengeluarkan *rations* untuk askar kita.

Jadi, demikian juga yang ini CCTV ini kita akan pasang berdasarkan keperluan di kawasan panas. Sekarang ini kawasan panas kita ini adalah kawasan Padang Besar dan sekarang ini kawasan panas yang dilihat ialah di Rantau Panjang dan kemungkinan juga di Bukit Kayu Hitam dan juga di Perak. Kita telah pun memperuntukkan untuk kita melaksanakannya. Akan tetapi meminta pihak Thailand ini kita boleh minta, tetapi kita terima hakikat bahawa di akhirnya kita hanya tidak boleh bergantung kepada orang, sebab aktiviti tersebut dia datang ke sini dan dia datang pula dari pihak Thailand. Mungkin agak sukar pihak Thailand untuk berbuat demikian. Akan tetapi di atas kerjasama yang erat di antara kita dengan Selatan Thailand mungkin kita boleh berbuat demikian.

Nombor dua, kita kena ingat bahawa kiat baik dengan Selatan *Thailand*, kita kena tengok cara pemerintahan, pemerintah kita pemerintahan negeri berpersekutuan. Pemerintah mereka ialah *centralize*. Jadi kita berbaik pun dengan sini, kita kena ingat bahawa kita kena juga berbaik dengan pihak Bangkok. Ini sistem pemerintahan yang berasingan dan harus kita tangani dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, kerana masa tidak mengizinkan kerana hari kita terpaksa menghabiskan semua jawapan daripada kementerian, setakat itu sahajalah soalan lisan kita pada pagi ini. Ada satu usul saya hendak kemukakan daripada pihak menteri.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, ramai yang datang. Hasil saranan Tuan Yang di-Pertua ke Dewan Negara pada hari ini dan *insya-Allah* kita akan sediakan nasi beriani seperti biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

■1146 pg.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dibahas dan diputuskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu 18 Disember 2013”.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu saya mewakili semua Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim kerana begitu prihatin, bukan sahaja untuk malam ini, malam semalam pun macam itu juga. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[16 Disember 2013]**

11.57 pg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita terpaksa meluluskan atau membahaskan sehingga selesai semua penggulungan dari kementerian yang masih banyak lagi. Saya mohon kerjasama semua Yang Amat Berhormat, kalau boleh berada dalam Dewan apabila kementerian membuat jawapan, itulah masanya Yang Berhormat boleh mengambil bahagian sekiranya jawapan tidak dipenuhi.

Di samping itu sekiranya Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan, kementerian itu boleh rasanya tidak payah bagi jawapan dan beri jawapan bertulis untuk menjimatkan masa. Tanpa buang masa lagi saya mempersilakan wakil dari Kementerian Pelancongan Yang Berhormat Dato' Dr. James Dawos Mamit mewakili Kementerian Pelancongan. Terima kasih Yang Berhormat, silakan.

11.59 pg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator- Dr. Syed Husin Ali, Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan, Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan semasa perbahasan peringkat dasar Bajet 2014.

Pihak kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian terhadap semua pandangan, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, dan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah telah mengusulkan kepada kementerian apakah langkah yang dilakukan untuk memelihara candi tinggalan sejarah di kawasan Sungai Batu bagi mengelakkan kemusnahan secara sengaja seperti mana yang

sebahagiannya telah pun dimusnahkan oleh pemaju perumahan terbabit dan adakah pengajian arkeologi telah diwujudkan?

■1150

Untuk makluman, perlindungan dan pewartaan bagi candi dibuat berdasarkan kriteria tertentu dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Walau bagaimanapun, Jabatan Warisan tidak dapat mewartakan mana-mana candi di Lembah Bujang kerana ia tidak mempunyai penceritaan sejarah dan kajian saintifik yang kukuh dan signifikan.

Oleh itu Jabatan Warisan Negara pada tahun 2007 telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian penyelidikan bagi memperkembangkan pengetahuan tentang candi sedia ada dan mencari bukti baru melalui kajian arkeologi saintifik. Kajian itu telah menghasilkan bukti kukuh tentang tamadun awal Malaysia. Oleh itu usaha telah diambil untuk memelihara tapak-tapak penting di Lembah Bujang dan mengisytiharkan tiga tapak di Sungai Batu sebagai tapak warisan kebangsaan pada tahun 2012 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Berdasarkan keputusan dan persetujuan kerajaan negeri, tapak 11 yang dimusnahkan juga akan dibina semula dalam bentuk replika candi di tapak asal. Untuk makluman candi yang telah terhapus adalah yang telah dibina semula.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah dan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh juga mengusulkan satu siasatan dilakukan berkenaan pembelian tanah di kawasan candi bagi menghalang sebarang pembangunan di kawasan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, atas kepentingan Warisan Lembah Bujang sewaktu di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Kerajaan Pusat melalui Jabatan Warisan Negara telah membuat pengambilan tanah di Sungai Batu dan pengambilan ini telah pun selesai pada tahun 2011. Di kawasan ini juga sedang dibina Galeri Arkeologi Lembah Bujang yang dijangka siap pada tahun 2015 bagi menyemai kesedaran warisan dan sejarah tamadun Lembah Bujang di samping melindungi khazanah warisan negara.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah mengusulkan supaya kementerian mengambil langkah-langkah yang serius bagi mempromosi tapak-tapak warisan seperti di candi Angkor Wat Cambodia sebagai satu tarikan pelancongan negara. Untuk makluman dalam usaha mempromosikan tempat-tempat bersejarah di Malaysia sebagai produk pelancongan yang menarik, pelbagai langkah promosi telah diambil oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui agensinya Tourism Malaysia.

Di antara usaha-usaha yang telah diambil ialah:

- (i) Mempromosikan tempat-tempat bersejarah semasa penyertaan tourism Malaysia dalam pameran pelancongan domestik dan antarabangsa;
- (ii) meneruskan program lawatan suai kenal ke tempat-tempat bersejarah tersebut untuk mendedahkan secara langsung produk tersebut kepada para pengusaha pelancongan dan wakil media asing dan tempatan bagi memberi liputan dan publisiti yang meluas; dan
- (iii) menganjurkan misi galakan ke luar negara di mana para pengusaha pelancongan tempatan diberi peluang untuk berjumpa dan memperkenalkan pakej-pakej

istimewa yang melibatkan tempat-tempat bersejarah kepada pengusaha pelancongan di negara yang dilawati; dan

- (iv) mengadakan promosi pakej pelancongan UNESCO 1-2-3 bagi memperkenalkan tiga tapak warisan UNESCO di dua buah negara iaitu Melaka dan Pulau Pinang di Malaysia serta Borobudur di Indonesia.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah turut mengusulkan supaya pihak kementerian membangunkan sekitar tapak warisan bagi menarik pelancong untuk mencapai matlamat yang terkandung di dalam bajet. Bagi makluman Yang Berhormat, pengiktirafan kepada empat tapak warisan dunia UNESCO Malaysia iaitu Taman Negara Mulu, Taman Negara Kinabalu, Bandaraya Warisan Dunia Melaka dan Georgetown serta tapak warisan arkeologi Lembah Lenggong turut menyumbang kepada pembangunan di sekitar tapak warisan berkenaan terutamanya dalam pembangunan produk pelancongan seperti bangunan sejarah, industri perhotelan, kraf tangan, makanan, budaya dan sebagainya.

Walau bagaimanapun Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama kerajaan negeri yang berkenaan sentiasa memantau di tapak warisan dunia tersebut supaya sebarang pembangunan tidak menjejaskan status pengiktirafan. Ini adalah penting untuk memastikan supaya status pengiktirafan tidak ditarik balik oleh pihak UNESCO.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar mengusulkan, adakah peruntukan Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan sejumlah RM2 bilion untuk membina infrastruktur...

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Digunakan secara adil dan saksama bagi memajukan pelancongan..

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Di mana Kerajaan Pusat perlu bekerjasama dengan kerajaan negeri..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat – ya, okey.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, dia ingin mencelah. Tadi dia ada soalan tadi. Silakan.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Sebenarnya kalau kita tengok isu-isu yang dibangkitkan pada perbahasan dua isu utama dan beberapa isu sampingan. Isu utama satu iaitu berkenaan dengan langkah-langkah yang Timbalan Menteri telah jawab. Isu lagi satu mengenai kajian.

Sebenarnya soalan saya, kena lakukan satu siasatan. Oleh kerana kalau kita tengok kejadian ini, pelik sampai sekarang tidak ada siapa pun yang ambil, bertanggungjawab untuk kejadian. Apa yang saya timbulkan perlulah melakukan satu siasatan untuk dapat tahu macam mana kejadian ini berlaku sedangkan kesemua pihak Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan bandar-bandar warisan semua tahu satu tapak ini satu tapak *heritage* sama ada gazet mahupun belum gazet, itu satu cerita.

Sedangkan ada satu jaminan oleh Kerajaan Persekutuan di Dewan Rakyat pada tahun 2011. / mahu supaya satu siasatan dijalankan dan kemudian berdasarkan kepada hasil siasatan, kalau mana-mana pihak bertanggungjawab, *then*, maka tindakan perlu diambil. Itu yang saya minta dalam perbahasan saya. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat. Siasatan memang sedang dibuat. Siasatan juga merangkumi kajian yang dibuat oleh Jabatan Warisan Negara. Jika terdapat pencerobohan, tindakan mesti diambil. Oleh itu, siasatan dan kajian boleh pun dibuat ataupun dilakukan bersama-sama kerana di dalam kajian itu kita mesti tahu sama ada tapak itu di ceroboh ataupun tidak sebab para penyelidik ini yang mempunyai latar belakang ikhtisas ataupun *expert* di dalam arkeologi, mereka boleh tahu sama ada tapak itu sudah pun di ceroboh. Kadangkala kalau kita lihat daripada segi candi yang sudah rosak, ini bermakna tapak itu sudah pun di ceroboh. Oleh itu, tindakan seterusnya boleh diambil dan siasatan boleh dibuat untuk mencari siapakah yang menceroboh tempat-tempat seperti itu di Lembah Bujang. Biar saya teruskan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, melalui pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu pembentangan Bajet 2014 baru-baru ini, Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan ataupun PKIP telah diberi peruntukan sebanyak RM2 bilion.

Sehubungan itu, pengusaha-pengusaha pelancongan kini boleh memohon pinjaman PKIP bagi membangunkan produk-produk pelancongan yang berpotensi dan berdaya saing seperti hotel, taman tema, galeri dan produk-produk lain yang berkaitan termasuklah menaik taraf produk-produk sedia ada di seluruh Malaysia.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, maklumat utama peruntukan pembiayaan dana ini adalah untuk memastikan kemudahan ini dapat dimanfaatkan oleh para pengusaha industri pelancongan yang layak dengan keutamaan diberi kepada rakyat tempatan di mana pemohon hendaklah terdiri daripada syarikat pengusaha pelancongan tempatan memilih warga negara Malaysia dengan memegang saham sekurang-kurangnya 51%.

Proses permohonan ditapis oleh kementerian ini melalui Jawatankuasa Pinjaman Tabung Pelancongan dan dihadiri oleh wakil-wakil daripada negeri dan wakil Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Kementerian ini turut mengalu-alukan permohonan pinjaman daripada para pengusaha industri pelancongan yang mengadakan kerjasama strategik dengan mana-mana kerajaan negeri dengan membangunkan projek-projek pelancongan yang berdaya saing.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathy Krishnan mengusulkan sama ada sebahagian daripada jumlah RM2 bilion itu yang diperuntukkan di bawah Perkara 50 Bajet 2014, untuk Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan dapat digunakan untuk membuat pengubahsuaian berciri mesra OKU di hotel, tempat peranginan, taman tema dan tempat tumpuan pelancong.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengusaha-pengusaha pelancongan kini boleh memohon pinjaman PKIP bagi membangunkan produk-produk pelancongan yang berpotensi dan berdaya saing termasuklah menyediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

Kementerian ini memandang serius mengenai penyediaan kemudahan-kemudahan untuk OKU. Kriteria pengelasan premis penginapan pelancongan- *star rating* turut menggariskan bahawa premis penginapan pelancongan perlu menyediakan sekurang-kurangnya sebuah bilik dan sebuah tandas awam yang mesra OKU serta kemudahan-kemudahan awam mesra OKU yang lain selaras dengan Akta OKU 2007.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg mengusulkan kepada kementerian supaya meningkatkan usaha dan memperbanyakkan aktiviti berunsur kemasyarakatan...

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Boleh minta laluan mencelah Yang Berhormat Menteri?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Khususnya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat ada Yang Berhormat Puan Bathmavathy, hendak-silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ada?

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ada.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tunggu sekejap, saya hendak habiskan ayat ini dahulu.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Okey, okey.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Khususnya kepada golongan belia agar semangat patriotisme dapat diterapkan dan meningkatkan perpaduan serta memberi peluang mengenali adat, budaya dan tradisi masing-masing. Silakan Yang Berhormat Senator.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya tadi mengenai infrastruktur untuk pelancong OKU.

Saya ingin memberi sedikit input mengenai industri pelancongan. Industri pelancongan adalah suatu industri yang paling pesat membangun dan ada satu fenomena baru iaitu *Green Tourism* yang telah muncul sebagai suatu segmen baru dalam industri pelancongan ini. Ini merujuk kepada *senior market* ataupun pelancong yang berusia. Berkaitan dengan ini, ada juga suatu lagi fenomena lain iaitu *Accessible Tourism* iaitu pelancongan yang mengambil kira penyediaan kemudahan-kemudahan bagi pelancong OKU.

Jadi tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa suatu bilik dalam hotel akan disediakan dan suatu tandas akan disediakan. Saya rasa itu tidak cukup. Sekurang-kurangnya 5% dari bilik hotel perlu disediakan dengan kemudahan bagi OKU. Sehubungan ini, ada beberapa persatuan OKU yang telah membuat persediaan ataupun telah mengadakan usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai suatu destinasi pelancongan.

Suatu persidangan yang bertajuk *Accessible Tourism Promotes National Development* telah diadakan pada tahun 2011 dan satu lagi, *South East Asia Conference on Accessible Tourism* diadakan pada tahun 2012 dan satu lagi dirancang bagi tahun 2014, *Accessible Tourism dan Impact on Economy*. Ini diusahakan oleh *Beautiful Gate Foundation* bersama 11 buah persatuan OKU lain. Kami harap kerajaan akan menumpukan perhatian untuk menyediakan kemudahan tambahan memandangkan lebih banyak pelancong dari luar negeri akan mengunjungi negara kita dan pelancong terdiri dari pelancong OKU dan yang berusia. Terima kasih.

■ 1210

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas pencelahan itu. Pertama berkaitan dengan *green tourism*. Saya telah pun membentangkan satu kertas kerja dahulu di sini pada bulan November tahun 2011 dan menekankan kepentingan *green tourism* di negara kita. Ini memang strategi pun sudah dibuat semasa saya berada di kementerian itu pada penggal yang lepas.

Kedua tentang *assessable tourism* yang saya sebut tadi adalah sekurang-kurangnya satu bilik dalam satu hotel untuk OKU dan satu tandas awam untuk OKU sekurang-kurangnya tetapi sebenarnya hotel di negara kita ada banyak bilik khas untuk OKU sebab apabila kita buat *star rating* ke hotel-hotel tersebut kita juga menyentuh perkara ini, menyentuh isu OKU sebab daripada pelancong luar negara memang ramai OKU juga suka datang ke negara kita.

Oleh itu pembangunan untuk *green tourism* yang kita selalu sebut *eco tourism* itu bukan tetapi saya memberi nafas baru yang bernama *bio tourism* di mana kalaulah satu tapak alam semula jadi itu adalah satu destinasi untuk sama ada *eco tourism* ataupun *bio tourism*, pembangunan untuk membuat pejalan, sama ada pejalan simen, ataupun *board walk* supaya OKU senang pergi ke situ dan juga menceburi diri di dalam aktiviti *bio tourism* dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti berunsur kemasyarakatan khususnya kepada golongan belia agar dapat meningkatkan perpaduan di kalangan belia yang berbilang kaum dan memberi peluang untuk mereka mengenali adat budaya dan tradisi masing-masing. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) program pengembangan warisan yang dijalankan secara tetap sepanjang tahun bagi mendidik golongan belia pelbagai kaum untuk mengenali dan menghargai warisan di Malaysia seperti Program Jejak Warisan, Bengkel Pembudayaan Tulisan Jawi dan Khat, Bengkel Kasut Manik iaitu Baba Nyonya, Permainan tradisi congkak dan Bicara Warisan iaitu Mereka Budaya Busana 1Malaysia;
- (ii) bagi mendekati golongan belia dalam peringkat komuniti masyarakat setempat seperti di kawasan perumahan. Program Merakyatkan Seni budaya ataupun PMS dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti seperti gotong-royong dan kenduri rakyat, persembahan kesenian, permainan tradisi dan sukan rakyat, hasil kerja tangan, mewarna dan melukis, pencungkilan bakat seni muda dan banyak lagi. Aktiviti sebegini mampu memupuk nilai-nilai murni dan semangat kerjasama dalam usaha pemelihara dan mengekalkan warisan seni budaya negara; dan
- (iii) generasi muda Malaysia seawal umur 7 tahun hingga 17 tahun berpeluang menyertai program latihan pemupukan, pengukuhan dan asuhan seni budaya melalui penubuhan Kelab-kelab Tunas Budaya seperti sekolah rendah dan Kelab Giat Budaya di sekolah menengah. Manakala peringkat mahasiswa dan mahasiswi di IPT atau IPTS dan institusi perguruan pula melalui penglibatan di

dalam Kelab Siswa Budaya KSB sebagai usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia berbudaya luhur yang celik seni budaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit mengusulkan kepada kementerian supaya merangka struktur dan menambahbaikkan peralatan ICT di muzium di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Muzium Malaysia secara berterusan merancang dan melaksanakan program bagi mempertingkatkan penggunaan ICT terutamanya teknologi terkini seperti hologram, *touch screen*, *info kiosk*, *QR code* dan video interaktif di muzium-muzium utama seperti Muzium Negara, Muzium Perak, Muzium Tekstil Negara, Muzium Adat dan Galeria Perdana.

Selain itu liputan *WiFi* percuma telah dilaksanakan di Kompleks Muzium Negara, Muzium Seni Bina, Muzium Tekstil Negara dan Galeria Perdana selaras dengan arus kemodenan untuk tujuan menarik lebih ramai pengunjung ke muzium dan menyampaikan maklumat dan pengetahuan dengan lebih berkesan. Jabatan Muzium Malaysia juga telah melaksanakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat bermula pada tahun 2013 hingga tahun 2017 bagi menambahbaikkan sistem dan keperluan ICT di semua 21 buah muzium di bawah kawalan Jabatan Muzium.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat mengesyorkan agar kementerian mempromosikan tempat-tempat pelancongan lain di Malaysia contohnya Pulau Redang kepada pelancong luar sempena VMY 2014 iaitu Tahun Melawat Malaysia 2014.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini telah merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi yang meliputi destinasi pelancongan di seluruh Malaysia bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah meningkatkan jaringan kerjasama dengan wakil-wakil daripada media cetak dan elektronik di bawah Program Mega Filem dengan membawa masuk penulis, wartawan, kru perfileman dan *social influencer* seperti *bloggers* untuk membuat liputan serta mempromosi acara, produk serta destinasi pelancongan terkini yang terdapat di Malaysia.

■1220

Untuk makluman antara produk pelancongan terbaru yang menjadi daya tarikan bagi para pelancong adalah Taman Tema Legoland, Hello Kitty Town dan Johor Premium Outlets di negeri Johor dan Taman Negeri Royal Belum di Perak.

Kedua, mengadakan kolaborasi dan usaha sama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan dan syarikat penerbangan dalam membangunkan pakej-pakej percutian menarik ke destinasi-destinasi pelancongan di seluruh negara yang meliputi pulau-pulau, pusat membeli belah, taman negara, taman tema dan lain-lain.

Ketiganya, mempromosi kepelbagaian acara, produk serta destinasi pelancongan di Malaysia menerusi medium pengiklanan seperti televisyen, radio, media cetak, laman web. Tourism Malaysia juga membuat pemasaran secara digital seperti bunting atas talian di *Google*, www.bbc.com/travel, Eurosport dan Arbetorial di iMail Global.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat juga bertanya berapakah jumlah kedatangan pelancong serta jumlah perbelanjaan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kedatangan pelancong asing ke negara bagi tempoh Januari hingga September 2013

adalah seramai 18.76 juta orang. Pada tempoh tersebut, 10 negara teratas yang menyumbang kepada jumlah kedatangan ini adalah Singapura, Indonesia, Thailand, China, Brunei Darussalam, India, Australia, United Kingdom, Jepun dan Filipina. Sasaran ketibaan pelancong untuk Tahun Melawat Malaysia 2014 adalah seramai 28 juta orang dengan jumlah pendapatan pelancong sebanyak RM76 bilion. Jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan khusus bagi penganjuran VMY 2014 adalah sebanyak RM190 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin PA Mohd Sultan memohon penjelasan mengenai kementerian atau agensi manakah yang bertanggungjawab dalam memantau dan menentukan harga bilik hotel, bagaimana *star rating* dilaksanakan serta apakah langkah-langkah pemantauan yang dijalankan terhadap iklan atau promosi hotel yang mengelirukan pelanggan bagi mengelakkan salah dan penipuan terhadap pengguna.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini tidak mengawal dan menentukan harga hotel. Ia ditentukan oleh permintaan dan penawaran dalam pasaran. Bagi memantau kualiti perkhidmatan hotel, kementerian ini telah mendaftarkan premis penginapan pelancongan yang layak selaras dengan seksyen 31(a) Akta Industri Pelancongan 1992 sejak tahun 2003. Kementerian ini dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan atau pun NGO dan agensi-agensi berkaitan telah membangunkan kriteria penyelarasan premis penginapan pelancong dan telah diguna pakai sejak tahun 1999.

Star rating atau pun penarafan hotel dilaksanakan bersama NGO terdiri daripada *Malaysian Association of Hotel* (MAH), *Malaysian Association of Hotel Owners* (MAHO) dan *Malaysian Budget Hotel Association* (MBHA) serta agensi berkaitan dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Penyelamat Bomba Malaysia (Bomba) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sijil pengelasan adalah sah laku selama tiga tahun. Antara kriteria-kriteria yang dinilai adalah seperti kualitatif dan estetik, kawasan umum, keperluan bilik tidur, perkhidmatan yang ditawarkan, tahap keselamatan dan kebersihan serta kemudahan untuk kakitangan. Pemarkahan dan penilaian kriteria ini akan memberikan premis penginapan pelancongan atau hotel tersebut bertaraf sama ada satu hingga lima bintang atau satu hingga tiga bintang.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebarang iklan atau promosi hotel yang mengelirukan atau memperdayakan pelanggan mereka boleh mengemukakan aduan melalui info@motac.gov.my bagi membolehkan kementerian ini membuat siasatan yang sewajarnya. Orang awam juga boleh membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah isu-isu perbahasan yang menyentuh pihak kementerian. Sesungguhnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mana-mana persoalan yang tidak dijawab pada hari ini akan disusuli dengan jawapan bertulis daripada pihak kementerian.

Akhir sekali diharapkan agar semua Ahli Yang Berhormat dapat sama-sama mendukung iltizam untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2014 supaya ia lebih berjaya lagi. Apa yang kita inginkan adalah pendapatan daripada industri pelancongan, pelancong-pelancong daripada luar negara yang telah pun *diestimatekan* RM76 bilion pada tahun 2014. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. James Dawos Mamit yang mewakili kerana membantu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kerana Yang Berhormat Menteri tidak ada dalam negeri. Pengalaman beliau amat dihargai dan kerjasama.

Akan tetapi untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, selepas ini kita ada 17 kementerian yang akan terpaksa membuat penggulungan pada hari ini, sampai malam pun tidak mengapa. Akan tetapi kalau boleh, saya memohon kerjasama pegawai-pegawai yang membuat laporan kepada kementerian ini, pertama sekali Menteri-menteri, Timbalan Menteri cuba kaji, tentukan isu-isu penting dan juga tentukan semua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dicatatkan.

■1230

Akan tetapi cara dia itu bijaksanalah sedikit kerana boleh mengurangkan masa, kerana masa itu amat penting dan saya mohon kerjasama, kalau boleh semua Yang Berhormat Dewan Senat juga, kalau Yang Berhormat telah berhujah tempoh hari, tentukan jawapan diberi, tentukan berada, dengar baik-baik. Kalau sekiranya ada perkara yang minta penjelasan, bangun. Akan tetapi kalau tidak ada, saya hendak beritahu kementerian tidak payahlah jawab bagi soalan yang tidak ada dalam Dewan. Ini kerana dia tidak minat untuk dalam hal itu dan beri jawapan secara bertulis. Ini untuk meringkaskan masa kepada semua dan Dewan ini. Sekian terima kasih.

Sekarang saya terus kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Silakan Yang Berhormat.

12.31 tgh.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah sudi untuk membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Bajet 2014 sepanjang minggu lepas.

Izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan itu. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin telah membangkitkan berkenaan isu kemiskinan dan kenapa peruntukkan bajet kepada golongan ini tidak mencukupi? Kerajaan sentiasa komited dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan negara dan telah meletakkan sasaran untuk mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 2% pada tahun 2015.

Di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini, sejumlah RM883.1 juta telah diperuntukkan dari tahun 2011 hingga tahun 2013. Bagi membiayai Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang telah diberi manfaat kepada 267,683 penerima faedah yang terdiri daripada golongan miskin dan miskin tegar. Bagi tahun 2014, sejumlah RM249 juta diperuntukkan bagi membiayai program-program kesejahteraan rakyat di bawah SPKR yang diunjurkan akan memberi manfaat kepada 61,854 golongan miskin dan miskin tegar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, secara dasarnya empat langkah-langkah utama bagi membantu golongan miskin dan miskin tegar untuk menaikkan pendapatan mereka ke atas paras kemiskinan di negara ini adalah seperti berikut:

- (i) memperkukuhkan dan memantapkan lagi pelaksanaan program-program sedia ada di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dengan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada:
 - (a) menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa di bawah program bantuan rumah;
 - (b) meningkatkan peningkatan bulanan kumpulan sasar melalui program peningkatan pendapatan; dan
 - (c) memperkukuhkan modal insan kumpulan sasar melalui pelaksanaan kursus latihan kemahiran di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya.
- (ii) kerajaan akan meneruskan strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi di luar bandar melalui projek lonjakan mega yang berkonsepkan agropolitan dan Projek Ladang Sejahtera;
- (iii) meneruskan strategi dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas seperti penggunaan jalan luar bandar, bekalan air serta elektrik yang lebih baik; dan
- (iv) memperkukuhkan dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian program-program pembasmian kemiskinan melalui *mechanism focus group*, pembasmian kemiskinan di peringkat nasional, negeri dan daerah yang akan berperanan dalam menyelia perancangan pelaksanaan dan pemantauan serta penyaluran peruntukan bagi program dan projek pembasmian kemiskinan.

Isu projek infrastruktur asas. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid telah membangkitkan berkenaan isu projek infrastruktur asas dan *amenity social*. Bagi pelaksanaan Projek Jalan Kampung atau sekarang dikenali sebagai Jalan Penghubungan Desa (JPD), kementerian bersedia mempertimbangkan permohonan mana-mana Ahli Yang Berhormat untuk melebarkan jalan kampung sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid, di bawah skop Projek JPD ini lebar maksimum jalan adalah sehingga 4.2 meter ataupun 14 kaki ya lebarnya. Hanya akan dilaksanakan di atas rizab jalan sedia ada serta tidak melibatkan proses pengambilan balik tanah. Sebarang permohonan boleh dipanjangkan kepada pertimbangan kementerian ini untuk diberikan pertimbangan sewajarnya. Kementerian perlu menekankan bahawa Projek JPD ini adalah projek berskala kecil dan sederhana. Untuk lebih sesuai kita katakan projek berbentuk *touch point* kepada rakyat.

Maka skop projek ini tidak akan melibatkan persis pengambilan balik tanah yang memakan masa dan juga melibatkan kos yang banyak. Hanya Projek Jalan Luar Bandar sahaja yang membolehkan kementerian untuk mengambil balik tanah yang diperlukan untuk pelaksanaan projek.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Minta laluan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, silakan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang Berhormat Menteri, bagaimana pula keadaan atau pun tuan tanah membenarkan tanah mereka itu dilebarkan? Ada di antara jalan-jalan tersebut tidak perlu di bayar hanya tuan tanah wakaf, dalam bahasa Melayu wakaf. Dia sumbang dan menderma kepada kerajaan untuk melebarkan jalan, ada di antaranya, bagaimana pula? Minta pandangan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kalau ia tidak melibatkan kos dan ada kebenaran sebab dia menderma, kita alu-alukan kerjasama daripada tuan tanah yang begitu. Ini kerana dia akan menaikkan taraf jalan itu. Kalau ramai yang begitu eloklah [*Ketawa*]

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun, kementerian melalui Program Ameniti Sosial (PAMS) mengambil maklum akan saranan berhubung keperluan bagi pembinaan dan naik taraf balai raya atau dewan yang lebih banyak, khususnya di kawasan luar bandar. Kementerian bersedia mempertimbangkan pelaksanaan projek-projek ini secara berperingkat seperti yang di sarankan oleh Yang Berhormat berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan projek tersebut dan juga berdasarkan kepada peruntukkan yang telah diluluskan kepada kementerian ini.

Program Ameniti Sosial ini adalah merupakan program tahunan seperti mana Program Jalan Penghubungan Desa (JPD) yang telah saya ceritakan sebentar tadi. Kementerian akan melaksanakan secara berterusan mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung, Yang Berhormat Senator Datuk Pau tiada, oleh kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi dia jawapan bertulis. Dia pun sudah tamat dia punya tempoh.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sudah tamat ya.

Tuan Yang di-Pertua: Beri jawapan secara bertulis ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Baiklah, terima kasih dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim telah membangkitkan isu penyaluran peruntukkan dan projek-projek kementerian kepada agensi negeri. Untuk maklumat Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di Sabah untuk mengenal pasti dan memudahkan cara pelaksanaan projek-projek pembangunan. Hubungan Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan khususnya di negeri termasuk negeri Sabah yang meliputi bekalan elektrik, bekalan air terawat, jalan luar bandar dan projek-projek kecil dilaksanakan melalui pelbagai agensi bagi mengimbangi keperluan dan kehendak masyarakat setempat.

■1240

Pelaksanaan projek-projek melalui kaedah ini dijangkakan berupaya memberi kesan secara langsung kepada penduduk sekitar dengan lebih cepat. Ini bagi memastikan projek-projek dapat dilaksanakan mengikut jadual dan dipantau secara lebih berkesan dan sekali gus berupaya menyelesaikan isu-isu sebelum sesuatu projek dilaksanakan serta mampu melancarkan pelaksanaan projek kelak. Semua projek di negeri diperoleh senarai keutamaannya daripada kerjasama dan pertimbangan oleh agensi-agensi gred negeri dan pemantauan turut dibuat secara bersama melalui perbincangan mesyuarat dan laporan berkala.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian dan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun telah membangkitkan isu berkenaan pihak JKKK. Kementerian pada dasarnya melaksanakan agenda memperkasa institusi JKKK dan JKKP. Ini bertujuan untuk memperkukuhkan peranan mereka sebagai pemimpin di peringkat akar umbi. JKKK dan JKKP bertanggungjawab ke atas kemajuan masyarakat dan kampung, menyatupadukan penduduk serta membina kehidupan masyarakat kampung yang selamat dan sejahtera. Institusi ini merupakan agen transformasi luar bandar merangkumi aspek pembangunan infrastruktur, modal insan dan sosioekonomi.

Sehubungan itu dalam memperkasakan peranan institusi ini, pelbagai pendekatan telah dan akan diambil oleh kementerian untuk memastikan JKKK dan JKKP memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing. Antaranya seperti penyediaan profil kampung dan menyimpan maklumat asas kampung untuk tujuan perancang kampung yang menyeluruh. Bagi meningkatkan kualiti kepimpinan khusus induksi juga akan dilaksanakan bertujuan untuk memastikan mereka memahami asas pengurusan kampung serta dapat menyediakan Pelan Tindakan Desa. Program berbentuk kursus dan seminar pembangunan desa mengenai inisiatif semasa kerajaan turut diadakan dengan kerjasama kerajaan negeri supaya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat.

Inisiatif untuk mengukuhkan tahap kompetensi JKKK dan JKKP pula akan dibuat menerusi pelaksanaan penanda aras pencapaian KPI yang bermula tahun depan. Setiap BO digerakkan untuk memainkan peranan dalam membangunkan kampung selain mengadakan mesyuarat bulanan. Kesimpulannya, JKKK dan JKKP yang berdaya akan dapat menghasilkan komuniti dan kampung yang berjaya. Kementerian pada ketika ini melaksanakan pelbagai pendekatan untuk memperkasakan JKKK dan JKKP sebagai agen transformasi luar bandar. Aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) program *outreach*, taklimat bagi memperkasakan pemerksaan JKKK sebagai agen transformasi luar bandar dan Seminar Transformasi Desa bertujuan untuk mengukuhkan JKKK;
- (ii) Kursus Transformasi Luar Bandar melalui JKKK bertujuan untuk melahirkan JKKK yang berinformasi mengenai inisiatif semasa kerajaan supaya komuniti luar bandar mendapat manfaat daripada program yang dilaksanakan;
- (iii) program mentor-mentee bertujuan untuk menggalakkan perkongsian maklumat di antara kampung berjaya dan kurang berjaya supaya cara pengurusan kampung untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera dapat dicontohi;
- (iv) pertandingan Anugerah Desa Cemerlang (ADC) atau sejahtera bertujuan untuk melahirkan kampung contoh dan aspek kepimpinan, ekonomi, pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi, keceriaan dan kesihatan, kerohanian dan sivik serta aspek kebersihan dan keindahan;
- (v) Program Desa Lestari abad ke-21 bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat setempat menerusi penubuhan koperasi bagi memastikan kesinambungan aktiviti ekonomi di kampung dan supaya manfaat tersebut

diperoleh oleh ramai pihak. Sebanyak 29 buah kampung telah dipilih untuk melaksanakan program ini pada tahun 2013; dan

- (vi) penyediaan garis panduan JKKK dan JKKP bertujuan untuk memantapkan pengurusan JKKK dan JKKP di seluruh negara. Antara aspek yang diberikan penekanan dalam pemilihan anggota JKKK dan JKKP adalah seperti kriteria umur, tempoh perkhidmatan, kelayakan akademik, kompetensi serta perwujudan penanda aras utama menerusi modal baru yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua mohon mencelah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sila.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang begitu padat saya kira. Saya cuma ingin memberi pandangan daripada apa yang kita dapati. Pertama dari segi pertandingan Anugerah Desa, sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi keterlibatan JKKK atau JKKP itu sendiri secara menyeluruh bagi memastikan kemantapan di peringkat akar umbi.

Saya ingin mengesyorkan oleh sebab pertandingan biasanya diambil di peringkat pentadbiran daerah- cuma dengan cara memilih, pakai pilih sahaja tidak melibatkan semua JKKK atau JKKP, maka sudah pasti hasrat kerajaan tidak akan tercapai untuk memberikan suntikan di atas faktor-faktor untuk mencapai *target* visi pertandingan itu sendiri, tinggal lagi cadangan saya supaya pihak kementerian mencadangkan di peringkat pentadbiran daerah supaya melibatkan semua JKKK atau JKKP untuk hasrat-hasrat murni seperti Pertandingan Anugerah Desa.

Satu lagi saya memohon pihak kementerian supaya ada pemantauan khusus. Biasanya dari segi perancangan memang hebatlah, kementerian membuat perancangan dan pihak kerajaan dengan begitu baik. Akan tetapi di peringkat pelaksanaan biasanya arahan tidak sampai ke bawah, biasanya kalau di Pantai Timur dipanggil penghulu. Penghulu itu sendiri tidak akan *direct* sampai kepada JKKK di bawah jagaan masing-masing. Jadi saya berharap kementerian membuat pemantauan. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator oleh kerana lebih banyak syor-syor ataupun rekomen dan cadangan-cadangan yang begitu bernas juga baik. Kami atau pihak kementerian akan mengambil maklum ke atas semua cadangan itu. Oleh kerana saya rasa tidak ada sebenarnya soalan, cuma berkongsi pengalaman, jadi saya tidak ada jawapan. Cuma saya membuat satu komen sahaja, oleh kerana Yang Berhormat Senator menyebut tidak sampai, saya bagi pihak kementerian mengatakan bahawa ya mungkin tidak sampai.

Oleh kerana itu kami sentiasa mengambil langkah-langkah bagaimana kita boleh menambahbaikkan kaedah-kaedah supaya program ini akan lebih baik, kita akan usahakan nanti untuk kita mencapai hasrat sebenar.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah menyebut mengenai Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad telah membangkitkan isu berkenaan program Gerakan Daya

Wawasan. Gerakan Daya Wawasan merupakan inisiatif kementerian untuk memperkasakan kepimpinan institusi JKKK dan JKKP agar berwibawa serta berdikari dan seterusnya berperanan secara berkesan dan untuk mengaktifkan penglibatan komuniti setempat bagi merealisasikan wawasan desa maju, menarik dan menguntungkan. Bagi tujuan ini, kementerian telah melaksanakan beberapa pendekatan bersepadu ke arah mencapai inisiatif tersebut iaitu:

■1250

- (i) mendaftar kesemua 15,552 JKKK dan JKKKP di seluruh negara sebagai Kampung Gerakan Desa Wawasan pada tahun 2003. Kementerian telah melantik agensi-agensi di bawahnya sebagai penggerak kampung-kampung tersebut. Fungsi utama penggerak adalah sekadar memberi nasihat, idea dan kesedaran kepada JKKK dan JKKKP untuk memantapkan kepimpinan urus tadbir kampung masing-masing;
- (ii) mengadakan pelbagai kursus ataupun program pemantapan JKKK dan JKKKP melalui Program Pemerksaan JKKK/JKKKP, Program Mentor Mentee, Program Outreach bersama Menteri, Kursus Kepimpinan JKKK dan JKKKP, simulator transformasi luar bandar dan sebagainya. Dalam konteks ini, Institut Kemajuan Desa (INFRA) sebuah agensi latihan di bawah KKLW bertindak selaku agensi pelaksana. Peranan INFRA ini amat penting sekalilah.
- (iii) mewujudkan pelbagai bentuk...

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Beri laluan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...Pertandingan seperti ilmiah Ilham Desa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang Berhormat Menteri, maksud saya dalam ucapan itu begini. Kementerian Luar Bandar telah bagi satu kampung setiap tahun berpanjangan.

Jadi bermakna kampung itu yang maju, yang aktif, yang gerak. Lain-lain kampung keliling, tidak terlibat. Dalam satu kawasan, ia ada beberapa kampung, tetapi kampung itu sahaja yang dipilih. Akan tetapi ada kampung yang dipilih tidak melalui wakil rakyat kawasan. Wakil-wakil rakyat lama dahulu sampai sekarang tidak *mari*. Jadi, makna kampung-kampung lain dia pun cuba hendak maju kampung ia secara ekonomi dan lain-lain. Akan tetapi hari ini tidak ada. Cuba kementerian fikir, bagi hadlah. Kalau kampung ini sudah maju, kita ubah kampung yang lain pula. Jadi makna kampung-kampung itu supaya dapat bersama-sama dengan kementerian. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat sebelum tahun 2003, kampung-kampung yang saya sebut tadi ada 15,000 buah kampung di seluruh negara kita dipilih. Sekarang sejak tahun 2003, kesemua kampung itu masuk secara automatik dalam program Gerakan Daya Wawasan. Dari di situlah berperingkat-peringkat pertandingan dibuat, jawatankuasa menilai siapa yang sepatutnya menang. Memanglah kalau sudah jadi johan di peringkat daerah, jadi lebih tinggi lagi di peringkat biasanya. Jadi, memang kampung itulah kita beri anugerah dan kita bantu sepanjang tahunnya.

Jadi ini ada satunya kaedah, mungkin bukan kaedah yang terbaik sekali tetapi pada pandangan kami ini satu kaedah bagaimana kita boleh juga memotivasikan kampung-kampung yang belum membangun itu. Di mana kita tadi hendak contohnya, supaya mereka yang menang ini dicontohi oleh kampung-kampung yang lain. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat kerana saya dari Sarawak. Banyak juga kampung-kampung di Sarawak seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mungkin kalau tidak dibantu dengan cara lain, mungkin mereka tidak berpeluang sama sekali memenangi anugerah. Jadi, memang kementerian ini akan senantiasa mencari jalan yang terbaik, mencari kaedah yang terbaik.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Boleh kita hadkan? Ia sudah menang kata lima tahun berturut. Sudah menang, bagi orang lain pula. Supaya orang lain pun dapat merasai nikmat-nikmat yang diperuntukkan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Memang begitulah yang sudah menang, kita tidak akan bagi ia menang setiap tahun. Memang bagi peluang pada orang lain. Pertandingan begitulah Yang Berhormat. Pertandingan lain ada yang *champion* dia selalunya tiga tahun, selepas itu haruslah mungkin bagi peluang kepada orang lain. Ini sebagai contoh. Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan yang begitu baik sekali. Saya teruskan.

- (iii) mewujudkan pelbagai bentuk pertandingan seperti Anugerah Ilham Desa (AID), Anugerah Desa Cemerlang (ADC) dan sebagainya. Melalui hadiah projek yang dimenangi, kampung Gerakan Daya Wawasan akan melaksanakan pelbagai aktiviti ekonomi yang dapat mengisi tabungan kampung bagi tujuan membiayai kos pengurusan kampung; dan
- (iv) mengiktiraf kampung-kampung GDW yang berjaya mengekalkan kecemerlangan secara konsisten melalui Program Desa Lestari abad ke-21. Melalui program yang baru diperkenalkan pada tahun 2013 ini, kampung-kampung yang terpilih akan menubuhkan koperasi sebagai platform baru untuk melaksanakan projek-projek ekonomi berskala besar yang dapat meningkatkan pendapatan dan membuka peluang pekerjaan penduduk kampung tersebut, khususnya golongan belia setempat.

Oleh itu jelas di sini bahawa mendaftar sebagai GDW tidak memberi sebarang keistimewaan atau kelebihan kepada sesebuah kampung itu dari penyaluran projek, peruntukan dan sebagainya. Sebaliknya usaha gigih kepimpinan kampung GDW secara berterusan untuk berwibawa dan berdikari adalah kunci utama kejayaan GDW ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian telah membangkitkan dengan panjang lebar berkenaan isu berkaitan masyarakat Orang Asli. Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat tentang fungsi dan tanggungjawab Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang harus dilihat semula agar lebih menjurus kepada pembangunan masyarakat ala FELDA melalui organisasi yang berstatus badan berkanun kerajaan. Kerajaan buat masa ini belum bersedia untuk menjadikan JAKOA sebagai sebuah badan berkanun Yang Berhormat. Ini disebabkan kerajaan melalui JAKOA sedang menumpukan kepada perancangan dan pelaksanaan pembangunan prasarana serta sosial ekonomi

kepada masyarakat Orang Asli selaras dengan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli tahun 2011 ke 2015, lima tahun pelan ia.

Di samping itu juga, kerajaan sedang menambahbaikkan dasar pemberi milikan dan pembangunan tanah Orang Asli serta pindaan Akta 134, Akta Orang Asli yang bersesuaian mengikut arus pembangunan negara dan aspirasi masyarakat Orang Asli. Kerajaan juga sentiasa berusaha menetapkan...

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, sila.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat. Menyentuh tentang pembangunan sosial ekonomi masyarakat Orang Asli dan saya ucapkan tahniah di atas usaha-usaha gigih yang dibuat oleh kementerian melalui JAKOA. Saya ingin mencadangkan supaya aspek pendidikan yang memang pun telah ditekan oleh kementerian dapat terus diusahakan di peringkat prasekolah dan juga taman asuhan yang mana pada masa ini jika ia sekadar bergantung kepada program yang sedia ada di bawah kementerian-kementerian yang lain, mungkin banyak kampung-kampung Orang Asli yang jauh di pedalaman tercicir. Oleh itu, saya harap dapat satu pendekatan khas atau pendekatan yang khusus dibuat supaya ramai anak-anak ini tidak tercicir daripada arus pembangunan pendidikan di peringkat awal. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Itu tiada soalan cuma komen-komen dan cadangan-cadangan yang begitu baik sekali untuk kami di peringkat kementerian dan juga Jabatan JAKOA untuk kita ambil perhatian dan boleh mengambil langkah bagaimana kita boleh menambahbaikkan dan bagaimana kita boleh membantu anak-anak Orang Asli di peringkat prasekolah. Dalam jawapan nanti Yang Berhormat, ada juga dihuraikan berkenaan dengan pendidikan awal bagi anak-anak Orang Asli.

Saya teruskan ya. Kerajaan juga sentiasa berusaha meningkatkan perkhidmatan yang lebih efisien dan berteknologi dalam sistem penyampaian untuk membangunkan masyarakat Orang Asli melalui sistem pangkalan data maklumat e-Damak yang...

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...Menyimpan *profile* ketua dan ahli isi rumah. Melalui kedah ini bantuan pembangunan dapat disalurkan dengan cepat dan tepat. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya JAKOA dijadikan badan berkanun persekutuan dalam masa terdekat ini, ia dikhuatiri...

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana masa telah tepat menunjukkan jam 1 tengah hari, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang ini. Sekian. terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung nanti.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, baiklah. Tanpa melengahkan masa, kita menjemput Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Alex untuk meneruskan jawapan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan ucapan. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya JAKOA dijadikan badan berkanun persekutuan dalam masa terdekat ini, ia dikhuatiri boleh menjejaskan usaha-usaha pembangunan kepada masyarakat Orang Asli kerana memerlukan peruntukan dan perbelanjaan sendiri bagi membiayai operasi pengurusan.

Malah, untuk mendapatkan hasil pendapatan dan kewangan buat masa ini adalah amat sukar dan masih memerlukan bantuan peruntukan daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak kerajaan merasakan dan berkeyakinan bahawa sudah sampai masanya untuk masyarakat Orang Asli berdikari, maka cadangan ini boleh dilaksanakan.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Silakan.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membuat cadangan begitu kerana adalah 60 tahun lebih Jabatan Kemajuan Orang Asli ini ditubuhkan. Begitu juga saya mencadangkan supaya dijadikan badan berkanun kerajaan bukan bermakna badan itu ia menyara diri seperti RISDA. RISDA sendiri semua perbelanjaan pengurusan, emolumennya adalah ditanggung oleh kerajaan. Begitu juga dengan kos-kos pembangunan, projek-projek, program-program pembangunan ini adalah duit yang disalurkan oleh kerajaan. Bukan bermakna kalau saya cadangkan Jabatan Kemajuan Orang Asli ini dijadikan badan berkanun kerajaan, ia menyara diri. Bukan! Jadi saya ingat, ini berlaku kesilapan sedikit Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Saya juga mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi yang hendak mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Silakan.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh berkaitan dengan Orang Asli di Sungai Pergan, Kemaman iaitu ada sebanyak 144 keluarga, 128 buah rumah, berkaitan dengan pendidikan. Saya dimaklumkan bahawa Orang Asli ini koperasinya amat teguh. Simpanannya ada jutaan ringgit. Betulkan saya kalau saya silap. Kemudian mereka pernah dibawa melawat ke luar negara sehingga ke Australia, ke Thailand dan sebagainya. Semuanya menggunakan duit koperasi mereka yang berjumlah jutaan ringgit sebab mereka ini menyimpan duit tabungan besar.

Masalahnya, setiap kali saya pergi ke sana, mereka akan bersungut berkaitan anak-anak mereka yang terdiri daripada 78 orang sekolah kebangsaan dari Tahun 1 hingga Tahun 6 tetapi apabila sampai Tahun 6, hendak masuk ke sekolah menengah, mereka terpaksa berhenti. Masalahnya, kenaikan daripada perkampungan Orang Asli Sungai Pergan ke sekolah menengah, agak saya rasa dalam 20 kilometer mungkin tidak silap, sekolah menengah yang berdekatan, membuatkan mereka tidak menyambung belajar. Mungkin atas kurang kesedaran tentang pelajaran. Jadi, saya mengesyorkan sekiranya maklumat ini betul, apalah kiranya kalau koperasi itu menggunakan duit yang ada itu untuk menampung kenderaan dan sebagainya dan kemudahan anak-anak untuk belajar untuk masa depan mereka. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani.

Timbalan Yang di-Pertua: Mikrofon Yang Berhormat, mikrofon.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah. Jadi, oleh kerana soalan itu lebih kepada saranan ataupun cadangan daripada Yang Berhormat sendiri, saya berharap, pegawai-pegawai yang berada di dalam Dewan ini dan kami akan mengambil maklum oleh kerana pandangan itu adalah amat berguna supaya kita dapat bagaimana hendak memantau koperasi itu ataupun kalau boleh kita menegur koperasi itu supaya mereka lebih menggunakan duit yang ada kepada mereka itu kepada yang lebih bermakna untuk membantu pelajar-pelajar, bukan sekadar untuk pergi melawat. Terima kasih.

Untuk buat respons kepada Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah tadi, kalaulah satu badan itu menjadi badan berkanun, sememangnya ada yang diperlukan untuk badan itu sebagai korporatnya menyara diri. Akan tetapi betul juga seperti RISDA dan yang lain yang ada, kerajaan masih lagi menyalurkan kewangan kepada badan itu. Jadi memang saya sudah sebut ini bagi pihak kementerian bahawa kalau sekarang sekiranya ditekankan, diperlukan untuk JAKOA ini dibuat seperti mana yang disarankan oleh Senator, sebab itulah dalam jawapan ini tadi, memang jelas disebut sekiranya diperlukan, boleh juga kita melihat kepada itu dan menjurus kepada itu ya Yang Berhormat?

Jadi, Yang Berhormat Senator juga ada membangkitkan berkaitan dengan perancangan bekalan air bersih di perkampungan Orang Asli kepada baki 175 buah perkampungan yang belum menerima bekalan air terawat. Usaha tersebut merupakan satu komitmen berterusan pihak kerajaan bagi memastikan perkampungan Orang Asli mendapat bekalan air terawat keseluruhannya. Bukan itu sahaja, pihak kementerian komited ingin memastikan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli dapat dilengkapi menjelang tahun- kita ada sasaran iaitu tahun 2017.

Pada tahun 2013, sebanyak RM56.7 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek bekalan air terawat di perkampungan Orang Asli yang melibatkan sebanyak 60 kampung. Projek-projek tersebut sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap selewat-lewatnya pada bulan Mei tahun depan 2014. Manakala sejumlah RM20 juta lagi akan disalurkan pada tahun 2014 bagi pelaksanaan projek tersebut secara berterusan.

Dalam melaksanakan projek pembangunan di perkampungan Orang Asli, sememangnya terdapat banyak cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi seperti kedudukan jauh di pedalaman, masalah lalu, rundingan dengan masyarakat setempat dan sebagainya.

■1440

Oleh itu, pihak kementerian menerusi JAKOA perlu mengkaji serta meneliti keperluan projek dan Program Pembangunan Masyarakat Orang Asli dari semasa ke semasa dan melaksanakannya mengikut keutamaan. Ini memerlukan usaha-usaha yang berterusan demi memastikan keperluan minoriti ini mendapat nikmat pembangunan seiring dengan masyarakat umum dan dapat bergerak seiringan di dalam arus perdana. Untuk makluman...

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, sila.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa RM5.6 juta untuk bekalan air di perkampungan Orang Asli. Saya ingin mengemukakan soalan, sama ada sistem Lexington yang telah dilaksanakan sehingga kini di kampung-kampung Orang Asli akan terus dilaksanakan atau tidak? Ini kerana di daerah Rompin dan di kawasan saya sendiri di Muadzam Shah, DUN Muadzam Shah terdapat sistem ini telah dilaksanakan dan ia menimbulkan banyak masalah kerana ia melibatkan air bawah tanah.

Kita dapati juga sistemnya menggunakan diesel untuk menjana kuasa menyedut air tersebut dan ia menimbulkan banyak masalah dan sehingga kini ada lagi projek-projek tersebut yang telah siap dibina tetapi tidak dapat digunakan. Soalan saya, apakah kementerian akan terus melaksanakan sistem ini yang didapati tidak begitu berkesan. Walaupun ada yang boleh digunakan tetapi sebahagiannya lagi menimbulkan banyak masalah setempat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Maznah. Kementerian dalam usaha hendak membela rakyat termasuk masyarakat orang Asli ini memang kita hendak memberi kepada mereka sistem yang terbaik. Jadi, sistem ini kalau sudah jelas menimbulkan banyak masalah, kita hanya meneruskan menggunakan sistem ini hanya oleh kerana kita tidak dapat sistem yang lain.

Sekurang-kurangnya mereka ada air di mana kita boleh beralih kepada sistem yang lebih baik, kita akan buat sedemikian nanti. Jadi, terima kasih lah Yang Berhormat kerana prihatin kepada mereka dan membantu kami di kementerian untuk kita mencari apa sistem yang lebih baik.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Olian, kementerian ini sememangnya menyedari akan isu-isu berkaitan tanah orang Asli yang seiring dibangkitkan termasuklah isu pemilikan tanah individu yang hanya seluas 1,489.7 hektar dan kedudukan tanah yang diwartakan hanya seluas 23,984 hektar. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, sememangnya menjadi keutamaan kementerian ketika ini untuk melaksanakan kerja-kerja ukur tanah bagi kawasan penempatan Orang Asli dan juga kawasan-kawasan untuk tujuan pembangunan serta aktiviti-aktiviti ekonomi Orang Asli secara tersusun dan bersepadu.

Pada tahun 2012, kerja-kerja ukur telah ...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh minta ...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya selesaikan dahulu. Pada tahun 2012 kerja-kerja ukur telah dilaksanakan di 188 lokasi dengan keluasan 23.03 hektar melibatkan peruntukan berjumlah RM10 juta. Sila.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan saya Raub, ada beberapa kampung Orang Asli dan mereka ada tanah Orang Asli dan selalu didapati tanah itu terbiar atau disewa kepada orang Cina khususnya. Jadi, apa langkah-langkah oleh kementerian untuk menjaga kepentingan orang Asli supaya tanah ini tidak diguna untuk orang lain yang bukan Orang Asli? Jadi, adakah langkah-langkah yang membangunkan tanah itu sampai ada hasil seperti FELDA? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat, sesungguhnya kerajaan tidak mahu masyarakat ini, masyarakat orang Asli di *taken advantage of* boleh dikatakan begitu oleh pihak-pihak lain tidak kira siapa. Jadi, memang kita mengharapkan mereka yang memiliki tanah ini menggunakan tanah ini sependai-pandainya untuk mendapatkan hasil untuk mereka sendiri. Kalau tidak pun, mengapa tidak mereka tampil ke hadapan, mohon bantuan daripada pihak jabatan supaya bagaimana kita boleh membantu mereka.

Oleh sebab kita ada program membantu dalam membangunkan tanah-tanah terbiar. Adakah tanah ini kepunyaan mereka, ada hak milik? Jadi, begitulah, saya harap Yang Berhormat Senator boleh nasihatkan mereka datang kepada jabatan untuk memikirkan bagaimana kita boleh membantu mereka. Yang Berhormat sendiri boleh bantu kan. Okey?

Jadi, sebab ...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh ...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi yang hendak mencelah Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, ada lagi yang hendak mencelah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, saya pagi tadi diberi tahu supaya saya siapkan jawapan secepat mungkin kerana melibatkan masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul sebab kita ada ...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Akan tetapi kalau terlalu banyak yang mencelah, terlalu ramai yang mencelah, nanti mungkin kita mengambil masa. Silalah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua: Mikrofon, mikrofon. Mikrofon itu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kalau boleh jawab, jawab lah. Setidak-tidaknya ...

Timbalan Yang di-Pertua: Buat secara singkat. Singkat ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Di dalam..., boleh?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Dalam rekod Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah bercakap dengan seorang pakar mengenai kajian Orang Asli ini. Profesor Emeritus Hood Salleh. Saya tanya kepada beliau, pada pandangan beliau apa agaknya perancangan yang paling komprehensif yang pernah digubal, dihasilkan oleh kerajaan untuk menaiktarafkan kedudukan orang Asli dari segala segi?

Profesor Hood tidak dapat memberi jawapan yang tuntas *on the spot*. Akan tetapi, katanya inilah perkara yang patut diberi perhatian. Saya hendak tahu, ada tidak pada masa ini satu perancangan yang

betul-betul komprehensif untuk jangka pendek dan untuk jangka panjang untuk menaiktarafkan kedudukan sosioekonomi dan segala-galanya mengenai Orang Asli ini? Itu sahaja soalan saya ini. Kalau boleh jawab, jawab. Setidak-tidaknya saya mahu soalan ini ada dalam *Hansard* atau rekod.

Selain dari itu, terlajak itu sebenarnya, sejauh mana umpamanya ...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, cukup.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu dahulu Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak mengingatkan Ahli Dewan ini dan juga termasuk pihak kementerian sekali. Kita masih ada lagi 16 buah kementerian yang harus menjawab hari ini dan kita cuma ada hari ini sahaja untuk kementerian menjawab. Jadi, saya minta kerjasama semua. Pertamanya, pihak kementerian apabila menjawab buatlah secara padat, ringkas, *and straight to the point*. Itu satu.

Kepada Ahli-ahli Dewan, semasa mencelah itu celahlah yang relevan. Kalau tidak perlu tidak payah mencelah. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menjawab secara terperinci saya tidak akan buat. Cuma saya berkongsi dengan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus. Buat masa sekarang kementerian atau pun kerajaan dalam usaha untuk menyelesaikan sesi konsultasi dalam *inquiry* SUHAKAM sebab kita hendak meminda akta berkaitan dengan Orang Asli.

Jadi, di situlah kita buat langkah-langkah bagaimana kita hendak membanyakkan lagi atau memperhebatkan lagi strategi untuk kita membantu masyarakat Orang Asli. Jadi, oleh kerana jawapan berkaitan dengan...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...Kerja-kkerja pengukuran tadi terputus kerana ada pencelahan. Saya teruskan dahulu Yang Berhormat ya. Saya teruskan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biarkan Yang Berhormat Menteri habis, selepas itu Yang Berhormat mencelah, boleh tidak?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya. Manakala kerja-kkerja ukur tersebut diteruskan lagi pada tahun 2013 melibatkan 22 lokasi lain dengan peruntukan RM1.2 juta dan keluasan tanah berjumlah 3,499.31 hektar. Jadi, seperti mana Yang Berhormat maklum, berdasarkan perundangan dan peraturan sedia ada seperti Enakmen Tanah, Perlembagaan Persekutuan dan Kanun Tanah Negara, tanah adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri atau Kerajaan Negeri berkenaan. Jadi, Yang Berhormat hendak celah tak?

■1450

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi saya fikir dalam soal pemberian hak milik tanah kepada masyarakat Orang Asli ini, tidak timbul isu sama ada kita menunggu *inquiry* oleh SUHAKAM ataupun kita hendak meminda Akta 134 kerana di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 8(5)(C) telah jelas bahawa kerajaan boleh mengadakan peruntukan-peruntukan tertentu termasuk merizabkan tanah kepada masyarakat Orang Asli. Jadi saya ingat tidak perlu kita tunggu *inquiry* tanah oleh SUHAKAM. Jadi sekarang ini yang mana yang lebih berkuasa? Sama ada SUHAKAM ataupun pihak kerajaan?...

Seorang Ahli: Ya, ya [*Tepuk*]

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Dalam soal ini juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan berkenaan dengan isu adakah pihak kerajaan bersedia untuk meminda Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan? Ini kerana kebajikan masyarakat Orang Asli ini diletakkan di bawah senarai yang pertama. Senarai kedua, senarai kerajaan negeri. Jadi adakah pihak kerajaan bersedia untuk meletakkan kebajikan masyarakat Orang Asli ini di senarai yang ketiga iaitu tanggungjawab bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri? Ini kerana tanah ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Ya. Yang Berhormat, seperti telah saya sebutkan tadi, kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah yang kita tidak mahu tergesa-gesa sebab SUHAKAM sebagai satu badan, mereka juga membuat banyak juga kajian dan juga buat *inquiry*. Mereka ada beberapa pandangan sendiri juga. Jadi kementerian haruslah membuat konsultasi supaya semua *stakeholders* dalam perkara ini mendapat ruang dan peluang untuk mengemukakan atau mengutarakan pandangan-pandangan mereka dan kerajaan sesungguhnya kita bersedia buat apa-apa yang sepatutnya yang boleh membantu masyarakat Orang Asli. Kita hendak *menforward*, bukan kita tidak mahu. Jadi Yang Berhormat sendiri pun saya ingat banyak juga terlibat dengan JAKOA dan terima kasihlah oleh kerana Yang Berhormat begitu prihatin kepada Orang Asli.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Dalam jawapan pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu begitu terperinci dalam perkara ini sebab kita masih belum putuskan apakah yang kita hendak buat tetapi tidak lama lagi kita berharap tahun depan kita dapat membawa kepada Dewan untuk kita buat pindaan akta itu dan di situlah kita berharap kita boleh lebih menyeluruh dalam usaha-usaha kita hendak membela masyarakat Orang Asli. Manakala Jabatan Kemajuan Orang Asli adalah merupakan Jabatan Persekutuan yang bertanggungjawab untuk menjaga atau melindungi kepentingan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia untuk kesejahteraan dan kemajuan mereka sejajar dengan peruntukan-peruntukan Akta Orang Asli 1954.

Berhubung cadangan pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk meletakkan kebajikan seperti mana yang telah disebut tadi sebab jawapan ada Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat ini cepatlah. Orang Asli dalam senarai tiga iaitu senarai bersama, jabatan tiada halangan dan mengalu-alukan cadangan tersebut dalam memastikan kepentingan masyarakat Orang Asli terjaga.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pada tahun 2013, jumlah pelajar Orang Asli di sekolah rendah adalah seramai 27,936 orang dan sekolah menengah pula seramai 12,968 orang pelajar. Pada 21 Jun 2013, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk memastikan matlamat dan mengurangkan keciciran pelajar di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli adalah seperti berikut dan ini tambahan kepada jawapan yang telah diberikan juga kelmarin oleh Yang Berhormat daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Jadi langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) menyediakan kemudahan pengangkutan pelajar ke sekolah;
- (ii) pemberian insentif wang saku kepada pelajar Orang Asli di sekolah menengah dengan kadar RM2 setiap pelajar sehari;
- (iii) pembiayaan yuran persekolahan;
- (iv) pemberian Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia;
- (v) penyediaan Rancangan Makanan Tambahan di sekolah rendah kepada pelajar Orang Asli yang berada di kawasan pedalaman;
- (vi) mengadakan pelbagai kursus dan seminar perubahan minda kepada ibu bapa dan pelajar seperti Program Mesra Didik, Program SKOR dan juga Program Pembangunan Minda Insan (PPMI);
- (vii) memperluaskan kokurikulum pendidikan khas kepada ibu bapa Orang Asli melalui Kokurikulum Dewasa Asli Penan (KDAP) di kawasan penempatan Orang Asli dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (viii) penyediaan kemudahan prasarana pendidikan seperti memperluaskan liputan Sekolah Modal Khas Komprehensif (K9); dan
- (ix) membina asrama untuk pelajar sekolah menengah khususnya di daerah yang kekurangan asrama dan membina pusat intelek pelajar Orang Asli di Kuala Rompin, Pahang yang menempatkan pelajar Orang Asli sederhana cemerlang.

Berdasarkan rekod JAKOA, secara puratanya kanak-kanak Orang Asli yang berada di prasekolah ialah sebanyak ataupun seramai 5,319 orang dan yang bersekolah rendah seramai 27,936 setahun daripada tahun 2000 ke 2013. Manakala secara purata peratusan pelajar Orang Asli yang pergi ke sekolah dalam tempoh tahun 2000 ke 2013 sebanyak 100% bagi sekolah rendah dan 60% sekolah menengah. Kesemua sekolah dan tadika telah mempunyai kemudahan asas bekalan air dan elektrik seperti elektrik 12 jam, solar hibrid dan generator. Manakala sebanyak 80% sekolah disediakan bekalan air bersih dan terawat. Sehingga kini, bilangan masyarakat Orang Asli yang berkhidmat sebagai guru di tadika KEMAS adalah seramai 149 orang. Bagi meningkatkan jumlah kelas tadika, pihak JAKOA telah menghantar permohonan ke KEMAS dari semasa ke semasa bergantung kepada jumlah peruntukan.

Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) telah mula didirikan pada tahun 2010 yang menempatkan pelajar Orang Asli sederhana cemerlang UPSR iaitu 2A hingga 3A. Di antara objektif PIPOA adalah seperti berikut:

- (i) melahirkan pelajar Orang Asli yang cemerlang dari segi akademik;
- (ii) menyediakan kemudahan pelajaran dan pembelajaran yang sempurna;
- (iii) meningkatkan tahap pendidikan pelajar Orang Asli di peringkat menengah;
- (iv) menambah bilangan cerdik pandai Orang Asli;

- (v) mengurangkan kadar keciciran; dan
- (vi) peluang kepada pelajar Orang Asli yang tidak mendapat tawaran sekolah berasrama penuh.

Sehingga kini seramai 67 orang pelajar Orang Asli telah diterima masuk ke PIPOA dalam tingkatan satu dan dua. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA sedang dalam proses pembinaan PIPOA yang kedua di Kampung Tok Jembal, Kuala Terengganu dan dijangka beroperasi pada tahun 2015 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun telah mencadangkan pembinaan banyak lagi *Rural Transformation Center* (RTC) terutama sekali di negeri Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan telah bersetuju menjadikan bangunan kompleks niaga di Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun sebagai RTC Terengganu. Pada masa ini, kerja-kerja tapak dan ubah suai sedang dalam peringkat pelaksanaan dan RTC Terengganu dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada bulan Februari 2014.

Selain itu, terdapat sebanyak 36 mini RTC yang telah dikenal pasti di negeri Terengganu yang bertujuan menyokong pembangunan RTC ini. Bagi tujuan penubuhan *Urban Transformasi Centre* (UTC) pula, ianya adalah satu projek di bawah pelaksanaan oleh Kementerian Kewangan dan berdasarkan Ucapan Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebuah UTC akan dibina di Terengganu. Setakat ini, Kementerian Kewangan bersama kerajaan negeri sedang dalam proses mengenal pasti lokasi yang bersesuaian untuk dijadikan UTC di negeri Terengganu.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman telah membangkitkan berkenaan dengan program *Role Business Challenge* (RBC). Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi menyalurkan geran perniagaan yang dimenangi oleh pemenang pertandingan RBC, kementerian menggunakan mekanisme tiga peringkat Jawatankuasa RBC iaitu:

- (i) Jawatankuasa Projek RBC;
- (ii) Jawatankuasa Teknikal RBC; dan
- (iii) Jawatankuasa Penyelarasan Program RBC.

Melalui mekanisme ini kementerian bertindak sebagai badan kawal selia dengan kerjasama pelbagai agensi, jabatan kerajaan yang lain dalam memastikan proses perolehan diuruskan secara telus dengan mengutamakan *value for money* dan akauntabiliti awam. Di samping memberi bimbingan dan memantau prestasi syarikat pemenang secara berterusan dalam tempoh pembiayaan hadiah terutamanya bagi syarikat yang baru menceburi bidang perniagaan. Geran perniagaan akan disalurkan oleh kementerian kepada pihak pembekal yang berjaya secara berfasa berdasarkan unjuran perbelanjaan serta tahap kemajuan operasi syarikat pemenang.

Selain daripada membiayai geran perniagaan bagi tujuan pengembangan perniagaan syarikat pemenang, kementerian juga menyediakan program sokongan bagi tujuan meningkat dan mengembangkan perniagaan pemenang serta pengurusan program. Aktiviti-aktiviti yang terlibat meliputi promosi dan pemasaran produk latihan, peningkatan kemahiran perniagaan serta penyelidikan dan pembangunan produk.

Secara umumnya, penyertaan bagi pertandingan ini adalah terbuka kepada semua belia warganegara Malaysia yang berumur di antara 18 tahun hingga 40 tahun sama ada secara perseorangan atau lebih. Syarikat *enterprise* perkongsian atau berstatus sendirian berhad bagi menjalankan perniagaan di kawasan luar bandar.

Usahawan dan bakal usahawan belia yang berminat perlu mengemukakan dua set rancangan perniagaan mengikut format yang telah ditetapkan semasa tempoh penyertaan pertandingan dibuka. Dalam melaksanakan program-program ekonomi dan keusahawanan, khususnya pertandingan RBC ini, kementerian tidak mengkhususkan kepada mana-mana kelompok mengikut jantina. Untuk makluman Yang Berhormat, pertandingan RBC tahun 2013 telah mencatat penyertaan lebih 40% golongan wanita dan ramai juga pemenang yang mendapat anugerah RM2 juta itu adalah dari wanita juga.

Walaupun tiada program kementerian yang dikhususkan khusus untuk golongan wanita, namun mereka boleh menyertai pelbagai program yang dilaksanakan oleh kementerian secara terbuka. Antara program yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi kementerian kepada kumpulan sasar yang terlibat ialah:

- (i) pembiayaan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan;
- (ii) latihan kemahiran, penyediaan infrastruktur perniagaan serta pemasaran dan promosi produk.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah...

Timbalan Yang di-Pertua: Tiada dalam Dewan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tidak ada, secara bertulis ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya buat secara bertulis Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh? Okey. Isu berkaitan dengan MARA. Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu berkaitan agensi MARA, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman- tidak apa sebab ada beberapa orang. Telah membangkitkan isu usahawan yang dilahirkan oleh MARA. Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2009 hingga 30 Oktober tahun 2013 seramai 85,578 orang usahawan telah diberikan kemudahan latihan keusahawanan, program pemasaran, tekno usahawan dan pembangunan standard perniagaan.

Di samping itu, MARA turut memberikan kemudahan pembiayaan perniagaan kepada seramai 27,475 usahawan dalam tempoh semasa ke semasa. Bagi membantu meningkatkan lagi perniagaan usahawan bumiputera, MARA sedang mempertimbangkan cadangan bekerjasama dengan GLC bagi membangunkan kompleks perniagaan yang besar seperti *Tesco*.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun pula, bilangan pelatih kemahiran yang dikeluarkan oleh GiatMARA dan IKM adalah seperti berikut:

Tahun	GiatMARA	KKTM/IKM
2010	15,295	5,011
2011	14,855	5,350
2012	18,028	5,715
2013 sehingga Oktober	9,256	3,007
Jumlah	57,434	19,083

Bidang kursus yang ditawarkan adalah termasuk alam bina, automatif awam, pemprosesan bahan, bio perubatan, elektrik, elektronik, mekanikal pembuatan, mekanikal servis, minyak dan gas, seni dan reka bentuk, seni bina, mekanikal, pengangkutan automatif, pembuatan perabot, *electrical*, komputer dan IT, kreatif media dan *printing*, elektrik dan elektronik, fabrik jahitan, kulinari, *hairdressing* dan hospitaliti.

GiatMARA hanya menawarkan program sijil sahaja manakala IKM/KKTM menawarkan program sijil dan diploma. Bilangan pelajar yang akan menamatkan pengajian untuk tempoh lima tahun akan datang mulai tahun 2013 ini hingga tahun 2018 ialah seramai 25 orang pelajar untuk IKM dan KKTM manakala seramai 90,000 orang pelajar untuk GiatMARA.

MARA akan memperkenalkan bidang-bidang kursus baru selaras dengan keperluan NKEA seperti bioteknologi yang memfokuskan kepada pemprosesan herba dan *natural product* serta *renewable energy* di samping kursus-kursus lain yang diperlukan oleh industri terkini. Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany pula, pihak kementerian akan menjawab isu yang berkaitan dengan MRSM sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengetua dan timbalan pengetua MRSM terlibat secara langsung dan perlu fokus kepada urusan pentadbiran perancangan program maktab dan hal ehwal pelajar. Pengetua dan timbalan pengetua juga terlibat dengan pemantauan bagi segala perancangan di maktab dan pengajaran guru bagi memastikan kualiti dan prestasi pendidikan di MRSM berada pada tahap yang tinggi pada setiap masa. Waktu bekerja dan cuti pengetua dan timbalan pengetua juga tidak sama dengan waktu bekerja dan cuti guru yang mengikut cuti semester.

Walau bagaimanapun, pengetua dan timbalan pengetua terlibat dengan mengajar kelas-kelas gantian guru di MRSM yang menghadiri kursus bengkel, mesyuarat bagi peningkatan kompetensi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan meneruskan pelaksanaan...

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh, boleh yang bertanya.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Mengenai guru-guru di MRSM itu saya ingin bertanya. Sebenarnya kalau begitu penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ertinya Pekeliling 11/2007 Ikhtisas Perkhidmatan Awam itu tidak diikuti. Ertinya, pekeliling itu tidak diguna oleh MRSM. Adakah itu jawapannya ya atau pekeliling itu telah ditarik balik. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Minta maaf Yang Berhormat Senator sebab untuk mempercepatkan ini saya buat masa sekarang tidak dapat menjawab sebab saya tidak pasti. Bolehkah saya menjawab secara bertulis supaya Yang Berhormat dapat maklumat yang tepat sekali tentang perkara itu. Terima kasih.

■ 1510

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah, buat signal mohon supaya diberi jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin dijawab dengan ringkas Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh ringkas ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan ya. Kalau dapat sama rata sajalah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sebab jawapan sudah sedia. Kalau boleh mungkin tidak ada tambahan. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah telah membangkitkan isu berkenaan pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) terutama sekali pelaksanaan pra sekolah di bawah KEMAS. Tuan Yang di-Pertua, semua Tabika KEMAS mengguna pakai Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK) yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Jadi kelmarin pun sudah dijelaskan oleh Kementerian Pelajaran.

Jadi KSPK ini memberi fokus kepada perkembangan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Setelah melalui proses pembelajaran menggunakan kurikulum ini, seorang kanak-kanak akan dapat meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri mereka untuk berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak.

Saya percaya Yang Berhormat Senator amat prihatin terhadap perkembangan dan tahap pembesaran dan pembelajaran anak-anak kecil kita. Namun Yang Berhormat tidak perlu risau kerana kerajaan memberi jaminan bahawa tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh ibu bapa kepada pusat-pusat pra sekolah dan tadika-tadika ini akan dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab. Kebanyakan tenaga pengajar adalah mereka yang berpengalaman dalam bidang didikan dan asuhan kanak-kanak dan pihak KEMAS sentiasa memastikan bahawa tenaga-tenaga pengajar yang terlatih dan berpengetahuan dalam mendidik kanak-kanak kecil kita ini.

Kita juga sentiasa bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam memastikan silibus pembelajaran di pra sekolah di kemas kini dari semasa ke semasa. Ya, Yang Berhormat. Terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dirancang berdasarkan kepada peruntukan bajet yang telah diluluskan...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...Akan disediakan dari semasa ke semasa dan pembangunan ekonomi dan minda insan akan turut dilaksanakan bagi membolehkan rakyat bersedia dalam kehidupan mereka. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka dengan keperluan rakyat terutama sekali di luar bandar. Kerajaan menghargai sokongan masyarakat luar bandar dan terus menerus menyokong kerajaan Barisan Nasional. Ya sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yang sebenarnya sangat kagum dengan kejayaan MARA. Istimewa pula dengan latihan dan juga pengajian tinggi dan sebagainya semenjak ianya ditubuhkan. Akan tetapi baru-baru ini kita dengar bahawa dalam surat khabarlah mengatakan MARA sekarang sedang giat untuk membuat pelaburan di luar negara. Membeli harta-harta di London misalnya ikut PNB, ikut KWSP. Kita faham mengapa PNB kena labur di

luar negara kerana untuk mendapat pendapatan. Boleh jadi Yang Berhormat Menteri tidak boleh bagi jawab secara lisan pun, dengan secara bertulis. Apakah logiknya menggunakan wang ringgit MARA ini untuk membeli dan melabur di dalam luar negara seperti yang dibuat oleh KWSP dan PNB ini seolah-olah berlumba-lumba untuk *invest overseas* ini?

Apa logiknya untuk berbuat demikian? Tidakkah elok ataupun lebih bagus duit itu disimpan di dalam negeri dan dibelanjakan untuk MARA yang ditubuhkan iaitu untuk memperkuatkan kedudukan MARA dalam latihan, pengajian tinggi dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya sarankan Yang Berhormat jawab soalan yang dikemukakan semasa perbahasan itu dulu lepas itu jawapan untuk soalan Dato' Abdul Rahim itu Yang Berhormat buat secara bertulis dan saya minta setiausaha masukkan dalam urusan mesyuarat kita hari ini ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jawapan secara bertulis akan dimajukan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Sedikit saja Tuan Yang di-Pertua, apabila MARA hendak pergi di mana-mana pun, baik dalam negeri atau di luar negeri untuk melabur, sememangnya tujuan adalah untuk kita pada akhirnya *ultimately* untuk kita mendapat keuntungan. Itu memang ada tujuannya begitu. Akan tetapi secara menyeluruh Yang Berhormat ataupun lebih komprehensif, itu pokoknya tadi, baiklah saya akur kepada saranan ataupun nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua untuk jawapan secara bertulis akan dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sajalah jawapan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar pada kali ini dan sekiranya jawapan ini tidak memuaskan hati kesemua Yang Berhormat Senator-Yang Berhormat Senator, mohon maaf dan kalau boleh, kalau ingin lagi hendak mengetahui apa saja sila berhubung dengan kami dan dengan itu sekali lagi kementerian mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator lebih-lebih lagi mereka yang bangun membahaskan dalam kementerian kami. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih ke Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Silakan Yang Berhormat.

3.17 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada lima Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud dan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan MITI seperti perjanjian TPPA, industri halal, PKS, pegangan ekuiti bumiputera, industri automatif negara dan penglibatan bumiputera dalam industri pembuatan peranti perubatan semasa sesi perbahasan Belanjawan 2014.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali membangkitkan tentang TPPA ataupun Perjanjian Trans Pasifik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya tidak ada celahan

tentang TPPA sehinggalah saya selesai membacakan teks yang disediakan yang telah saya pun ubahsuai sedikit. Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Malaysia dalam rundingan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik adalah berdasarkan konsultasi yang teliti sebelum Malaysia menyertai rundingan pada Oktober tahun 2010. Malah kajian impak kos dan manfaat yang komprehensif oleh institusi bebas iaitu *United Nations Development Programme* (UNDP) telah dijalankan.

Penyertaan Malaysia dalam TPPA akan turut memperbaiki pertumbuhan KDNK berikutan akses pasaran lebih besar di kalangan negara TPP dan sekali gus meningkatkan pendapatan negara serta gaji sama ada mahir dan separuh mahir. Jika menjadi ataupun jika direalisasikan, TPPA akan membentuk pasaran bebas cukai yang besar, membangkitkan 800 juta penduduk dengan gabungan KDNK, USD27.5 trilion. Jumlah ini jauh lebih besar daripada pasaran domestik dalam negara kita dengan jumlah rakyat 29 juta sahaja dan KDNK USD300 bilion.

Malaysia tidak boleh melepaskan peluang untuk menyertai rundingan TPPA ini. Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi yang terbuka dan bergantung kepada perdagangan global. Harapan utama Malaysia dalam proses rundingan TPPA adalah untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing di arena perdagangan antarabangsa.

■1520

Saya percaya kesemua ahli dalam Dewan yang mulia ini maklum bahawa sumber utama penjanaan utama ekonomi negara adalah melalui perdagangan antarabangsa. Meningkatkan perdagangan Malaysia di pasaran antarabangsa pembukaan pasaran-pasaran baru serta akses yang lebih baik di pasaran-pasaran tradisional adalah langkah penting memastikan produk-produk dan perkhidmatan Malaysia terus berdaya saing di pasaran global. Jaminan seperti ini melalui pasaran domestik adalah terhad dengan jumlah pengguna Malaysia hanya seramai 29 juta berbanding dengan negara China seramai 1.4 bilion dan Indonesia suku bilion. Berhubung dengan dakwaan bahawa tiada sistem perlindungan bagi negara yang mempunyai sistem ekonomi yang lebih lemah, Dewan ini adalah tidak benar dalam rundingan semua negara berhak untuk mengemukakan cadangan. Malaysia merundingkan untuk mendapatkan pengecualian dan fleksibiliti dan akan memastikan bahawa hasil rundingan akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Adalah penting bagi Malaysia untuk turut serta dalam rundingan di peringkat awal ini bagi membolehkan Malaysia menyuarakan cadangan-cadangan tersebut. Persoalan mengenai TPPA bakal menjejaskan kedaulatan negara melalui mekanisme ISDS di bawah cadangan TPPA dan isu paten ubat generik yang dibangkitkan, kerajaan ingin memaklumkan bahawa isu-isu tersebut sememangnya isu yang sensitif untuk Malaysia. Kerajaan ataupun pasukan perunding berdiri di atas pendirian yang sama dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat kesemua untuk isu-isu sensitif tersebut dan rundingan masih diteruskan bersama sebelas negara yang lain untuk mendapatkan terma yang paling menguntungkan negara.

Atas sebab-sebab inilah rundingan TPPA sehingga sekarang masih belum dapat dimuktamadkan dan mengambil masa yang agak panjang dalam mencari permuafakatan. Walaupun demikian kerajaan tidak akan menandatangani perjanjian yang tidak akan menguntungkan negara dan bangsa. Tentang kerahsiaan teks tidak bererti kerajaan tidak menjalankan konsultasi...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Mohon...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya hendak selesaikan, selepas itu boleh mencelah sebab ada kait mengait. Kerahsiaan teks tidak bererti kerajaan tidak menjalankan konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan dalam perkongsian kedudukan rundingan TPPA. Setiap hasil rundingan dan perkembangan terkini bukan sahaja dilaporkan di peringkat jemaah Menteri, tetapi juga kepada TPP Parliament Caucus, di peringkat Dewan Rakyat serta badan-badan dan NGOs yang berkepentingan melalui sesi *engagement* termasuk hari terbuka TPPA yang dikendalikan oleh MITI yang diadakan dari semasa ke semasa. Kajian kos manfaat TPPA kedua-dua kajian kepentingan negara dijalankan oleh ISIS dan kajian kos manfaat yang dijalankan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera ataupun TERAJU masih dijalankan maknanya ada dua jenis kajian ke atas TPPA iaitu berkaitan dengan kos manfaat dan juga berkaitan dengan bumiputera. Laporan pertama hasil kajian kepentingan negara oleh ISIS dijangka dapat dibentangkan kepada MITI pada penghujung bulan Disember tahun ini. Manakala laporan pertama kajian kos manfaat pula dijangka dapat dibentangkan menjelang awal bulan Februari tahun hadapan.

Tentang Agenda Memperkasa Ekonomi Bumiputera dan Melayu tidak dipinggirkan dalam rundingan perjanjian perdagangan seperti TPPA. Ini kerana kerajaan telah mengambil langkah seperti tempoh transisi yang lebih panjang pengecualian ataupun *curve out*, dengan izin, untuk perkara-perkara dasar yang sensitif yang akan menjejaskan golongan bumiputera dan usahawan industri kecil dan sederhana. Seperti mana yang disebutkan tadi, kerajaan melalui TERAJU ataupun Unit Peneraju Agenda Bumiputera di bawah Jabatan Perdana Menteri juga sedang melaksanakan kajian mengenai penyertaan ini TPP. Tujuan kerajaan adalah untuk menilai impak TPPA ke atas golongan bumiputera dan usahawan kecil dan sederhana di dalam Malaysia. TPPA ataupun perjanjian perdagangan bebas (FTA) tidak sepatutnya dilihat dari segi penjajahan baru kuasa besar tetapi ia hendaklah dari sudut yang seimbang.

Kerajaan sedar walaupun TPPA menawarkan banyak faedah kepada Malaysia dan rakyatnya, kerajaan tidak menafikan juga mempunyai beberapa cabaran yang perlu kerajaan tangani seperti isu ISDS, hak harta intelek dan lain-lain. Namun, perunding-perunding Malaysia akan terus berusaha untuk mendapatkan fleksibiliti dan terma-terma yang terbaik bagi Malaysia. Malaysia akan terus aktif di dalam rundingan untuk memastikan produk dan perkhidmatan Malaysia sentiasa relevan dan kompetitif di pasaran global di mana semua negara bersaing memperluaskan pasaran. Malaysia tidak harus ketinggalan atau tercicir daripada persaingan tersebut. Sekiranya Malaysia tidak bersifat proaktif, negara-negara pesaing yang lain akan mendahului Malaysia dan merebut peluang-peluang pasaran. Begitu juga dengan TPPA Malaysia tidak akan memperoleh manfaat daripada perjanjian tersebut sekiranya Malaysia memilih untuk tidak menyertai.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masih hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim untuk mencelah?

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara peribadi saya tidak ada masalah dengan TPPA dengan syarat kepentingan negara dijaga kerana pengajian ini tidak akan dibuat sehingga ianya dibawa ke dua-dua Dewan ini.

Akan tetapi apa yang saya hendak komen ialah sementara syarikat antarabangsa dimudahkan untuk berniaga di sini dan kita mengucapkan tahniah kepada Malaysia sekarang sebagai enam negara teratas untuk kemudahan perniagaan. Akan tetapi dari segi pengalaman saya, *there is no reciprocal arrangement* di negara-negara lain. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Semasa bermesyuarat dengan melalui TPPA kah, FTA kah, WTO kah, AFTA kah, adakah kepentingan negara terhadap ataupun kemudahan seumpama *reciprocal arrangement* diberi kepada syarikat-syarikat Malaysia yang hendak pergi berniaga di negara-negara lain?

Misalannya lain bezanya di antara Indonesia dan Malaysia. Bukan main susah. Saya bercakap berhubung *professional work* bukan main susah hendak dapat lesen di sana. Begitu juga di negeri China. Saya dah buka *office* dua tahun, sampai sekarang lesen belum dapat lagi. Jadi, adakah kementerian sedar bahawa *there is no reciprocal arrangement* apabila syarikat-syarikat negara kita untuk berniaga di negara-negara lain sementara kemudahan diberi kepada syarikat asing untuk berniaga dalam negara? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi saya berhenti itu kerana saya memberi peluang untuk pencelahan atas tajuk TPPA.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Jadi untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim tadi, saya hendak tekankan di sini bahawa jemaah Menteri telah pun bersetuju, hasil daripada konsultasi telah bersetuju bawah *draft* perjanjian TPPA tersebut akan dibentangkan di Parlimen apabila semua *chapter*, dengan izin, telah dirumuskan untuk dimasukkan dalam *draft* perjanjian TPPA.

Tentang kepentingan negara dan *reciprocal* dengan negara-negara lain sebenarnya ini adalah di antara perkara-perkara yang dibincangkan. Seperti ISDS, negara kita berniaga di negara lain, negara lain juga berniaga dalam negara kita masing-masing menjaga kepentingan antara satu sama lain. Jadi mesti ada juga peluang yang seimbang, bukan sahaja dari peluang perniagaan, malahan juga dari segi kemudahan mendapatkan lesen perniagaan dan sebagainya. Ini adalah di antara juga perkara yang banyak dibincangkan dalam WTO iaitu *World Trade Organization*. Sehingga sekarang masih lagi belum mendapat satu kata sepakat yang menyeluruh. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Senator, inilah di antara perkara-perkara dan sudah tentulah perlu ada keseimbangan antara satu negara dengan negara yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

■1530

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun, telah membangkitkan tentang pengimport kain songket India. Kementerian ini telah mengadakan beberapa sesi konsultasi bersama pengusaha kain batik dan songket dengan pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Jabatan Standard Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Bagi mewujudkan mekanisme kawalan kualiti bagi kain songket yang diimport.

Mekanisme ini ialah petunjuk untuk memastikan supaya tiada pengimport produk yang berkualiti rendah yang boleh menjejaskan industri songket tempatan di samping meningkatkan daya saing industri songket tempatan.

Akan tetapi pada masa yang sama juga pihak MITI menyeru supaya pengusaha kain songket terus bekerjasama dengan pihak MITI untuk mendapatkan butiran ataupun data-data yang terkini tentang penjualan atau pembikinan penjualan kain songket supaya ada asas yang kukuh di peringkat MITI untuk kita berdepan dengan pengimport kain songket dari luar negara. Ini kerana kita ada Akta Anti-Dumping dan akta-akta lain yang berkaitan. Akan tetapi sehingga ini, sukar untuk kita membuat satu ketetapan ataupun rumusan kerana banyak data yang kita tidak peroleh selain daripada tidak ada kod yang sesuai ataupun yang perlu di dalam pembikinan ataupun dalam industri kain songket tersebut.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Boleh saya mencekah Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri telah memberikan jawapan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi kita dapati di mana kenyataannya adalah meletakkan asas kualiti kepada pengimport yang hendak import songket dari India khususnya. Jadi saya ingin nyatakan di sini Yang Berhormat Menteri di mana di pasaran sekarang ini cukup banyak songket-songket daripada India yang rendah kualitinya.

Ini memberi satu cabaran kepada pengusaha songket tempatan yang mana kalau hendak dibandingkan harganya terlalu berbeza, terlalu jauh dan kadang kala ianya merupakan satu penipuan di *market* di mana dicampuradukkan antara yang tempatan dicampur dengan yang India ini, yang diimport ini. Jadi oleh sebab itu saya merayu dan mencadangkanlah kepada pihak kementerian supaya ada satu pemantauan khusus diberi bagi menjaga usahawan-usahawan kita dan saya harap ianya diberi keutamaan. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebutkan tadilah kita ada dua akta iaitu Akta Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan juga Akta Perlindungan 2006. Ini saya cakap terus terang, ini sangat sukar untuk dibuat *remedy*, dengan izin. Ini kerana saya sebutkan tadi kesukaran untuk mendapatkan dan mengumpulkan data daripada pihak industri kain songket sendiri iaitu data yang berkaitan dengan songket seperti rekod jualan, pengeluaran, keuntungan, *share*, pasaran dan guna tenaga. Semua benda ini penting untuk kita dapat membuat satu ketetapan bahawa benar ada persaingan yang agak kritikal, agak serius akibat daripada kemasukan kain songket dari India dan tempat-tempat lain.

Sebab hujah kita masihlah ada fakta dari segi kuantitatif. Selain daripada itu, tidak terdapat kod tarif bagi songket di dalam senarai perintah Duti Kastam 2012. Ini juga sebenarnya terpaksa kita buat satu kod tarif yang sekarang ini dalam proses dan *insya-Allah* kita akan terus bekerjasama. Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga menyebut membangkitkan tentang pelan induk bagi meningkatkan inovasi dan produktiviti dan turut menyarankan supaya pihak kerajaan menyediakan lebih banyak kemudahan dan prasarana seperti mewujudkan lebih banyak kawasan industri, PKS terutama kepada usahawan bumiputera dan MITI mengucapkan jutaan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat dan akan terus melaksanakannya.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun sekali lagi juga membangkitkan tentang produk halal bagi tujuan eksport dan jumlah PKS yang terlibat di dalam industri halal, jenis produk terlibat dan nilai eksport bagi tahun 2010 hingga tahun 2013. Ringkasnya saya sebut, pembangunan produk halal untuk pasaran eksport bagi tahun 2010 hingga 2013, hanya 10,000 ataupun saya dengan izin, ambil ruang tiga lebih kurang 11,000 pengeksport PKS yang telah diluluskan sijil halal yang dapat dikenal pasti. Ini merupakan 79% daripada jumlah keseluruhan pengeksport halal iaitu lebih kurang 14,000 buah syarikat.

Sebilangan besar syarikat-syarikat pengeksport merupakan pengeluar barangan makanan dan minuman halal. Jadi kalau kita merujuk kepada angka, sebenarnya bilangan pengeksport produk halal di kalangan PKS telah meningkat daripada 1,518 buah syarikat pada tahun 2010 kepada 5,112 buah syarikat pada tahun 2013 bagi tempoh Januari hingga September. Secara keseluruhannya, jumlah eksport halal untuk tempoh tersebut tahun 2011 sehingga tempoh 2013 ialah berjumlah RM95 bilion banyaknya.

Saya rasa tentang itu cukup ya. Yang Berhormat Senator Dato' Rahman Bakar juga- ada? Tidak ada saya jawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir Syed Mohamad...

Timbalan Yang di-Pertua: Dia ada.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: ...Membangkitkan tentang- ini di dalam Bahasa Inggeris *very interesting*. Pembangunan Industri Automotif Negara setelah hampir 30 tahun ditubuhkan. Saya cuba ringkaskan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, industri automotif tempatan benar sudah wujud hampir 30 tahun yang lepas dan telah berjaya menarik pelaburan terkumpul yang dianggarkan bernilai RM32.9 bilion. Skop pelaburan bukan sahaja melibatkan pemasangan kenderaan dan motosikal tetapi juga merangkumi pelaburan yang diraih menerusi segmen bina badan kenderaan perdagangan serta pengeluaran komponen dan alat ganti.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia, jumlah tenaga kerja yang direkodkan untuk tahun 2013 ini sehingga bulan Oktober sahaja iaitu yang meliputi segmen pengeluaran kenderaan, motosikal dan alat ganti telah pun mencecah sehingga 65,576 orang. Ini tidak termasuk- jumlah ini diunjurkan akan lebih tinggi sekiranya dimasukkan sekali atau termasuk industri hiliran dan tidak langsung seperti perkhidmatan selepas jualan, perbankan, insurans dan logistik sekiranya diambil kira.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, industri automotif tempatan yang perkembangannya dipacu oleh pengeluaran nasional seperti PROTON dan Perodua telah berjaya mentransformasikan industri automotif tempatan kepada bukan sahaja sebagai pemasang kenderaan yang diimport dalam bentuk *completely knock down* (CKD). Akan tetapi pemasangan kenderaan yang berteknologi tinggi dengan peratusan kandungan tempatan yang tinggi. PROTON yang dahulu bermula dengan kandungan nilai tempatan hanya 10% sudah pun berjaya membuat hampir 1% ataupun komponen kenderaannya di Malaysia termasuk enjin dan transmisi. Manakala Perodua pula telah mencapai kandungan nilai

tempatan sebanyak 80% bagi model-model tertentu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri automotif ini juga sebenarnya memainkan peranan yang jauh lebih penting dari sekadar mengeluarkan kenderaan. Objektif tidak langsungnya seperti pembangunan PKS adalah antara elemen penting yang sentiasa diberi penekanan.

Perkara ini dapat dilihat melalui peningkatan syarikat-syarikat PKS selaku vendor kepada syarikat-syarikat pengeluar kenderaan khususnya pada tahun 1990-an. Selama ini sahaja sudah ramai melahirkan ramai kumpulan tenaga mahir dan pakar yang menyumbang ke arah pembangunan industri.

■1540

Sehingga kini dianggarkan lebih 800 syarikat-syarikat pengeluar komponen dan alat ganti telah ditubuhkan dan masih aktif di dalam industri automatif. Terbaru di bawah Dasar Automatif Nasional yang akan diumumkan pada tahun hadapan. Saya rasa bagi menyokong pertumbuhan daya saing, industri automotif tempatan akan terus diberi penekanan. Pelaksanaan NAP ataupun Dasar Automatif Nasional ini akan merangkumi pembangunan teknologi dan kejuruteraan, pembangunan modal insan, serta pembangunan rangkaian bekalan yang akan menyokong aktiviti bernilai tambah tinggi seperti reka bentuk, prototaip dan pengujian pengeluaran komponen dan alat ganti kritikal, R&D dan sebagainya di pasaran tempatan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak mencelah.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu selama 30 tahun Proton ditubuhkan berapakah jumlah pelaburannya hingga kini? Itu yang pertama. Keduanya ialah berdasarkan pada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita sudah menggunakan 100% kandungan tempatan atau *local content*, kalau saya tidak silap dengar. Apakah model yang dikatakan 100% *local content* itu?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya jawab yang kedua dahulu, yang pertama saya menunggu jawapan daripada pegawai yang mungkin menyediakan jawapan. Saya beri contoh model kenderaan Proton yang bukan 100%, yang hampir menggunakan komponen tempatan 100% adalah Proton *Suprima* dan juga *Preve*. Itu yang terbaru selain daripada *Pesona* dan juga *Gen-2*. Hampir 100% menggunakan bahan tempatan. Jadi, yang pertama jumlah pelaburan berbilion nanti kalau ada jawapan daripada pegawai. Kalau tidak ada saya jawab secara bertulis. Ha! Sudah ada jawapan. Pelaburan RM15 bilion. Model *Preve* dan *Suprima* lebih kurang 90%. *Preve* yang sebelum yang terbaru, model *Preve* dan juga *Suprima*, hendak sebut pun payah ini, *Suprima* antara 81% hingga 92%, lebih kurang 90%. Sebelum itu *Inspira*, lain sedikit, *Inspira* ini berbeza dengan model *Persona* ataupun *Gen-2*. Cuma 53% kerana model ini adalah model yang '*rebadging*' daripada model *Mitsubishi*.

Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar juga telah membangkitkan tentang penglibatan syarikat bumiputera dalam industri peranti perubatan. Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, industri peralatan perubatan merupakan industri yang telah dikenal pasti untuk diberi galakan oleh kerajaan dan merupakan satu inisiatif di bawah NKEA iaitu penjagaan kesihatan. Dari 1980 sehingga September 2013 sebanyak 77 buah projek penjagaan kesihatan dengan penyertaan bumiputera telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.1 bilion. Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan dan penyertaan bumiputera dalam bidang peralatan perubatan ini. Di mana

kerajaan telah mengambil beberapa langkah dengan menyediakan pelbagai insentif seperti galakan taraf perintis, galakan elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula, pembayaran status BioNexus dan sebagainya.

Kerajaan telah mengumumkan sebenarnya iaitu kerajaan telah pun mengumumkan iaitu Dana Strategik Pelaburan Domestik berjumlah RM1 bilion bertujuan memperkasakan lebih banyak syarikat tempatan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia termasuk usahawan-usahawan bumiputera. Insentif ini memfokuskan kepada industri-industri yang mempunyai nilai tambah berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi termasuk industri peralatan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* sekian sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan Bajet 2014 di Dewan Negara ini. Kementerian mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan akan mengambil maklum serta tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan kesemuanya, demi Malaysia negara yang kita cintai ini. Sekian terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat terima kasih. Seterusnya kita beralih ke Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. Silakan Yang Berhormat Menteri.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian pertanyaan lisan mengenai bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air semasa sesi perbahasan Bajet 2014 yang berlangsung daripada 9 Disember hingga 12 Disember. Jadi, pada petang ini saya ingin menyampaikan penggulungan mengenai dengan Kementerian KeTTHA.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong dalam perbahasannya telah minta kerajaan mengkaji baik-baik supaya rumah ibadat seperti masjid, surau, kuil, gereja dan lain-lain rumah ibadat diberi kelonggaran ataupun pemotongan tarif serendahnyanya. Ini kerana peruntukan pengurusan terhadap rumah ibadat adalah daripada penderma-penderma. Saya ingat Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong tidak ada dalam Dewan ini, jadi saya sediakan jawapan bertulislah untuk beliau...

Dato' Boon Som a/l Inong: *[Masuk ke dalam Dewan]*

Timbalan Yang di-Pertua: Itu, dia baru masuk Yang Berhormat. Dia baru masuk dewan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ada, saya teruskanlah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan definisi dari dalam buku *Tarif Tenaga Nasional Berhad* yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan. Pengguna bagi rumah-rumah ibadat seperti masjid, gereja, kuil dan sebagainya dikategorikan sebagai pengguna komersial. Rumah-rumah ibadat tidak dikategorikan sebagai rumah kediaman kerana definisi pengguna kediaman adalah terhad kepada rumah-rumah persendirian. Namun demikian, pada

masa ini rumah-rumah ibadat yang berdaftar dengan kerajaan telah diberi kemudahan diskaun sebanyak 10% daripada bil elektrik bulanan bagi tujuan meringankan beban yang ditanggung oleh rumah-rumah ibadat.

Tuan Yang di-Pertua, semua agama tidak menggalakkan penganutnya melakukan pembaziran. Justeru itu, dalam usaha kita meningkatkan kesedaran penggunaan elektrik dan penggunaan air secara cekap dan berhemat, pihak kementerian...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya minta celah sedikit?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Kepada semua pengguna-pengguna rumah ibadat...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada yang hendak mencelah.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya habiskan Tuan Yang di-Pertua, ayat sedikit sahaja. Pengguna-pengguna bagi rumah ibadat turut menjadi contoh teladan kepada rakyat. Ini akan menyokong usaha kerajaan kepada ke arah sebuah negara mampan. Sila Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tadi Yang Berhormat menyebut tentang rumah-rumah ibadat yang didaftarkan. Saya hendak tahu apa sikap pihak kerajaan di bawah kementerian Yang Berhormat, mengenai kemudahan-kemudahan terhadap rumah-rumah ibadat. Bukan sahaja yang tidak didaftarkan tetapi didirikan secara tanpa izin. Saya agak keberatan menggunakan perkataan haram tetapi rumah-rumah ibadat yang didirikan secara liar. Apakah juga akan diberikan kemudahan-kemudahan api dan air dan seumpamanya?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi semua permohonan pemohon-pemohon kepada Tenaga Nasional untuk tujuan bekalan tenaga yang mengikut spesifikasi yang dibolehkan oleh TNB ia akan diluluskan. Cumanya yang saya sebutkan tadi ialah bagi yang berdaftar dengan kerajaan ianya didiskaun 10%. Jadi bagi yang didirikan di luar daripada pengetahuan kerajaan, ia boleh dimasukkan kadar elektrik tetapi tidak ada diskaun yang 10%. Boleh saya teruskan?

■1550

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali dalam perbahasannya telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan kadar tarif elektrik mulai tahun hadapan dan juga isu subsidi kepada penjana bebas. Manakala Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam dalam perbahasannya menyatakan bahawa sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan, TNB harus mengkaji aspek-aspek lain yang dapat mengurangkan kos operasi sebelum menaikkan harga elektrik. Begitu juga Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan dalam perbahasannya telah memohon supaya kerajaan mengkaji cadangan-cadangan kenaikan takrif supaya satu kenaikan yang lebih munasabah kepada rakyat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya kerajaan menerusi Petronas tidak pernah memberi sebarang subsidi kepada mana-mana penjana tenaga bebas atau *Independent Power Producer* (IPP) dengan izin. Subsidi gas yang dimaksudkan adalah hasil yang dilepaskan oleh Petronas ataupun *forgone revenue*, dengan izin, adalah apabila harga gas kepada sektor elektrik ditetapkan pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran. Sebenarnya apabila harga gas ditetapkan pada harga yang lebih rendah, pengguna ataupun rakyat yang menikmati tarif elektrik yang lebih rendah.

Ini bermakna faedah ini sebenarnya dinikmati oleh rakyat. Pihak IPP dan TNB tidak memperoleh sebarang keuntungan tambahan daripada pemberian subsidi harga gas ini.

Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini harga gas melebihi daripada RM40 per MMBtu tetapi kerajaan memberi siling kepada Petronas untuk menjual gas itu kepada IPP pada harga RM13.70 per MMBtu. Daripada RM40 lebih kepada RM13.70 itu yang itulah yang dikatakan keuntungan yang dipanggil *forgone revenue* yang dilepaskan oleh Petronas kerana kerajaan telah meletakkan siling harga gas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin juga saya menjelaskan bahawa faktor utama kadar tarif elektrik dinaikkan sebanyak 14.89% atau RM4.99 *kilowatt per hour* adalah disebabkan oleh peningkatan kos bahan api sebanyak 82% ataupun RM4.09 adalah disebabkan oleh peningkatan harga gas domestik daripada RM13.70 per MMBtu kepada RM15.20 per MMBtu. Keduanya penetapan harga gas cecair asli berdasarkan harga pasaran iaitu RM41.68 per MMBtu. Ketiganya peningkatan harga arang batu yang diimport dari Indonesia, Afrika Selatan dan Australia daripada USD85 per metrik tan kepada USD87 per metrik tan.

Komponen semakan yang melibatkan pihak TNB hanya 18% atau RM0.09 sen daripada kenaikan keseluruhan. Semakan tarikh asas TNB adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek penghantaran dan pengagihan yang dianggarkan berjumlah RM6 bilion ke RM7 bilion setahun. Manakala keuntungan kewangan TNB hanyalah sekitar RM4.12 bilion.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat selanjutnya bagi memastikan pihak *utilities* iaitu TNB beroperasi dengan cekap dan hanya melepaskan kos efisien kepada pengguna, kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga memperkenalkan kaedah penetapan tarif berdasarkan kawal selia, berdasarkan intensif atau dikenali sebagai *Intensive Based Regulation* (IBR) bermula tahun 2012. Pelaksanaan IBR akan mendorong kepada pencapaian kecekapan utiliti yang lebih baik tanpa menyebabkan penambahan kos iaitu yang ketara pada akhirnya melibatkan taraf elektrik yang tinggi kepada pengguna akhirnya. Di bawah mekanisme ini hanya kos yang efisien diambil kira dalam penentuan takrif elektrik dan kecekapan TNB akan dinilai dari masa ke semasa melalui satu rangka kerja insentif yang berasaskan ganjaran dan penalti.

Kenaikan kadar elektrik di Sabah. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya telah menyentuh mengenai perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun semakan takrif telah dibuat pada tahun 2011, pendapatan yang diperoleh oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) masih tidak dapat menampung kos operasinya. Bagi tahun 2013 pihak SESB membekalkan elektrik kepada pengguna kepada purata kadar tarif RM29.25 *kilowatt per hour*. Kadar ini jauh lebih rendah berbanding dengan kos sebenar membekal elektrik di Sabah iaitu RM43.46 sen. Walaupun dengan bantuan subsidi diesel daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM12.35 sen *kilowatt per hour* ataupun lebih kurang setahun RM500 juta, SESB masih menanggung kerugian sebanyak RM1.59 sen untuk setiap unit yang dijual. Keadaan yang berterusan di mana kos pembekalan elektrik melebihi kadar taraf jualan kepada pengguna telah menyebabkan kerugian di pihak SESB sebanyak RM1.096 bilion dalam tempoh tahun 2004 hingga tahun 2012. Oleh sebab pendapatan daripada penjualan elektrik masih...

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak mencelah. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Adakah dalam rancangan TNB untuk meneruskan *core power plant* di Sabah?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kerajaan telah pun sejak lima tahun yang lalu telah mengetepikan perancangan untuk membuat IPP daripada arang batu. Baru-baru ini kerajaan negeri Sabah melalui kementerian pelancongan telah memuktamadkan bahawa tidak boleh untuk mengadakan IPP arang batu di Sabah. Jadi kementerian melalui kementerian KeTTHA tidak bercadang untuk mengadakan sebarang perancangan untuk membina IPP arang batu di Negeri Sabah.

Oleh sebab pendapatan oleh penjualan elektrik masih tidak dapat menanggung kos pembekalan, maka kerajaan telah bersetuju meluluskan kenaikan tarif elektrik sebanyak lima sen atau 16.9% daripada kadar purata semasa tarif RM29.52 kepada RM34.52 sen. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan amat prihatin daripada kesan kenaikan tarif kepada pengguna-pengguna. Kerajaan telah membuat keputusan bahawa pengguna domestik di semua negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah menggunakan elektrik di bawah 300 kilowatt sejam sebulan tidak akan terlibat dengan kenaikan tarif mulai 1 Januari 2014. Sebanyak 300 kilowatt ini bersamaan dengan nilai ringgitnya adalah RM77. Jadi pengguna yang menggunakan bekalan elektrik RM77 ke bawah tidak ada kenaikan.

Ini di Sabah melibatkan 260,000 pengguna ataupun 65% daripada 418,000 pengguna domestik di Sabah. Adalah diakui kes-kes kecurian bekalan elektrik masih berlaku di Sabah. Walau bagaimanapun ia bukanlah punca utama kepada kerugian SESB. Aktiviti penyambungan haram mulai sumbangan terus talian voltan rendah dan pencawang-pencawang SESB dikenal pasti berpusat di penempatan setinggan khususnya di Kota Kinabalu, Semporna, Lahad Datu, Sandakan dan juga Tawau. Mengikut rekod SESB, terdapat 111 penempatan setinggan dikenal pasti kelima-lima daerah ini. Anggaran bilangan rumah pula adalah 10,770 buah rumah.

■1600

Pihak SESB telah menjalankan operasi bersepadu secara berkala dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga, Dewan Bandaraya dan Majlis Daerah, Polis Diraja Malaysia dan agensi kerajaan yang lain bagi membanteras aktiviti sambungan haram di negeri Sabah.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bagi tahun tempoh September 2010 hingga Ogos 2013, sebanyak 498 operasi bersepadu telah dijalankan. Walaupun operasi membanteras sambungan haram ini kerap dan akan terus dilaksanakan, tetapi ia tidak akan menyelesaikan isu sambungan haram ini secara menyeluruh tanpa kerjasama dan tindakan sewajarnya dari semua pihak bagi membendung isu penempatan setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya sektor air. Keperluan bekalan air di Melaka dan perancangan awal bagi membina kolam takungan di Sungai Siput, Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam telah menyentuh isu keperluan bekalan air di Melaka dan telah memohon kerajaan membuat perancangan awal bagi membina kolam takungan di Sungai Siput, Melaka dengan mengambil kira bekalan air antara negeri bagi mengelakkan krisis air berlaku pada tahun 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Empangan Jernih telah dikenal pasti sebagai salah satu sumber air baru di negeri Melaka. Kajian awal mendapati kawasan Kampung Sungai Jernih, Alor Gajah Melaka sesuai untuk pembinaan empangan dan akan membekalkan sebanyak 10 juta meter padu air mentah bagi tujuan rawatan. Oleh yang demikian, permohonan peruntukan telah dipohon dan diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk kerja-kerja kajian dan pembinaan.

Pembinaan empangan ini bertujuan untuk menambah kapasiti air mentah di kawasan utara negeri Melaka, seterusnya meningkatkan pembangunan di kawasan terbabit. Selain daripada itu, projek ini akan menambahkan jumlah pelaburan pembinaan penempatan baru dan juga menjamin bekalan air bersih di negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, saya ingin sekali lagi mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Senator yang telah turut serta bangun, membahaskan hal-hal yang berkaitan dengan kementerian.

Saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekian, *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.03 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada seramai 12 orang yang telah pun mengambil bahagian, memberikan pandangan, nasihat, teguran dan sebagainya serta cadangan-cadangan yang membina kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Merujuk kepada perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, iaitu membangkitkan persoalan yang berkaitan dengan pelaksanaan pemasangan CCTV oleh Kementerian KPKT.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian KPKT telah pun merancang pelaksanaan pemasangan CCTV ini di bawah dua fasa. Semua lokasi pemasangan CCTV ini adalah ditentukan oleh pihak kementerian bersama-sama dengan pihak PDRM berdasarkan kepada kawasan-kawasan tumpuan utama iaitu *hotspot* kawasan jenayah. Bagi fasa pertama Yang Berhormat, sebanyak 496 unit CCTV telah pun siap pasang dan telah pun beroperasi di 25 pihak berkuasa tempatan pada tahun 2011.

Bagi makluman Yang Berhormat, untuk fasa yang kedua ini, sebanyak 496 lagi unit CCTV akan kita pasang di 25 lagi PBT di seluruh negara. Projek ini baru sahaja dimulakan dan dijangka siap pada November 2014.

Selain daripada itu, sehingga Disember 2013, pihak berkuasa tempatan dengan bimbingan daripada pihak kementerian KPKT telah pun memasang dan menyelenggarakan sebanyak 1,216 unit CCTV yang menjadikan jumlah CCTV yang dipasang oleh pihak kementerian KPKT di seluruh negara adalah sebanyak 1,712 unit. CCTV yang telah dipasang oleh pihak PBT ini Yang Berhormat, adalah menggunakan peruntukan daripada PBT sendiri ataupun peruntukan yang disediakan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Jadi Kementerian KPKT, kita tidak menyalurkan peruntukan kepada pihak PBT untuk memasang atau menyelenggarakan CCTV yang ada, itu akan dilaksanakan oleh pihak PBT dan juga oleh pihak kerajaan negeri.

Selain daripada itu, pemasangan CCTV ini Yang Berhormat di kawasan *hotspot* di seluruh negara ini penting. Mungkin ada orang tanya, kenapa hendak pasang banyak sangat CCTV? Untuk apa CCTV ini dipasang?

CCTV ini dipasang di kawasan *hotspot*. Yang pertamanya adalah untuk membantu pihak PDRM untuk kurangkan kes-kes jenayah. Contohnya curi, ragut dan sebagainya.

Di samping itu juga dapat membantu pihak PBT dan juga pusat kawalan untuk melaksanakan penguatkuasaan, pengurusan lalu lintas, lot parkir kenderaan, pembuangan sampah dan lain-lain isu yang berkaitan dengan perbandaran.

Ketiga ialah untuk membantu mengekalkan persepsi dan juga keyakinan rakyat bahawa kawalan keselamatan di tempat-tempat umum dan terbuka ini akan memberikan satu keyakinan tentang keselamatan yang disediakan kepada mereka

Untuk makluman Yang Berhormat juga secara keseluruhan hasil daripada pemasangan CCTV ini di peringkat pihak-pihak berkuasa tempatan terutama di kawasan-kawasan *hotspot* ini, kes jenayah jalanan menurun sebanyak 25.7%. Di kawasan yang mempunyai langkah bandar selamat, CCTV menyumbang penurunan jenayah jalanan sebanyak 7%. Manakala cermin-cermin keselamatan yang kita pasang di *back lanes* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, sebanyak 79% dan pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan bermotor sebanyak 42%.

Selain daripada itu saya beralih kepada perkara seterusnya yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Yang Berhormat senator tadi lalu dekat sebelah saya Tuan Yang di-Pertua, "*Saya banyak hendak tanya dengan awak ini*". Bila saya pegang kertas itu, mula-mula kertas tangan saya *steady*. Bila dengar Yang Berhormat senator Dato' Abdul Rahim bercakap itu, terus menggigil saya pegangan kertas tadi. Dahsyat betul aura Senator Dato' Abdul Rahim ini. Orang perempuan macam saya pun boleh teruja [*Ketawa*]

Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana telah membangkitkan beberapa perkara. Yang Berhormat bangkitkan banyak perkara Yang Berhormat. Jadi saya akan menjawab ikut kepada tajuk-tajuknya. Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan cukai pintu. Supaya Kementerian KPKT nasihatkanlah pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia. Akta kita terpakai

di kawasan Semenanjung Malaysia supaya tidak menaikkan cukai taksiran secara mendadak sampai orang terperanjat kerana ia mungkin akan, bukan mungkin akan, memang akan membebankan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan 1976, di bawah Akta 171, pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan cukai terhadap sebarang pegangan harta dengan persetujuan dan kelulusan pihak berkuasa negeri. Ini saya hendak tegaskan. Boleh mengenakan cukai terhadap sebarang pegangan harta dengan persetujuan dan kelulusan pihak berkuasa negeri di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Maka oleh sebab yang demikian Yang Berhormat, kuasa kelulusan dan juga penetapan kadar cukai taksiran yang dikenakan atau yang dirancang untuk dikenakan adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim amat pakar dan mahir dalam bidang ini Tuan Yang di-Pertua.

■1610

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Hartanah (JPPH) boleh pada bila-bila masa meminda senarai nilai antara lainnyanya sekiranya berlaku:

- (i) bangunan diubahsuai, dirobuhkan, diruntuhkan, dibina semula dan lain-lain kemajuan yang dibuat pada mana-mana pegangan berkadar yang nilainya telah dinaikkan;
- (ii) pada mana-mana bangunan atau pun mana-mana bahagian dalam sesebuah bangunan yang diruntuhkan atau pun apa-apa kerja yang sedang dijalankan yang nilainya telah diturunkan; dan
- (iii) apa-apa perubahan yang berlaku kepada sesuatu pegangan berkadar yang disebabkan oleh mana-mana peruntukan perundangan dan juga perancangan yang akan mengakibatkan nilai tahunan pegangan tersebut naik atau pun turun.

Dalam keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, JPPH akan mengambil tindakan untuk meminda nilai tahunan bagi sesuatu pegangan dan suatu notis kenyataan pindaan senarai nilai di bawah seksyen 144 [Akta 171] akan dikemukakan kepada semua pemilik harta untuk dimaklumkan tentang nilai tahunan baru yang akan dikuatkuasakan.

Apabila pemiliknya menerima notis kenyataan pindaan senarai nilai, maka pemilik diberikan hak di bawah undang-undang untuk membantah nilai yang telah pun ditetapkan ke atas mana-mana pegangan tersebut dalam tempoh masa yang telah pun dicatatkan dalam notis yang dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih...

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Minta izin mencelah.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, jemput Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kadang-kadang saya tidak nampak Yang Berhormat duduk dalam keadaan begitu. Minta maaf Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, OKU dengan OKU. Terima kasih Yang Berhormat [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pun mengenai OKU juga. Kerajaan Negeri Selangor pada tahun ini telah mengurangkan cukai taksiran bagi OKU di negeri Selangor- pemilik rumah OKU. Jadi, adakah kerajaan boleh memberi pertimbangan untuk membuat perkara yang sama bagi semua negeri di Malaysia- mengurangkan cukai taksiran 50% bagi OKU?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengharapkan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini dapat didengar oleh semua kerajaan negeri. Ini kerana seperti mana yang saya jelaskan tadi ia adalah atas kuasa pihak berkuasa negeri iaitu kerajaan negeri Yang Berhormat, bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan. Saya yakin dengan cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat ini mungkin dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan negeri. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya beralih kepada isu Yang Berhormat bangkitkan juga iaitu terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Bathmavathi a/p K. Krishnan. Terima kasih Yang Berhormat, yang membangkitkan tentang perkara yang berkaitan yang dihadapi oleh warga OKU Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia ini, saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan ini secara lisan. Jadi, Yang Berhormat saya tidak berhajat sebenarnya untuk *elaborate*, dengan izin, dengan lebih *detail* lagi kerana saya telah pun menjawab dalam soalan lisan saya pada minggu dan saya akan hantar semua perkara yang telah saya nyatakan dalam jawapan kepada soalan lisan saya. Boleh Yang Berhormat, *can I do that*, dengan izin?...

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Boleh, boleh.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ini kerana saya sudah menjawab Tuan Yang di-Pertua pada minggu lepas. *Very detail*. Akan tetapi, apa yang saya hendak nyatakan kepada Yang Berhormat, jangan bimbang Yang Berhormat. Saya pun telah melaluinya. Dia orang panggil saya OKUS Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya apa itu OKUS? Orang Kurang Upaya Sementara [*Ketawa*] OKUS nama baru. Agaknya selepas ini di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kita masukkanlah OKUS itu- orang kurang upaya sementara.

Akan tetapi apa pun kita sedar Tuan Yang di-Pertua, iaitu keperluan untuk memberikan hak kesaksamaan sama ada kita adalah manusia yang sempurna dari segi struktur fizikal kita dan sebagainya dan juga kepada mereka yang OKU tetap, kekal atau pun OKU sementara, keperluan itu adalah menjadi keutamaan terutamanya kepada Kementerian KPKT Yang Berhormat. Melalui akta-akta dan juga melalui Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, kita telah pun lama memberikan arahan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan.

Bukan itu sahaja, malahan Kementerian KPKT telah pun mengarahkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak 148 Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia ini supaya mewujudkan Jawatankuasa Audit OKU untuk melihat kepada kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan kepada semua bangunan awam sama ada di luar atau pun di dalam. Jadi, saya harap Yang Berhormat tidak bimbang kerana itu menjadi keutamaan kita. Terima kasih, Yang Berhormat.

Saya seterusnya beralih Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman sudah catat banyaknya dan macam-macam *color* pen sudah pakai [*Ketawa*]

Berkaitan dengan kualiti pembinaan rumah. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah Binti Mahat. Terima kasih Datuk. Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, terima kasih Dato'. Untuk makluman Dato' kerajaan sentiasa mengambil berat tentang keperluan perumahan sebagai satu keperluan asas kepada rakyat Malaysia, untuk semua golongan. Bila kita kata kerajaan mengambil berat tentang keperluan asas iaitu menyediakan perumahan kepada rakyat Malaysia semua golongan, kerajaan tidak ada kompromi dalam bab yang berkaitan dengan kualiti perumahan yang hendak diperuntukkan kepada rakyat itu. Maka, oleh sebab itu kita bukan sahaja menekankan jumlah unit yang perlu dibina. Binalah sebanyak mungkin rumah yang diperlukan tetapi bukan sahaja bersandarkan kepada jumlah unit yang diperlukan tetapi yang lebih penting ialah menekannya kualiti perumahan yang disediakan untuk rakyat.

Maka, kerana itu kedua-dua Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan soal yang berkaitan dengan kualiti pembinaan rumah sebagai salah satu aspek yang patut dititikberatkan oleh pemaju dan juga kerajaan dalam pemajuan mana-mana projek perumahan bagi memastikan rakyat akan dapat terus memiliki rumah yang mempunyai kualiti pembinaan yang baik, yang itu diberikan keutamaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bersabit kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin memaklumkan bahawa kawalan dan pemantauan yang berkaitan dengan kualiti perumahan rumah dan juga pemaju perumahan di Malaysia ini dilaksanakan melalui penggubalan dan juga penguatkuasaan undang-undang berkaitan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Melalui Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, atau pun kita panggil UKBS 1984 dan juga Akta Pemajuan Perumahan di bawah Kawalan dan Pelesenan 1966 di bawah Akta 118. Jadi Akta 118 ini Tuan Yang di-Pertua, yang sedang dalam tindakan pindaan.

Ini pun saya sudah jawab dalam soalan yang berkaitan dengan projek-projek perumahan terbengkalai Tuan Yang di-Pertua iaitu pindaan-pindaan yang akan dilakukan dalam Akta 118 ini yang bertindak sebagai punca kuasa kementerian untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pemaju perumahan yang gagal untuk melaksanakan rumah mengikut pada garis-garis panduan, peraturan dan juga aspek-aspek perundangan yang telah pun kita tetapkan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian KPKT juga- kita keluarkan garis panduan yang berkaitan dengan pemajuan seperti garis panduan *crime prevention through environmental design* (CPTED) dengan izin. Keduanya, ialah garis panduan perancangan kejurangan hijau dalam usaha untuk kita tingkatkan lagi keselamatan, kesejahteraan hidup rakyat di kawasan-kawasan perumahan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sejak daripada 13 April 2007, sistem perakuan siap dan juga pematuhan atau pun kita panggil *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) telah pun dikuatkuasakan bagi menggantikan sistem CFO. Sistem CCC ini Tuan Yang di-Pertua, memberikan kepercayaan kepada perunding-perunding utama projek untuk mengeluarkan CCC setelah mengawasi kerja dan mengesahkan pembinaan telah pun mematuhi spesifikasi dan telah pun mematuhi peruntukan undang-undang.

Bagi memastikan kerja-kerja *infra* yang telah pun diserahkan kepada PBT berada dalam keadaan yang sempurna, maka pihak kementerian KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menyediakan Yang Berhormat satu manual menyemak kerja-kerja *infra* dalam

tempoh kecacatan supaya kerja-kerja yang akan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan ini mengikut kepada tempoh tersebut, tamat adalah dalam keadaan sempurna serta mengikut kepada semua spesifikasi dan peruntukan perundangan yang telah pun ditetapkan.

■1620

Bagi mana-mana sebarang kecacatan yang berkaitan dengan struktur bangunan tersebut, itu adalah menjadi tanggungjawab kepada ahli profesional iaitu jurutera ataupun arkitek yang mereka bentuk serta meluluskan struktur tersebut yang mana sekiranya terdapat atau berlaku apa-apa bentuk kecacatan maka pihak profesional ini boleh dibawa ke mahkamah bagi tuntutan sivil.

Selain daripada itu saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bukan sahaja kita melihat kepada kualiti dengan menentukan supaya pemaju perumahan ini memberikan yang terbaik berdasarkan kepada peruntukan undang-undang, malahan pembeli juga. Kita membela nasib pembeli. Maknanya pembeli, sekiranya apabila mereka membeli mana-mana rumah yang ada dan didapati bahawa berlaku kecacatan pada mutu kerja atau pun bahan-bahan yang digunakan, kita anggap mungkin tidak mengikut kepada spesifikasi dan jika rumah atau apartmen yang dibina itu tidak mengikut kepada plan ataupun butiran seperti dinyatakan dalam perjanjian jual beli itu, maka pembeli juga boleh membuat aduan dan juga tuntutan di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah yang ada di kementerian.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara seterusnya yang telah pun dibangkitkan...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Saya baru hendak sebut nama Dato'. Dato' hendak tunggu saya baca ini dahulu, baru Dato' berdiri?

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Tidak, saya hendak bawa mencelah berhubung dengan kualiti perumahan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, jemput Dato'.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasihlah. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perumahan lebih-lebih lagi sekarang ini bukan sahaja Menteri baru, tetapi Timbalan Menteri pun Timbalan baru- *all new broom will sweeps well*, harap dengan hebat-hebatnya. Saya hendak sentuh berhubung dengan *abandoned*, perumahan terbengkalai. Kita mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana bilangan projek-projek terbengkalai ini nampaknya telah kurang daripada 148 projek dalam tahun 2009 kepada 87 projek dalam tahun 2013 dan juga ucap tahniah kerana telah selesai 20% iaitu 18 projek.

Ini bermakna ada lagi 70 lebih projek terbengkalai. Kadang-kadang ia lama, lebih daripada 10 tahun. Kalau kita kalikan 70 kepada lebih kurang 200 unit ini bermakna dekat dengan 20 unit yang masih terbengkalai, yang kadangkala pembelinya menggunakan duit simpanan dan sebagainya sehingga 10 tahun kena bayar bank lagi dan sebagainya. Hendak beli rumah baru pun tidak boleh.

Jadi hendak minta pandangan Yang Berhormat, kalau kita memperketat sedikit lagi untuk membenarkan *developers* atau pun syarikat-syarikat perumahan yang tidak mempunyai pengalaman, yang tidak mempunyai modal yang sesuai untuk menjadi *developers*. Tidakkah sepatutnya kita

memperketat dan tindakan undang-undang yang lebih ketat kepada mereka yang menyebabkan projek-projek perumahan ini terbengkalai. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim, terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan semua pandangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya nyatakan, saya pun sudah jawab soalan projek terbengkalai minggu lepas tetapi tidak mengapalah, saya *just refresh* balik.

Kenyataan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim tadi memang betul. Kita di peringkat kementerian sedar Tuan Yang di-Pertua, maka kerana itu Yang Berhormat tadi saya sudah sebut bahawa Akta 118 ini kita akan meminda dan pindaan yang akan berlaku kepada Akta 118 ini ataupun Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 ini ia akan merangkumi beberapa pindaan seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim tadi. Tuan Yang di-Pertua, antaranya ialah:

- (i) peningkatan dalam defisit pemajuan perumahan daripada RM200,000 kepada 3% daripada jumlah anggaran kos pembangunan fizikal ke dalam akaun pemajuan perumahan;
- (ii) pembeli rumah diberi hak ataupun pilihan untuk membatalkan perjanjian jual beli SPA sekiranya tiada kemajuan berlaku dalam tempoh masa enam bulan daripada tarikh SPA itu ditandatangani;
- (iii) kita luaskan lagi skop yang berkaitan dengan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah yang saya sebutkan tadi supaya pembeli rumah boleh buat tuntutan ganti rugi ke atas mana-mana pemaju pemajuan perumahan tanpa lesen;
- (iv) Kita naikkan kadar penalti maksimum daripada RM20,000 Yang Berhormat kepada RM50,000 bagi kesalahan yang dibuat oleh pemaju;
- (v) peruntukan ini juga bertujuan supaya tindakan dapat dikenakan ke atas mana-mana pemaju perumahan yang memberikan alasan untuk mengabaikan suatu pemajuan perumahan dengan sengaja dalam tempoh enam bulan secara berterusan yang akhirnya akan menjadi sebab kepada projek perumahan yang berkenaan terbengkalai; dan
- (vi) definisi pemaju perumahan kita perluas lagi skopnya. Kita luaskan lagi skop yang merangkumi bukan sahaja pemaju perumahan termasuklah pelikuidasinya ya supaya kewajipan pemaju perumahan ini akan diambil bukan sahaja terhadap pemaju termasuklah terhadap pelikuidasinya. Susah sedikit hendak sebut perkataan ini.

Ya, jemput Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah Binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi saya kagumlah dengan suara Datuk Halimah walaupun dia sakit, dia jalan kaki empat. Jadi tahniahlah Datuk Halimah, lebih bertenaga daripada suara orang lelaki.

Tuan Yang di-Pertua: Kaki sakit, suara dia hebat.

Datuk Hajah Noriah Binti Mahat: Suara hebat. Itu sakit, kalau tidak sakit lagi hebat. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Kalau diamati-amatilah apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri seolah-olah macam ada penyeksaan kepada pembeli-pembeli rumah. Bayangkan, kita asal hendak beli kita sudah ikat perjanjian. Selepas itu rumah bocor, hendak pergi jumpa pemaju lagi. Selepas itu pemaju lari lagi, hendak pergi batal perjanjian, hendak pergi jumpa peguam. Tidakkah itu satu penyeksaan namanya? Maka kerja hendak tengok anak di rumah, hendak tengok suami lagi, macam-macam hal kalau wanita terutama ibu tunggal yang tidak ada suami. Semua sendiri hendak buat.

Jadi saya hendak tanyalah dengan Yang Berhormat Menteri ini selaku wanita, macam mana perkara-perkara ini kalau boleh kata Dato' Rahim tadi Menteri baru, timbalannya pun baru, tenaga pun baru. Jadi kita minta orang baru ini cuba buat satu perubahan yang baru, yang drastik. Kalau boleh, kita minta kepada pihak kementerian ini denda dengan sebaik mungkin supaya orang-orang ini tidak akan 'pisang berbuah dua kali' dan saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri setakat ini pemaju perumahan yang asyik ini sahaja dia punya masalah, pemaju perumahan ini terbengkalailah nanti mungkin dia buat *register* syarikat lain, orang itu juga yang dapat tetapi kita tidak kenal pasti. Jadi orang itu dapat, dia cuma ubah nama syarikat sahaja. Kalau saya silap minta maaf.

Jadi saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, setakat ini berapa banyakkah pemaju perumahan yang telah disenaraihitamkan? Itu sahaja Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah satu perkara baru ini kerana saya ingin menjawab semua perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan.

■1630

Jadi, tapi tidak mengapalah saya jawab, saya pun tidak mahu kalah juga. OKU, OKU juga tapi kita pun hendak tunjuk kita luar biasa, sepatah kata Tuan Yang di-Pertua tadi.

Saya hendak jawab sikit tadi, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim tadi, sikit saja lagi. Faktor yang menyebabkan kenapa projek perumahan ini boleh terbengkalai? Kadang-kadang bukan disengajakan oleh pihak pemaju, suka-suka hendak bina rumah, dia sudah letak kewangan dia selepas itu akhirnya dia *declare*, projek dia terbengkalai. Dia hendak *declare* projek terbengkalai pun Yang Berhormat, bukan main dia suka-suka *declare*. Yang akan umumkan ialah Yang Berhormat Menteri sendiri yang akan mengumumkan bahawa ini projek terbengkalai.

Jadi, antara yang menjadi sebab ialah kerana mungkin ramai pemaju ini gagal untuk menguruskan perbelanjaan syarikat atau projek dengan baik. Duit datang, bila nampak duit, sudah lain. Jadi, gagal untuk menguruskan urusan yang berkaitan dengan perbelanjaan syarikat.

Kedua, projek itu dilancarkan tapi tidak terima sambutan yang baik. Lokasi tidak semak, permintaan tidak dilihat, ada permintaankah atau tidak ada sebelum dia tawarkan projek-projek perumahan dia. Jadi, bila lokasi tidak baik, tidak dapat sambutan, maka pembeli tidak beli, jadi *profit threshold* yang diharapkan itu tidak dapat di capai.

Seterusnya, pemaju ini dia tidak buat kajian, *return of investment* dia yang tepat. Dia tidak buat kajian. Perubahan harga barangan yang diperlukan di pasaran meningkat dan sebagainya. Jadi, ini

antara sebab-sebab selain daripada faktor-faktor persekitaran yang turut menyumbang kepadanya. Bagi menentukan supaya tidak berlaku lagi. Tadi Yang Berhormat kata Menteri baru, Timbalan Menteri baru Yang Berhormat sebut, lakukanlah sesuatu yang luar biasa daripada amalan-amalan kebiasaan yang dilakukan oleh Kementerian KPKT.

Inilah dia antara pendekatan-pendekatan pembaharuan yang saya sebut ini, yang sedang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana Menteri saya ini muda, Menteri saya ini- dia menjadikan, dia meletakkan masalah-masalah yang berkaitan dengan rakyat ini sebagai KPI dia. Untuk makluman Yang Berhormat, Menteri saya ini dia ada KPI-KPI dia. Antara KPI dia Tuan Yang di-Pertua, termasuklah ini, perumahan. Bila kita membicarakan soal perumahan ini, bukan saja keperluan kepada perumahan, isu harga perumahan yang melambung, isu projek terbengkalai dan sebagainya. Itu adalah KPI Yang Berhormat Menteri saya.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya telah pun mencadangkan beberapa perkara termasuklah kepada Pindaan Akta 118 tadi yang akan memberikan hak yang lebih kepada pembeli dan yang akan memantau dan menguruskan pemaju supaya mereka lebih bertanggungjawab pada masa yang akan datang. Saya tahu Puan Norliza hendak berdiri, saya hendak jawab sekejap yang Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah punya pertanyaan tadi.

Berapa banyak yang terbengkalai? Projek yang terbengkalai yang kita senarai hitamkan. Dia boleh tukar nama syarikat dia Yang Berhormat, tapi kalau nama asal dia "Noriah binti Mahat", dia tidak boleh tukar. Dia hendak tukar nama syarikat, dia boleh tukar. "Halimah binti Mohd. Sadique", tidak boleh tukar. Hendak temberang macam mana? Nama syarikat "Budi Permata" contohnya, boleh ditukar pada "Permata Hijau" tapi nama yang ada dalam ahli-ahli lembaga itu tidak boleh ditukar.

Jadi, bilangan pemaju dan juga ahli lembaga pengarah yang telah pun kita senarai hitamkan sehingga 31 Mei 2013 ini Yang Berhormat. Projek terbengkalai 118, bilangan ahli lembaga pengarah yang kita senarai hitamkan seramai 422, gagal membayar kompaun, saya sebut sekali - 498, bilangan ahli lembaga pengarah yang kita senarai hitamkan 1,631. Ingkar *award* yang telah ditentukan oleh tribunal yang saya sebutkan tadi - 284, senarai ahli lembaga pengarahnya seramai 895. Projek sakit - 250, senarai ahli lembaganya seramai 903. Pemaju yang didakwa dan disabitkan dengan kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan akta yang disabitkan kesalahan oleh pihak mahkamah yang melebihi daripada RM10,000 - 17, ahli lembaga 51. Pemajuan tanpa lesen - 84, ahli lembaga 188. Maknanya, jumlah keseluruhan bilangan pemaju dan juga ahli lembaga yang telah disenarai hitamkan sehingga 31 Mei 2013 Yang Berhormat, sebanyak 1,251 pemaju yang melibatkan 4,090 bilangan ahli lembaga. Di jempit Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih kepada Timbalan Menteri dan tahniah kerana begitu *hands on*, dengan izin, atas fakta-fakta perumahan. Saya cuma masih dalam topik rumah terbengkalai. Saya cuma ingin bertanya, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada pemaju-pemaju, khususnya yang membina perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah di Pulau Pinang yang terdapat lebih kurang tiga atau lima pemaju yang menyebabkan projeknya terbengkalai adalah kerana senarai pembeli yang diberikan oleh kerajaan negeri itu tidak efisien.

Apabila kita membuat kos rendah atau sederhana rendah, pembelinya akan diberi oleh kerajaan negeri di bawah Jabatan Perumahan. Akan tetapi kerajaan negeri gagal menyediakan senarai pembeli dalam tempoh yang sepatutnya. Oleh itu projek itu dilanjutkan dan terbengkalai kerana pembeli tidak mencukupi sehingga melebihi tempoh dua tahun hingga tiga tahun menyebabkan projek itu terbengkalai. Ini bagi saya bukanlah salah pemaju kerana dia ingin membina rumah mampu milik tetapi kerajaan negeri seharusnya menyediakan senarai pembeli yang lebih efisien.

Dalam keadaan yang sedemikian bagaimanakah kementerian dapat mengambil tindakan agar masalah ini dapat diselesaikan, pemaju mendapat keuntungan, projek tidak terbengkalai dan pembeli pun dapat rumah. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, menghadapi masalah. Ini memang berlaku dengan kerajaan-kerajaan pembangkang ini. Kalau bagi kerajaan Barisan Nasional ini, tidak ada masalah. Ini kerana untuk rakyat, kita hendak bina dan kerajaan di peringkat negeri memberikan kerjasama sepenuhnya. Bukan saja kalau dalam bab perumahan PPR contohnya, bukan saja memberikan tanah yang baik lokasinya.

Saya baru saya saja balik daripada Melaka, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka merasmikan projek PPR Air Panas 500 unit. Tanah yang diberi Tuan Yang di-Pertua, kita tidak percaya. Bila saya naik kereta dengan CM hendak pergi ke tapak itu, saya tidak percaya. Saya kata, "Yang Amat Berhormat, kita ini hendak pergi ke pelancaran pecah tanah PPR Air Panas?", "Ya inilah jalannya Halimah". Saya melalui projek perumahan mewah, *high end*. Saya melalui semua projek-projek perumahan mewah, yang rumah besar-besar. Kita pun tidak sangka, Yang Berhormat Baharudin pun ada dekat situ. Saya pun tidak sangka, saya merasa teruja lagi sekali kerana kerajaan negeri bertanggungjawab. Tanah kerajaan negeri, kalau projek PPR contohnya.

Jadi, kerajaan negeri berikan tanah yang baik lokasinya. Tidak kira, sepatah kata Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, "*Yang kaya tidak rasa terhina, yang memerlukan tidak rasa terpinggir*". Tanah yang baik lokasinya. Jadi, kalau semua kerajaan negeri macam Kerajaan Negeri Melaka dan juga kerajaan-kerajaan negeri Barisan Nasional ini, memberikan kerjasama yang baik Yang Berhormat, tidak ada masalahlah seperti mana yang berlaku di Pulau Pinang.

Pulau Pinang contoh, kita hendak buat PPR. Bagi tanah yang kecil tapi hendak bina PPR dia *compresskan* semua. Hendak bina sampai 1,000, hendak *compresskan* semua. Jadi, keutamaan walaupun ia projek perumahan rakyat, kita tidak kompromi dengan keperluan dan juga kualiti.

Dalam bab ini, oleh sebab tanah di peringkat- tanah ini adalah urusan di peringkat kerajaan negeri. Saya hendak nasihatkanlah kepada pembeli tadi, saya sudah sebut tentang hak pembeli, terutama melalui tribunal yang ada. Apa yang paling penting Yang Berhormat, *to safeguard not only the house developers, but also the purchaser*, dengan izin. Bukan saja pemaju seperti yang berlaku di Pulau Pinang tetapi juga pembeli, maka kerana itulah kita buat pindaan-pindaan kepada Akta 118 tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Boleh saya teruskan.

Dato' Khairudin Samad: Yang Berhormat saya mohon menceleh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia OKU tapi 'orang kuat UMNO' [*Ketawa*] Dia bukan

orang kurang upaya. Saya ingin bertanya sama ada boleh atau tidak dalam Akta 118 ini kita dimasukkan juga, kalau tidak boleh 100% siap baru dijual, 50% kah, 20% baru kita boleh pelihara pembeli.

■1640

Kalau 20% siap baru mulai jual, jangan tandatangan perjanjian jual beli selepas itu kita sudah mula kutip duit. Itu yang dia lari dengan duit. Jadi bagi siap dahulu 20% ataupun 50%, boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, bina kemudian jual. Dahulu jual kemudian bina. Pihak kerajaan akan- sebenarnya Yang Berhormat Menteri dahulu pun sudah membuat keputusan mengatakan bahawa bina kemudian jual ini akan dilaksanakan pada tahun 2015, *insya-Allah*. Akan tetapi dengan penubuhan Majlis Perumahan Negara ini Yang Berhormat, maka cadangan pelaksanaan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) ini, kita akan bawa balik kepada pihak majlis dan untuk pihak kerajaan menentukan perkara-perkara yang boleh dimasukkan lagi dalam *term of reference* itu bagi Bina Kemudian Jual. Jadi cadangan Yang Berhormat itu, *insya-Allah* pegawai saya sudah catat, *insya-Allah* kita akan panjangkan kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat.

Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop, Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Bakar...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ada, ada. Saya sudah semak, itu semua ada. Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah Binti Mahat, Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani, semasa berbahas telah pun membangkitkan beberapa saranan yang berkaitan dengan persoalan mengenai isu harga rumah. Kerana ini menjadi topik hangat pada masa ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kemampuan rakyat untuk membeli rumah di samping kita memastikan harga rumah kekal stabil serta mengekang sebarang aktiviti spekulasi, maka kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah pada tahun 2014, seperti mana yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajetnya yang lepas. Pertama ialah, kita menaikkan cukai keuntungan hartanah ataupun RPGT kepada 30%. Pelaksanaan RPGT dengan memberikan kesan berlawanan dengan harga rumah seperti yang dikehendaki. Maka dengan itu, kita mengharapkan supaya dengan mengurangkan pulangan bersih ke atas pelaburan harta RPGT ini akan dapat mengimbangi peningkatan sentimen pengguna. Langkah ini akan dapat mengawal keinginan yang tinggi di kalangan pelabur hartanah yang mempunyai kesan untuk melembapkan aktiviti pelaburan yang berlebihan akibat daripada spekulasi dalam pasaran perumahan, itu yang pertama.

Kedua, kita meningkatkan lagi harga minimum hartanah Tuan Yang di-Pertua yang boleh dibeli oleh warga asing ini. Kalau dahulu dia boleh membeli RM500,000, sekarang daripada RM500,000 kita

tingkatkan sehingga RM1 juta. Seterusnya kita juga akan melaksanakan, kita melarang pemaju perumahan ini daripada melaksanakan sebarang projek yang bercirikan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS), tiada lagi bagi mengelakkan pemaju untuk dengan sengaja memasukkan tanggungan kadar pinjaman faedah pembeli semasa tempoh pembinaan ke atas rumah. Jadi ini di antara langkah-langkah yang akan dilakukan Tuan Yang di-Pertua oleh pihak kementerian.

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, dalam pada kita berurusan untuk menentukan tindakan-tindakan ini akan dapat dilaksanakan dengan baik, kerajaan tidak akan meminggirkan mana-mana golongan rakyat untuk terus memiliki rumah. Kerajaan sedar bahawa kekangan kewangan dan sebagainya dihadapi oleh pembeli. Maka kerana itu, kerajaan juga akan mengambil langkah untuk membanjiri pasaran dengan rumah yang mampu dimiliki, melalui kaedah serampang dua mata.

Pertama seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet, program *MyHome* urusan dua hala antara kerajaan dengan pihak swasta untuk kita memastikan di setiap kawasan perumahan terutama di kawasan perbandaran baru akan diwujudkan juga, bukan sahaja rumah-rumah mampu milik dalam konteks yang berpendapatan RM5,000 ke atas tetapi juga disediakan rumah kos rendah dan sederhana rendah yang mencukupi dengan kemudahan *infra*. Syarat yang ditetapkan oleh pihak kementerian ialah sekurang-kurangnya 20% rumah kos rendah dan 20% rumah kos sederhana rendah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bangun*]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: ...Dan skim menawarkan subsidi RM30,000 bagi seunit kepada pemaju untuk membina 10,000 unit rumah kos rendah sederhana pada tahun 2014. Kita di peringkat kementerian Tuan Yang di-Pertua, masih lagi memperhalus opsyen-opsyen pelaksanaan dalam program *MyHome* ini. Pihak Yang Berhormat Menteri telah pun mempengerusikan beberapa mesyuarat, telah pun mengadakan pertemuan dengan REHDA dan sebagainya termasuk pada minggu lepas dengan *Chinese Chamber* untuk mendapatkan input dalam pada kita menyediakan opsyen-opsyen bagi pelaksanaan ini. Selain daripada itu, semua projek-projek perumahan awam kerajaan melalui Program Perumahan PR1MA, SPNB dan juga PPR yang saya sebutkan tadi. Kita berharap mudah-mudahan ia akan mendapat pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara seterusnya saya tinggal lagi beberapa perkara sahaja Yang Berhormat. Bagi perkara seterusnya rumah transit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin yang bertanya sama ada perancangan kerajaan untuk kita melaksanakan rumah transit bagi orang bujang. KPKT, kita tidak buat Yang Berhormat, yang buat bagi rumah orang bujang ini ialah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Jadi bagi KPKT kita buat rumah transit bagi mereka yang sudah berkahwin. Mereka yang baru berkahwin kali pertama. Habis kalau dia sudah berkahwin empat kali, dia hendak berkahwin kali yang keempat, dia uruskanlah sendiri kerana dia mampu berkahwin kali yang keempat. Jadi syarat kelayakan untuk permohonan rumah transit ini Tuan Yang di-Pertua, satu warganegara, pasangan warganegara yang. Kedua pemohon baru sahaja berkahwin kali pertama dalam tempoh setahun, baru sahaja berkahwin. Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof suka apabila disebut bab berkaitan kahwin ini. Duduk bekerja di Lembah Klang, pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah, tidak ada rekod jenayah ini

antara keperluan yang diperlukan. Syarat bagi rumah transit bagi yang berkahwin ini Yang Berhormat, kadar sewa RM250 sebulan. Ada yang tanya pada saya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh menyampuk sedikit tak?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya jemput Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebelum saya bertanyakan soalan ini, saya hendak memaklumkan bahawa soalan saya ini tidak ada kena mengena dengan diri saya. Kalau ada di antara rakan-rakan di sini yang terkena dengan soalan saya ini, saya minta maaf kerana tidak ada maksud hendak mengenakan mereka. Soalan saya Yang Berhormat, Yang Berhormat mengatakan tadi bagi mereka yang berkahwin kali yang pertama. Bagaimana pula bagi mereka yang berkahwin setelah kematian isteri? Adakah itu dianggap sebagai perkahwinan pertama atau perkahwinan yang kedua. Satu perkahwinan- sebab selama ini apabila kita bercakap berkahwin kali yang kedua, seakan-akan mempunyai isteri kedua tetapi kalau kita hendak meneliti istilahnya di sini, perkahwinan setelah isteri meninggal. Itu macam mana itu?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tengok Yang Berhormat saudara saya, Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof suka itu. Sebenarnya tengok teringin tetapi takut, kita fahamlah itu. Tengok teringin tetapi takut. Sebenarnya Yang Berhormat, rumah transit yang disediakan oleh KPKT ini ialah bagi golongan muda yang baru berkahwin. Golongan muda yang baru berkahwin, dia baru berkahwin, suami isteri, pendapatan di bawah RM3,000 dan belum ada rumah. Jadi oleh sebab pendapatan di bawah RM3,000, baru hendak memulakan kerja, baru hendak memulakan kehidupan berkeluarga, tidak apalah tidak perlulah beli rumah dahulu, sewa sahajalah.

Jadi sewa rumah transit yang kita sediakan. Maka menjawab kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus tadi, Yang Berhormat ia untuk golongan muda dan baru sahaja berkahwin, berumur 30 tahun ke bawah. Kalau saya kata ke bawah, nanti Yang Berhormat bangun lagi. Kalau ke bawah maknanya 60 tahun pun boleh. Jadi ia punya pernyataan ayat itu ialah golongan muda yang baru berkahwin, maknanya pertama kali berkahwin. Itu syaratnya. Kadar sewa RM250 sebulan, tempoh penyewaan tidak lebih daripada dua tahun.

Dalam tempoh dua tahun itu buat perancangan untuk memiliki rumah. Kita akan bina rumah PPR dan sebagainya, buat perancangan masa depan untuk mula membeli rumah dan tidak boleh sewa, tidak boleh *sublet* kan dan tidak boleh tuntutan sebarang kos kalau hendak berpindah dan sebagainya. Ini antara syarat-syarat yang ada.

■1650

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Norliza. Nama Yang Berhormat Puan Norliza ini banyak betullah. Tahniahlah, terima kasih banyak-banyak. Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Datuk Seri Mohd. Ali bin Mohd. Rustam dan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat, terima kasih banyak-banyak. Membahaskan kajian untuk mewujudkan Majlis Perumahan Negara, bijak, panjang pandangan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah umum pun dalam Bajet 2014. Kita akan tubuhkan Majlis Perumahan Negara. Majlis Perumahan Negara ini Tuan Yang di-Pertua, tugas ia pantau pasaran hartanah, pemilikan rumah dan lain-lain isu yang berkaitan dengan sektor perumahan. Fungsi ia untuk merangka pelbagai strategi pelan

tindakan secara menyeluruh, menyelaras aspek perundangan, mekanisme dan pastikan penyediaan rumah lebih cekap dan lebih cepat. Ini fungsinya.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd. Ali Rustam cadangkan kalau boleh projek perumahan terbengkalai letakkan bawah skop Majlis Perumahan Negara. Memang akan masuk sebagai salah satu daripada fungsi kepada Majlis Perumahan Negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd. Ali Rustam cadangkan kalau boleh wujudkan Jabatan Perumahan Negara di peringkat negeri dan daerah. Untuk buat masa ini Yang Berhormat, kementerian memantau aktiviti berkaitan perumahan di peringkat Persekutuan tanpa perlu mewujudkan Jabatan Perumahan Negara di peringkat negeri atau pun di peringkat daerah. Ini kerana bagi memastikan pemantauan pelaksanaan sebarang projek perumahan berkesan, maka kerana itu keanggotaan yang akan duduk dalam Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini ialah semua Menteri Besar, semua Ketua-ketua Menteri dan juga Menteri-menteri yang berkaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan perumahan dan sebagainya. Banyak Menteri yang akan masuk sebagai ahli jawatankuasa. TOR sedang disediakan oleh pihak kementerian kerana pelaksanaan ialah pada tahun 2014. Jadi TOR sedang disediakan oleh pihak kementerian dan *insya-Allah* kalau semua selesai, maka akan diumumkan.

Pengurusan strata dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Kerajaan amat mengambil berat tentang tahap kualiti kehidupan penghuni terutama bangunan strata akan hampir 6 juta, 22% daripada penduduk yang ada duduk dalam bangunan strata termasuklah saya. Atas kesedaran itu Yang Berhormat, maka Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] yang lebih komprehensif telah pun diperkenalkan bagi menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Pengurusan dan Penyelenggaraan) 2007 [Akta 663]. Maka Akta 757 ini akan mengambil kira pandangan daripada semua terutama penduduk, *stakeholders* termasuk daripada kalangan persatuan agen pengurusan swasta.

Selain daripada itu, untuk makluman Yang Berhormat, Akta 757 ini akan dikuatkuasakan pada tahun 2014 bersekali dengan Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2013 dan juga Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2012. Dalam persoalan yang berkaitan dengan kawalan kualiti pengurusan sesebuah bangunan berstrata, kita mengambil berat. Maka kerana itu akta ini diperkenalkan.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dua sahaja lagi, satu sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Pergi ke topik yang lain, boleh mohon mencelah?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya jemput Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya yang sebenarnya, ini topik yang saya betul-betul ambil beratlah. Ini kerana seperti Yang Berhormat kata, kita sepatutnya menjaga enam juta rakyat kita atau pun 22% daripada rakyat seluruh negara. Oleh sebab itulah, saya memandang serius bahawa pengurus-pengurus strata ini mesti dikawal selia. Oleh sebab itulah di dalam apabila *strata management title* dibawa ke Dewan ini, saya mula-mulanya menentang kerana pada saat yang terakhir dalam akta itu mengatakan pengurus harta tidak payah berdaftar. Soalan macam-macam dibuat. Dalam perbahasan saya masa membahaskan perkara ini, saya memberi lima sebab mengapa mereka itu mesti dikawal

selia. Pertamanya ialah kita kena jaga 16 juta, tetapi bukannya hanya segelintir orang yang mengatakan hendak membuatkan pengurusan harta ini sebagai perniagaan biasa, tidak payah dikawal selia. Kita ada Akta 222 yang mengawal selia pengurus harta sekarang. Pasal apa *we want to invent the will?* Sepatutnya mereka ini mesti dikawal selia sebab kalaulah satu strata projek itu mempunyai 200 unit katakan, *service charge*nya RM200. Tiap-tiap bulan dia *collect* lebih daripada RM100,000. Jadi kalau hendak letakkan hanya insurans RM50,000, orang yang tidak bertanggungjawab ini boleh menyalahgunakan wang itu. Itu sebab saya hendak kawal selia.

Akta memang sudah ada di bawah Kementerian Kewangan. Saya minta sangat-sangat. Istimewa pula, ambillah pendapat House Buyers Association (HBA) yang mengatakan bahawa pengurusan harta ini mesti dikawal selia. Kalau tidak kawal selia, kita hendak jaga enam juta orang itu bukannya segelintir orang yang hendak membuat perniagaan semata-mata, tidak payah kawal selia. Di negara-negara yang maju sekali pun, di Australia, di Amerika Syarikat, di negeri China semuanya dikawal selia. Bahkan di Singapura pun akan mengadakan akta untuk kawal selia pengurusan harta. Jadi saya minta benar-benar, sebelum keputusan dibuat untuk di dalam akta strata, *management titles* ini, saya difahamkan Yang Berhormat Menteri akan panggil semua dan saya harapkan pendapat mereka ini diambil kira sebelum satu-satu keputusan yang dibuat kerana *40 police reports* sudah dibuat. Daripada 40 laporan itu, 20 laporan adalah terdiri daripada mereka yang menyalahgunakan kuasa ini dan tidak ada satu pun pengurus harta yang berdaftar yang terlibat.

Lagi pula kita tiap-tiap tahun keluarkan 400 penuntut dari UiTM dan sebagainya untuk kursus khusus pengurusan harta. Ambil kiralah mereka ini. Jadi oleh sebab itu, saya minta benar-benar supaya kementerian mengambil serius perkara ini dan janganlah terdesak kepada mereka yang hanya hendak menggunakan peluang ini untuk membuat perniagaan biasa dan menyalahgunakan. Lagi pula dalam akta yang ada sekarang ini, kita telah membuat satu *amendment* memberi peluang selama 12 bulan kepada mereka yang tidak berdaftar, pergi daftar. Selama 12 bulan, tidak kira mempunyai ijazah apa pun asalkan ada pengalaman dan tidak mempunyai sejarah jenayah dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menjawab, saya dalam sesi meluluskan akta tersebut, Yang Berhormat Senator Dato' Rahim dan ada ramai lagi telah menyatakan masalah ini. Yang Berhormat Menteri masa ketika itu telah memberi pengakuan kena ambil perkara ini. Yang Berhormat Menteri pun sudah tidak ada sekarang. Saya harap dua-dua Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Menteri yang baru ini tolong ambil berat apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Rahim tadi dan saya minta Yang Berhormat Senator Dato' Rahim kalau boleh bekerjasama dengan kementerian untuk membantu mereka.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun bangkitkan perkara ini. Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya seperti mana yang saya sebutkan tadi sebelum kita pergi lebih *detaill*ah untuk kita bentangkan akta ini, pertemuan antara *stakeholders* termasuklah *Housing Board* dan sebagainya, jadi sudah dibawa secara bersama. Mungkin agaknya kita boleh adakan satu pertemuan dengan Yang Berhormat semua untuk kita jelaskan dengan lebih supaya kita lebih faham tentang semua cadangan dan

juga cadangan dan nasihat yang penting bagi pihak enam juta, 22% rakyat yang duduk dalam bangunan berstrata ini diambil kira. Saya ambil berat di atas nasihat yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi.

■1700

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan itu baik Yang Berhormat. Elok, bagus.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menjawab sedikit sahaja yang berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim tadi. Dalam persoalan untuk kita mengawal kualiti pengurusan dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin dan walau bagaimanapun, kuasa penguatkuasaan sepenuhnya masih lagi terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Akan tetapi walaupun begitu, kerajaan di peringkat kementerian, kita ambil inisiatif untuk kita tempatkan pegawai-pegawai dan sebagainya, sekarang ini di 68 kawasan pihak berkuasa tempatan. *Insyallah*, akhirnya akan merangkumi semua yang mempunyai bangunan berstrata.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga akan memberikan kuasa kepada pemilik dan pembeli menguruskan kediaman berstrata mereka secara kolektif. Jawatankuasa pemilik dan pembeli yang dikenali sebagai JMC ataupun MC dipilih secara demokrasi melalui Mesyuarat Agung Tahunan yang akan menentukan arah tuju pengurusan dan penyelenggaraan bangunan. Kerajaan akui terdapat kepentingan untuk kita mempunyai badan ini untuk mengawal selia ejen pengurusan bangunan berstrata seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim tadi. Saya ambil berat tentang semua cadangan itu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bangun*]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terakhir Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah sedikit?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, jemput Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ada dua perkara berkaitan yang saya kemukakan Yang Berhormat. Pertama, mengenai saya menyokong penuh, sepenuh-penuhnya perkara yang telah dengan izin, *articulated* yang telah diartikulasikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim tadi. Walaupun disebut tadi bahawa pendapat *stakeholders* seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan akan diambil kira tetapi saya rasa, *stakeholders* ini kadang-kadang orang biasa yang tidak begitu berkeupayaan mengartikulasikan kepentingan mereka. Sedangkan kepentingan mereka itu telah diartikulasikan dengan izin, *force full* sekali oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim yang tahu apa yang dia cakap.

Oleh kerana itu saya rasa, pendapat Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim patut diambil kira sama ada *stakeholders* akan mempunyai minat atau tidak. Kebimbangan kita ialah bukannya kita mempunyai kecenderungan *the so-called- silent majority*. Barangkali sebahagian daripada *stakeholders* ini adalah termasuk dalam kalangan orang yang tergolong sebagai *silent majority* ini sedangkan *the active articulate minority* yang berpengetahuan seperti Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim lebih perlu diambil pandangannya. Jadi, saya rasa, itulah yang diharapkan sangat, jangan terlalu bergantung hanya kepada *stakeholders* sahaja yang barangkali tidak begitu berkeupayaan mengartikulasikan kepentingan mereka.

Kedua, satu lagi yang ada kaitannya, dalam banyak projek perumahan di masa lalu dan sekarang barangkali pun masih berlaku peraturan itu ialah diperuntukkan sekian *percent*, 30% untuk bumiputera. Bagaimana sekiranya peruntukan bumiputera ini tidak ada pembelinya? Tidakkah ada ura-ura di pihak kerajaan supaya peruntukan bumiputera ini umpamanya dipertanggungjawabkan kepada GLCs tertentu supaya tidak dipasarkan dalam pasaran bebas? Jadi, itulah dua perkara yang saya ingin timbulkan. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya sudah sebutkan tadi Yang Berhormat, kita ambil berat. Kalau Tuan Yang di-Pertua sudah nyatakan tadi, maknanya memang pentinglah itu dan ambil berat sangat ke atas cadangan dan juga nasihat yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi.

Bersabit tentang bumiputera tadi. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Menteri telah pun mengarahkan melalui cadangan, arahan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Maka kerana itu KPKT, kita telah sedang dalam proses untuk mewujudkan Unit Pembangunan Bumiputera yang akan bertanggungjawab untuk memastikan kepentingan bumiputera di sektor hartanah ini dijaga dan dipantau dengan lebih teliti terutama kepada kuota-kuota perumahan bumiputera seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi supaya pemaju tidak menggunakan peluang untuk membayar penalti seperti apa yang berlaku di Pulau Pinang. Dia tidak payah bina, kadang-kadang dia *collect* penalti dan dia *wave* kan, dikecualikan daripada membina kos rendah dan kos sederhana rendah. Kenapa dia tidak buat? Ini kerana dia sudah membayar penalti, kerana kerajaan negeri kata, "*Tidak apa. Bayar, jadi tidak payah bina*".

Jadi yang dalam bab ini kita tidak akan berkompromi, terutama dalam usaha untuk kita membina lebih banyak rumah mampu milik untuk bumiputera. Ini menjawab kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus tadi. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Cuma satu sahaja.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tadi Yang Berhormat menyebut tentang Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Boleh atau tidak *underline* Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diperintah oleh DAP? Oleh sebab saya rasa Kerajaan Pulau Pinang sebelum ini tidak buat begitu.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya. Saya sudah sebut dari awal tadi, kerajaan-kerajaan negeri pembangkang sebagai contoh, Pulau Pinang. Ini kerana ia memang masalah yang berlaku. Kita bukannya sahaja, "*Oh! Kenapa sebut?*" Kerana dia pembangkang? Tidak! Memang masalah yang sedang berlaku. Jadi, kalau semua kerajaan negeri dapat memberikan kerjasama yang baik, saya ingat cita-cita besar aspirasi rakyat untuk memiliki rumah ini akan dapat terjemahkan. Izinkan saya beralih seterusnya Tuan Yang di-Pertua. Dua sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya. Saya ingat Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam keluar makan capati tadi [*Ketawa*] [*Disampuk*] Ada lagi dua.

Okey, kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam yang semasa membahaskan isu dalam Bajet 2014 menyentuh mengenai kawasan lapang. Untuk

makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited kerana mementingkan kesejahteraan rakyat dan juga kelestarian alam sekitar. *No compromise on that*. Maka kerana itu, Majlis Perancangan Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menetapkan bahawa setiap 1,000 orang penduduk kita, mempunyai dua hektar kawasan lapang. Ini dalam MPFN sudah diletakkan syarat itu.

Maka dalam hubungan itu Tuan Yang di-Pertua, semua pihak berkuasa perancangan tempatan perlu menetapkan, wajib, supaya 10% daripada kawasan yang dicadangkan untuk apa juga bentuk pemajuan, dirizabkan sebagai kawasan lapang dan kemudian wajib diwartakan. Kalau diletakkan tetapi tidak diwartakan pun tidak guna. Akhirnya dia ambil balik esok. Boleh digunakan untuk sebagainya. Jadi, wajib diwartakan oleh kerajaan negeri untuk dibangunkan bagi tujuan rekreasi awam. Setakat ini tahun 2012 Yang Berhormat, 28,296 hektar kawasan telah pun dikenal pasti ataupun dirizab sebagai kawasan lapang di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 14,524 hektar telah pun diwartakan dan daripada jumlah 14,524 hektar yang telah diwartakan, kita sudah membangunkan 5,674 hektar sebagai taman awam yang dibangunkan sama ada oleh pihak berkuasa tempatan, kerajaan negeri ataupun pihak kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat- ingin saya nyatakan bahawa skim-skim pembangunan tanah perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% daripada apa juga keluasan kawasan pembangunan sebagai tanah lapang. Ini adalah termaktub mengikut peraturan seksyen 62 Kanun Tanah Negara yang telah diputuskan oleh Majlis Tanah Negara pada tahun 2003.

Selain daripada itu, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berkaitan dengan Taman Awam Berskala Besar (TABB) di Bukit Kiara. Yang Berhormat bangkitkan bukan? Betul? *[Disampuk]* Ya, sahaja hendak mengusik *[Ketawa]* Oleh kerana sudah petang-petang ini Tuan Yang di-Pertua, takut mengantuk pula menjawab soalan yang terakhir ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Landskap Negara telah pun dipertanggungjawabkan. Kita sudah siap pelan ini semua Yang Berhormat. Saya tidak tahu Yang Berhormat sudah tengok atau belum... *[Bertanya kepada Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam]* Belum?.. TABB untuk Bukit Kiara?... Belum Yang Berhormat?... Belum, nanti kita akan tunjukkan.

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya.

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam: Bukan pelan. Apa yang saya bahaskan ialah di tahun 2007, sudah disebut akan digazetkan. Sehingga hari ini belum digazetkan. Itulah yang penting. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Belum habis lagi. Hendak masuklah itu sekejap lagi. Rancang, bangun, kawal selia, reka bentuk, laksana, menguruskan TABB, yang mana pelaksanaan pembangunan dijalankan secara berfasa. Dia kawasan luas Yang Berhormat.

■1710

Jadi secara berfasa mengikut keutamaan berdasarkan kepada pelan induk yang telah pun disediakan. Bagi kawasan TABB Bukit Kiara ini Yang Berhormat, pembangunan tanahnya adalah

berasaskan kepada konsep *park and arboretum*. Dia *park and arboretum*. Maknanya macam muzium pokok-pokok lah begitu. Luas biasa sedikit kerana keluasan kawasan dan sebagainya yang mengambil kira tentang ekologi yang perlu dipelihara dan juga keperluan rekreasi penduduk setempat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah pun memohon untuk mewartakan lot-lot tanah yang terlibat dalam pembangunan tanah ini pada tahun 2009 seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Sehingga Disember 2013, tiga lot tanah, lot 54267, lot 54269, dan lot 54270 telah pun dicantumkan dan dikenali sebagai lot 480589. Usaha sedang dibuat untuk kita selesaikan isu tanah pada satu lagi lot supaya semua lot-lot ini akan dapat dicantumkan dan akhirnya akan dapat diwartakan sebagai Taman Persekutuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Last sekali Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Ya lah, betullah Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique: Ini betul-betul *last*.

Tuan Yang di-Pertua: Elok *last* lah itu. Lepas ini tidak payah kacau-kacau lagi lah.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique: Ya, tidak payah lah kacau-kacau lagi. *Last* ini. JPP. Ramai orang tidak faham apa JPP ini. Ada yang kata kita hendak mengambil alih, hendak merampas kuasa ahli majlis, hendak menjadi satu pusat pentadbiran baru bagi Pihak Berkuasa Tempatan. Ramai tidak faham. Ramai yang faham tetapi diputarbelitkan kefahaman itu. Jadi, akhirnya semua tidak faham.

Jadi, saya ucapkan terima kasih lah banyak-banyak kepada Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, kepada Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahim bin Abdul Rahman kerana telah pun membangkitkan isu ini. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, kita tahu 70% daripada penduduk di negara ini duduk dalam kawasan bandar. Kita tahu kerana itu, maka menyedari hakikat itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengumumkan Bajet 2014, telah pun mengenalkan satu pendekatan baru untuk menambahbaikkan terutama dari segi penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui penubuhan JPP.

Cadangan penubuhan JPP ini supaya kerajaan dapat berinteraksi dengan lebih dekat lagi melalui wakil-wakil yang kita pilih. Wakil kepada rakyat yang ada di kawasan setempat supaya tidak berlaku birokrasi apabila kita hendak mengutarakan masalah dan sebagainya. Maka, kerana itu insya-Allah kita akan tubuhkan di 148 PBT. Kecuali Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan kerana ini duduk di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah pun menubuhkan Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar masing-masing.

Kita akan wujudkan di semua kecuali di Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian High-Tech Kulim, Lembaga Bandaran Johor Tenggara dan juga Lembaga Kemajuan Tioman kerana ia tidak laksanakan kerana ketiga-tiga tempat ini dia tertakluk kepada akta dan perundangan yang lain. Penubuhan JPP mengikut zon ahli majlis di bawah PBT, 24 zon bagi tiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Jumlah dihadkan mengikut ahli majlis, diperuntukkan di bawah Akta 171.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi JPP dilantik oleh pihak kementerian selepas kita berunding dengan pihak pemimpin tempatan persekutuan dan kemudian dilantik dan cadangkan struktur jawatankuasanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang kah lagi?

Datuk Halimah binti Mohd Sadique: Dah habis dah, dah habis. Dah habis, itu sahajalah. Untuk ucapan Bajet 2014, saya takut nanti ada yang bertanya pula. Kalau sudah tubuh JPP tak kan tidak ada duit. Kosong sahajakah? Tidak. Dalam ucapan Bajet tahun 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun umumkan peruntukan sebanyak RM63 juta untuk Program JPP ini.

Jadi, saya harap kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat berikanlah sokongan. Jangan fikir yang lain, ini semua adalah untuk kesejahteraan rakyat. Saya akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Sudah habis dah ini. Saya mengambil ucapan untuk ucapkan terima kasih banyak-banyak. Hari inilah Tuan Yang di-Pertua saya berdiri paling lama. Selalu saya berdiri bersandarkan dinding supaya saya boleh berdiri lama dan hari ini dalam sejarah sejak empat bulan ini berdiri paling lama. Haah, berdiri yang paling lama [*Ketawa*] Akan tetapi tidak rasa sakit. Teruja kerana dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dapat memberikan peluang dan masa untuk saya menjawab dengan lebih. Satu rangkap pantun.

*Dari Kluang ke Indera Giri,
Membawa tinta ke Kota Tinggi,
Selesai Dewan rehatkan diri,
Insya-Allah esok lusa bersua lagi.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah mengambil masa lebih daripada satu jam dan kita ada 13 kementerian selepas ini. Akan tetapi, kerana kementerian itu saya rasa banyak isunya, saya benarkanlah. Isu-isu yang dibangkitkan bagi saya memanfaatkan kepada semua dan Ahli Dewan. Kepada kementerian-kementerian yang tidak banyak isu itu nanti, pandai-pandailah kalau boleh ringkaskan.

Seterusnya, tanpa membuang masa saya mempersilakan Kementerian Dalam Negeri. Kalau ikut banyak juga isu ini. Akan tetapi, walau bagaimanapun kebijaksanaan Yang Berhormat Datuk Dr. Wan.

5.15 ptg

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum*, sekali lagi berjumpa semula kita di ruang ini. Jadi, sebagaimana yang telah dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua saya ini betul-betul di pertengahan. Nombor 12. Ada 24 kementerian. Sudah hampir dua hari.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang 2014 Dewan yang mulia ini melibatkan Kementerian Dalam Negeri pada 9 hingga 12 Disember yang lalu.

Sebelum menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih lah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kerajaan kerana telah memberi dan mengagihkan sebanyak RM12,600,000 bilion lebih kepada kementerian kami dan kementerian kami diperuntukkan mengurus perbelanjaan pembangunan sepanjang tahun hadapan.

Peruntukan khas yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri RM200 juta bagi memperlengkapkan keperluan peralatan yang lebih moden. Ini dikatakan *modernize policing*, dan RM20 juta menambahbaikkan 496 unit kamera litar CCTV serta perolehan 200 unit motosikal untuk kegunaan Unit Ronda Bermotosikal PDRM. KDN akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan disalurkan bagi memberi impak maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

KDN juga percaya pendekatan berhemah dan inovatif yang dilaksanakan oleh kerajaan telah membuahkan hasil utama bagi menjamin kos salah satu inisiatif yang melibatkan KDN ialah pelaksanaan penjimatan dalam pelaksanaan pengurusan nilai bagi Projek Perancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar berhubung agar tindakan tegas diambil terhadap individu yang telah menghina Raja Melayu dan Islam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius isu berhubung dengan penghinaan terhadap kesucian agama Islam dan institusi Raja-Raja Melayu. Keistimewaan ini adalah jelas seperti mana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan perlu dipertahankan oleh semua pihak. Dalam hubungan ini, pihak polis telah pun mengambil tindakan terhadap lima orang individu yang disyaki terlibat dalam mengeluarkan kenyataan menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam media sosial bulan Jun 2013 yang lepas. Mereka ini telah pun ditahan, disiasat di bawah Akta Hasutan 1948. Pihak PDRM selesai menjalankan siasatan dan kertas siasatan telah dihantar kepada pendakwa raya untuk tindakan selanjutnya.

Bagi menghina Islam pula telah ada dua kes yang telah dikenal pasti dan telah diambil tindakan iaitu kes pertama berhubung dengan Vivian dan Alvin yang makan bak kut teh berbuka puasa. Satu lagi yang membela anjing memuat turun video dalam ketika Hari Raya Aidilfitri. Jadi, kita mengambil tindakan dan serius berlandaskan garis panduan undang-undang Tuan Yang di-Pertua.

Berbalik pada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman Abu Bakar juga dengan Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus yang telah menyarankan supaya pihak PDRM meningkatkan tangkapan terhadap ahli kongsi gelap dan gengster serta memperluaskan Ops Cantas ke Wilayah Persekutuan Labuan.

■1720

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sikit? Saya mohon penjelasan daripada Menteri, berapa lama satu-satu kes untuk diselesaikan? Kedua, apakah bentuk hukuman yang dikenakan penjara kah denda kah. Ketiga, saya nak tahu adakah pada fikiran kementerian, sesuai atau munasabah kah hukuman yang dikenakan. Kalau tak sesuai, adakah kementerian akan memperkenalkan undang-undang baru atau sebagainya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya tiga perkara. Pertama, berapa lama satu-satu kes dikendalikan. Dalam sudut ini Tuan Yang di-Pertua adalah seorang pakar dalam soalan ini. Beliau pakar dalam banyak sudut, *intelligent*, soalan penyelidikan, siasatan jenayah dan berbagai-bagai lagi. Tiap-tiap kes ini makan masa yang tertentu dalam mengikut keadaan kes-kes itu sendiri. Dalam sudut kes yang dibuat dan

dilaksanakan, pada ketika ini menerusi laman web ataupun laman sosial macam *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya, dia perlu banyak tindakan iaitu kita perlu menghubungkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk menentukan siapakah mereka ini, perlu dikenal pasti dahulu sebelum penyelidikan boleh dibuat. Jadi inilah kenapa maka tindakan polis nampaknya terlambat, lama mengambil tindakan.

Oleh kerana kita mesti perlu yang nama keluar sebagaimana diperjelaskan Menteri Komunikasi dan Multimedia pagi tadi bagaimana seorang itu nama dia lain dan yang keluar dalam media sosial ini berlainan. Jadi penjelasan ini perlu diselidiki dahulu sebelum polis boleh membuat penyelidikan dan menentukan apakah kes yang telah dilakukan oleh pihak-pihak yang membuat *Facebook* tersebut. Ini...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua saya celah sikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Peraturan dia Yang Berhormat, saya duduk dulu baru Yang Berhormat berdiri ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu kejap. Ha. Silakan-silakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya belum habis bercakap. Pihak polis, pertama, mendapat laporan. Kedua, mengenal pasti orang yang keluar dalam media sosial ini. Setelah dikenal pasti, pekerjaan ini di antara polis dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Setelah dikenal pasti, barulah orang itu disoal siasat dan diambil *statement* sebelum kita membuat keputusan. Selepas selesai semua benda ini baru kita majukan kepada pihak Peguam Negara untuk diputuskan, adakah tidak kes-kes berbangkit daripada apa yang berlaku.

Akan tetapi apabila didapati sampai kertas siasatan ini pada pihak *Attorney General* dan didapati ada kelemahan-kelemahan daripada sudut penyelidikan, dia akan dikembalikan semula kepada pihak polis ataupun pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk diselidik semula bagi mengumpulkan bukti-bukti yang perlu untuk membuat satu pertuduhan di mahkamah nanti dapat berjaya. Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya faham kerja-kerja siasatan itu lama, makan masa. Akan tetapi kalau lama sangat sehingga empat bulan, lima bulan, enam bulan, orang jadi tawar hati seolah-olah kementerian tak ada apa-apa tindakan. Jadi bolehkah diutamakan, didahulukan supaya sesiapa yang hina Raja, Islam, ambil tindakan serta-merta. Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, untuk membantu. Ini proses mahkamah ini Yang Berhormat, kita tidak boleh lari. Sebagaimana yang diterangkan tadi, maknanya kalau betul kehendak rakyat dia hendak cepat tetapi kerana proses, prosedur, peraturan itu terpaksa diikuti, maka kita tak boleh lari daripada tindak tanduk. Kita kena beritahu juga rakyat bahawa ini bukanlah kerana tidak bertindak, tinggal lagi cara mana pihak kementerian itu agaknya memaklumkan, itu terpulang kepada budi bicara pihak kementerian dan sebagainya. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kita sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Rahman tadi, kita menyedari tentang keperluan penelitian yang betul-betul teliti. Akan tetapi yang

kita takutkan ialah persepsi masyarakat. Apabila terlalu lambat, maka masyarakat mendapat persepsi seakan-akan tidak dibuat apa-apa. Oleh itu boleh tak saya cadangkan satu jalan tengah supaya walaupun lambat tetapi dimaklumkan terus menerus kepada rakyat bahawa kes ini pada tahap ini, kes ini pada tahap ini. Dengan demikian, masyarakat ramai akan menyedari bahawa tindakan telah diambil dan akan terus diambil.

Jadi yang merunsingkan, yang memusykilkan kita Tuan Yang di-Pertua ialah bila satu perkara itu dihebahkan kepada masyarakat dan kemudian pihak polis dan pihak berkuasa bertindak tetapi tindakan itu dibuat dalam diam-diam tanpa dimaklumkan kepada masyarakat, ini menimbulkan persepsi yang negatif. Jadi jalan tengahnya saya cadangkan supaya untuk mengelakkan persepsi yang negatif itu berpanjangan, sila maklumkan terus menerus, apa proses dan perkembangannya. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, saya ambil perhatian cadangan yang dibuat oleh Dato' Profesor Senator tadi berhubung dengan makluman yang perlu diisytiharkan kepada rakyat. Kita juga cuba meminta pihak media supaya peringkat penyelidikan dalam satu-satu kes yang dianggap kontroversial ini perlu juga pendedahan sebanyak mungkin oleh kerana rakyat hendak mengetahui.

Yang kedua, soalan hukuman. Soalan hukuman ini Tuan Yang di-Pertua, saya nak jawab juga. Denda dikenakan tidak melebihi RM5,000, ini dalam undang-undang yang ada sekarang. Dipenjarakan selama tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Ini di bawah Akta Hasutan seksyen 4 dan 5. Kesalahan seterusnya di penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun. Jadi ini adalah undang-undang yang kita ada sekarang, belum dipinda lagi. Walau bagaimanapun kerajaan masih melihat, pihak KDN, pihak kementerian masih melihat dan berbincang dengan pihak Peguam Negara untuk mewujudkan undang-undang yang lebih wajar melihat keadaan semasa yang ada sekarang ini. Jadi soalan yang ketiga yang Dato' Rahman Bakar sebut tadi, apa soalan yang ketiga Dato' Rahman? *Sorry*, tanya lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya pun dah lupa [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sama-sama terlupalah. Jadi terima kasih Dato' Rahman dan Senator Profesor. Soal *Operation* Cantas yang kita lakukan di Labuan. *Operation* Cantas bermula 17 sebagaimana selalu saya sebutkan 17 Ogos 2013 bagi mengumpul mereka yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gengsterisme di seluruh negara. Hasil daripada *Operation* Cantas Khas yang dimulakan pada 17 Ogos 2013 sehingga 12 Disember 2013, seramai 1.2 juta lebih Tuan Yang di-Pertua, orang telah dibuat pemeriksaan, diperiksa. Sebanyak 39,960 orang telah ditangkap dan sebanyak 1,190 senjata api dan senjata berbahaya telah dirampas. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi dijalankan adalah penurunan jenayah indeks, terutama kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh yang menurun hampir 23% daripada 236 kes kepada 181 kes dalam tempoh 119 hari operasi dijalankan.

■1730

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Wilayah Persekutuan Labuan adalah di bawah pentadbiran IPK Sabah dan jumlah pemeriksaan Ops Cantas bagi negeri Sabah adalah seramai 96,994

orang dan jumlah tangkapan yang dibuat adalah seramai 2,272 orang. Pihak polis akan meneruskan operasi secara berterusan bagi menjamin keselamatan sentiasa dipelihara dan sehingga rakyat akan merasa selamat dan memastikan *fear of crime* di kalangan masyarakat dapat dikurangkan.

Di Labuan secara khususnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, daripada 17 Ogos hingga 30 November, pemeriksaan melibatkan 2,630 orang, tangkapan 122 orang. Pecahan daripada yang diperiksa ini ialah seperti berikut:

Kaum	Pecahan Kaum Hasil Pemeriksaan Ops Cantas (Bil./orang)
Melayu	213
Cina	0
India	1
Lain-lain	2,416

Ini saya sudah tegur jabatan dan kementerian supaya masyarakat etnik Sabah itu jangan disebut lain-lain. Sebutkan kalau dia orang Bisaya, Bisaya. Kalau dia orang itu sebutkan *ethnic group* dia. Macam mana di Sarawak kalau dia Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan sebagainya sebutkan nama itu. Jangan di lain-lainkan orang ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, selamat datang. Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman memohon penjelasan mengenai sejauh manakah kejayaan kerajaan bagi mengurangkan kadar jenayah di bawah *National Key Result Area* (NKRA) dan sejauh manakah penglibatan swasta dan komuniti setempat dalam inisiatif ini. Sejak NKRA mengurangkan kadar jenayah diperkenalkan pada tahun 2009, sehingga kini hanya menunjukkan penurunan jenayah indeks yang begitu ketara sekali. Kadar jenayah indeks yang dilaporkan adalah sebanyak 209,817 kes. Pada tahun 2010 pula sebanyak 177,520 dan turun sebanyak 5.4%. Pada tahun 2011 pula, sebanyak 166,295 kes turun sebanyak 11.1%. Pada tahun 2012 pula jumlah kes dilaporkan adalah sebanyak 153,669 kes turun kepada 7.6%. Pada tahun ini jumlah kes di lapor hingga Oktober 2013 adalah sebanyak 123,437 kes turun sebanyak 3.5%.

Pelbagai usaha telah dijalankan bagi mengurangkan kadar jenayah dengan melibatkan syarikat swasta. Di antaranya ialah program *go to safety point* yang mana orang-orang boleh mendapatkan bantuan ketika kecemasan. Program ini melibatkan kerjasama PDRM dengan 96 buah stesen minyak *Petron*, tujuh buah *premises 7Eleven* dan semua pejabat Pos Malaysia di sekitar Lembah Klang serta penglibatan cawangan bank seperti *Maybank*, *Kuwait Finance House*, *Public Bank* dan pelbagai lagi di seluruh negara.

Di samping itu PDRM turut mewujudkan rangkaian hubungan dengan aplikasi *MyTeksi* bagi membantu meningkatkan kecekapan usaha membanteras jenayah. Melalui aplikasi ini pemandu teks

menjadi mata dan telinga kepada polis di mana kejadian jenayah boleh di lapor terus secara atas talian kepada pihak PDRM. Dalam hal ini...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Boleh celah sedikit?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, silakan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dikatakan jumlah gengster kongsi gelap di Malaysia adalah sebanyak lebih kurang 410,000 orang. Yang ditangkap hanya kadar 15,000 orang. Saya hendak tanya apakah *target* sebenar KDN untuk tangkap, tahan dan sebagainya. Adakah 15,000 itu sudah cukup atau separuh atau 80% atau macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila seseorang polis membuat tangkapan dia perlu menilai dahulu apakah kesalahan yang telah dibuat, dilakukan oleh pihak yang ditangkap. Kalau tidak pihak polis boleh dituduh sebagai menangkap dengan tidak ada kuasa undang-undang dan boleh di saman oleh mahkamah. Kerajaan juga akan bertanggungjawab. *Wrongful arrest*. Jadi implikasinya banyak. Daripada sudut penguatkuasaan undang-undang dan kecuaihan pihak polis dan bebanan kepada pihak kerajaan daripada sudut kewangan.

Jadi dalam keadaan sedemikian walaupun kita memikirkan *suspected*, dengan izin, seseorang itu adalah ahli kepada *society* kongsi gelap, tetapi kita tidak sewenang-wenangnya boleh menangkap. Itulah proses sebab kita memeriksa sampai 1.2 juta baru menangkap sebanyak ini sahaja. Sebabnya ini sahaja yang kita dapati ada bukti-bukti yang boleh diguna pakai untuk membawa mereka ini ke mahkamah dan dituduh dan mungkin boleh mendapat kejayaan semasa di mahkamah nanti. Jadi ,ini satu lagi.

Yang keduanya, daripada sudut undang-undang kita tidak ada pada ketika ini selain daripada kanun pencegah jenayah yang kita ada yang baru kita pinda dan telah pun ditandatangani Duli Yang di-Pertuan Agong, *insya-Allah* akan diwartakan. Apabila undang-undang ini kemas, siap diwartakan nanti kita akan guna pakai kuasa yang ada di bawah undang-undang ini. Bahkan malam tadi pun saya sehingga lewat malam ada berinteraksi dengan pihak badan Peguam Malaysia, *Bar Council of Malaysia* untuk berbincang dengan mereka berhubung dengan soalan pelaksanaan undang-undang yang kita telah luluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan telah direstui oleh Duli Yang di-Pertuan Agong dan juga bakal diwartakan. *Insya-Allah* Yang Berhormat banyak lagi tangkapan selepas ini nanti apabila telah undang-undang ini dilaksanakan.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Dalam hal ini juga kerajaan telah melibatkan komuniti setempat dengan memperuntukkan sebanyak RM10,000, ini banyak ini kepada setiap persatuan penduduk bagi aktiviti pencegah jenayah termasuk membeli peralatan rondaan seperti cota, *vest* keselamatan, lampu suluh dan kon keselamatan. Peruntukan ini turut meliputi pembinaan pondok pengawal keselamatan di bawah komuniti masing-masing.

Sepanjang tahun 2013 sebanyak 1,510 persatuan penduduk yang aktif berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah menerima peruntukan tersebut berjumlah RM14,979,200

telah kita agihkan kepada 1,510 persatuan itu tadi untuk membantu masyarakat, orang setempat membantu polis.

Penglibatan pihak NGO seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, *Lions Club*, Kelab Pencegahan Jenayah di peringkat sekolah-sekolah untuk memberi kesedaran betapa pentingnya pencegahan dilakukan semua peringkat. Pihak PDRM juga telah melancarkan Program Amanita dengan melibatkan suri rumah khususnya dan kaum wanita untuk bersama-sama mencegah jenayah. Terima kasih kaum wanita bantu polis.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed bertanya berkenaan dengan bilangan polis beragama Islam yang telah dilantik dan masih berkuasa sebagai pakar perjudian di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1952 dan nyatakan apakah kerajaan telah merujuk kepada Majlis fatwa Kebangsaan berkaitan hukum pelantikan tersebut dalam Islam. Jika ya, sila nyatakan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan. Ini soalan Islam.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pelantikan pakar judi adalah di bawah peruntukan seksyen 11(6), Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*] oleh Menteri Kewangan.

■1740

Pakar-pakar perjudian ini hanya menyediakan laporan pakar dan membantu mahkamah dalam proses pendakwaan kes perjudian. Buat masa ini pihak PDRM tidak merujuk pelantikan pakar-pakar ini kepada Majlis Fatwa Kebangsaan. Pihak polis buat masa ini mempunyai seramai 193 orang pakar judi dan pakar mesin perjudian yang diwartakan. Dari jumlah tersebut, seramai 118 adalah yang beragama Islam. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pakar judi dalam kalangan pegawai polis beragama Islam, hukumnya ialah adalah tidak haram. Jangan tanya lebih daripada itu. Saya ini bukan pakar Islam ya. Ini kerana mereka membantu dalam pelaksanaan undang-undang untuk sesuatu proses pembicaraan mahkamah. Perkara ini telah dirujuk kepada JAKIM pada 16 Disember 2013. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Nget Yoon: Sebelum, boleh saya celah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ringkas Yang Berhormat, ringkas saja. 12 kementerian lagi.

Dato' Lim Nget Yoon: Ya, tentang indeks jenayah yang tinggi dan kenyataan tentang Malaysia sebuah negara yang tidak selamat. Jadi, apa pandangan daripada Yang Berhormat Menteri tentang kenyataan begitu dan selalu dimainkan oleh pihak tertentu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berterima kasih banyak-banyak. Tunggu sekejap. Atas soalan ini Tuan Yang di-Pertua. Memang amat relevan. Apa yang berlaku dan realiti berlakunya jenayah satu persoalan yang dikata kita menunjuk fakta yang menurun daripada 2009 dan mendadak penurunannya selepas pelaksanaan *Operation Cantas* yang kita laksanakan. Memang mendadak tetapi persepsi masyarakat umum belum lagi berubah soalan ini. Salah satu daripada masalahnya, tiga perkara.

Pertama, oleh kerana banyak media *mainstream* ataupun media alternatif membuat laporan-laporan kepada masyarakat umum. Kadang-kadang satu perkara berlaku, kalau dihebahkan menerusi *Twitter* dan *Facebook*, sebagai macam semua negara ini sudah berlaku perkara itu. Jadi, persepsi itu

masyarakat perlu ubah. Jadi yang kedua, orang politik pula. Membangkit, menggembar-gemburkan perkara ini. Ketiga, kita punya *mainstream* media, termasuk media kerajaan. Keluar dalam televisyen, keluar dalam surat khabar besar-besaran apabila berlaku perkara-perkara jenayah keganasan dan sebagainya.

Akan tetapi saya pernah duduk melihat di New York, tahun 1991,1992, 2005 saya melihat berlaku banyak perkara. Pembunuhan berbagai-bagai, bahkan orang kata selepas pukul 6 jangan keluar lagi New York tetapi tidak satu laporan pun keluar dalam surat khabar. Tidak ada menjadi *public topic* di bincang di sana sini...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jarang sekali hendak dengar melainkan perkara itu memang sensasional, perkara itu besar, perkara ganjil, perkara itu jarang berlaku. Jadi akhirnya, persepsi masyarakat kalau kita tanya, saya masuk dalam bas, bas *Greyhound* iaitu *tourist bus*. Apa kata pemandu bas? *This is the safest city in the world. New York the safest city in the world* 1991-1992 Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia kata. Kita punya *Ambassador* kata tidak boleh keluar lepas pukul 6. Jangan pergi ke tempat ini, *Street, Avenue* ini jangan pergi. Akan tetapi dia kata *the safest city in the world*. Begitu juga Washington, begitu juga Chicago, tidak dihebohkan sebenarnya.

Jadi, persepsi masyarakat berlainan. Saya baru turun daripada- baru bulan Ogos lepas, turun di Madrid. Belum sampai satu jam *district Madrid*, saya kena *pick pocket*. Semua kad saya hilang. Saya tanya polis, apa dia buat? *"Nothing we can do, nothing will happen. We just logde a report, so that you can claim back your card."* Tuan Yang di-Pertua, barang siapa telah menjelajah dunia, mengetahui perkara ini. Kita menggembar-gemburkan perkara. Akhirnya, orang keluar pecah penjara di Gusta Medan, kita kata di Kuching, semua orang itu lari sudah. Jadi, orang semua percaya juga. Saya hairan rakyat Malaysia ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya persepsi ini tidak realiti Yang Berhormat. Bersamalah kita, janganlah- persepsi masyarakat kita ubahlah sedikit. Sila Yang Berhormat. Okey, sila.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Sebenarnya saya ingin lebih penjelasan berkaitan dengan pelantikan pakar judi. Saya setuju hukum melantik pakar judi di kalangan orang Islam tidak menjadi masalah. Akan tetapi perlu diteliti di dalam melatih dan membentuk seramai 118 orang pakar judi di kalangan orang Islam ini memerlukan latihan-latihan. Disebut ada latihan-latihan amali yang seolah-olah berada di kasino. Jadi, saya ingin supaya dalam melahirkan, dalam pergi kepada latihan, kursus-kursus yang melahirkan pakar-pakar judi ini, mereka ini dipastikan agar patuh syariah. Tidak melanggar syariah, itu saja.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit tentang Laporan Kadar Indeks Jenayah yang kadangkala di Malaysia ini bermusim sebenarnya. Bahkan laporan akhbar ataupun laporan media, ianya bersifat bermusim mengikut keperluan tertentu. Kita ambil contoh ya. Sebelum kita luluskan di Dewan yang mulia ini, *Prevention of Crime Act (PCA)* 2013, dengan izin. Di dada-dada akhbar utama, media, surat khabar, TV, radio, keluar macam-macam cerita. Macam negara ini sudah hendak hancur sudah. Bila lulus saja di Dewan yang mulia ini, hilang terus. Macam

penjenayah di negara ini, dia ikut perkembangan Dewan. Itu peliknya. Sama juga macam kita hendak luluskan nanti GST.

Di akhbar ini penuh cerita macam-macam. Seperti juga sebelum pilihan raya dan sebagainya. Saya rasa mungkin pihak kementerian dalam soal pelaporan kadar jenayah ataupun perlakuan jenayah di negara ini harus berbincang dengan media, terutamanya media utama. Media alternatif tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi cuma mengikut apa yang dilaporkan oleh media utama. Kalau media utama laporkan kadar jenayah itu besar dan berat, maka alternatifnya akan menambah cerita-cerita yang lebih *detail*. Jadi, mungkin kesalahannya terletak kepada bagaimana perencanaan pemberitaan itu sendiri. Jadi, saya minta komen Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkara tersebut.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Yang utama saya menjawab soalan lantikan pakar judi ini tadi. Sebenarnya mereka yang menjadi pakar judi, dilantik daripada kalangan apabila ada keperluan pakar judi. Lepas itu perkara ini diiklankan dalam jabatan umpamanya polis ya. Diiklankan siapa yang mahu terlibat dengan- dihantar kursus tertentu untuk menghadiri satu kursus di Maktab-maktab Polis, di Pusat Latihan Polis. Selepas itu, siapa yang memilih untuk pergi, dia akan dihantar berlatih dan latihan ini akan berterusan. Kedua, mereka juga dibawa untuk melihat sendiri bagaimana tempat yang realiti ia berlaku untuk melihat sendiri bagaimana ia berlaku. Diaplikasikan yang dikursus tadi kepada *the reality* perkara ini berlaku.

Ya, saya setuju dengan apa Yang Berhormat sebut itu, pematuhan kepada syariah. *Insyah-Allah* saya ambil perhatian berhubung dengan ini oleh kerana orang Islam untuk pergi ke tempat perjudian macam kasino dan sebagainya diharamkan ya, kita faham. Jadi, *insyah-Allah* saya akan bawa perkara ini kerana cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat itu memang cukup baik.

■1750

Kedua, soal pendekatan ataupun *engagement* dengan media. *Engagement* dengan media ini juga memang betul, Saya bersetuju. Dari awal saya dengan Menteri memang bersetuju bahawa *we got to engage the media*. Akan tetapi Yang Berhormat, media dia sendiri dia hendak jual surat khabar dia, *sensationalisation the only way out* untuk *competing among themselves*. Bahkan kalau kita baca buku, satu buku yang saya baca berhubung dengan media ini, *the competing between media* ini sendiri kadang-kadang dia tokoh tambah. Minta maaf, saya berdoalah media Malaysia tidak buat macam itu. Ini supaya *sensationalisation* itu lebih tinggi daripada ini supaya boleh jual sedikit. Tidak soalan kebenaran, kebaikan kepada masyarakat jadi perkara yang nombor dua. Jadi- *democracy* itu hilang sebenarnya oleh kerana tidak lagi menjurus kepada falsafah media yang terdahulu. *What is more important now is the dollar and cent*. Jadi saya berharap media kita tidak menjurus ke arah tu, *insyah-Allah* kita juga ambil kira dan kita cuba mencari macam mana pendekatan untuk mengubahkan persepsi masyarakat.

Minta izin Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Kalau tidak, 12 lagi kementerian. Saya perlu ingat sentiasa. Yang Berhormat Senator Haji Saat...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyak lagi Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebenarnya saya baru mula [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab kita masih ada lagi 11 kementerian.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jawapan saya ada di sini. Kalau semua setuju bagi jawapan bertulis, boleh. Akan tetapi walau bagaimanapun, kasihan kadang-kadang dia orang berucap harapan ada jawapan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau dapat ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: *Insyallah* saya ringkaskan. Ini fasal isu penempatan kuarters kakitangan terletak berhampiran dengan pusat pembuangan sampah di Melaka Tengah. Ini yang sebenarnya Yang Berhormat, saya sudah dimaklumkan. Saya tidak baca semua teks ini Yang Berhormat. Sebenarnya saya dimaklumkan penempatan kuarters ini belum siap lagi, pembinaan kuarters ini hanya 97.5% siap. Makna dia, kalau 100% siap pun belum dipindah. Dia kena tunggu dahulu penyerahan kuarters ini kepada pihak itu, selepas penyerahan baru duduk. Janjinya ialah tempat pembuangan sampah ini nanti akan dipindah ke tempat lain apabila kuarters ini telah dihuni oleh pihak pejabat kerajaan ini nanti lagi. Itu jawapan kepada soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu tadi.

Soalan daripada senator Tuan Saiful Izham bin Ramli mengenai berhubung Akta Pemindahan Banduan. Sehingga ini, berapa negara yang telah memeterai janji pemindahan banduan dengan Malaysia. Sebenarnya Yang Berhormat, pemindahan banduan ini mempunyai beberapa syarat. Pertama, negara yang terlibat dengan pemindahan banduan ini mesti mempunyai undang-undang yang sama. Malaysia ada negara umpamanya Thailand, Thailand ada juga. Selepas itu negara ini mesti mewujudkan *treaty* di antara mereka. Jadi kita berpandangan bahawa *treaty* ini adalah baik dibuat secara hampir sama untuk semua ASEAN. Jadi *treaty* ini masih dirangka oleh pihak Pejabat Peguam Besar Negara. Jadi hingga sekarang ini masih belum sains pun mana-mana *treaty* untuk pertukaran banduan dengan Malaysia dan mana-mana negara di seluruh dunia. Kita sudah mempunyai data maklumat semua, mana negara yang mempunyai undang-undang dan mana negara yang tidak mempunyai undang-undang. Akan tetapi Indonesia umpamanya dia tidak ada undang sebab mereka telah melihat penjara kita, apabila dia lihat penjara kita, dia kata, "*Pak ini beres pak, ini indah pak.*" Jadi penjara kita lebih elok daripada apa yang didapati, maka mereka tidak minat sangat hendak pindah, orang di penjara Malaysia hendak pindah penjara Indonesia. Tunggulah apabila sampai masanya nanti...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ringkas Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ya, ringkas. Saya membangkitkan perkara tersebut Tuan Yang di-Pertua kerana beberapa sesi yang lepas saya telah membangkitkan perkara yang sama panjang lebar. Timbalan Menteri ketika itu menjawab masalah kita ketika itu ialah kita tidak mempunyai sebarang undang-undang dan dia berjanji untuk mempercepatkan proses pembuatan undang-undang tersebut. Daripada sesi yang lepas sudah ada undang-undang tersebut. Saya juga telah membangkitkan sebelum daripada ini, sesi lawatan saya ke penjara di Selatan Thailand menyebabkan ribuan banduan warga Malaysia yang hidupnya agak teruk di sana dan beberapa penjara di Indonesia. Apabila saya bertanya kepada pegawai penjara tersebut dan pegawai kementerian yang berkenaan di Thailand khususnya, jawapannya kepada saya ialah Malaysia antara beberapa sahaja negara yang tidak menandatangani

treaty pemindahan banduan, sedangkan kerajaan Thailand sudah menandatangani beberapa *treaty* yang sama dengan beberapa negara untuk proses penukaran banduan dan pemindahan banduan.

Saya tidak pasti tentang Indonesia, tetapi dengan Thailand itu saya pasti kerana saya sudah berbincang sendiri dengan pegawainya. Jadi saya minta agar perkara ini dipercepatkan kerana tidak sesuai. Saya lihat banduan, terutamanya banduan wanita, penjara wanita di Songkla, amat teruk dan amat daif, dari segi pemakanannya terutamanya warga Malaysia yang beragama Islam, amat teruk. Jadi minta agar pihak kementerian mempercepatkan proses menandatangani sebarang *treaty* atau perjanjian penukaran banduan warga. Kita boleh hantar balik warga dia di sana, dia hendak buat apa ikut suka dialah dan kita ambil warga kita balik ke Malaysia. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya hasrat kementerian memang begitu Yang Berhormat. Apa yang tinggal pada kita di Malaysia ini ialah *treaty* masih dikaji oleh pihak *Attorney General*. Ini kerana dalam *treaty* itu mesti dipersetujui oleh pihak Thailand juga, ciri-ciri yang kita mahu dan ciri-ciri yang Thailand mahu. Sudah ditandatangani *treaty* ini nanti kita hanya boleh tukar macam itu, tidak. Ada syarat-syaratnya yang tertentu yang diminta oleh pihak Thailand kepada kita yang perlu kita patuhi dan syarat-syarat yang kita minta pihak Thailand penuhi yang juga perlu pihak Thailand memenuhi. Jadi *treaty* ini, itulah ada dua pandangan. Saya berbincang dengan pihak dalam mesyuarat Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan perkara lain tetapi melibatkan perkara ini. Masalahnya lebih eloklah *multilateral treaty* ataupun *bilateral treaty* sila laksanakan. Banyak negara mengatakan lebih mudah kalau kita buat *bilateral* kerana hendak ubah suai ini lebih mudah daripada berkonsultasi di antara banyak masyarakat.

Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, kita akan mempercepatkan, kita akan bagi permohonan kepada Peguam Negara supaya mempercepatkan kajian beliau dan konsultasi beliau dengan negara-negara yang kita mahu bawa balik. Lebih daripada itu Yang Berhormat, sebenarnya itu kita punya *mule*, *drug mule* seluruh dunia sudah satu ribu lebih masyarakat Malaysia yang kita hendak bawa balik Yang Berhormat, di mana penjara kita yang *confirm* kepada United Nation punya standard, yang dianggap terbaik di ASEAN Yang Berhormat. Pada masa ini, penjara Malaysia yang terbaik di ASEAN. Saya sudah melawat penjara di Singapura. Penjara di Singapura dia punya peralatan dia, dinding dia, rim dia macam ini baik, cantik, mahal harga, ciri-ciri keselamatan, *no way near* kita boleh itu tetapi penjagaan manusia Yang Berhormat, *they have to learn from us*. Jadi pengisian ini, penjara kita memang *one of the best*. Jadi dalam keadaan sedemikian, memang banyak hendak bawa balik orang kita supaya duduk dalam keadaan yang lebih baik. Dalam pemulihan kita boleh dikatakan yang terbaik, *one of the best in the world*. Jadi kita berbangga soal penjara kita. Jadi terima kasih Yang Berhormat.

Berpindah saya kepada persoalan dibangkit Yang Berhormat senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad berhubung dengan mereka yang telah terlibat dengan kes jenayah, masuk penjara, diberi latihan, diberi bantuan, keluar daripada itu untuk mendapatkan pekerjaan, buat *business*, tetapi kadang-kadang mereka di luar sana tidak ingin memberi sokongan. Maknanya pihak-pihak syarikat, pihak-pihak individu yang menggaji pihak-pihak lepasan penjara ini tidak mahu. Jadi kita membuat satu pendekatan yang amat baik. Kita telah meminta pihak penjara, telah membuat pendekatan yang baik iaitu kita wujudkan

halfway house. Daripada *halfway house* ini saya datang ke sana Tuan Yang di-Pertua, saya jemputlah lawat *halfway house* itu adalah *one of the best*.

■1800

Isteri Menteri Singapura dengar seorang bercakap sambil menangis. Selepas itu kita punya prestasi boleh dikatakan sampai 80%. Akan tetapi apa yang jadi masalah, banyak lagi mungkin 95% lagi masyarakat di luar sana tidak faham, yang bantuan mereka kepada lepas banduan yang mahu *turnover new leg* ini mendatangkan satu- mengubah persepsi sosial Malaysia begitu baik dan akan membantu pihak banduan ini tidak terlibat semula dalam keadaan jenayah.

Jadi kalau kita boleh bagi tahu kepada semua syarikat, masyarakat di luar sana membantu kita supaya stigma sebagai bekas banduan ini boleh dibantu. Di samping itu kita juga membantu anak-anak yang lagi di bangku sekolah masuk dalam penjara sama ada di *Henry Gurney School* oleh kerana *juvana* dan sebagainya atau di peringkat penjara itu sendiri. Kita melatih, kita berbincang dengan universiti-universiti, institusi pengajian tinggi banyak mereka ini sudah menduduki SPM, STPM, mengambil sijil kepakaran peringkat Ijazah Pertama, *Masters* dan kita masih berbincang dengan universiti sekarang untuk mendapat sokongan daripada pihak universiti supaya kita sampai boleh mendidik anak keluaran daripada penjara ini sampai ke *PhD. level*.

Tuan Yang di-Pertua, banyak program yang kita buat dari sudut ini kepada sampailah ke sudut macam mana mengendalikan...

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Yang Berhormat Menteri, maksud saya banduan-banduan itu yang di dalam penjara itu banyak kes, kes jenayah ini pelbagai kes jenayah. Contohnya kes dadah, perompak, penyamun dan ada kes rogol, kes penyelewengan, kes SPRM, tidak sama dengan kes ini. Jadi orang kes SPRM ini, mereka ini bukan kes orang bunuh orang, tidak. Mereka punya penyelewengan sahaja. Mereka ini keluar lima, enam tahun akan hendak tubuh satu syarikat perniagaan. Akan tetapi dalam satu borang daftar perniagaan itu, borang di bawah itu bebas daripada bankrap, tidak terlibat dengan kes mahkamah, bebas daripada penjara, itu yang terikat pada banduan-banduan yang terikat ini. Kalau boleh kementerian kaji semula borang-borang itu. Sekian.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, ini memang saya terimalah, kita juga melihat perkara ini. Ini kerana borang-borang, apa sahaja borang pekerjaan, borang *business*, permohonan bantuan dan sebagainya adalah sikit-sikit *small print* itu, maknanya ada tidak terlibat dengan jenayah. *Masya-Allah* kalau sudah terlibat dengan jenayah, Ustaz Don sendiri tanya. Tuan-tuan hari ini sudah baca tiga muka al-Quran? Tanya ada tidak baca tiga muka al-Quran hari ini? Tidak seorang berani angkat tangan tetapi kita angkat tangan hari itu oleh sebab kita sudah bersama dengan banduan baca Yasin lebih daripada tiga mukalah al-Quran saya sudah baca malam itu. Kita semua boleh angkat tangan.

Akan tetapi Yang Berhormat sebenarnya adakah kalangan-kalangan kita ini sudah baca tiga muka surat al-Quran hari ini. Saya tidak masuk jail, mungkin tidak ada juga. Jadi Yang Berhormat, kadang-kadang kita salah nilai orang dalam penjara itu. Saya setuju kalau kita dapat berbincang secara besar-besaran, bukan sahaja kerajaan tetapi juga syarikat-syarikat di luar sana supaya tidak payahlah masuk bekas banduan ini, bekas jenayah ini. Jikalau mereka ini telah di rekomen oleh *Upper House* dan

disarankan oleh pihak penjara boleh diberi pengajian, kerja dan sebagainya, terimalah mereka ini ke dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan sikit sahaja.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sikit Yang Berhormat. Yang Berhormat ini tahu sikit, sikit memang sikit.

Dato' Lim Nget Yoon: Ikut statistik kementerian, penjenayah selalulah penjenayah berulang-ulang, *repeat criminals*. Jadi ikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, apakah itu *contradicting*? Apa pandangan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sistem parol yang kita perkenalkan menerusi pindaan CPC pada 204 dan 205 dan dilaksanakan 206. Kita mempunyai *recidivist* iaitu mengulang jenayah mereka hanya 7.6% sahaja Tuan Yang di-Pertua. *It's a smallest in the world*. Kita sudah *compare* sudah, *compare* dengan Amerika, *compare* dengan Kanada, *compare* dengan Australia hinggananya orang Australia hendak tanya macam mana sistem *you introduce* di penjara Malaysia yang *you* punya *recidivist* ini begitu kecil sekali, yang mana kalau lihat di Amerika 50% balik semula.

Jadi Yang Berhormat, banyak program ini. Memang saya bersetuju, ada memang *habitual* itu dia sudah dapat satu penyakit. Yang Berhormat aturkan satu trip pergi ke *halfway house* kita satu. Dengar seorang budak ini nama dia Aziz, umur dia 56 tahun. Dia 16 kali masuk jail. Dengar cerita dia, menangis Timbalan Menteri Senior *Minister wife* daripada Singapura mendengar cerita dia. Kenapa dia jadi demikian. Sekarang dia menjadi *consultant* di *halfway house* Yang Berhormat. Itu pengiktirafan KDN kepada mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim mencadangkan supaya satu kaedah peringatan atau *reminder* secara automatik kepada rakyat bahawa bila *passport* akan tamat tempoh. Sebenarnya Yang Berhormat, kita cuba mempraktikkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah ini dahulu. Selepas melaksanakan perkara ini, secara automatik setiap pasport hendak itu enam bulan kita hantar nota kepada semua orang yang punya pasport tetapi apa yang berlaku, 90% surat itu kembali kepada Jabatan Imigresen.

Jadi akhirnya kita lihat selepas beberapa lama dicuba, nampaknya dia tidak berjaya, tidak berjaya sangat. Jadi akhirnya kita kembali kepada apa yang kita laksana sekarang supaya barang siapa yang berkehendakkan pasport, dia datang untuk- pasport ini boleh di siap dengan seberapa cepat yang boleh. Saya sebenarnya hendak pergi ini hendak ganti pasport saya sebab enam bulan lagi. Dalam masa tidak sampai satu jam sebenarnya, mungkin Timbalan Menteri setengah jam itu. Orang biasanya, bekas Menteri saya nampak dia dapat satu jam juga. Jadi hampir-hampir sama dia sudah cepat buat.

Sebabnya Yang Berhormat, kenapa fakta ini tidak boleh berjaya sebabnya orang kita Malaysia ini walaupun pasport dia sudah mati, dia tidak kisah itu. Ini kerana dia tahu dia hendak hitung, *it count the dollar and cent*. Kalau dia hendak *travel* nanti dia tahu imigresen *department* boleh keluarkan dalam masa yang cepat. Dia sudah *save* kepada *couple of month* itu daripada *planning* kepada hari dia dapat *passport*. Ini dia *save* ini. Oleh sebab itu dia tidak dengar sangat notis ini, itulah masalah sebenar yang

berlaku kepada pengenalan soalan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, terima kasih. Cadangan itu memang apa yang kita ketahui *current* idealah.

Soalan kepada...

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah pasal pasport?

Timbalan Yang di-Pertua: Panjangkah Yang Berhormat? Pendekkanlah.

Dato' Boon Som a/l Inong: Tuan Yang di-Pertua, pasport ini bila kita *renew* untuk dua tahun RM100, untuk... [Disampuk] Untuk dua tahun RM100, untuk lima tahun RM300. Jadi kalau fikir secara logiknya, masa singkat itu perlu harga yang tinggi sikit. Ini lima tahun kita mintalah Menteri Dalam Negeri ini mengkaji supaya turunkah RM250 atau RM200 untuk murah sedikit harga pasport kepada rakyat. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih. Akan tetapi *the convergent of ideas* ini memang bermacam Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat saranan daripada beberapa SMS yang saya terima. Kalau saya baca ini, banyak dalam ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah baca Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tidak payah baca. Panjang sangat. Sudah banyak sangat SMS. Apabila saya mengumumkan bahawa hampir setengah juta kad pengenalan yang hilang itu, dia kata kalau ini diganti dengan seberapa cepat dan tidak ada hukuman yang berat, sentiasa kita akan dengar dokumen yang penting ini akan hilang sama dengan pasport kata dia. Jadi dia punya cadangan Yang Berhormat, pening kepala saya. Beritahu dengan pegawai saya dari Jabatan Pendaftaran, memang tidak boleh pakai.

■1810

Dia kata RM100,000 kali yang kedua. Bukan RM200, tetapi RM100,000 denda hendak ganti yang kedua. Pertama RM50,000, jadi tidak apa, ini benar ada dalam ini. Jadi, itu dapat kita pertimbangkan Yang Berhormat tetapi masalahnya percambahan idea, *stakeholders* ini kita kena dengar juga. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi soalan daripada Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta pihak kementerian mengkaji semula kualiti cip dalam MyKad yang diguna agar tidak mudah dipalsukan dan apa langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan isu sebegini dapat ditangani. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, banyak maklumat diberi. Saya jawab macam ini sahajalah. Sebenarnya kad pengenalan kita yang jenis dahulu punya satu gambar sahaja, memang dapat dipalsukan. Dapat di palsu macam mana? Diubah gunakan, dibuka membrannya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, tidak payah panjang lebar sebab pagi tadi saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah menjawab.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sudah dijawab, tidak payah jawab lagilah. Jadi makna dia, yang dua gambar sekarang, satu dengan '*ghost image*' itu memang belum ada palsu. Jadi untuk maklumat tambahan Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita sudah ganti bukan tiga juta kita sudah ganti ketika ini hingga bulan November ini, kita sudah ganti lebih tujuh juta kad yang lama, jenis satu gambar kepada dua gambar yang ada sekarang ini. *Insyah-Allah* kita akan berprestasi tinggi dalam masa mungkin sebelum pertengahan tahun hadapan, kita boleh ganti semua dan akhirnya tidak ada orang boleh menggantikan gambar dengan kad gambar yang lain.

Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Panjang cerita ini. Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader ini tidak panjang lagi Tuan Yang di-Pertua. Dato' Syed Ibrahim bin Kader...

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah dia dalam Dewan? Dia tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawab secara bertulis.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Kita akan jawab secara bertulis. Pegawai di belakang ingat ya, janji saya jawab bertulis. Yang Berhormat Senator Dato' Pau Chiong Ung ada atau tidak dalam Dewan?

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak ada sebab dia sudah tamat tempoh.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sudah tamat tempoh, jadi jawapan pun tidak payah hantar.

Timbalan Yang di-Pertua: Secara bertulis.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Secara bertulis. Penutup Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya. Setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Saya berharap pihak kerajaan telah dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Bagi jawapan yang belum dapat dibangkitkan, Yang Berhormat boleh jumpa saya ataupun pegawai kerajaan dan tulis surat dengan saya. Sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab oleh saya pada kali ini akan diambil tindakan untuk tindakan susulan. Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Seterusnya kita beralih ke Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

6.13 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia sepanjang perbahasan pada kali ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat lapan orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan kementerian saya iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

Secara keseluruhannya, antara isu berkaitan kementerian ini yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah dirumuskan merangkumi enam perkara utama iaitu:

- (i) usaha meningkatkan liputan dan capaian *internet*;
- (ii) keperluan penggubalan undang-undang baru berkaitan pengawal selia teknologi maklumat;
- (iii) keperluan penggubalan undang-undang berkaitan penerbitan dan penyiaran kandungan filem ataupun program TV. Pelaksanaan program *Get Malaysian Business Online* ataupun GMBO, dengan izin; dan
- (iv) peranan komunikasi media penyiaran kerajaan dan swasta serta penerapan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Di sini saya akan cuba menjawab semua pertanyaan ini dalam masa yang telah ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jailani bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam teras Bajet 2014 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Antara isu ialah mengenai dengan perluasan akses *internet* di mana pihak kerajaan akan terus memperkasakan Projek *High-Speed Broadband* dengan izin, untuk masuk fasa kedua yang bukan hanya bertujuan meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan selular serta capaian *internet* tetapi juga untuk mengurangkan jurang digital di negara ini. Dalam isu ini terdapat tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan pendapat dan saranan iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop, Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

Saya akan cuba menjawab, di mana dalam soalan ini di bawah projek *Time3* terdapat lebih kurang 1,000 menara akan dibina. Sehingga kini sebanyak 664 menara telekomunikasi telah pun dibina di seluruh negara manakala 336 menara telekomunikasi sedang dibina. Di antara 336 menara telekomunikasi yang sedang dalam proses pelaksanaan, 269 menara telah siap tetapi sedang dalam peringkat pemasangan peralatan elektronik. Baki 67 menara lagi dalam peringkat pembinaan. Di bawah Program *High-Speed Broadband* untuk fasa kedua seperti yang saya nyatakan tadi, ianya bertujuan untuk memperluaskan liputan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi ke kawasan bandar-bandar utama yang melibatkan sejumlah 450,000 premis. Anggaran kos perbelanjaan secara keseluruhan ialah RM1.8 bilion di mana pecahannya adalah merangkumi swasta lebih kurang RM1.3 juta bilion, Dana SKMM lebih kurang RM100 juta dan pelaburan kerajaan lebih kurang RM400 juta bilion.

Manakala untuk program *suburban broadband* ataupun, dengan izin, pinggir bandar. Pihak kerajaan akan meningkatkan kapasiti jalur lebar dengan kelajuan empat hingga 20 *megabit per second* ke kawasan pinggir bandar yang melibatkan lebih kurang 750,00 premis. Anggaran kos keseluruhan perbelanjaan adalah lebih kurang RM1.6 bilion. Di kawasan Yang Berhormat Padang Besar, projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2014. Saya harap dengan penjelasan berkaitan dengan usaha kerajaan ini ia sedikit sebanyak dapat memberikan pencerahan kepada semua Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada permasalahan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman mengenai cadangan penggubalan undang-undang

ICT baru. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mengawal aliran maklumat di *internet* seperti mana pendirian dan jaminan kerajaan menerusi *MSC Bill*, dan peruntukan seksyen 3(3) Akta Komunikasi bahawa tidak ada penapisan *internet*. Saya percaya pagi tadi Yang Berhormat Menteri pun ada jawab soalan ini tetapi saya akan perjelaskan sedikit lagi ya. Walau bagaimanapun, pendirian tersebut bukanlah bermakna kebebasan mutlak diberi kepada pengguna untuk menyalahgunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Kementerian ini melalui Suruhanjaya sentiasa bekerjasama dengan agensi penguat kuasa yang lain dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan media sosial dan penyalahgunaan internet. Ini adalah kerana Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bukanlah satu-satunya undang-undang yang terpakai dalam menangani penyalahgunaan media sosial dan *internet*. Antara undang-undang lain yang terpakai adalah Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Kanun Keseksaan dan Akta Jenayah Komputer. Sepanjang tempoh 2008 hingga 2013 pihak Suruhanjaya telah menyekat lebih kurang dalam 6,640 laman sesawang yang melanggar akta serta undang-undang bertulis negara lain yang melibatkan kesalahan. Seperti laman web bank palsu, pelanggaran hak cipta, kandungan lucah dan lain-lain.

Walaupun bagaimanapun menyedari bahawa kandungan laman web dan *blog* ini tidak dapat dikawal sepenuhnya. Pihak Suruhanjaya mengambil tindakan proaktif untuk mendidik pengguna-pengguna *internet* mengenai penggunaan *internet* secara positif serta mengamalkan pengawalseliaan sendiri ataupun dengan izin, *self regulation*. Di samping itu Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah didaftarkan sebagai satu forum industri untuk mempromosikan kawal selia sendiri di antara penyedia kandungan ataupun penggiat industri dan juga pengguna. Untuk menolong mencapai matlamat ini satu kod kandungan telah diterbitkan sebagai panduan dalam menjelaskan piawaian kandungan yang baik dan sesuai untuk penggunaan semua rakyat.

Pihak Suruhanjaya sentiasa bekerjasama dengan pihak kementerian yang berkaitan untuk menyekat akses kepada mana-mana laman web yang melibatkan pengedaran mana-mana terbitan yang dilarang seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 263 Akta Komunikasi yang menghendaki mana-mana pemegang lesen untuk membantu pihak suruhanjaya ataupun pihak berkuasa lain dalam mencegah perlakuan atau percubaan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, mengenai permasalahan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah berkaitan penggubalan undang-undang mengenai penerbitan dan penyiaran kandungan TV, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pihak kementerian sebagai satu kementerian yang bertanggungjawab untuk membangunkan industri perfileman mengalu-alukan produksi dari genre filem dan kita terbuka kepada kreativiti setiap penerbit. Dalam hal ini Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan juga Akta Penapisan Filem 2002 di bawah Kementerian Dalam Negeri memadai dalam memastikan program dan aktiviti yang bercorak hiburan mengikut garis panduan dan juga tatacara yang telah ditetapkan dalam usaha pihak kementerian untuk mengukuhkan pembinaan jati diri generasi muda melalui aktiviti hiburan dan kesenian.

Di samping itu, pihak RTM mengendalikan semua rancangan berbentuk hiburan berpandukan kepada garis panduan penerbitan rancangan TV, Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Penapisan Filem dan atas dasar semasa Kementerian yang mana semuanya tidak pernah sama sekali membenarkan aktiviti hiburan sama ada di lapangan ataupun rakaman ataupun secara siaran langsung yang bercanggah dengan amalan nilai-nilai murni masyarakat majmuk serta norma budaya yang bersandar kepada Islam sebagai agama rasmi.

Setiap rancangan yang disiarkan oleh pihak RTM mahupun stesen penyiar swasta seperti Media Prima, Astro dan sebagainya telah terlebih dahulu dinilai isi kandungannya oleh Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Rancangan TV masing-masing dengan merujuk kepada Lembaga Penapisan Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri dan juga kod kandungan Akta Komunikasi Multimedia 1998. Bagi pihak RTM, ia juga tertakluk kepada kod etika penyiaran Jabatan Penyiaran Malaysia.

Selain daripada itu, kerjasama yang selalu diterapkan oleh pihak Kementerian ini kepada pihak produksi filem ataupun untuk program televisyen ialah untuk berurusan terus dengan JAKIM sebelum sesuatu produksi dimulakan agar ia selari dengan beberapa garis panduan seperti antaranya garis panduan hiburan dalam Islam. Di samping itu, pihak Kementerian sentiasa menekankan kepada semua pihak terutamanya pihak penerbit agar perlu memainkan peranan dalam mengamalkan kawal selia sendiri ataupun *self regulation*, dengan izin, yang menjadi teras terutamanya kepada kod kandungan komunikasi dan multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada pembangunan industri ICT, kerajaan juga telah memperkenalkan program *Get Malaysian Business Online* (GMBO) dengan izin, seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap program GMBO sehingga 11 Disember tahun ini ialah sebanyak 25,791 permohonan telah pun diterima dan 6,950 pemohon telah menerima geran sejumlah RM1,000 setiap permohonan. Daripada jumlah permohonan pemohon yang berjaya, seramai lebih kurang 4,005 orang pemohon adalah usahawan wanita.

Bagi meningkatkan penyertaan usahawan di dalam program GMBO, kerjasama berterusan di jalankan bersama agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan usahawan dan syarikat-syarikat swasta untuk membantu usahawan berniaga dalam talian. Dianggarkan sebanyak sejumlah 30,000 permohonan akan diterima sehingga penghujung tahun 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat juga antara kejayaan yang boleh saya kongsi di Dewan yang mulia ini iaitu dalam industri kraf tangan di mana projek ini dilakukan di FELDA Jengka 22, Pahang. Nama usahawan iaitu Noor Ashraf Arifin, beliau adalah usahawan OKU yang menggunakan kaki untuk menghasilkan kraf tangan. Dia belajar untuk membuat reka bentuk dan pemilihan warna untuk menghasilkan kraf benang kait dan kertas *A4* melalui *internet*. Ini di antara beberapa contoh Yang Berhormat.

Bagi mengenal pasti keberkesanan program GMBO ini pihak Suruhanjaya sedang menjalankan kaji selidik kepada penerima geran GMBO mengenai impak menggunakan *internet* terhadap perniagaan mereka termasuk peningkatan pendapatan perniagaan. Kajian ini *insya-Allah* dijangka selesai pada awal tahun 2014. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini juga program ini akan diteruskan sehingga

peruntukan berjumlah RM50 juta yang telah diperuntukkan dapat disalurkan. Ini ada peruntukan asal yang telah kita persetujui.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit mengenai peranan penyiaran kerajaan dan swasta dalam meningkatkan maklumat lebih awal, di sini pihak kementerian ingin memaklumkan bahawa jumlah kekerapan siaran pesanan khidmat awam berkaitan Bajet 2014, subsidi minyak dan GST di saluran TV1 dan TV2 dalam tempoh sebulan mulai Oktober 2013 ialah untuk isu berkaitan dengan Bajet 2014, kekerapan siaran sebulan dalam lebih kurang 20 kali, untuk subsidi minyak – 40 kali, dan GST lebih kurang 20 kali.

Jadi bagi siaran radio di RTM pula, pesanan khidmat awam ini disiarkan secara rawak dan berkala sekali dalam masa sejam siaran. Bagi siaran di stesen penyiaran swasta ataupun FTA pula, syarat lesen Pemberi Perkhidmatan Kandungan Aplikasi Individu yang dikeluarkan oleh SKMM menghendaki setiap pemegang lesen untuk menyiarkan pesanan khidmat awam dua minit setiap jam penyiaran. Bagi stesen-stesen penyiaran satelit Astro, lesennya mensyaratkan siaran Pesanan Khidmat Awam (PKA) satu minit setiap satu jam penyiaran bagi mana-mana sepuluh saluran. Selain daripada itu, terdapat juga agensi di bawah kementerian ini iaitu Jabatan Penerangan dan JASA yang turut berperanan dalam memberikan penerangan kepada masyarakat secara komunikasi bersemuka dan media baru. Kita ada program melalui Program Komuniti 1Malaysia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk permasalahan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat saya akan menjawab soalan ini bersekali. Ini soalan yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jailani bin Johari: Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi menanam semangat patriotisme dan semangat jati diri dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pelaksanaan program-program kenegaraan ini akan dilaksanakan secara berterusan dan tidak hanya pada bulan-bulan kemerdekaan.

Program-program yang dilaksanakan adalah berteraskan semangat patriotisme dengan semangat memberi fokus kepada golongan generasi muda dan belia dari berbilang kaum di samping menggunakan empat saluran utama iaitu komunikasi bersemuka, media elektronik, media baru dan juga media cetak bagi menjelaskan dasar-dasar dan polisi kerajaan dalam menyemai dan meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara dan perpaduan dalam golongan masyarakat.

Kajian tahap patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia telah dilaksanakan oleh pihak kementerian bermula pada bulan September 2013 dan melibatkan lebih kurang 6,000 responden. Hasil penemuan kajian melalui kaedah bersemuka adalah seperti tahap berikut. Saya ingin berkongsi. Tahap pemahaman memperoleh skor purata 4.21 daripada 5 iaitu lebih kurang 84.2%. Tahap patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia lebih kurang dalam 79.8%. Tahap keberkesanan peranan pihak kementerian sendiri, lebih kurang dalam 76%.

Hasil penemuan kajian melalui telefon adalah seperti berikut. Tahap patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia memperoleh skor purata 3.85 daripada 5. Kajian ini telah dipersetujui untuk

dijadikan Petunjuk Prestasi Utama ataupun *Key Performance Indicator* kementerian untuk tahun 2013 bagi menilai keberkesanan aktiviti atau program yang dilaksanakan dan seterusnya dijadikan garis panduan dalam perancangan dan penambahbaikan dasar-dasar serta aktiviti program yang akan dilaksanakan.

Jadi saya rasa saya telah menjawab semua Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2014 baru-baru ini.

■1830

Seperti mana yang telah saya nyatakan tadi, dipohon dan dialu-alukan Ahli Yang Berhormat agar mengemukakan cadangan dan permasalahan sekiranya ada; kepada kementerian ini atau mana-mana agensi terlibat untuk diambil tindakan sewajarnya.

Pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang sudi membantu mangsa banjir di Pahang, di Terengganu dan Kelantan yang terjejas teruk baru-baru ini. Saya berharap agar semangat kerjasama tanpa mengira ideologi terus subur dalam masyarakat kita.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga mengambil kesempatan untuk memaklumkan bahawa pihak kementerian telah menubuhkan satu tabung kemanusiaan yang dinamakan Tabung Kemanusiaan Komunikasi dan Multimedia di mana saya ingin mengalu-alukanlah Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh turut sama menyumbang dengan menaip perkataan "banjir"- *spacing* atau pun *jarak*, *amount*, dan hantar terus kepada 13999. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucapkan kepada Yang Berhormat dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat. Kita ada sebelas lagi kementerian. Selepas ini saya mohon kerjasama semua pihak, saya rasa tak payah saya cakap, faham-fahamlah itu. Kalau sekiranya penting sangat itu, boleh. Akan tetapi kalau kurang-kurang penting itu agaknya, kita sama-samalah menghargai masa untuk supaya dapat kita sama-sama menghargai. Jangan lupa bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan telah menyatakan pagi tadi, makanan akan diadakan selepas ini nanti. Dengan itu saya rasa tanpa membuang masa saya mempersilakan Kementerian Kesihatan.

6.32 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan yang menyentuh tentang Kementerian Kesihatan.

Buat permulaan, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin bertanyakan berkenaan dengan meningkatkan kemudahan dan *facility* kesihatan di negeri Sabah memandangkan kemudahan hospital dan klinik kesihatan masih tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba pendek-pendekkan jawapan ini. Kalau hendak ikutnya memang panjanglah. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan pembangunan dijalankan secara berperingkat bersesuaian dengan pelan pembangunan perkhidmatan dan keupayaan kewangan kerajaan Tuan Yang di-Pertua. sebagai makluman di Dewan ini di bawah *Rolling Plan* Ketiga, kerajaan baru sahaja menyerahkan Pusat Perubatan Nuklear dan Radioterapi Hospital Pakar Likas dengan kos pembinaan sebanyak RM223.8 juta. Dalam pada itu, pada tahun ini juga dua buah projek lagi dalam proses dalam peringkat akhir persiapan iaitu Hospital Tuaran dengan kos sebanyak RM127.8 juta dan blok menara Hospital Queen Elizabeth 1 dengan kos sebanyak RM384.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan kemudahan *facility* kesihatan di negeri Sabah, kerajaan telah meluluskan 11 lagi projek pembinaan dan menaik taraf kemudahan kesihatan pada tahun 2014 yang merangkumi empat buah klinik kesihatan, tiga buah projek kuarters, tiga projek naik taraf hospital dan satu projek pakar pergigian Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, bertanya tentang menambah pembantu perubatan di klinik swasta. Tentang nisbah doktor dan pesakit dan pesakit luar yang boleh mendapat rawatan dengan kadar lebih cepat dan kemudahan perkhidmatan rawatan untuk warga emas dan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini setiap Klinik 1Malaysia dikendalikan oleh dua orang penolong pegawai perubatan, dua orang jururawat dan dua orang *attendant*. Jadi mereka bekerja daripada pukul 10 pagi sehingga pukul 10 malam. Sekarang ini ada terdapat 245 Klinik 1Malaysia di seluruh Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, nisbah doktor kepada penduduk. Untuk bagi Malaysia, setakat ini kita ada 38,718 doktor di seluruh negara dan kadar nisbah doktor kepada penduduk ialah 1 kepada 758 penduduk.

Dijangkakan dalam usaha kita hendak mengurangkan lagi *ratio* ini, pada tahun 2020 kita akan mencapai kadar seorang doktor kepada 400 penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan dalam memastikan nisbah doktor dan supaya boleh dicapai ialah:

- (i) kita teruskan latihan di 33 IPTA, IPTS di seluruh negara dengan 44 program yang mereka tawarkan dan juga *recognition*;
- (ii) pengiktirafan kepada lebih dari 300 pusat latihan di seluruh dunia;
- (iii) mewujudkan dan menambahbaikkan pelbagai insentif dan elaun bagi menarik minat pakar perubatan dan pegawai perubatan untuk kekal berkhidmat dengan kerajaan. Ini telah pun dibuat; dan
- (iv) melantik semula pakar-pakar KKM yang telah bersara wajib.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melatih lagi pakar-pakar, pihak kementerian telah pun menawarkan untuk tahun ini 1,000 *scholarship* untuk program-program sarjana. Ini pun belum dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pesakit luar boleh mendapat rawatan dengan kadar yang lebih cepat ialah:

- (i) tindakan yang telah dibuat ialah mengisikan jawatan pegawai perubatan dan paramedik di klinik kesihatan mengikut keperluan dari masa ke semasa;
- (ii) melaksanakan sistem temu janji secara berperingkat ataupun *staged appointment system*;
- (iii) menyediakan kemudahan *fast lane* kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas, Orang Kurang Upaya, kanak-kanak dan juga kes-kes kecemasan;
- (iv) melaksanakan sistem pemantauan masa menunggu ataupun eMASA;
- (v) menambah baik sistem *dispensing* ubat dengan melaksanakan *drive thru pharmacy*, perkhidmatan SMS dan perkhidmatan kiriman ubat secara pos laju secara berperingkat-peringkat;
- (vi) menyediakan perkhidmatan selepas waktu pejabat di 64 buah klinik kesihatan yang dikenal pasti dan perkhidmatan semasa waktu rehat tengah hari di 561 buah klinik kesihatan yang mempunyai pegawai perubatan; dan
- (vii) pendaftaran pengurusan maklumat pesakit dan ini melalui sistem *Teleprimary Care* Tuan Yang di-Pertua.

Untuk warga emas, kemudahan perawatan warga emas, sebahagian besar di hospital KKKM, khususnya doktor yang berpakar mempunyai pakar-pakar perubatan yang berkemampuan bagi merawat pelbagai masalah kesihatan yang dihadapi oleh warga emas.

Setakat ini 66 buah hospital berpakar telah dilengkapi dengan pelbagai peralatan untuk warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sudah ada sub kepakaran untuk Geriatrik, maknanya untuk orang warga emas. Untuk golongan kurang upaya, sudah ada 34 pakar perubatan arbitrase yang ditempatkan di 16 buah hospital berpakar. Peralatan tersebut memang khas untuk mereka yang memerlukan yakni OKU Tuan Yang di-Pertua.

Senator Datuk Pau Chiong Ung, bertanya tentang menambah jumlah pegawai perubatan, tentang Klinik 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Datuk Pau Chiong Ung sudah tidak ada lagi. Agaknya Yang Berhormat bagi jawapan bertulis sahajalah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Terus sahaja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Dia bertanya banyak soalan tetapi tak apalah, jadi senanglah dipercepatkan lagi. Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, ada? Dan juga Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad. Yang Berhormat, saya hendak jawab sekali guslah. Tentang penyakit berjangkit yang dibawa oleh pekerja asing. Yang ini sebagai peraturan Tuan Yang di-Pertua, semua warga asing yang hendak bekerja di Malaysia mestilah menjalankan saringan kesihatan di negeri masing-masing.

■1840

Bila sampai ke Malaysia mereka mestilah membuat pemeriksaan sekali lagi dalam masa sebulan mereka di sini. Tiap-tiap tahun mereka juga kena menjalankan pemeriksaan kesihatan. Fokus kita Tuan

Yang di-Pertua adalah kepada penyakit berjangkit seperti Tibi, Hepatitis B, *syphilis*, malaria, HIV dan kusta. Selepas pemeriksaan tiap-tiap tahun kalau mereka didapati sakit mereka akan dihantar pulang. Syarikat yang terlibat di semenanjung adalah Fomema Sdn. Bhd. dan di Sabah Syarikat Medi-Serve Sdn. Bhd. dan di Sarawak tidak ada syarikat yang khusus, jadi mereka pergi ke klinik masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman bertanya tentang caj rawatan hospital dan klinik kesihatan bagi pekerja asing. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memang sudah ada jadual fi yang telah pun diluluskan pada tahun 2003 dan masih belum lagi *review*. Memang ada perbezaan caj yang dikenakan antara pesakit tempatan dan pesakit asing. Pesakit asing dikenakan sebanyak RM15 apabila pergi ke pesakit luar. Ini memang rendah Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, hari ini pihak Kementerian Kesihatan sedang membuat satu kajian bagi mendapatkan kos yang sebenar setiap rawatan, siasatan serta prosedur yang dijalankan di hospital-hospital kerajaan. Ini bertujuan untuk mengenakan caj baru kepada pesakit warganegara asing supaya mereka dicajkan atas kadar sebenar dan tidak menerima subsidi daripada kerajaan.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, tunggakan memang banyak. Warga asing yang datang ini kerap kali dia beritahu tidak ada duit tetapi memerlukan perkhidmatan kecemasan. Atas perikemanusiaan, maka kementerian beri juga perkhidmatan. Sehingga bulan Oktober 2013, ada tertunggak sebanyak RM19.1 juta. Ini merupakan 56% daripada keseluruhan tunggakan di seluruh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu usaha untuk mengurangkan bebanan hutang yang tertunggak ini, hari ini pihak kerajaan telah pun mewajibkan semua warga asing dilindungi di bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA). Dengan cara itu kita dapat mengurangkan tunggakan daripada pekerja asing ini. Mereka yang dilindungi di bawah program insurans ini ialah 1.75 juta pekerja asing. Seramai 25,360 orang telah pun menerima rawatan di bawah skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar membangkitkan mengenai tadbir urus sektor kesihatan. Ada tujuh perkara yang telah dibangkitkan iaitu tentang kesihatan, sistem kesihatan yang bersepadu, pelan strategik, persepsi rakyat terhadap kualiti perkhidmatan dan tindakan yang telah diambil untuk meningkatkan persepsi ini. Adakah sistem penarafan hospital-hospital kerajaan dan hendak tahu juga nisbah doktor pelatih dan doktor pakar. Hendak tahu juga nisbah doktor bumiputera dan bukan bumiputera dan kekayaan di bawah NKEA sektor kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Pelan Transformasi menyeluruh Sistem Kesihatan Malaysia masih lagi di peringkat kajian iaitu yang disebut sebagai 1Care. Sehingga ke hari ini masih belum ada sebarang keputusan muktamad yang dibuat mengenai modul sistem kesihatan yang akan diguna pakai untuk negara ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk persepsi rakyat, kita sudah membuat kajian di bawah satu sistem yang dipanggil *servqual* dan didapati rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan. Kalau kita lihat perangkaan yang ada, tahap kepuasan pesakit lebih kurang 90% dan tahun 2008, tahun 2010, tahun 2011 dan tahun 2012 – sebanyak 94.7% berpuas hati dengan perkhidmatan hospital kerajaan dan hospital yang jumlah hospital telah dibuat kajian adalah 24 buah hospital. Bilangan responden pada tahun 2012 adalah seramai 18,505. Nampaknya keseluruhan majoriti berpuas hati dengan hospital kerajaan.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga menjalankan Siri Jelajah Seranta Awam ataupun *public engagement*, dengan izin dan mendengar pandangan dan keluhan rakyat mengenai sistem kesihatan di negara ini dan telah menjalankan 10 siri forum di negara ini dan telah menjalankan 10 siri forum di 10 buah negeri. Kehadiran 3,853 orang peserta. Mereka memberi pandangan yang positif terhadap sistem kesihatan kita. Ada sedikit rungutan tentang masalah yang ditimbulkan contoh masa menunggu yang lama, kesesakan tempat menunggu, layanan anggota kesihatan yang masih lagi banyak kekurangan. Masalah *accessibility* iaitu khususnya penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman yang perlu mengeluarkan kos bagi perjalanan ke klinik atau hospital dan rakyat juga bimbang tentang kos penjagaan kesihatan yang tinggi khususnya di sektor swasta.

Di atas rungutan itu tindakan-tindakan yang berikut telah dijalankan. Pertama, memperkenalkan dan membina lebih banyak klinik 1Malaysia dan klinik bergerak 1Malaysia. Setakat ini sudah ada 245 klinik 1Malaysia dan klinik bergerak ada 92 buah di seluruh Malaysia. Memanjangkan masa perkhidmatan klinik. Saya sudah sebut atau belum tadi. Memanjangkan masa perkhidmatan klinik kesihatan, mengadakan sesi pembedahan elektif tertentu pada hari cuti dan minggu. Cuti minggu pun buat kerja juga Tuan Yang di-Pertua. Meningkatkan mutu perkhidmatan farmasi dengan mengadakan yang saya sebut tadi juga secara *drive through pharmacy* dan penghantaran melalui pos. Meningkatkan mutu layanan yang diberikan oleh anggota kesihatan dengan memberi penekanan kepada penerapan ciri-ciri budaya korporat iaitu profesionalisme, penyayang dan bekerja sebagai satu pasukan.

Untuk penarafan bintang ini kita tidak boleh lagi Tuan Yang di-Pertua. Mengenai nisbah doktor pelatih dan doktor pakar, sehingga Oktober 2013 terdapat 8,894 orang doktor pelatih dan pakar ada 3,709 orang. *Ratio* atau nisbah antara doktor pelatih dengan doktor pakar ialah 1:2.4. Bilangan doktor bumiputera dengan bukan bumiputera ialah 46% bumiputera dan 54% bukan bumiputera. Tentang projek NKRA Tuan Yang di-Pertua, sehingga 12 Oktober 2013, sebanyak 37 projek telah diumumkan di bawah NKRA penjagaan kesihatan di mana dinyatakan pendapatan kasar negara atau pun *gross national income* dapat dijana sehingga RM6.6 bilion menjelang tahun 2020. Sejumlah 26,665 peluang pekerjaan diwujudkan menerusi projek-projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.3 bilion Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan..

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Mohon mencelah. Mohon mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab tadi ada beberapa persoalan saya nampaknya ada yang diulas oleh kementerian agak memuaskan, jadi ada beberapa perkara lagi mungkin saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan penarafan tadi. Memang tidak dibuat lagi tetapi adakah cadangan akan dilakukan oleh pihak kementerian untuk membolehkan supaya hospital kerajaan ini di mata rakyat boleh menampakkan peningkatan dari segi servis dan boleh dikatakan mesra rakyat?

Keduanya berkenaan dengan masa menunggu juga sebab rata-rata di peringkat bawah sana kita masih lagi mendapat rungutan terutamanya bagi golongan OKU dan juga golongan warga tua tentang

masa menunggu dan juga yang kadang-kadang mereka terpaksa menunggu dua atau tiga jam sedangkan mereka ada rawatan berkala setiap bulan tetapi terpaksa menunggu dalam keadaan yang sebegitu lama.

■1850

Mungkin ada kaedah tertentu yang boleh dilakukan oleh pihak kementerian untuk membolehkan keadaan ini diselesaikan disebabkan perkara ini saya rasa pernah diulas, kita bicara dahulu dalam Dewan ini. Akan tetapi sampai sekarang permasalahan ini belum ada penambahbaikan. Jadi, saya minta pihak kementerian macam mana pandangan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini nampaknya kemudahan kesihatan yang telah diberi oleh Kementerian Kesihatan makin mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat. Mereka memilih untuk datang ke hospital dan klinik kerajaan. Ini kerana satunya murah, RM1 sahaja bayar. Kedua, memang perkhidmatan kita telah tingkatan, segala kemudahan ada dan ramai yang datang.

Jadi, memang masalah menunggu. Akan tetapi untuk kes-kes yang tertentu, kes kecemasan memang ada diberi keutamaan, warganegara diberi keutamaan, yang *baby*, anak kecil pun ada keutamaan. Hari ini kita menggunakan *staggered*, dengan izin, giliran. Biasanya kita beritahu kepada pesakit bahawa masa menunggu dia berjumpa doktor adalah pada waktu pukul 10, dia datang 9.30 itu. Jadi, dia boleh buat *appointment* melalui telefon. Makna kata, kalau dia nombor 20, dia tau agak-agak pukul berapa dia hendak datang. Tidak payah tunggu di situ. Jadi, dengan cara itu dapat cara itu dapat mengurangkan masa menunggu.

Walau bagaimanapun, kita akan cuba menyelesaikan masalah ini. Kita tengah cari jalan bagaimana hendak mengurangkan masa menunggu ini, termasuklah juga menambahkan lagi pegawai-pegawai perubatan Tuan Yang di-Pertua. Tentang penarafan, itu satu cadangan yang baik. Akan tetapi setakat ini belum lagi kita buat apa-apa tentang penarafan ini. Akan tetapi setakat ini memang hospital kerajaan memang kita meningkatkan perkhidmatan, berbagai-bagai kepakaran dan sub kepakaran yang telah diwujudkan.

Kalau kita hendak menarafkan, ia berbeza Tuan Yang di-Pertua. Antara hospital yang pakar, hospital yang daerah, hospital yang ada pakar yang melawat, yang bukan ada pakar sendiri dan sebagainya. Jadi, tidak sama dan kalau hendak buat penarafan kena cari jalan supaya berlaku adil dalam hal ini. Kita tidak boleh buat penarafan mengikut kadar yang sama Tuan Yang di-Pertua. Jadi *insya-Allah*, kita akan cari jalan. Mungkin satu cadangan baik dan mungkin kementerian boleh menarafkan sebahagian perkhidmatan contohnya, bukan semua.

Tuan Yang di-Pertua, ini orang Perlis. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, tentang Padang Besar. Ini lama saya pergi ke sana hari itu pun memang ini isu yang dibangkitkan. Setakat ini memang permohonan telah pun kita buat dalam *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan dijangka boleh dilaksanakan pada tahun 2015. Hospital ini mempunyai 108 katil dengan kemudahan lawatan pakar. Ia akan memakan masa lebih kurang 30 bulan hingga 36 bulan untuk siap Tuan Yang di-Pertua, setelah bermula. Tentang pemilihan kontraktor ini biasanya kita tender Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, tentang langkah yang patut diambil kepada bekas banduan dadah HIV supaya tidak berjangkit kepada keluarga dan masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, jangkitan HIV ini ada tiga cara sahaja iaitu hubungan seks, kedua perkongsian jarum suntikan dadah dan ketiga melalui ibu kepada anak yang dikandung, tiga sahaja. Jadi, untuk mencegah daripada jangkitan kepada keluarga atau masyarakat, kalau dia dadah jenis cucuk ini, jangan *share*, jangan berkongsi jarum dan kalau tentang hubungan seks, kena pakai *protection* Tuan Yang di-Pertua, pakai kondom dan sebagainya dan bagi ibu yang mengandung dia hendaklah mendapat rawatan *anti-retrovirus* (ARV), ubat makan supaya mengurangkan virus dalam badannya. Ini caranya tetapi kena sendirilah sedar, kena ambil tindakan proaktif dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng, tentang kualiti doktor pelatih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng tidak ada Yang Berhormat. Teruskan dengan *next point*.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Okey, selamat.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi jawapan bertulis Yang Berhormat, kepada mereka yang tidak ada itu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya akan jawab bertulis. Yang Berhormat Tuan Chiew tanya banyak soalan. Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin Samad, ada? Ada, kawan saya ini. Tentang pesakit kronik. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pesakit kronik ini mereka memang mendapat rawatan berkala. Kalau mereka perlu rawatan tertentu ataupun kecemasan, mereka boleh mendapatkan rawatan kecemasan. Mereka perlu membuat *appointment*, temu janji dengan pihak hospital atau pihak klinik, tengok keadaan Tuan Yang di-Pertua. Sama ada kalau perlu segera, boleh disegerakan. Temu janji pun boleh diubah Tuan Yang di-Pertua. Mereka juga boleh melalui telefon, faks ataupun pesakit datang sendiri ke klinik ataupun ke hospital Tuan Yang di-Pertua. Jadi, tidak timbul masalah. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam ada? Tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak ada. Boleh jawab bertulis Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya akan bagi jawapan bertulis. Soalan yang begitu banyak. Panjang soalan dia. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah Binti Mahat? Ada, dia dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Ada. Dia ini rajin.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Rajin, ya memang. Tentang masalah lambakan jururawat. Ini satu masalah yang besar. Setakat untuk tahun ini sahaja, tahun 2012 sehingga tahun 2013. Terdapat 10,166 orang jururawat yang masih belum mendapat pekerjaan. Akan tetapi kalau yang dilatih oleh institusi kerajaan memang automatik mendapat pekerjaan. Akan tetapi yang lain-lain, yang dilatih di IPTS, dia kena menunggu tetapi ada cara kita hendak bantu.

Selain daripada itu kita juga mempunyai jururawat daripada luar negara. Banyak negara dan semua sekali jumlahnya 251 orang. Akan tetapi untuk mengatasi masalah jururawat yang tidak dapat pekerjaan ini, dalam pembentangan Bajet 2014 yang kita sedang bincang ini Perdana Menteri telah pun meluluskan sebanyak 6,800 perjawatan jururawat untuk 2014. Selain daripada itu, pada tahun 2012, Kabinet telah buat keputusan supaya Kementerian Kesihatan mengambil setiap tahun sehingga tahun

2015, daripada tahun 2012 sebanyak 1,621 orang graduan daripada IPTS. Ini sedang berjalan Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, pihak kerajaan juga mengadakan program SL1M atau Skim Latihan 1Malaysia. Ini telah masuk juga dalam graduan Diploma Jururawat masuk sekali. Jadi, boleh dilatih dan setakat ini ada 4,757 orang sedang mengikuti kursus SL1M ini. Jururawat yang saya maksudkan. Mereka dilatih di hospital kerajaan ataupun di klinik kesihatan kerajaan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat soalan ini saya yang ajukan kepada Kementerian Kesihatan. Jadi, soalan yang ditanya ini sebenarnya adakah kita di Malaysia ini menghadapi masalah lambakan ataupun kekurangan. Setuju atau tidak Yang Berhormat, kalau saya katakan bahawa kita sebenarnya masih mengalami masalah lambakan jururawat. Masalah ini mungkin boleh diatasi sekiranya pihak JPA menyiapkan *post* tersebut. Ini disebabkan kerana mereka ini ada tetapi *post* itu tidak ada di Kementerian Kesihatan untuk mereka memohon. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa graduan daripada institusi kerajaan ada 33 institusi kerajaan semuanya. Memang kita *absorb* terus dan mereka diambil di bawah JPA dan mereka diambil terus berkhidmat dengan kerajaan.

■ 1900

Manakala yang lain-lain di bawah IPTS yang itu kita menunggu, itulah yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut baru-baru ini tambah lagi perjawatan. Dia tidak automatik Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa mohon tiap-tiap tahun sejumlah- kita pun banyak yang dapat tidak banyakkah untuk perjawatan jururawat ini. Akan tetapi kita berusaha jugalah Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya minta laluan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Sebab masalah lambakan jururawat ini sama juga seperti perbahasan yang kita lakukan berkenaan dengan masalah lambakan pelajar-pelajar dalam jurusan pendidikan yang baru kita bahaskan yang lepas. Jadi mungkin saya hendak bertanya kepada kementerian, mungkin ada beberapa kaedah yang mungkin kerajaan boleh fikirkan tentang untuk mengatasi lambakan pelatih jururawat ini terutamanya bekerjasama dengan pihak swasta mungkin atau menyediakan satu platform untuk mereka menguruskan satu konsep perniagaan melalui peringkat, melakukan servis di peringkat rumah-rumah iaitu jururawat yang boleh melakukan kerja-kerja sedemikian iaitu melalui sektor perniagaan. Mungkin ada skim-skim tertentu yang boleh disediakan oleh kerajaan untuk membolehkan mereka ini bukan saja menunggu jawatan daripada kementerian.

Akan tetapi mereka ada *option* lain yang mungkin boleh dicadangkanlah kepada kementerian. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat *I will come to that*. Memang ada jawapan itu. Selain itu saya hendak sambung sikit lagi tentang ada juga jururawat kita yang diambil oleh pihak luar negara, pihak swasta di luar negara. Contohnya ada 1,772 orang jururawat baru yang baru

graduate yang diambil oleh Singapura pada tahun 2011 dan tahun 2012. Makna ada taraf kita baik, sebab itu mereka ambil.

Selain daripada itu, yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang bidang baru yang boleh diceburi oleh jururawat kita tentang, contohnya tentang *home care nursing*, jagaan- contohnya jagaan *post natal* ibu dan anak, jagaan perawatan warga emas, jagaan perawatan penyakit kronik, jagaan perawatan pusat rehabilitasi dan perkhidmatan pusat hemodialisis. Di mana mereka boleh mengambil bahagian atau pun di serap masuk ke bidang-bidang baru ini. Mereka sebenarnya boleh buat *business* sendiri seperti yang disebut tadi.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, untuk membendung, kita tidak mahu ramai sangat pelajar tetapi tidak dapat kerja. Untuk membendung peningkatan bilangan graduan jururawat yang tidak mendapat pekerjaan ialah Lembaga Jururawat Malaysia dan juga Agensi Kelayakan Malaysia telah pun memastikan perkara-perkara berikut;

- (i) moratorium penubuhan Institusi Latihan Program Diploma Jururawat di teruskan. Bermakna moratorium bermakna tidak ada lagi pusat institusi baru untuk latihan jururawat; dan
- (ii) peningkatan kelayakan masuk program jururawat sekarang ini dipertingkatkan lagi kepada tiga kredit kepada lima kredit dan yang perlu ada ialah Matematik dan Sains. Dengan cara ini ramai jumlah yang dapat masuk untuk latihan makin berkurangan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hajah Noriah tentang suntikan-satu lagi *last one*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Lagi cepat lagi baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Habis sudah sebab banyak langkau. Tentang suntikan influenza untuk mencegah H1N1.

Tuan Yang di-Pertua tentang H1N1 ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa- WHO telah mengisytiharkan influenza 'A' atau pun H1N1 adalah sebahagian daripada influenza bermusim atau pun *seasonal flu*. Risiko, mobiliti adalah sama dengan influenza bermusim lain. Maknanya ia tidak lagi berbahaya lah Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu pihak kementerian tidak memberi *vaccination* kepada influenza. Cuma kalau ada pihak yang berminat mereka boleh mendapatkan suntikan ini di pihak swasta, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan itu sekian saja, saya ucapkan terima kasih sekali lagi...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua..

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: ...Satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu kenyataan yang sangat bercanggah. Di mana Menteri menjawab tadi bahawa latihan itu dibekukan di sebabkan lambakan. Dalam masa yang sama kita telah menambah di dalam Bajet 2014 untuk penambahan kepada jururawat, yang mana yang betul ini Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, keluaran institusi kerajaan saja 3,000, yang swasta lebih kurang sama banyak. Jadi dengan tambah-tambah yang bertahun tahun tidak dapat

kerja, jadi memang bertambahlah. Jadi kita sebolehnya kita hendak minta lebih banyaklah. Kalau boleh 10,000 setahun pertambahan jururawat ini.

Akan tetapi yang kita minta macam yang saya sebut tadilah, tahun 2014 kita dapat 262,800 itu yang saja. Jadi memang bila di isi yang kita punya, yang daripada sisi yang kita latih sendiri, tidak banyaklah, ada lagilah yang tercicir. Oleh sebab itu kita kata tadi. Selain daripada itu yang pihak swasta di luar negara ambil juga kita punya graduan.

Hari ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita juga galakkan graduan yang tidak dapat kerja supaya kecimpung dalam bidang-bidang baru *nursing* ini supaya mereka menjalankan *business* sendiri. Jadi tidak bercanggah Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana terlampau ramai yang telah dilatih, kita tingkatkan, kita naikkan *basic minimum qualification* untuk masuk berlatih. Dengan cara itu kita dapat kurangkan jumlah yang masuk berlatih. Juga dengan cara itu kita dapat kurangkan jumlah yang akan dilatih. Dengan cara itu kita dapat, kita harap kita dapat *match up* keperluan dan juga latihan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua boleh mencelah?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, pergi pasar membeli belah, boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua ini, yang mana satu?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya hendak cakap mengenai soalan saya.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Saya hendak sentuh mengenai jururawat yang tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah dulu selepas itu Yang Berhormat Puan Roslin.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya bangkitkan soalan saya dulu Tuan Yang di-Pertua. Ya diutamakan. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab. Saya minta Yang Berhormat Menteri tolong rujuk catatan pada muka 66 hingga- saya menyemak ini Tuan Yang di-Pertua, hingga 67 ini nampak tidak berjawablah Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya mengenai dengan pusat hemodialisis yang sekarang ini menjadi penyakit kronik. Saya cadangkan di luar-luar bandar supaya dapat di buat di pusat-pusat kesihatan kecil di luar-luar bandar khususnya bagi warga emas untuk luar bandar dan juga orang kurang upaya. Hari itu dicadangkan supaya diadakan klinik bergerak untuk warga emas dan orang kurang upaya. Itu saya ambil yang ringkas.

Seterusnya saya juga ada mencadangkan juga di buat klinik-klinik bergerak tadi itu untuk di buat di luar-luar bandarlah Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, penyakit hemodialisis ini adalah satu penyakit yang menjadi kronik sekarang ini yang dihadapi oleh masalah masyarakat di luar bandar. Ini kerana selalunya yang kita pergi tempat itu jauh daripada kampung yang mereka hendak pergi ini. Contohnya kalau di tempat saya itu, kalau hendak pergi tempat hemodialisis ini terlalu jauh. Ada yang makan masa sampai satu jam setengah. Jadi sudahlah orang itu sakit buah pinggang, hendak pergi ke tempat itu seminggu ada tiga kali hendak kena pergi.

Kemudian saya sudah ada cadangkan peruntukkan RM280 satu kali pergi. Kalau satu minggu tiga kali lebih kurang ada RM700 lebih sebulan ada RM2,000 lebih. Jadi macam mana Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dapat di buat di klinik-klinik kesihatan, makan belanja yang tidak banyak dan ini

dapat menolong meringankan beban penduduk-penduduk di luar bandar khususnya kepada mereka yang tidak berkeupayaan khususnya warga emas dan juga orang kurang upaya serta orang miskin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Roslin masih ada lagi soalan? Sebelum habiskan sekali Yang Berhormat. Selepas ini tidak ada lagi ya.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Soalan mengenai lambakan ini sebab soalan saya esok pun nombor 12 mengenai lambakan jururawat ini. Saya rasa eloklah saya tanya sekali. Adakah disebabkan lambakan ini yang saya perhatikan adalah kerana kelihatan banyak IPTS-IPTS selalu mempromosikan kejururawatan ini.

■1910

Adakah bagi pihak kerajaan dapat memantau atau menghadkan kepada IPTA sahaja supaya tidak seperti orang kata hendak mencari keuntungan. Siapa sahaja budak-budak lepasan sekolah menengah tidak dapat pergi kepada kejururawatan yang disediakan oleh kerajaan, pergi kepada swasta semata-mata. Akhirnya dengan banyak pengeluaran jururawat ini menyebabkan memang tidak dapat diterima, sebab apa mereka mengharapkan kerja kepada kerajaan cuma ada beberapa. Jika syarikat swasta pun saya hendak tanya bagi KPJ pun, dia memilih jururawat-jururawat yang berkualiti sahaja. Kebanyakan jururawat yang dihasilkan oleh KPJ memang boleh diterima seperti pisang panas oleh hospital-hospital KPJ dan juga pihak hospital. Jururawat yang bukan terlibat dengan KPJ ini, saya difahamkan memang mereka menghadapi masalah dari segi mendapatkan pekerjaan. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab mengenai lambakan ini dahulu. Lambakan jururawat ini, memang ramai yang dapat masuk ke latihan di pihak swasta, di IPTS ini kerana kelulusan minimum ialah tiga kredit. Akan tetapi sekarang ini kita tingkatkan kepada lima kredit, jadi makin kurang yang dapat masuk berlatih. Kedua, kita juga mengadakan moratorium, bermakna tidak ada lagi IPTS untuk latihan, sudah tidak dibenarkan lagi. Jadi mana yang ada, teruskan dan yang baru tidak dibenarkan lagi. Jadi dengan cara itu kita dapat mengurangkan lambakan. Sememangnya ada pihak swasta seperti KPJ yang melatih dan mengambil sendiri petugasnya sendiri. Jadi lain-lain, yang ada hospital sendiri memang mereka ambil sendirilah.

Tentang hemodialisis, sebenarnya saya hendak menjawab dalam jawapan kepada Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi. Tidak apalah, saya jawab sedikit sekarang. Tuan Yang di-Pertua, memang setiap hospital kerajaan mempunyai *haemodialysis centre*, kecuali tiga yang saya pernah sebut dahulu di Sabah. Hari ini kita telah *extend*, sambung lagi program hemodialisis ini kepada klinik kesihatan, sudah mula *start*. Saya sebutkan di sinilah, ada tiga klinik kesihatan yang telah pun kita mulakan hemodialisis ini iaitu tiga buah pada tahun ini sehingga Jun 2013, kita ada klinik kesihatan yang baru. Satu Klinik Kesihatan Kodiang, Kedah, Klinik Kesihatan Simpang Renggam di Johor dan Klinik Kesihatan Pulau Pangkor di Perak. Jadi tiga.

Dalam proses penyediaan klinik kesihatan, ada empat lagi yang akan ada hemodialisis iaitu satu Klinik Kesihatan Debak, Klinik Kesihatan Song di Sarawak, Klinik Kesihatan Sungai Lembing dan juga Klinik Kesihatan Mahligai di Bachok. Tiap-tiap klinik kesihatan ada tiga hingga lima mesin hemodialisis

Tuan Yang di-Pertua. Perlahan-lahan kita tambahkan lagi pusat hemodialisis kepada klinik yang mana yang perlu dahululah. Kemudian klinik bergerak pun banyak kita sediakan Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya di Sabah dan Sarawak kerana tempat mereka jauh dan kita sediakan. Semua kemudahan semua jenis penyakit ada. Selain daripada itu, kita juga ada pusat klinik udara di 10 pasukan, klinik bergerak kita ini ada hampir 10 buah klinik bergerak. Jadi *insya-Allah* kita akan tambahkan lagi dari semasa ke semasa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis Yang Berhormat? Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

7.14 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi ta'ala wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan juga terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan membangkitkan beberapa perkara berhubung kait dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, adakah?

Tuan Yang di-Pertua: Dia ada, dia keluar sembahyang Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Keluar sembahyang- jawab secara bertulis atau bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua: Jawab secara bertulislah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Okey selamat. Panjang ini, jadi kita boleh potong banyak. Jadi saya pergi kepada- Yang Berhormat itu yang panjang sekali, banyak boleh potong ini. Kedua Tuan Yang di-Pertua ialah pertanyaan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu, ada? Tidak ada juga.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Saat bin Haji Abu tidak ada. Saya minta semua Ahli Yang Berhormat berada di Dewanlah kalau boleh tetapi mesti faham sekarang ini adalah waktu Maghrib. Dia ada di sini tidak? Kalau dia ada, agaknya bolehlah Yang Berhormat menjawab sedikit.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Jawab sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang-panjang, cuba ringkaskan.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Okey saya jawab sedikitlah. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu menyentuh isu berkenaan dengan pembangunan tanah terbiar. Untuk makluman Yang Berhormat tersebut dan juga Ahli Dewan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khususnya telah mengenal pasti 110,000 hektar tanah terbiar di seluruh negara. Pada masa ini kementerian, Jabatan Pertanian khususnya sedang mengenal pasti pemilik-pemilik, tuan-tuan tanah ini. Juga termasuk dalam jumlah 110,000 hektar ini ialah tanah milik kerajaan negeri yang juga dianggap terbiar, tidak diusahakan. Jadi mengambil masa untuk mengenal pasti pemilik individu dan juga merujuk kepada pejabat-pejabat tanah.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai pelan pembangunan untuk membangunkan tanah-tanah terbiar ini untuk dimajukan dengan projek-projek pertanian untuk

menjadikannya ekonomik dan memberikan pendapatan kepada rakyat. Itu perancangan masa depan yang kita harap dapat dimulakan pada tahun depan dan seterusnya pada tahun-tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, yang telah dilakukan sehingga tahun 2013 iaitu tahun ini seluas lebih kurang 9000 hektar tanah terbiar yang telah dimajukan dengan pelbagai projek pertanian. Jumlah mereka yang terlibat dalam kegiatan ini adalah lebih kurang 7000 orang peserta dalam projek pembangunan tanah terbiar seluas 9000 hektar yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin, ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yang Berhormat ada [*Ketawa*] Yang Berhormat Senator Puan Roslin telah membangkitkan isu berkenaan langkah-langkah bagi meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran di dalam negara. Juga Yang Berhormat bermaksud untuk melihat bahawa pengeluaran bekalan dalam negara buah-buahan dan sayur-sayuran ini boleh menepati keperluan tahap saraan diri atau disebut juga dalam bahasa Inggeris, *Self-Sufficiency Level* (SSL). Sedap sedikit bunyinya cakap orang putih tetapi Melayu pun ada, buat apa kita hendak orang putih, ya tidak? Tahap saraan diri. Realitinya sekarang pengeluaran hasil sayur-sayuran dalam negara ini memang rendah iaitu lebih kurang 30% sahaja daripada keperluan negara. Selebihnya iaitu 70% diimport daripada luar. Jadi keadaan tidak begitu baik dari segi untuk mencapai tahap saraan diri.

■1920

Jadi, rancangan pembangunan tanah terbiar ini adalah satu daripada strategi kerajaan atau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan. Untuk itu, berbagai insentif dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan dari segi input, infrastruktur dan juga bantuan dari segi benih dan sebagainya. Kementerian berikan kepada mereka-mereka yang mengambil bahagian dalam projek pertanian, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Yang Berhormat juga bertanyakan pengeluaran produk makanan bagi tahun 2012 dan jangkaan tahun 2013. Itu Tuan Yang di-Pertua, jumlah keluaran makanan, makanan ini tanaman, tangkapan ikan, daging-daging, kita punya makanan. Pada tahun 2012, berjumlah 9.48 juta metrik tan. Itu angkanya. *Food production* dalam negara ialah 9.48 juta metrik tan, bagi tahun 2012. Bagi tahun 2013 yang akan berakhir beberapa sahaja lagi ialah dijangkakan kita akan merekodkan pengeluaran sebanyak sedikit peningkatan iaitu 4.8% peningkatan dan akan mencecah 9.94 juta metrik tan. *There is a slight increase in the production*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dibahagikan kepada subsektor tanaman, merangkumi komoditi padi, sayuran dan buah-buahan, kita akan mengeluarkan 4.9 juta metrik tan. *This is the breakdown from the total* tadi, yang 9 juta lebih itu ya. *Breakdown* dari segi subsektor. Kemudian subsektor ternakannya, kita mengeluarkan 2.38 juta metrik tan. Subsektor perikanan 2.11 juta metrik tan, ini *detail* sangatlah ya. Walau bagaimanapun ada juga orang yang berminat tentang angka-angka ini. Jadi, pengeluaran agro makanan negara di jangka meningkat. Tadi saya sebut 4.8% kepada 9.94 juta tan metrik pada tahun 2013. Tiga subsektor utama dijangka mengalami pertumbuhan positif seperti perincian berikut:

- (i) sektor tanaman meningkat 7.5% kepada 5.3 juta tan metrik;

(ii) sektor ternakan dijangka meningkat 2.9% kepada 2.5 juta tan metrik; dan

(iii) sektor perikanan meningkat hanya 0.6% kepada 2.12 juta tan metrik.

Ketiga, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah. Ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat, ada.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ada ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ada, saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana agaknya kerana ada Yang Berhormat itu pergi solat, *to be fair to them* Yang Berhormat, ringkaskan sahajalah. Tidak apa, sila.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian telah mencadangkan supaya MARDI dijadikan sebagai universiti penyelidikan yang khusus untuk pertanian. Semalam saya sudah jawab, cadangan untuk menjadikan MARDI sebagai universiti pertanian sudah saya jawab. Iaitu kerajaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada masa ini sedang menyiapkan satu cadangan untuk menubuhkan sebuah universiti yang dipanggil '*Agropolitan University*' iaitu satu universiti yang akan menumpukan kepada industri pertanian. Ia akan menjadi *research university* dan juga universiti yang menekankan kepada industri dan juga kepada kemahiran *and professionalism*. *We want to create*, dengan izin, *professional agronomist, agriculturist* dan lain-lain yang berkaitan dengan industri pertanian. Mengikut konsep yang kita bincangkan di kementerian, kita tidak hendak banyak sangat akademik kerana yang menjadi keperluan negara pada hari ini ialah kemahiran dan juga *industrial skills* yang diperlukan.

Akan tetapi semalam saya tidak sebut iaitu penubuhan '*Agropolitan University*' yang dicadangkan ini kalau dapat kelulusan daripada Kabinet. Ia bukanlah satu IPTA awam Tuan Yang di-Pertua, *it is not going to be a public university*, dengan izin. Ia adalah satu buah universiti swasta yang diusahakan oleh kementerian tetapi bertaraf universiti swasta seperti Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) atau Multimedia Universiti. Kemudian Universiti Teknologi PETRONAS, universiti-universiti itu bukanlah *public* IPTA, universiti *private* ya...

Tuan Yang di-Pertua: Faham Yang Berhormat. Faham.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: So, jangan risau. Mungkin orang kata, "*Mana hendak cari duit ini..?*"

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Maaf boleh sambung sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya sedar masa sedikit tetapi perkara ini saya hendak-bila dikatakan universiti swasta, saya takut nanti kalau motifnya terlalu *profit oriented*. Itu yang kita bimbangkan? Bila dikatakan akan menumpukan kepada- universiti akan merupakan universiti penyelidikan. Adakah bermakna ini usaha-usaha memberi pendidikan bukan penyelidikan akan diabaikan? Selain itu yang ditakutkan kalau sekiranya diserahkan kepada swasta, tidak tahulah dalam bentuk apa, sama ada dalam bentuk Universiti Teknologi PETRONAS kah atau universiti mana? Akan tetapi bila soalan ini saya timbulkan dulu dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, saya seronok mendengar bahawa universiti ini akan diwujudkan. Saya dapat rasa sebagai ganti kepada Universiti

Pertanian yang sekarang menjadi Universiti Putra Malaysia dan juga ganti kepada Fakulti Pertanian di Universiti Malaya yang telah dimansuhkan itu.

Jadi, saya harap supaya benda ini mendapat perhatian lebih bersungguh-sungguh dan juga saya minta satu lagi, bila agaknya Kabinet akan meluluskan? Bila perancangan ini dibuat, ada atau tidak jangka masa atau pun *time frame* nya untuk dapat dilaksanakan terus? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai menjawab, bukan bermakna apabila kita kata IPTS ia akan menjadi *profit oriented* atau pun bermotifkan keuntungan macam Universiti Teknologi Petronas, ia tidak bermotifkan keuntungan. *It is also a private considered IPTS*. Begitu juga Universiti Tenaga Nasional, ia tidak *profit oriented*. Ada bezanya dengan IPTS yang lain seperti *Taylor's University, Sunway University or Monash University, you know*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ia ada bezanya antara IPTS *per se and then IPTS* yang diiniatekan oleh kerajaan. Itu sebagai menjawab kebimbangan Yang Berhormat bahawa ia akan menjadi satu perniagaan pula. Tidak bertujuan begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus pun sudah angguk itu. Okey, setujulah itu. Teruskan *next point*.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Fahamlah itu. Okey, setuju ya? *Okay, next one* berkenaan dengan *research*. Kepentingan *research*, dengan izin, *this is the trend now. All the public universities in fact is going into research*. Ia telah meningkatkan ia punya bidang pengajaran ia itu macam Universiti Malaya, Yang Berhormat Senator Universiti Malaya ini. Saya pun dulu Universiti Malaya. Lama sudah, cerita lama. Universiti Malaya pun sekarang sudah *transform* menjadi sebuah *research university*. *I think about 30% is the target, 30%* daripada aktiviti di universiti itu ialah *research. Research student, postgraduate student*. So, kita hendak di universiti yang begitu tinggi tahapnya. Soal akademik, ajar jugalah. Tidak bermakna tidak ada akademik tetapi penekanan kepada penyelidikan. Bagus.

■1930

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, *you know*, dengan izin, pembangunan negara mesti datangnya daripada penyelidikan dan pembangunan (*research and development*). *This is the trust. This is the strategy*. Kalau tidak ada penyelidikan, yang itulah kita tertinggalnya dibandingkan dengan negara lain, negara maju. Kenapa negara maju lebih maju daripada kita? Ini kerana mereka lebih kepada *research*. Bila *research* ada, *findings* daripada *research* itu, akan membawa kepada *development, new product, new services, new in terms of everything, new technology. No research, no nothing is new*. Jadi dengan sebab itu penekanan kepada *research*, kalau kita hendak melihat pertanian negara kita ini jadi macam negara pertanian contohnya Belanda atau Taiwan. *For that matter*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dengan Thailand pun kita agak ketinggalan *you see*. So, kita kena buat penyelidikan. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus, *I think you agree with me*, adalah lebih baik kita mewujudkan sebuah universiti yang menuju ke arah itu untuk memacu kepada kejayaan negara dalam bidang industri pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah menjawab berhubung dengan cadangan daripada Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyak lagikah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawapan itu?

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Saya ingat dalam sepuluh minit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Tolong ringkaskan ya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ya.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tadi saya masuk daripada solat, boleh atau tidak jawab balik soalan saya? Mohon.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yang mana? Yang Berhormat Senator ...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Yang pertama tadi Timbalan Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: To' Puan?

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Saya.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ini panjang balik ini jadinya [*Ketawa*]

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua izinkan.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *In fact* Tuan Yang di-Pertua, *the longest*.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Silakan. Ringkas-ringkas pun tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin secara ringkas sahaja Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ringkas, okey. Saya selesaikan yang ini dahulu ya, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian tadi. *So*, itu jawapannya berkenaan dengan cadangan terhadap MARDI dan juga penubuhan '*Agropolitan University*'.

Berbalik kepada Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin yang mencadangkan supaya ditambah lagi kawasan jelapang padi. Kita sudah banyak ini kawasan jelapang padi. Jadi sekarang ini, ia hendak meningkatkan pengeluaran padi dan juga untuk meningkatkan tahap SSL kita, ia ada satu matlamat dan dua strategi. Matlamatnya ialah meningkatkan pengeluaran. Bila kita boleh meningkatkan pengeluaran umpamanya padi pada hari ini, pengeluaran kita ialah 1,744,000 tan metrik. Ini merupakan 70% daripada keperluan negara. 30% lagi import. Jadi SSL kita pada hari ini, kita letakkan pada 70%. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mungkin 30% ini tidak begitu selamat kalau sekiranya ada krisis di dunia, bekalan beras akan tergugat. *So* kita kena menambahkan *production* berat padi dan juga kemudian beras.

Jadi, bagaimana strateginya? Satu, buka kawasan baru. Kawasan baru bermakna jelapang barulah. Lebih luas lagi- hektar. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita punya keluasan tanah yang bertanam padi ialah 400,000 hektar di seluruh negara. 400,000 Yang Berhormat Senator To' Puan kita punya kawasan sawah padi. Jadi kalau hendak menambahkan keluaran padi dan beras seterusnya, secara logiknya mestilah diluaskan kawasan iaitu kawasan jelapang yang baru. Akan tetapi masalahnya, kita ada tanahkah? Tanah makin berkurangan. *Land is a very scarce resource*. Tidak bertambah. Penduduk bertambah tetapi tanah kita bukan semakin bertambah, semakin berkurangan ada. *So*, ada kekangan di situ.

Strategi yang terbaik ialah meningkatkan produktiviti. Sekarang ini umpamanya daripada segi beras ataupun padi, kita punya *national productivity average* ialah lebih kurang 4.5 tan metrik satu hektar. *So now*, kita sedang berusaha untuk meningkatkan produktiviti ini kepada 10 tan metrik. Akan tetapi

bukan dalam tempoh satu tahun atau dua tahun. Mungkin makan masa, satu jangka masa empat tahun atau lima tahun supaya kita sampai tetapi *as we go along*, kita akan meningkatkan kepada lima, enam – sebenarnya pada hari ini kita telah mencapai hampir enam tan metrik Yang Berhormat Senator To' Puan.

Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan, ada juga sesetengah tempat yang kita sudah capai 10 tan metrik tetapi tidak banyak lagi, hasil daripada pelbagai kaedah yang kita ambil iaitu pertamanya, benih yang lebih baik yang dihasilkan oleh penyelidikan dan pembangunan oleh MARDI dan sistem pengairan yang lebih moden, sistem pengairan dan saliran yang lebih cekap. Selain daripada itu, kita menggalakkan pengurusan secara estetik, *centralize management*. Kita juga memberikan insentif-insentif kepada mereka untuk mengamalkan *Good Agriculture Practice* ataupun Amalan Pertanian Baik. Jadi pelbagai satu pakej yang kita adakan untuk meningkatkan produktiviti per hektar.

Kita sudah berjaya sedikit kawasan yang sudah pun mencapai 10 tan metrik. Banyak kawasan juga telah mencapai enam tan metrik *but our ultimate target* Tuan Yang di-Pertua, *10 or more*, dengan izin. Kalau maknanya sekarang dengan *national productivity average* lebih kurang lima tan metrik, kita mengeluarkan 1.74 juta tan metrik. Maknanya kalau 10 tan metrik, *it will going to be double*. Jadi, 2.4 juta tan metrik. *This is the strategy*. Inilah cara untuk meningkatkan pengeluaran dengan tidak perlu kita memperluaskan kawasan yang mana menjadi masalah kerana tanah sebenarnya berkurangan, tidak bertambah.

So, penekanan kerajaan pada hari ini, Jabatan Pertanian, kita sudah ada jelapang padi baru sebenarnya di Rompin, Pekan, Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud, Sabah. Empat jelapang padi baru ini buat masa ini sudah mencukupi dan kita mengunjurkan dengan kemajuan jelapang padi baru yang empat ini, kita akan mendapat pertambahan 140,000 tan metrik pengeluaran beras setahun. Selain daripada itu, saya tidak dapat memberikan unjuran hasil daripada *increase in the productivity* yang saya sebutkan tadi, tidak ada perincian *detail* tetapi saya beri gambaran kepada Yang Berhormat Senator To' Puan tadi iaitu ada sudah yang mencapai 10 tan metrik, ada enam tan metrik.

Keduanya, berhubung dengan SSL ini, tahap sara diri ini, idealnya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak payah bergantung kepada import. Kita mengeluarkan apa yang kita perlu. Kita perlu makanan sebanyak itu, sebanyak itulah kita keluarkan. Pada masa ini, 30%. Kerajaan amat menyedari akan perkara ini. Ini satu dasar yang telah ditetapkan 70:30 ini dahulu.

■1940

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya jelaskan tadi *with the increase, plan increase, in the productivity* dan juga dari segi jumlahnya pengeluaran tadi, insya-Allah mungkin satu masa kita tidak payah import lagi. Kita bergerak ke arah itu Tuan Yang di-Pertua sebab dengan izin, *we will be interesting*. Kalau saya tarik perhatian Dewan, iaitu kebergantungan kepada import ini tidak begitu menjamin *food security* kita. Sebab apa? Populasi dunia pada tahun 2050 *is going to be*, dengan izin, 9 bilion. Sejumlah 9 bilion penduduk dunia dan rakyat Malaysia kita 60 juta. Lama lagi, 30 tahun lebih lagi kan. Akan tetapi 2020, penduduk rakyat Malaysia dijangka 34 juta. Kita perlukan banyak makanan. Kalau kita bergantung kepada import, dunia luar sana pun hendak kan juga makanan itu. Apa maksudnya?

There is a competition for the same supply of rice daripada negara-negara dunia lain. Jadi, kalau negara pengeluar umpamanya Myanmar, Thailand dan juga Vietnam dia jual ke negara lain, tidak jual kepada kita dan kita bergantung kepada mereka, *that will be a put crisis to our country*. Jadi, dengan sebab itu kerajaan amat sedar dengan perkara ini. Kita hendak meningkatkan *production* melalui *increase, and the productivity* padi, dan dengan sebab itu bekalan beras kita akan dapat dipenuhi sepenuhnya pada satu masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat To' Puan juga telah bertanya tentang atau pun membangkitkan tentang projek di Terengganu ini, Lembah Marang Satu. Saya pun tidak pergi lagi tetapi yang kita dapat jawapan daripada pegawai, kawasan ini tidak begitu luas sangat. Tidak berapa luas sangat. Jadi, untuk pelaburan dari segi infrastruktur untuk meningkatkan dia punya sistem pengairan dan saluran itu sangat besar. Jadi, dengan sebab itu untuk sementara ini kita tidak ada bajet untuk buat infrastruktur ini.

Akan tetapi walau bagaimanapun secara yang mengikut kemampuan kita beberapa tindakan diambil untuk menaik taraf sistem pengairan di sana iaitu supaya bekalan air dapat dibekalkan ke setiap petak dan juga nombor dua memperbesarkan paip air buang. Ketiga, menjalankan perataan tanah *to improve the sawah*. Kemudian melaksanakan pemulihan kesuburan tanah dan kelima menggunakan *variety* padi yang rintang kepada penyakit. Rintang penyakit itu maknanya *disease resistant* atau pun cakap orang putih nya lebih kurang begitu lah. Maknanya boleh tahanlah daripada serangan penyakit.

So, inilah langkah-langkah yang diambil untuk membantu petani di kawasan Lembah Marang di Terengganu itu. Mungkin satu hari esok saya pergi jugalah tengok mana rupanya. Sementara ini minta maaf lah. Kita berdasarkan pada apa yang kita terima daripada yang ditulis oleh pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, soalan To' Puan ada beberapa. Yang berikutnya Yang Berhormat juga telah mencadangkan agar diberikan bantuan kepada para petani untuk mempelbagaikan aktiviti pertanian mereka. Maknanya, jangan bergantung kepada satu aktiviti. Kalau bersawah, bersawah sahaja. Kalau tangkap ikan, tangkap ikan sahaja. Jadi, maknanya cadangan daripada Yang Berhormat itu memang menepati apa yang kita sedang lakukan sekarang ini.

Kita galakkan petani untuk kalau dia bertani padi, dia boleh usaha untuk tanam sayur-sayuran atau buah-buahan atau penternakan, bela kambing, bela lembu dan juga terlibat dalam industri asas tani, proses makanan, buat sos, buat itu, buat ini. Banyak benda yang kita galakkan dan kita beri insentif dan bantuan Tuan Yang di-Pertua. Mungkin dalam *agrotourism*- pelancongan *agro, homestay* dan sebagainya. Ini peluang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak kepada petani kita untuk mempelbagaikan aktiviti mereka. Dengan izin *it's all up to them which particular business they are interested in*- mana yang dia orang berminat? *You* minat dalam *agrotourism homestay*, boleh buat. Kerajaan sudah beri macam-macam bantuan, sokongan untuk *homestay*.

Hendak buat industri asas tani, hendak memproses cili, hendak buat cili sos boleh. Di kampung saya ada satu orang wanita, ibu tunggal. Dia buat satu perusahaan cili sos, boleh. Macam-macam tetapi masalahnya orang kita ini, kita kena bagi semangat sedikit lah, dorongan, *motivation*, tunjuk ajar, nasihat, pimpin. Itu sudah menjadi budaya bangsa kita. *So help them*. Banyak benda kerana permintaan dan pasaran kepada hasil keluaran berbagai-bagai aktiviti ini begitu meluas sekali.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua bagi membantu petani-petani ini melaksanakan dia punya aktiviti yang saya sebutkan tadi, kita ada program latihan, khidmat nasihat, pembiayaan TEKUN, pembiayaan daripada Agro Bank. Akan tetapi jangan lah pergi TEKUN sekali, tidak layan, sudah merajuk. Pegawai TEKUN pada hari itu mungkin *mood* dia tidak bagus, dia tidak layan. Sudah merajuk kata TEKUN tidak tolong. *It's not true*. TEKUN sekarang ini telah memberi pinjaman kepada 290,000 peminjam. Bukan kecil dan TEKUN sudah beri pinjaman RM2.9 bilion kepada usahawan-usahawan kecil. Berbagai-bagai jenis aktiviti keusahawanan. *So, that is not an issue* tidak ada masalah pembiayaan modal. Jangan sebut lagi, kerajaan sudah beri peruntukan.

Baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan telah beri RM700 juta lagi kepada TEKUN. *And then* Tuan Yang di-Pertua, saya suka melaporkan bahawa peminjam-peminjam TEKUN ini bayar balik. Saya ingat ada soalan, siapa yang bertanya tentang ketirisan TEKUN. Tidak betul. TEKUN punya kutipan pinjaman yang terbaik, yang terbaik. Kalau dahulu orang beranggapan bahawa ada 30%, ada RM200 juta, ada RM300 juta, RM700 juta yang tidak bayar balik tidak betul itu. *Because* TEKUN dia ada sistem kawalan, sistem pemantauan, sistem *collection* yang mereka boleh menentukan bahawa pinjaman semua dapat balik. Kalau pada kadar 5% sahaja.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah TEKUN. Tempoh hari kita ada dengar daripada Yang Berhormat Menteri bahawa TEKUN dinaikkan kadar untuk meminjam lebih dekat RM100,000. Dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri boleh pinjam sehingga sampai RM100,000 maksimum. Akan tetapi, apa yang kita dapati di bawah usahawan-usahawan Melayu khususnya di bawah hendak pinjam, apabila buat *paper*, hantar, hendak pinjam RM100,000 tidak dapat. Bagi macam biasa RM7,000, RM10,000. Padahal kita tengok projek yang diutarakan itu adalah *avaluable* Projek itu maknanya boleh, tidak ada masalah dan kita juga *recommend* sebagai ketua bahagian kita *recommend* untuk projek itu. Akan tetapi tidak dapat. Hendak pinjam RM100,000 tidak dapat. Sedangkan Yang Berhormat Menteri sudah beritahu boleh pinjam sehingga sampai RM100,000. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

■1950

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Senator membangkitkan perkara itu. Dia, jawapannya begini Tuan Yang di-Pertua. *Policy and implementation*, dasar dan pelaksanaan. Kadang-kadang dia ada tidak selari. Dasar menteri, dasar kementerian dan dasar agensi TEKUN. Kita telah meningkatkan pinjaman kepada RM100,000 dan permohonan jangan banyak kerenah birokrasi dan jangan mengambil masa yang begitu lama, ada dia punya SOP. Mesti lulus dalam tiga minggu umpamanya. Itu dasar. Akan tetapi, apabila tiba ke peringkat pegawai, pegawai bukan pembuat dasar, dia pelaksana. Ini yang kadang-kadang banyak songeh ini orang kata. Ini songeh pelaksanaan pegawai, pengurus tetapi jangan kita kecewa kerana ada masalah di peringkat ini.

Kalau sekiranya kita dah tahu dasar itu begitu dan mereka tidak mengikut dasar itu, kita kena jangan mengambil sikap putus asa dan kecewa *because we know*, dengan izin, *we deserve*. Kita berhak untuk mendapatkannya. Akan tetapi, oleh kerana pegawai tidak memberikan layanan yang sepatutnya,

kita perlu berusaha terus membawakan perkara itu kepada ibu pejabat, membuat perjumpaan sebagai orang kata *you know* sekali jumpa tak selesai, kena jumpa dua kali, kena jumpa tiga kali.

Business is not easy ya Tuan Yang di-Pertua. *All successful business people* tahu meniaga tidak mudah. Tidak bermakna tulis surat hari ini terus dapat, tak boleh macam itu. Dia kena usaha habis-habisan. Masalahnya kalau kerajaan tidak sediakan dana, *that is a problem. The money is there, the money is for you to-* orang kata untuk kita dapatkan bagi membantu kita membiayai perniagaan kita.

Kalau duit itu tidak ada di situ, kerajaan tidak siapkan dana, kita cuba macam mana pun kita tidak akan dapat. Akan tetapi *it's there, go and get it. How to get it?* Hah, kenalah guna rajin, macam mana kita hendak dapat perhatian pegawai bank, bila masa yang sesuai berjumpa.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat Menteri, saya ingat cukup jelas itu.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tidak jelas [*Ketawa*] Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] *Direct to the point* seterusnya, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Okey, poin. *So* jadi maknanya, apa tadi berkenaan dengan Datuk tadi. Ha, okey. Kita bagi latihan, khidmat nasihat, pembiayaan melalui TEKUN dan Agro Bank dan selain daripada itu, pemasaran. Yang Berhormat Tok Empat, dulu selalu orang bila dia buat satu-satu pengeluaran, sesuatu produk, masalah dia kata hendak jual dekat mana.

So we have our FAMA, kita ada FAMA. Dasar FAMA ialah dia mesti membantu pemasaran keluaran pertanian orang-orang kampung, *so you go to FAMA*. Kalau dia tidak layan, you tahulah ke mana hendak pergi kan. Kalau pengurus tidak layan, *you go to the* atas daripada pengurus, *the manager. Manager* tidak jalan, pergi kepada CEO. CEO tidak layan, pergi kepada *chairman. Chairman* tidak layan, pergi kepada Menteri. Sebelum Menteri, jumpa saya dahulu [*Ketawa*]. Tahulah saya macam mana saya hendak buat.

Seorang Ahli: Kalau menteri tidak layan?

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Menteri mesti layan punya. Mana boleh, dia yang buat dasar. Dasar dia, mesti dia ikut. Takkan dia buat dasar dia pula tak akan ikut dasar dia, itu peliklah kan? *It's impossible*, dengan izin. Jadi, Kementerian Pertanian, Tuan Yang di-Pertua, *we are there. We are there to help*, untuk bantu petani. *The* petani kena respons apa juga dasar kerajaan, apa juga kemudahan yang kita bagi, apa juga sistem yang terbaik kita bagi tapi penerimaan daripada rakyat, daripada petani itu penting.

Kalau mereka tak terima, *they are not welcoming* kita punya inisiatif, tidak berjayalah kita ini. *So, we must change* dengan izin. *We have to change the mindset, we have to change the attitude and we have to change the culture of our people* terutamanya petani-petani. Kita kena jadi petani seperti petani negara maju, petani Taiwan, petani Thailand pun boleh ambil juga contoh. Petani dari Holland, petani dari Australia dan sebagainya. Bersyarah pula.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga ada membangkitkan lagi, dan kita juga ada memberi latihan kepada anak-anak muda, kepada generasi muda. Ada latihan, pusat latihan. Dengan kerjasama daripada MARA, kita ada di Tanjong Dawai, kita ada di Kuala Muda dan kita telah melatih 422 orang pelatih yang terdiri daripada belia. Macam-macam kursus selama enam bulan kita beri. Itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat To' Puan ya, soalan-soalan.

Yang tadi Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat saya sudah jawab, sebenarnya sekarang ini sudah sampai kepada Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon telah membangkitkan isu berkenaan dengan pengeksportan buah-buah durian ke negeri China. Pengeksportan durian ke negeri China, yang terkenal di China ialah durian Thailand. Durian Malaysia belum begitu terkenal *because the Thai people, they are very aggressive in promoting their* durian in China padahal durian kita rasanya lebih sedap daripada durian mereka.

Yang Berhormat pun tahu. Saya, durian Thailand saya tidak makan tetapi kita kurang daripada segi *promotion*. So sekarang kerajaan, Kementerian Pertanian, kita mengambil langkah yang agak agresif untuk kita mempromosikan jualan durian kita ke negeri China tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, bagi pengeksportan durian ke negeri China, Malaysia telah mendapat laluan pasaran daripada *Administrative of Qualities Permission Inspections and Quarantine* ringkasnya (AQSIQ) China pada 11 Mei 2011.

Sehingga kini terdapat enam buah fasiliti memproses durian sejuk beku yang telah diluluskan oleh pihak AQSIQ. Hanya produk sejuk beku dari fasiliti ini sahaja dibenarkan untuk dieksport ke China, *we cannot just simply export* ya, kita kena gunakan fasiliti ini. Walau bagaimanapun, fasiliti-fasiliti baru selain daripada enam ini boleh memohon dengan jabatan pertanian untuk diakreditasi oleh AQSIQ jika ini mengeksport durian sejuk ke China.

Pengeksportan durian sejuk beku ke China perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh AQSIQ China. Di antaranya ladang durian perlu didaftar di bawah jabatan pertanian dan mengamalkan amalan pertanian baik, *good agriculture practice*. Kedua, fasiliti memproses durian sejuk beku perlu diaudit. Semua hendak main audit sekarang, perlu diaudit oleh AQSIQ dan mengamalkan *good manufacturing practice*. Fasiliti-fasiliti durian sejuk beku yang telah diluluskan oleh pihak AQSIQ yang enam tadi, satu Lee Mun Sdn. Bhd di Semenyih. Kedua, FAMA Batu Kurau di Perak, FAMA AMC Jerantut di Pahang, ARTM Services Sdn. Bhd di Melaka, Adnan Corporation Sdn. Bhd di Selangor dan Top Fruit Sdn. Bhd, Johor.

Maknanya pekebun-pekebun durian boleh pergi ke salah satu daripada enam *facilities* yang *already accredited* oleh AQSIQ. Yang Berhormat juga telah mengutarakan isu pemberian bantuan kepada enam buah-buahan. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian telah menyediakan pelbagai subsidi untuk dinikmati oleh petani, penanam padi dan nelayan termasuk juga kepada penanam buah-buahan. Antara bantuan yang diberikan kepada penanam buah-buahan ialah melalui program tanam semula buah-buahan.

■2000

Tanam semula buah-buahan pun kita hendak bagi subsidi dan insentif. Kerajaan Barisan Nasional. Antara bantuan yang diberikan kepada penanam buah-buahan ialah melalui program tanam semula buah-buahan terpilih yang akan bermula pada tahun 2014, *next year*. Di samping itu kementerian juga menyediakan insentif-insentif. Macam-macam insentif. Saya tidak payah baca *detail*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong...

Timbalan Yang di-Pertua: Agaknya masih berapa banyak lagi yang hendak dijawab itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *Last two pages.*

Timbalan Yang di-Pertua: Okeylah, sebab kita masih ada sembilan lagi kementerian yang belum dijawab.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Itulah tadi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sampai satu jam lebih. *Another ministry* tadi sampai dua jam. Saya ambil setengah jam sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Hampir satu jam Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Saya pun ya? Minta maaf, tidak perasaan [*Ketawa*] Bila bercakap dapat mikrofon macam itulah jadi. Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah membangkitkan isu memperkasakan sektor pertanian negara dan rancangan kementerian untuk mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan bahan makanan. Kita untuk memperkasakan ini kita ada satu dasar yang dipanggil Dasar Agromakanan Negara (DAN).

Melalui dengan dasar ini matlamatnya tadi saya ulang secara ringkas, menambahkan *production* kita. Kita bukan sahaja untuk memastikan bahawa peningkatan dari segi pengeluaran boleh memenuhi keperluan negara tetapi juga *we are going to the world*, dengan izin. *We are going to export our agriculture products*. Dengan sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajetnya, Menteri Kewangan dalam ucapan bajet yang lalu menyebut penubuhan *Food Agriculture Council for Export (FACE)*. Maksudnya, satu majlis untuk memajukan pengeksporan bahan-bahan makanan dan pertanian. *This is a tall order*. Satu usaha di peringkat yang paling hebat sekali iaitu sehingga menubuhkan macam *Economic Council*. *Economic Council* untuk ekonomi keseluruhan tetapi ini *export council for agriculture and food* untuk industri pertanian. So, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani as a *Chairman for this Council*. Saya timbalan majlis ini.

Jadi, matlamat kita ialah untuk menggubal strategi, program, kaedah macam mana kita boleh memperluaskan pasaran hasil pertanian kita dan makanan kita keluar negara. Bukan sahaja untuk *local consumption*, *we want to earn money* Tuan Yang di-Pertua, *for the exchange* untuk faedah negara dan rakyat. Khususnya petani-petani kita apabila kita boleh mengeksport. Jadi, itu langkah yang diambil oleh peringkat tertinggi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam hal memperkasakan industri pertanian ini. Untuk menjayakan, antara lain telah diumumkan juga kita akan membuka agro bazar untuk memasarkan hasil-hasil pertanian kita. Kita akan mulakan di Singapura dan selepas itu di negara-negara lain. *I think* pegawai-pegawai kita sekarang sedang membuat persiapan untuk mencari lokasi yang sesuai untuk mewujudkan agro bazar di Singapura untuk menjual hasil-hasil pertanian kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi usaha-usaha untuk memperkasakan industri pertanian negara dan mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan bahan makanan sedang diusahakan. Tadi saya sebut beras, saya sebut buah-buahan, sayur-sayuran. Sebenarnya kita juga tidak cukup bekalan daging kerbau, daging lembu ini pada peringkat tidak sampai pun 30% daripada keperluan rakyat Malaysia kepada daging. Jadi, kita sedang hendak menghidupkan semula *satellite farm, feedlot satellite* yang telah dimulakan beberapa tahun yang lalu. Diharapkan akan menambahkan bekalan daging lembu dan kerbau serta kambing yang masih lagi peratusannya rendah dari segi bekalan untuk rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *second last* ini. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh...

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat. Jawab secara bertulis.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tidak ada, kita jawab bertulis. Tanya pasal TEKUN. *It's a simple question.* Boleh jawab dengan bertulis. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Adakah?

Timbalan Yang di-Pertua: Dia baru keluar, pergi *toilet* agaknya?

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *[Ketawa]* Akan tetapi sepintas lalulah. Sudah ada? Dato' Dr. Johari jangan lama sangat di bilik air itu. Telah membangkitkan isu berkenaan pemantauan kepada para peminjam TEKUN dan juga kaedah perbadanan TEKUN. Saya sudah jawab tadi. *I've said it about TEKUN. I think that is enough.*

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tidak payah lagi? Okey. *Last*lah. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus ada?... Tidak ada? Ini berkenaan dengan Labuan. Dia minta TEKUN supaya datang ke Labuan, tolong di sana. So, untuk maklumat ini ringkas sahaja. Seramai 429 peminjam dengan nilai RM4,168,000 telah diluluskan kepada peminjam di Labuan. TEKUN akan sentiasa membantu usahawan peniaga kecil di Labuan terutama usahawan bumiputera dan mengadakan pemantauan dari semasa ke semasa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya, kita beralih ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kita masih ada lagi sembilan kementerian yang belum menjawab. Saya harap pihak kementerian apabila menjawab itu buatlah secara ringkas dan padat dan terus kepada *point* yang penting dan relevan Yang Berhormat. Silakan.

8.08 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Kementerian menghargai serta mengambil perhatian serius akan semua pandangan, saranan, cadangan serta teguran membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Bagi tahun 2014, kementerian diperuntukkan sebanyak RM2.19 bilion. Daripada jumlah ini RM2.052 bilion adalah di bawah peruntukan operasi manakala RM106.9 juta untuk peruntukan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab kepada pertanyaan, saranan dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan wanita. Berhubung program di bawah *NAM Institute for the Empowerment of Women* (NIEW) yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal. Program *mentor-mentee* untuk melahirkan wanita yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Berhubung dengan ini, kementerian sedang memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai Ahli Lembaga Pengarah di syarikat awam tersenarai ataupun *public listed companies*. Sehubungan itu kementerian melalui agensi NIEW melaksanakan Program Pengarah Wanita atau *Women Directors Program* bermula tahun 2012.

■2010

Sukatan Program Pengarah Wanita melibatkan kursus ke atas kemahiran teknikal seperti dengan izin, *roles and responsibility of directors under the company act, corporate governance as a language in the boardroom, risk management* dan *strategy and planning* serta kemahiran *soft skill* seperti *communication skills, networking skills and board simulation*. Untuk meningkatkan capaian Program Pengarah Wanita kepada kumpulan sasaran, NIEW telah melaksanakan beberapa program khusus seperti dengan izin, *back first stock, road show* dan sesi dialog dengan sektor korporat dan program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

Berhubung dengan cadangan supaya diwujudkan latihan kepimpinan melalui program *mentor-mentee*, kerajaan sedar akan pentingnya latihan kepimpinan yang mana latihan sesuai dapat membantu wanita untuk sentiasa berasa seiring dan bersaing dalam pembangunan negara. NIEW akan mengadakan program pementoran yang menghubungkan peserta-peserta di bawah Program Pengarah Wanita dengan ketua-ketua pegawai eksekutif syarikat pada tahun 2014. Kementerian juga turut melaksanakan Program Mentor Usahawan Wanita pada tahun 2012 yang merupakan kerjasama di peringkat antarabangsa melibatkan usahawan wanita di Malaysia dengan mentor dalam perniagaan daripada luar negara.

Ini merupakan usaha sama kementerian dengan *Cherie Blair Foundation for Women* serta Yayasan Pendidikan dan Vokasional Wanita Malaysia. Dalam perkhidmatan awam pula, pegawai wanita juga menyertai program pementoran dalam perkhidmatan awam yang memfokuskan kepada peningkatan kompetensi profesional, kompetensi budaya, kompetensi peribadi dan kompetensi sosial. Merujuk kepada isu pengiktirafan kepada suri rumah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal, saya ingin menyatakan bahawa kerajaan telah memperkenalkan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia ataupun SSP1M sejak tahun 2010 sebagai tanda pengiktirafan kita kepada golongan yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap termasuklah juga suri rumah agar mereka boleh mempunyai simpanan.

Skim ini bertujuan menggalakkan golongan tersebut mencarum secara sukarela yang mana bayaran caruman boleh dibuat pada bila-bila masa mengikut kemampuan dan tidak semestinya setiap bulan secara tetap. Dalam pembentangan Bajet 2014, kerajaan telah bersetuju untuk meningkatkan sumbangan kerajaan dalam SSP1M daripada 5% kepada 10% ataupun daripada maksimum RM60 kepada RM120 setahun berkuat kuasa 1 Januari tahun hadapan hingga akhir 2017. Selain itu kerajaan

melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) iaitu sebuah agensi di Kementerian Sumber Manusia juga telah melaksanakan program dengan izin, *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme* ataupun HEARTS di bawah dana khas kerajaan.

Program ini merupakan salah satu program perintis di bawah program dengan izin, *1Malaysia Support for Housewives* yang membolehkan suri rumah dan ibu tunggal yang berkelulusan diploma dan ke atas diberi latihan membolehkan mereka kembali aktif menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam bidang-bidang yang khusus. Mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan yang mereka miliki. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpekerjaan wanita di kalangan suri rumah dan dalam masa yang sama mengekalkan *status quo* mereka sebagai suri rumah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puah Roslin binti Haji Abdul Rahman berkenaan dengan manfaat daripada Geran Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) bagi tahun 2013, seramai 13,320 orang wanita telah mengikuti program-program MPWK melibatkan peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Daripada jumlah tersebut RM1.3 juta telah disalurkan untuk Program Jejari Bestari di 222 kawasan Parlimen melibatkan 6,660 orang wanita seluruh negara dengan pecahan peruntukan sebanyak RM6,000 setiap kawasan Parlimen.

Program kedua yang berkaitan wanita ialah program kreatif melibatkan peruntukan sebanyak RM1.2 juta atau RM5,000 bagi Semenanjung manakala RM6,000 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan dengan jumlah bilangan peserta 6,660 orang wanita. Mengenai perancangan MPWK untuk terus memperkasakan wanita di negara ini bagi tahun 2014, tiga program utama melalui teras program pembangunan wanita iaitu Program Jejari Bestari, Kelab Kreatif dan Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita (WAJA) akan diteruskan pada tahun 2014.

Dalam pada itu juga konvensyen MPWK turut dirancang untuk diadakan pada tahun hadapan sebagai platform kepada para pengerusi MPWK di seluruh negara bagi menilai pencapaian serta menetapkan hala tuju MPWK dalam memperjuangkan agenda wanita. Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan keluarga. Mengenai langkah-langkah kementerian dalam mengurangkan jurang komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak yang terlalu tertumpu pada gajet dan alat telekomunikasi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) telah menjalankan inisiatif seperti berikut:

- (i) melaksanakan kerjasama dengan *Cybersecurity Malaysia* dalam menganjurkan kursus *Cyber Parenting*. Kursus ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada ibu bapa dan penjaga berkenaan dengan isu-isu yang berkaitan dengan alam siber terutamanya kepada golongan remaja dan membekalkan ilmu serta maklumat baru supaya keluarga kekal *resilient* dan sejahtera; dan
- (ii) juga memberikan kemahiran keibubapaan dan komunikasi yang berkesan bagi mengukuhkan keharmonian keluarga. LPPKN dalam melaksanakan kursus ilmu keluarga @LPPKN yang diadakan secara bulanan di setiap negeri kepada masyarakat umum. Sehingga kini 9,712 kursus telah diadakan dan dengan penyertaan seramai 1,094,336 orang peserta.

Menyedari cabaran dwikerjaya suami isteri masa kini dan kekangan pasangan menghadiri kursus keibubapaan di luar waktu kerja, LPPKN telah melaksanakan program Keluarga@Kerja atau *Parenting@Work*, dengan izin, khusus untuk ibu bapa bekerja sama ada di sektor awam ataupun swasta sejak tahun 2007 lagi. Matlamat program ini adalah untuk membantu ibu bapa yang bekerja mendapat kemahiran, mengimbangi antara tanggungjawab kerja dengan keluarga, *work life balance* serta kemahiran berkomunikasi antara anak dengan menggunakan teknologi yang terkini. Sehingga kini sejumlah 582 program telah dilaksanakan dan kerjasama NGO melibatkan penyertaan seramai 24,455 orang ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan taska. Seterusnya saya akan merujuk kepada pertanyaan ahli Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim berkaitan dengan jumlah taska di sektor awam dan juga cadangan jaringan strategik dengan PERMATA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga November tahun ini sebanyak 99 buah taska di tempat kerja sektor awam telah ditubuhkan dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebagai usaha untuk meningkatkan jumlah taska di tempat kerja sektor awam, kerajaan juga telah menaikkan nilai geran pelancaran penubuhan taska daripada RM80,000 dahulunya kepada RM200,000 mulai tahun 2010.

Berhubung cadangan tentang agar kementerian menjalin kerjasama dengan PERMATA dalam hal berkaitan taska, sukacita saya maklumkan bahawa kementerian melalui JKM telah bekerjasama dengan PERMATA untuk meningkatkan kualiti pengasuhan di taska melalui penyediaan kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak PERMATA sebagai kurikulum wajib kepada semua pengasuh taska. Tindakan kerajaan untuk mengurangkan kes penderaan kanak-kanak di taska yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, kementerian memang amat prihatin akan aspek kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak di taska.

Jabatan Kebajikan Masyarakat menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, Peraturan-peraturan Taska 2012 dan Peraturan-peraturan Pengkompaunan Kesalahan 2011 bagi memastikan taska yang beroperasi mematuhi syarat dan keperluan yang ditetapkan. JKM di peringkat negeri dan daerah juga turut mengadakan mesyuarat penyelarasan antara agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba setiap tiga bulan sekali. Mesyuarat ini diadakan bagi membantu taska bermasalah mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan untuk mengurus pendaftaran taska.

Pemantauan berkala juga dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa taska kepada sesebuah taska sebanyak empat kali setahun bagi memastikan kualiti pengasuhan dan aspek keselamatan dikekalkan.

■2020

Kementerian amat menggalakkan pengusaha agar memasang kamera litar tertutup ataupun CCTV secara dalam talian bagi membolehkan pengusaha dan ibu bapa kanak-kanak memantau keselamatan dan aktiviti kanak-kanak semasa berada di taska. Pada tahun 2013 iaitu 30 November, JKM menerusi program insentif taska telah memberi geran penubuhan taska sebanyak RM20,000 kepada 427 buah taska baru berdaftar dan mewajibkan pemasangan CCTV di premis taska yang berkenaan iaitu yang mendapat bantuan.

Tentang meningkatkan keselamatan kanak-kanak di taska, pendaftaran nisbah pengasuh dan latihan kepada pengasuh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan. Berhubung isu ini, kementerian amat menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat. Dalam hal ini, Jabatan kebajikan Masyarakat menggunakan pendekatan agregasi dan berhemah terhadap taska yang didapati tidak berdaftar di bawah Akta Taska 1984 dan Peraturan-Peraturan Taska 2012. JKM terlebih dahulu akan mengeluarkan surat peringatan mesra kepada taska yang berkenaan supaya mematuhi syarat yang ditetapkan. Pada masa yang sama, pihak pengurusan taska akan diberi khidmat nasihat dan bimbingan oleh pegawai JKM bagi membantu pengurusannya mengambil tindakan sewajar agar taska tersebut dapat memenuhi syarat dan peraturan yang digariskan supaya boleh didaftarkan.

Selain menjalankan operasi secara berkala bagi memantau taska yang tidak berdaftar, kementerian juga mendapat kerjasama ramai yang memberikan maklumat kepada JKM sekiranya mereka mengesyaki wujudnya taska sedemikian di kawasan masing-masing. Berdasarkan rekod JKM hingga 30 November, sebanyak 3088 buah taska telah ditubuhkan dan berdaftar dengan JKM yang memberi manfaat kepada 59,895 orang kanak-kanak yang berumur di bawah empat tahun. Kementerian melalui JKM turut mengambil pendekatan penjagaan dengan menggubal Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 untuk menggantikan peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Di Institusi) 1945. Aspek penambahbaikan adalah seperti berikut.

Pertama, memperkenalkan kurikulum asuhan pendidikan awal kanak-kanak PERMATA seperti mana yang telah saya sebutkan tadi yang meliputi dua komponen utama iaitu pengasuhan bayi dan pembelajaran kanak-kanak meliputi aspek pemakanan seimbang, keselamatan kanak-kanak, penjagaan dan latihan urus diri bayi dan kanak-kanak dan lain-lain lagi.

Kedua, memperincikan kelayakan dan kewajipan pengusaha mengurus, menyelia, pengasuh serta pekerja taska bagi memastikan penyediaan yang berkualiti.

Ketiga, memasukkan kewajipan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak bagi menentukan aspek perlindungan kesihatan dan keselamatan kanak-kanak diberikan keutamaan.

Keempat menentukan aspek kelengkapan, keselamatan rekod-rekod aktiviti, pemakanan kesihatan dan lain-lain bagi memastikan taska sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan.

Bagi penetapan nisbah pengasuh dengan kanak-kanak yang lebih munasabah, sejajar dengan beban kerja dan tanggungjawab adalah seperti berikut. Bagi kategori kanak-kanak normal dari lahir hingga satu tahun, nisbah pengasuh kanak-kanak kepada bilangan kanak-kanak adalah 1 pengasuh 3 kanak-kanak. Dari kanak-kanak berumur setahun ke atas hingga tiga tahun, nisbahnya adalah 1:5, manakala bagi umur tiga hingga empat tahun nisbahnya 1:10. Bagi kategori kanak-kanak kurang upaya dari lahir hingga 1 tahun, nisbah pengasuh kanak-kanak kepada bilangan kanak-kanak adalah 2:3. Bagi kanak-kanak berumur setahun hingga tiga tahun, nisbahnya adalah 2:5 orang. Manakala bagi umur tiga hingga empat tahun, nisbahnya adalah 3 pengasuh kepada 10 orang kanak-kanak. Selain daripada itu juga, kita mewajibkan mana-mana individu yang terlibat dengan kanak-kanak di taska supaya hadir dan lulus Kursus Asas Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA).

Berkaitan dengan perwujudan unit khas untuk memantau taska yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan. Sukacita saya maklumkan bahawa JKM sedang

dalam perancangan untuk mengujudkan satu unit khas yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perkara-perkara yang melibat perkhidmatan taska.

Cadangan untuk menambah bilangan taska di luar bandar dan kawasan pedalaman oleh Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan. Bilangan taska terutamanya di kawasan pedalaman untuk makluman, kerajaan menyediakan perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak dengan kos minimum bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin sama ada di bandar, di luar bandar dan di pinggir bandar melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat ataupun KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan bahagian PERMATA di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Pada hari ini, kementerian melalui JKM bertanggungjawab mendaftarkan taska yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan atau NGO dan pihak swasta di kawasan-kawasan perumahan, komuniti dan tempat kerja. Kementerian telah menetapkan sasaran penubuhan taska baru sebanyak 900 buah pada tahun 2013 dan hingga 30 November 2013, telah berjaya mendaftarkan 1042 buah taska baru. Usaha ini akan diteruskan pada masa akan datang bagi menampung permintaan ibu bapa termasuk di kawasan pedalaman dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perlindungan kerajaan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol bawah umur tetapi menarik balik dakwaan kerana berkahwin dengan...

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, izinkan saya mencelah. Terima kasih. Saya ucapkan syabas dan tahniah kerana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sudah pun mengorak langkah untuk mewujudkan unit khas untuk memantau dan memastikan kualiti taman asuhan ini sampai ke tahap yang sewajarnya. Seterusnya saya juga berharap ia dapat diupayakan dari segi tenaga dan juga dari segi peruntukan yang sewajarnya.

Tentang taman asuhan kanak-kanak di pinggir-pinggir dan pedalaman ini saya maksudkan ialah seperti di kampung-kampung Orang Asli, juga di perkampungan-perkampungan yang jauh dari kemudahan-kemudahan asas. Saya harap dapat membuat satu pendekatan khas yang mana dibangunkan secara in situ, mengambil kira tenaga tempatan yang boleh dilatih dalam jangka masa pendek dan dapat perkhidmatan yang diberikan kerana kita tahu bahawa pembangunan modal insan ini mencakupi aspek dari peringkat awal kanak-kanak itu sehingga pra sekolah dan seterusnya. Hari ini ramai di tempat-tempat terpinggir yang di pedalaman ini yang ketinggalan kemudahan ini sekiranya mereka masih tertakluk kepada syarat-syarat peraturan dan kaedah dan pendekatan yang sedia ada. Saya berharap pendekatan ini melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui JAKOA, melalui juga lain-lain Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan lain-lain dapat difikirkan tentang kemudahan serta-merta untuk kawasan-kawasan seperti ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Berkaitan dengan perkara pertama yang dibangkitkan oleh Dato' Maznah binti Mazlan tadi. Tentulah seperti yang saya sebutkan, kita dalam perancangan untuk menubuhkan unit pemantauan ini. Kita akan pastikan, kita akan cukup tenaga kerja dan juga peruntukan yang mencukupi untuk mereka dapat melaksanakan kerjanya dengan sempurna, *insya-Allah*. Bagi kawasan Orang Asli luar bandar dan kawasan terpinggir ini, *insya-Allah* kita boleh

sampaikan kepada pihak KEMAS supaya boleh menubuhkan taska-taska ataupun tabika di tempat-tempat yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat.

Saya sambung berkenaan dengan perlindungan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol bawah umur tetapi menarik balik dakwaan kerana berkahwin dengan pelaku yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman.

Kementerian melalui JKM memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol di Taman Seri Puteri sekiranya permohonan untuk mendapatkan perlindungan dikemukakan oleh kanak-kanak ke JKM. Sebanyak empat buah TSP kelolaan JKM dengan kapasiti 250 orang bertujuan memberi perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun. Dalam pada itu, kementerian melalui majlis penyelarasan bagi perlindungan kanak-kanak telah juga menubuhkan satu *taskforce* bagi meneliti isu yang dibangkitkan oleh orang ramai. *Taskforce* ini ditubuhkan pada 31 Mei 2013 dan dipengerusikan oleh Prof. Dr. Datin Noor Aziah Awal, pakar perundangan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahli *taskforce* terdiri daripada agensi yang berkaitan dengan kanak-kanak seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Kesihatan serta ahli akademik dan aktivis kanak-kanak.

■2030

Dalam hal ini kementerian melalui *taskforce* yang ditubuhkan akan membangunkan garis panduan dan pelan tindakan bagi perkahwinan kanak-kanak di bawah umur yang akan diselaraskan dengan akta ataupun enakmen sedia ada dengan mengambil kira Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Kementerian juga akan bekerjasama dengan agensi-agensinya yang berkaitan untuk membincangkan isu ini dengan lebih terperinci lagi. Pada masa yang sama Peguam Negara telah mengeluarkan arahan Peguam Negara terbaru supaya semua kes yang melibatkan isu penarikan balik laporan kes rogol perlu diteliti oleh ketua unit pendakwaan negeri untuk siasatan lanjut.

Kemudiannya kes tersebut dirujuk kepada Ibu Pejabat Peguam Negara untuk pertimbangan dan keputusan. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bantuan. Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman bertanyakan mengenai perluasan bantuan sosioekonomi JKM sebanyak RM144 juta yang telah diluluskan dalam dasar baru bagi tahun 2014. Perluasan ini sebenarnya telah mengambil kira pertambahan sebanyak 10% daripada jumlah penerima bantuan pada tahun 2013.

Untuk makluman, peruntukan ini adalah meliputi program khusus sedia ada untuk menampung bayaran bantuan kewangan bulanan JKM kepada anggaran seramai 498,991 orang pada tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan bantuan sara hidup golongan yang memerlukan dalam meningkatkan kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka. Ini adalah peruntukan tambahan kepada kementerian. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan warga emas, saya seterusnya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berhubung isu-isu warga emas.

Pertamanya, persediaan Malaysia dalam aspek penyediaan kemudahan dan keperluan kepada penduduk tua di negara ini menjelang tahun 2040 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato'

Dr. Mashitah binti Ibrahim. Keduanya, kemudahan prasarana untuk warga emas yang dikatakan tidak mencukupi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah. Adakah kerajaan bercadang menyediakan *grant* dan latihan khusus untuk membuka perniagaan penjagaan warga emas, oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah. Berhubung dengan persediaan negara dalam aspek penyediaan kemudahan dan keperluan kepada penduduk warga emas di negara ini, menjelang tahun 2040. Kementerian komited dan akan terus memberikan perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas. Ini adalah satu urusan yang berterusan bagi kita mengenang jasa, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut ke arah penuaan yang sihat, produktif dan efektif.

Sehubungan itu, selaras dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan kementerian mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara dan telah meluluskan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara pada 5 Januari 2011. Antara strategi yang diketengahkan dalam Dasar Warga Emas Negara adalah seperti berikut:

- (i) mengutamakan pendekatan persediaan, penjagaan dan pengukuhan yang memerlukan perubahan paradigma dalam pelaksanaan program yang berorientasikan kebajikan warga emas kepada pembangunan yang melibatkan tanggungjawab diri, keluarga, komuniti dan semua pihak yang berkepentingan seperti kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan anggota masyarakat; dan
- (ii) pendekatan pelaksanaan dasar dalam aspek pengukuhan hubungan dan perpaduan di dalam kalangan warga emas serta antara generasi.

Kerajaan turut menyediakan kemudahan dan prasarana untuk kemudahan warga emas seperti Rumah Sri Kenangan dan rumah ihsan yang memberikan penjagaan dan perlindungan. Pusat aktiviti warga emas yang menyediakan aktiviti harian bercorak pendampingan sosial dan permohonan diri dan unit penyayang warga emas yang menyediakan kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital ataupun di klinik.

Kementerian dan juga Kementerian Kesihatan telah melaksanakan satu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Ia dikenali sebagai *1Malaysia Family Care* yang berteraskan kepada perkhidmatan kesihatan iaitu program kesihatan dan sosial, program *Home Help Services* dengan kerjasama pelbagai agensi bagi memanfaatkan kumpulan sasar yang memerlukan terutamanya warga emas. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan kemudahan seperti berikut kepada warga emas. Pertama, pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta pergigian milik kerajaan mulai 1 Januari 2012.

Sebagai susulan kepada pengumuman dan inisiatif tersebut juga kerajaan telah bersetuju untuk memberikan pengecualian tambahan kepada warga emas bagi caj pendaftaran jabatan pesakit luar pakar sebanyak RM5 dan pengurangan caj pesakit kelas tiga sebanyak 50% dengan caj maksimum sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan di hospital dan klinik kerajaan. Ini juga telah mulai berkuat kuasa pada 1 Mei 2012. Mulai tahun 2012, penyelarasan pencen yang melibatkan peruntukan sebanyak RM600 juta dengan kenaikan 2% setahun juga telah dilaksanakan.

Penyelarasan semula pencen pesara kerajaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun dengan menaikkan pencen minimum daripada RM720 kepada RM820 sebulan. Ini mengambil kira bayaran pencen bermula 1 Januari 2012. Langkah ini telah melibatkan seramai 56,000 orang pesara kerajaan. Pemberian diskaun sebanyak 50% bagi tambang Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan monorel, yang ini dapat menawarkan peluang mobiliti akses yang lebih luas kepada golongan warga emas.

Pemotongan harga antara 25% sehingga 50% ke atas kos tambang kapal terbang penerbangan Malaysia MAS bagi penerbangan dalam negeri. Pengurangan caj bayaran pemprosesan pasport sebanyak 50% iaitu daripada RM300 kepada RM150 untuk tempoh sah laku lima tahun. Caj bayaran pengurusan pasport untuk tempoh dua tahun pula dikurangkan kepada RM80. Kadar ini semua berkuat kuasa pada bulan Januari 2013.

Berikutnya, pelepasan cukai kepada individu bagi meringankan kos perbelanjaan ibu bapa yang mana kerajaan memberikan pelepasan cukai hingga RM5,000 yang meliputi bayaran rawatan perubatan, menghantar ibu bapa ke pusat jagaan harian, bayaran mengaji pembantu khusus menjaga ibu bapa serta perbelanjaan keperluan harian yang lain. Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat sama ada kerajaan bercadang untuk menyediakan *grant* dan latihan khusus untuk membuka perniagaan penjagaan warga emas.

Kementerian melalui JKM menyediakan bantuan kewangan berbentuk geran tahunan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) sebagai galakan dan sokongan kepada mereka yang berganding bahu dengan kerajaan dalam memenuhi keperluan sosial negara dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan untuk golongan yang memerlukan termasuk warga emas. Antara *grant* yang disediakan ialah *grant* pentadbiran, *grant* langsung dan *grant* pembaikan. Kesemua inisiatif ini diambil bagi memastikan PSK dapat menyediakan perkhidmatan yang berkualiti selamat dan selesa kepada penghuni yang mendiami premis mereka. PSK ini perlu berdaftar dengan JKM di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 sebelum layak dipertimbangkan untuk bantuan *grant* daripada kementerian.

Berkaitan cadangan supaya kemudahan jagaan warga emas di kawasan komuniti setempat yang lebih sistematik dan tersusun di setiap pembangunan perbandaran, di kawasan bandar, separa bandar dan luar bandar oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Kementerian melalui JKM menyediakan sebanyak 14 buah institusi penjagaan warga emas di seluruh negara. Hingga bulan September 2013, seramai 1,916 orang warga emas ditempatkan di bawah institusi JKM iaitu sembilan buah Rumah Sri Kenangan di Semenanjung Malaysia, dua buah di Sarawak dan tiga buah rumah warga tua di Sabah. Selain itu, terdapat dua buah rumah ihsan yang menempatkan seramai 227 orang penghuni, yang mana seramai 991 orang daripadanya adalah warga emas.

JKM juga turut menyediakan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang merupakan khidmat yang bercorak *reaching out* dan *developmental* kepada warga emas dengan berganding bahu bersama dengan agensi-agensi lain dan pertubuhan sukarela kebajikan. Pada tahun 2012, jumlah warga emas yang berdaftar dengan 22 buah PAWE di seluruh negara adalah seramai 20,040 orang. Manakala hingga September tahun ini seramai 20,384 warga emas telah berdaftar. Bagi tahun 2013, kerajaan telah menubuhkan 23 PAWE baru yang menjadikan keseluruhannya kini 45 buah PAWE di seluruh negara.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim juga, sama ada kerajaan bersedia melakukan projek berkala dengan sukarelawan bagi membantu warga emas.

■2040

Kementerian melalui JKM telah pun melaksanakan perkhidmatan bantu dahulu di rumah atau *home help services* yang juga turut bercorak *reaching out* kepada warga emas. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh sukarelawan yang akan membantu atau menemani warga emas menjalani kehidupan seharian mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas, membeli barangan dapur, membeli-belah, membayar bil utiliti, membawa mereka ke hospital, menata rias warga emas seperti membersihkan diri, menyikat, mendandan dan lain-lain lagi. Dalam erti kata lain menjadi sahabat kepada warga emas tersebut. Hingga November tahun ini terdapat seramai 599 orang sukarelawan memberikan khidmat bantu di rumah kepada seramai 1,747 warga emas. Di samping itu, mereka juga menjalani aktiviti sosial dan riadah bersama ahli masyarakat seperti mana telah saya sebutkan tadi di pusat aktiviti warga emas (PAWE). Dalam PAWE ini ada diatur kelas seperti keagamaan, senaman, kelas masak, lawatan, gotong-royong dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan orang kurang upaya (OKU). Merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan untuk mengkaji kadar pemberian skim bantuan khususnya bantuan OKU tidak bekerja dan elaun pekerja cacat. Kementerian merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap kebajikan dan kesejahteraan kumpulan sasar kementerian. Dalam hal ini kementerian berpandangan bahawa kadar bantuan yang disalurkan adalah berpatutan dan telah mengambil kira keperluan semasa. Pada masa yang sama kementerian turut memberi tumpuan kepada pendekatan praktik *welfare* bagi membantu para penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan. Antara program yang diperkenalkan ialah program 1AZAM dan juga geran pelancaran yang menyediakan peluang menjana pendapatan kepada rakyat yang berpendapatan rendah termasuklah juga penerima bantuan kebajikan agar mereka ini dapat menjadi produktif dan dapat hidup berdikari dan tidak berterusan bergantung kepada pemberian bantuan kebajikan.

Berhubung isu gangguan seksual terhadap OKU wanita yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator yang sama. Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah melaksanakan Program Respek Wanita bagi meningkatkan kesedaran umum serta menerapkan rasa hormat dan sayang kepada wanita melalui Seminar Wanita Anti Jenayah Waja dan Seminar Literasi Undang-undang. Pengisian program meliputi topik seperti berikut senario jenayah terhadap wanita, kes jenayah komersial, keldai dadah wanita dan kesaksamaan gender. Program ini melibatkan peserta yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat termasuklah ibu tunggal dan juga golongan wanita kurang upaya.

Pada tahun ini kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah mengadakan kempen 60 hari menangani keganasan terhadap wanita di seluruh negara bermula pada 12 Oktober hingga 10 Disember tahun ini bagi meningkatkan lagi kesedaran orang ramai untuk sama-sama menghentikan keganasan terhadap wanita. Program ini diadakan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan, NGO seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam dan juga sukarelawan *1Malaysia For Youth*. Dalam hal ini, kementerian bersedia juga untuk bekerjasama dengan

NGO yang mewakili OKU wanita untuk mengadakan program khusus berkaitan perkara ini. Mengenai seorang Ahli Yang Berhormat yang sama agar kerajaan menandatangani protokol pilihan *optional protocol* di bawah konvensyen mengenai hak OKU. Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi melihat kemungkinan untuk Malaysia menyetujui ataupun *exit protocol* tersebut.

Syor ini juga akan dibincangkan dalam pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia kebangsaan atau *National Human Rights Action Plan* (NHRAP) yang mana Jawatankuasa Pemandu Pembangunan NHRAP telah pun ditubuhkan dan bermesyuarat pada 2 Disember baru-baru ini. Antara terma rujukan Jawatankuasa Pemandu Pembangunan ialah menetapkan konsep serta hala tuju Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan dengan mengambil kira standard hak asasi manusia di peringkat domestik dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu penyediaan prasarana kepada OKU yang tidak mencukupi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah, kementerian melalui JKM sentiasa komited dalam usaha memastikan golongan OKU mendapat kesaksamaan hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain. Kita komited untuk menyediakan prasarana meliputi kemudahan dan perkhidmatan dalam semua aspek kehidupan termasuklah *accessibility* terhadap persekitaran fizikal, pengangkutan awam serta maklumat dan komunikasi. Perkara ini semua termaktub dalam dasar dan Pelan Tindakan OKU, Akta OKU 2008 dan perundangan-perundangan lain. Garis panduan serta Piawaian Standard Malaysia, *Malaysian Standard* berkaitan *accessibility* OKU. Pihak kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan segala keperluan ini dapat dilaksanakan seperti mana yang terkandung dalam Akta OKU.

Kementerian mempunyai mekanisme tertentu bagi memudahkan urusan penyelarasan pemantauan pelaksanaan dasar, pelan tindakan dan program berkaitan OKU sama ada oleh agensi kerajaan yang berkaitan dan lain-lain lagi penyedia perkhidmatan iaitu melalui Majlis Kebangsaan Bagi OKU. Di bawah majlis ini terdapat dua jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi membantu majlis melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan khususnya dalam menangani isu penyediaan prasarana mesra OKU iaitu Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina dan Jawatankuasa Pengangkutan. Manakala bagi isu penyediaan prasarana berkaitan penjagaan OKU terletak di bawah tanggungjawab jawatankuasa *Quality Life Care*.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap *accessibility* bagi prasarana mesra OKU dalam aspek persekitaran fizikal. Tadi juga telah dijawab oleh Timbalan Menteri KPKT. Antaranya mengadakan sesi audit akses terhadap bangunan di sekitar KL Sentral, membangunkan *universal design index*, *building writing system*, mewujudkan manual *disaster preparation* dan *reserved training for OKU* dan *star rating on accessible building*.

Selain itu, akses kepada pengangkutan awam juga diberikan perhatian. Kementerian Pengangkutan selaku peneraju bagi isu pengangkutan berusaha dalam memastikan pengangkutan awam di negara ini dapat diakses oleh setiap golongan masyarakat termasuk golongan OKU. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan adalah seperti berikut:

- (i) menarik taraf 24 buah stesen transit aliran ringan (LRT), 10 buah stesen komuter dan empat buah stesen pertukaran antara bandar *interchanges* supaya mesra OKU;

- (ii) pembelian 38 set kereta api enam kereta, *six car train electric multiple unit* yang dilengkapi dengan kemudahan dan dengan konsep reka bentuk sejagat;
- (iii) pembelian 400 buah bas yang dilengkapi dengan kemudahan reka bentuk sejagat di samping usaha menaik taraf perhentian bas agar mesra OKU;
- (iv) penyediaan kemudahan pengangkutan alternatif dari pintu ke pintu, *door-to-door transportation service* untuk golongan OKU khususnya yang berkerusi roda melalui perkhidmatan *rapid mobility* oleh pihak RapidKL;
- (v) menjalankan sesi audit akses di Pangkalan Raja Tun Uda dan Pangkalan Sultan Abdul Halim, Pulau Pinang; dan
- (vi) mengadakan sesi konsultasi berhubung *code of practice for handling passenger and person with disabilities* bagi operator atau pengendali pengangkutan udara.

Berhubung akses OKU kepada maklumat dan komunikasi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ada lagi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa muka lagi?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Saya rasa ada 10 muka lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba Yang Berhormat ringkaskan sedikit.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba, cuba.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ya, saya akan cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Pasal kita ada banyak kementerian lagi hendak habiskan.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Okey, akses kepada OKU maklumat ini, maka komunikasi dan teknologi termasuklah penyediaan perkhidmatan bahasa isyarat melalui *Berita Nasional* saluran TV1 dan menyediakan sari kata kepada kebanyakan program yang ditayangkan.

Kementerian juga memberi perhatian sama terhadap penyediaan prasarana berkaitan penjagaan OKU agar golongan ini tidak terpinggir. Pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuklah menyediakan tujuh buah Taman Sinar Harapan di bawah kendalian JKM di seluruh negara. Juga dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia membangunkan *indicator* kualiti penjagaan kesihatan OKU di institusi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Adakah?... Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada, Yang Berhormat terus pergi ke...

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tidak payah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Okey. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, adakah?...

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ada, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan sahaja.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ini adalah berkaitan dengan masalah mengatasi pengemis dan kutu rayau di Kuala Lumpur dan bandar-bandar tumpuan pelancong.

■2050

Pengemis yang diselamatkan kalau di dapati akan diambil tindakan di bawah seksyen 3, Akta Orang-orang Papa 1977. Pengemis ini akan diselamatkan dengan diberikan perlindungan institusi kebajikan iaitu Desa Bina Diri. Manakala mereka berumur 60 tahun ke atas pula diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan. Mereka akan menjalani pemulihan latihan kerjaya seperti vokasional, pertanian dan lain-lain lagi. Bagi yang mempunyai keluarga akan diserahkan kembali kepada keluarga masing-masing.

Kita juga bekerjasama dengan Yayasan Kebajikan Negara melaksanakan Program Anjung Singgah iaitu perkhidmatan yang diberikan secara holistik kepada golongan gelandangan dengan menyediakan tempat penginapan sementara serta khidmat bantuan sosial dan juga kaunseling.

Kementerian juga melalui JKM menjalankan operasi bersepadu menyelamatkan kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi mengutip dana atau meminta sedekah. Ini di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Bagi tahun 2012, sebanyak 1,702 operasi menyelamatkan orang-orang papa telah dijalankan melalui operasi bersepadu berjadual dan operasi *ad hoc*. Manakala bagi tahun Januari hingga Jun 2013 - 844 operasi menyelamatkan orang papa telah pun dijalankan.

Di samping itu kementerian juga melalui JKM bekerjasama dengan Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dalam usaha mencegah aktiviti eksploitasi terhadap kanak-kanak yang mengutip dana atau derma di hentian rehat dan R&R di bawah syarikat yang tersebut.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak celah tadi soalan saya satu tidak jawab lagi itu. Berkenaan dengan anak-anak yatim.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Berkenaan dengan apa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf kalau boleh saya hendak bercakap benar kerana masa agaknya terlalu mencemburui kerana kita ada lapan kementerian selepas ini. Kalau boleh kementerian-kementerian yang berkenaan itu cuba ringkaskan dan selepas itu gunakan kebijaksanaan, *use your smart approach*, dengan izin. Oleh kerana- saya memang menggalakkan tetapi kerana masa itu mencemburui kita mesti selesaikan pada malam ini juga.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Hendak habis ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba Yang Berhormat ringkaskan. Akan tetapi saya minta kalau boleh Yang Berhormat semua beri kerjasama, tidak usahlah tanya banyak-banyak soalan lagi melainkan terlalu penting, sangat saya benarkan. Okey, silakan.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Orang ramai juga boleh melaporkan sebarang kegiatan pengemisan kepada JKM menerusi talian NUR15999 bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil. Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, akhir kata Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan

terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas kementerian ini.

Kami akan mengambil perhatian terhadap pandangan dan cadangan yang telah diutarakan oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyeru kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk terus menyokong usaha kerajaan khususnya kementerian bagi memastikan hasrat untuk merealisasikan tema belanjawan tahun 2014 iaitu, "*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji*" dapat dicapai. Akhir kata selamat menyambut Hari Natal dan Selamat Tahun Baru 2014 kepada semua. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor tadi ada bangun, saya minta Yang Berhormat jawapan itu bertulis beri kepada dia.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Insya-Allah kita buat macam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan kementerian kerja raya. Begitu juga saya minta Yang Berhormat menggunakan kebijaksanaan Yang Berhormat dan kalau boleh kita sama-sama selesaikan secepat mungkin. Tidaklah terkejar sangat tetapi *reasonable*. Sekian, terima kasih.

9.54 mlm

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya memilih untuk hanya memberikan jawapan berdasarkan kehadiran Ahli Yang Berhormat sahaja bagi menghormati rakan-rakan seperjuangan yang lain terutama sekali Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Tahniah kepada beliau kerana Malaysia telah merangkul 28 pingat emas. Dengan satu nafas sahaja Tuan Yang di-Pertua [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan terus kepada jawapan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam yang telah membangkitkan mengenai cadangan tiga projek membina dan menaik taraf jalan-jalan utama di negeri Melaka iaitu seperti berikut.

Pertamanya cadangan projek menaik taraf jalan Kuala Linggi ke Teluk Emas. Kedua, cadangan projek jalan Ayer Keroh ke Pusat Bandar Melaka. Ketiga, cadangan projek menaik taraf jalan dari persimpangan Seri Negeri Ayer Keroh ke Bemban, Jasin dan juga ke Tangkak.

Mengenai cadangan projek menaik taraf dari Jalan Kuala Linggi ke Teluk Emas, Melaka, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kajian kemungkinan awalan bagi projek berkenaan baru sahaja disiapkan pada tahun ini. Skop projek ini melibatkan naik taraf jalan sedia ada daripada dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala sepanjang 50 kilometer melibatkan laluan jalan daripada Kuala Linggi ke Masjid Tanah, Sungai Udang, Klebang, Limbungan, Jalan Pantai, Jambatan Syed Abdul Aziz, Alai ataupun Teluk Emas.

Berdasarkan kajian tersebut kos projek ini dianggarkan hampir mencecah RM1 bilion termasuk kos untuk tujuan pengambilan tanah, pengalihan utiliti dan kos reka bentuk. Berikutan itu pelaksanaan projek berkenaan perlu diselesaikan secara berfasa. Pada masa ini Kementerian Kerja Raya sedang

berbincang dengan agensi pusat untuk tujuan kelulusan pelaksanaan projek berkenaan dalam *Rolling Plan* yang akan datang.

Manakala mengenai cadangan projek menaik taraf Jalan Ayer Keroh ke Pusat bandar Melaka pula. Untuk pengetahuan dan makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini sebenarnya telah pun diluluskan oleh kerajaan oleh *Rolling Plan* Ketiga iaitu tahun 2013 ke tahun 2014 Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pelaksanaan projek ini kemudian telah dibahagikan kepada dua fasa iaitu seperti berikut. Fasa pertama melibatkan skop pembinaan persimpangan bertingkat Peringgit dan persimpangan bertingkat MITC. Enam lorong, dua hala.

Fasa yang kedua melibatkan skop pembinaan persimpangan bertingkat Hospital Pantai dan persimpangan bertingkat Bukit Beruang iaitu enam lorong dua hala. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh keutamaan akan diberikan untuk pelaksanaan fasa satu iaitu persimpangan bertingkat Peringgit dan persimpangan bertingkat MITC melibatkan anggaran kos projek sebanyak RM300 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan projek fasa satu itu baru sahaja ditutup tender pada bulan November 2013 yang lalu dan kini sedang dalam peringkat penilaian harga, sebelum surat setuju terima ataupun *letter of award* dikeluarkan kepada pihak kontraktor yang berjaya. Berdasarkan perancangan, projek ini dijangka akan dimulakan awal tahun 2014, melibatkan tempoh siap kerja selama 36 bulan. Manakala pelaksanaan fasa dua pula masih lagi sedang dalam peringkat rundingan dengan agensi pusat. Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam juga membangkitkan mengenai projek membina dan menaik taraf jalan dan persimpangan Seri Negeri Ayer Keroh ke Bemban, ke Jasin dan seterusnya ke Tangkak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf jalan ini telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2008. Skop projek ini melibatkan menaik taraf jalan sedia ada kepada laluan empat lorong dua hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 25 kilometer. Pelaksanaan projek ini dibahagikan kepada empat fasa di mana fasa satu dan fasa empat sepanjang 14.5 kilometer telah siap dibina pada tahun 2011 menerusi peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE).

Manakala fasa dua dan fasa tiga projek ini iaitu dari persimpangan Seri Negeri ke Bemban, Jasin dan Tangkak telah dipohon untuk kelulusan agensi pusat dalam *Rolling Plan* Keempat Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi ia tidak diluluskan. Namun demikian kementerian ini akan mengemukakan permohonan semula dalam *Rolling Plan* yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah membangkitkan mengenai status projek pembinaan Lebuh raya Pantai Timur di negeri Kelantan atau LPP3, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya sebenarnya telah menjalankan kajian kemungkinan awalan mengenai cadangan pembinaan Lebuh raya Pantai Timur fasa tiga negeri Kelantan atau lebih dikenali sebagai LPP3.

■2100

Kajian yang disiapkan pada tahun 2009 itu antara lain telah mengenal pasti cadangan jajaran laluan yang terlibat iaitu Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu hingga ke Pangkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Anggaran awal kos untuk melaksanakan projek ini adalah sebanyak RM3.5 bilion termasuklah kos reka bentuk, pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti.

Projek LPT3 ini merupakan antara projek yang dirancang untuk dibina pada Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu di antara tahun 2016 hingga 2020. Ini kerana ia merupakan kesinambungan dari Lebuhraya Pantai Timur (LPT) fasa satu di negeri Pahang dan fasa dua Terengganu yang telah dikenal pasti dan disyorkan oleh Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Semenanjung Malaysia (HNDP) fasa satu.

Sehubungan itu, kementerian ini akan berunding dengan agensi pusat untuk memperoleh peruntukan bagi tujuan mereka bentuk dan pengambilan balik tanah dalam tempoh baki Rancangan Malaysia Kesepuluh. Manakala, pelaksanaan fizikal LPT3, dengan izin, pula dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas. Namun demikian, ia masih tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Khairudin bin E.S. Abdul Samad...

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada, ada...

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: ...Telah membangkitkan mengenai cadangan pembinaan lorong khas untuk motosikal bagi maksud untuk mengurangkan kadar kemalangan kepada penunggang dan pembonceng motosikal di negara ini.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang diperoleh oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes kemalangan jalan raya melibatkan motosikal untuk tempoh lima tahun terakhir 2008 hingga 2012 telah dianggarkan secara puratanya sebanyak 120,000 kes setiap tahun. Manakala jumlah purata kemalangan maut melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal pada setiap tahun adalah seramai 4,229 orang di mana ia mewakili 60% daripada jumlah kemalangan maut keseluruhan bagi semua kategori kenderaan.

Kerajaan sememangnya amat serius dan sentiasa berusaha untuk mengurangkan jumlah kes kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini termasuklah penunggang motosikal. Ini dilaksanakan menerusi pelbagai strategi dan program keselamatan iaitu dari aspek pendidikan, penguatkuasaan, kejuruteraan dan penilaian dan ia melibatkan pelbagai agensi kerajaan seperti PDRM, Jabatan Pengangkutan Jalan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Jabatan Kerja Raya sendiri.

Cadangan pembinaan lorong motosikal sama ada secara *exclusive* ataupun *non exclusive* adalah merupakan antara salah satu inisiatif kerajaan untuk mengurangkan kes kemalangan motosikal ini. Untuk itu, kementerian ini telah mengenal pasti laluan-laluan utama di jalan persekutuan untuk pembinaan lorong khas motosikal. Antara kriteria yang ditetapkan adalah bilangan kapasiti trafik yang tinggi iaitu melebihi 10,000 kenderaan sehari dan kadar penggunaan motosikal melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan kenderaan. Manakala bagi lebuhraya-lebuhraya baru pula, pembinaan lorong khas untuk motosikal merupakan antara salah satu skop yang akan diberikan keutamaan kecuali jika terdapat kekangan kawasan khususnya cadangan pembinaan lebuhraya dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini kerajaan sebenarnya telah membina laluan khas motosikal di jalan persekutuan dengan jarak keseluruhan sepanjang 156.2 kilometer di seluruh negara. Jumlah tersebut tidak termasuk lorong khas motosikal di lebuhraya yang melibatkan jumlah keseluruhan sepanjang lebih kurang 130 kilometer seperti di Lebuhraya Persekutuan Dua, Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Shah Alam-Kuang

(Guthrie) dan sebagainya. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga telah mengenal pasti cadangan laluan khas motosikal yang baru sepanjang 143 kilometer di jalan persekutuan yang akan dibina pada masa hadapan. Sehubungan itu, pada masa kini, Kementerian Kerja Raya sedang berunding dengan agensi pusat untuk tujuan kelulusan peruntukan dalam tempoh *Rolling Plan* yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pelaksanaan projek naik taraf Jalan Persekutuan Pan Borneo di Sabah dan Sarawak telah menarik perhatian Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung dan Yang Berhormat Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, perancangan untuk menaik taraf Jalan Pan Borneo dibuat berdasarkan kepada laporan Kajian Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDR) untuk negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian tersebut telah dimulakan pada tahun 2008 dan siap sepenuhnya pada tahun 2010. Laporan tersebut dikenali sebagai HNDR fasa dua bertujuan menyediakan pelan pembangunan rangkaian jalan raya yang menyeluruh serta komprehensif bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sehingga tahun 2025.

Kajian HNDR fasa dua ini turut juga mencadangkan pembinaan jalan-jalan lain yang menghubungkan Jalan Pan Borneo ke kawasan pedalaman yang berpotensi tinggi seperti zon industri Sabah, kawasan-kawasan pelabuhan dan kawasan-kawasan yang masih dalam perancangan pada masa itu seperti bandar industri dan halal hub di Tanjung Manis dan Taman Perindustrian Samalaju di Bintulu. Oleh itu, sememangnya menjadi hasrat kerajaan untuk menjadikan Jalan Pan Borneo ini sebagai tulang belakang kepada pembangunan ekonomi di Sabah dan Sarawak. Menerusi kajian HNDR Fasa Dua itu, Jalan Pan Borneo akan dinaikkan taraf kepada empat lorong dua hala secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2011 sehingga tahun 2025.

Pembinaan secara berperingkat ini juga mengambil kira kadar peratusan pertumbuhan bilangan isi padu trafik dan pertumbuhan ekonomi Sabah dan Sarawak. Pembentangan Bajet 2014 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Oktober 2013 lalu, antara lain telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk projek Jalan Pan Borneo.

Untuk makluman Dewan ini, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM168 juta akan dibelanjakan untuk pelaksanaan projek-projek baru di jajaran tertentu Jalan Pan Borneo. RM100 juta untuk projek sambungan Jalan Pan Borneo dan bakinya sebanyak RM232 juta pula adalah untuk projek-projek kecil di sepanjang Jalan Pan Borneo yang telah komited dan diluluskan pelaksanaannya pada tahun 2013.

Pada masa kini, keutamaan kerajaan bagi keseluruhan projek Jalan Pan Borneo ialah untuk melaksanakan projek-projek menaik taraf di kawasan-kawasan yang kritikal khususnya di kawasan yang kerap berlaku kemalangan di sepanjang Jalan Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung...

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak adalah Yang Berhormat, dia tamat dia punya...

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya akan berikan jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh hantar secara bertulis.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ya, betul. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit..

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada...

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: ...Telah membangkitkan mengenai isu agihan kontrak kerajaan secara adil dan seimbang kepada kontraktor bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengutamakan agenda bumiputera dalam usaha melaksanakan proses transformasi negara berdasarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Kerajaan Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Lima Tahun. Ini termasuklah membantu kontraktor-kontraktor bumiputera supaya sentiasa kompetitif dan mampu berdaya saing dalam industri pembinaan di negara ini.

Untuk itu kerajaan telah melancarkan pelbagai inisiatif dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan kontraktor bumiputera. Antaranya adalah menerusi dasar agihan kontrak kerajaan di mana sekurang-kurangnya 30% daripada kontrak projek berskala besar ditawarkan kepada kontraktor bumiputera. Dasar ini telah dilaksanakan menerusi peraturan dan surat pekeliling kerajaan yang masih berkuat kuasa. Di samping pelbagai inisiatif dan bantuan yang telah diwujudkan oleh kerajaan, golongan kontraktor bumiputera juga perlu sentiasa mempersiapkan diri dan berusaha untuk meningkatkan bidang kemahiran dan kelas pendaftaran mereka.

Ini untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dan mampu bersaing di peringkat lebih tinggi dalam arus globalisasi yang semakin mencabar pada masa kini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal pula, telah membangkitkan mengenai isu bilangan agihan kontrak kerajaan kepada kontraktor kaum India dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini.

■2110

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat sebanyak 1,102 syarikat kontraktor yang mempunyai ekuiti pemilikan orang India dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Manakala jumlah kontrak bagi tempoh dari tahun 2011 sehingga kini yang telah diperolehi oleh kontraktor terlibat adalah sebanyak 1,060 bilangan projek dengan nilai kontrak secara keseluruhannya sebanyak RM17.54 bilion. Perincian perolehan kontrak mengikut gred kontraktor dan nilai kontrak yang diperolehi akan saya bekalkan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan dan Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng telah membangkitkan mengenai isu keruntuhan siling yang berulang kali yang berlaku di Hospital Serdang, Selangor.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Hospital Serdang, Selangor telah siap dibina pada bulan Mei 2005. Hospital tersebut telah memulakan operasi dan dibuka pada orang ramai pada bulan Disember 2005. Berikutan insiden keruntuhan siling kali yang kedua di Hospital Serdang pada 13 Ogos 2012 lalu, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan pemeriksaan forensik secara menyeluruh di hospital berkenaan pada bulan Oktober 2012. Hasil pemeriksaan tersebut mendapati kejadian siling runtuh itu berpunca daripada kualiti kerja dan mutu bahan binaan yang rendah dan teknik penggantungan siling yang tidak mengikut spesifikasi. Jumlah keluasan keseluruhan siling hospital berkenaan ialah lebih kurang 130,000 meter persegi di mana kejadian keruntuhan siling ini berlaku secara berperingkat di tempat yang berlainan dalam tempoh masa yang berbeza.

Sehubungan itu, JKR antara lain telah mengesyorkan supaya kerja-kerja pembaikan siling dilaksanakan segera di kawasan-kawasan yang dikenal pasti kritikal. Untuk tempoh jangka panjang pula,

JKR atau pun Jabatan Kerja Raya mencadangkan projek membaik pulih keseluruhan siling hospital berkenaan merangkumi sistem siling, sistem mekanikal dan sistem *electrical* serta kerja-kerja yang berkaitan. Bagi mengelakkan kejadian insiden keruntuhan siling ini dari berulang, JKR akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan aspek pemantauan serta penyeliaan terhadap kerja-kerja pembaikan dan penggantian siling di hospital berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan persoalan serta membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Boleh atau tidak sekejap? Mengenai siling runtuh itu tadi telah didapati itu, adalah tindakan akan diambil kepada kontraktor yang bertanggungjawab membinanya itu dahulu? Itu sahaja.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan ini, perkara ini masih terlalu awal. Perkara tersebut masih dalam proses perincian dan siasatan dan sudah tentu...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Begini. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat tadi tidak ada disebut langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertanggungjawabkan kontraktor asal yang membina siling yang runtuh. Tidak ada disebut tentang bahawa kontraktor asal yang membina itu akan dipertanggungjawabkan. Yang disebut hanyalah bahawa langkah-langkah akan diambil untuk memperbaikinya. Yang saya hendak, adakah kontraktor asal itu akan dipertanggungjawabkan?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Seperti yang saya perkatakan awal tadi Yang Berhormat, perkara ini masih dalam siasatan dan perincian. Sudah tentu sekiranya berlaku kelalaian atau pun kesalahan di peringkat kontraktor, sudah tentu tindakan-tindakan akan diambil ya. Ianya juga akan...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman, kalau boleh saya beri pandangan bahawa...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penting.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat. Duduk sekejap. Ini kerana dalam siasatan. Dalam siasatan menyeluruh, wajar. Kalau Yang Berhormat katakan komited kepada kontraktor yang berkenaan, itu sudah menjadi satu prejudis. Apa yang dikatakan itu betul dan kita tentukan agaknya pihak yang berkenaan mengambil tindakan sewajarnya apa sahaja yang terlibat. Itu boleh tetapi tidak boleh hendak katakan kontraktor yang berkenaan. Mungkin pelbagai pihak yang terlibat dan juga kalau sekiranya tidak, ini akan menjadi sesuatu bila kes timbul di mahkamah dan sebagainya.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat Dato' Rahman.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bila Lebu Raya Pantai Timur akan siap? *[Ketawa]*

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Memandangkan perkara ini tidak dibangkitkan semasa tempoh perbahasan, saya akan memberikan jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya, Yang Berhormat silakan.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Hendak tanya satu, balik kepada Hospital Serdang tadi. Cuma hendak tahu sama ada betul atau tidak syarikat asal yang membina siling itu, Ranhill Civil dan syarikat itu telah *dissolved*. Sama ada betul atau tidak sahaja.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Boleh saya minta Yang Berhormat ulang soalan itu tadi?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Syarikat yang mula-mula bina siling itu nama syarikat itu Ranhill Civil dan syarikat itu sudah tidak *exist* sekarang, sudah dibubarkan, sudah *didissolved*. Ranhill Civil, pembina asal.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Kontraktor asal, Morenhill Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Subsidiari kepada Ranhill- Ranhill Civil dan syarikat itu tidak ada sekarang. *That means* dah *wind-up*lah. Syarikat itu sudah *wind-up*. Sama ada betulkah tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biar dia orang siasat dahulu Yang Berhormat.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya akan jawab Yang Berhormat ya.

Tuan Yang di-Pertua: Mereka akan siasat dulu dan jawab dengan bertulis.

Sekarang saya mempersilakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Silakan Yang Berhormat.

9.16 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya berterima kasih kepada semua rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah turut serta mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 yang lalu dengan menyentuh mengenai kementerian ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat enam isu yang telah dibangkitkan berkaitan kementerian ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman mengenai keberkesanan pegawai pemantau harga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keberkesanan para pegawai pemantau harga boleh dilihat daripada aktiviti pemantauan yang dilaksanakan oleh kementerian ini di premis-premis perniagaan yang dikenal pasti sebagai pusat pungutan harga iaitu pasar raya besar, pasar raya *hyper market*, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam dan kedai runcit. Pemantauan harga dibuat oleh seramai 1,079 pegawai pemantau harga terhadap 400 jenis barangan secara bulanan, 205 jenis barangan secara mingguan, 105 jenis barangan secara harian serta 100 jenis barangan kedai serbaneka dan barangan siap masak.

Pegawai pemantau harga juga turut melaksanakan pemantauan bagi 79 barangan di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan semasa Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta

Kaamatan, Deepavali dan Krismas. Ia bertujuan memastikan bekalan mencukupi dan harga barang keperluan pada musim perayaan adalah berpatutan. Hasil pemantauan akan dianalisis oleh para pegawai pemantau harga bagi melihat trend atau arah aliran harga semasa. Bertujuan mengesan sebarang perubahan terutamanya kenaikan harga barang dan status bekalan di seluruh negara. Sekiranya berlaku kenaikan harga atau gangguan bekalan, pegawai pemantau harga akan melaporkan kepada pegawai penguat kuasa untuk diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Laporan pemantauan harga mengenai sebarang kenaikan harga yang berlaku merupakan salah satu sumber rujukan dalam Kementerian melaksanakan Ops Harga. Di mana sehingga 15 Disember 2013 sebanyak 472,771 pemeriksaan telah dibuat di bawah operasi ini.

■2120

Dari jumlah pemeriksaan tersebut sebanyak 3,699 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM1.9 juta serta kompaun dicatatkan pada RM329,000. Ini jelas menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh pegawai pemantau harga dalam usaha peningkatan pematuhan peniaga kepada akta-akta dan peraturan di bawah bidang kuasa Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad mengenai dengan peluang perniagaan kepada bekas banduan melalui penubuhan syarikat. untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut seksyen 16(3A), Akta Syarikat 1965 mana-mana individu yang hendak dilantik sebagai pengarah syarikat atau ingin bertindak sebagai penganjur ataupun *promoter*, dengan izin bagi tujuan memperbadankan syarikat hendaklah membuat satu deklarasi melalui borang 48A. Antara lainnya mengikrarkan maklumat-maklumat berkaitan status kebangkrapan dan sabitan kesalahan ke atas dirinya di dalam atau pun di luar negara.

Bagi sabitan kesalahan, ia hanya melibatkan kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di bawah seksyen 130, Akta Syarikat 1965 seperti kesalahan berkaitan penganjuran, pengurusan dan pemerbadanan syarikat atau kesalahan berkaitan *fraud*, dengan izin, atau tidak jujur *dishonesty* atau kesalahan berkaitan tanggungjawab pengarah termasuk kegagalan menyediakan akaun yang mengakibatkan penggulangan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.

Deklarasi tersebut diperlukan bagi memastikan hanya individu yang layak dan berkebolehan ataupun *fit and proper* bertindak sebagai pengarah syarikat atau penganjur menurut kehendak Akta Syarikat 1965. Ini bertujuan memastikan seseorang pengarah syarikat atau penganjur mempunyai kredibiliti untuk mentadbir urus syarikat dengan baik demi melindungi kepentingan *stakeholders* syarikat tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang individu yang masih berstatus bankrap yang belum dilepaskan atau berada di dalam tempoh 5 tahun selepas disabitkan kesalahan yang dinyatakan di atas, atau dari tarikh dibebaskan dari penjara bagi kesalahan yang dinyatakan di atas, individu tersebut boleh memohon untuk bertindak sebagai pengarah syarikat atau penganjur dengan mendapatkan kebenaran daripada mahkamah. Selain daripada kesalahan yang dinyatakan di bawah seksyen 130, Akta Syarikat 1965 tiada halangan kepada mana-mana individu yang telah disabitkan kesalahan atau telah dipenjarakan sekiranya individu tersebut ingin terlibat dalam perniagaan sebagai pengarah syarikat atau pun penganjur.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed mengenai penjualan minuman beralkohol di kedai-kedai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjualan minuman beralkohol di kedai-kedai adalah tertakluk kepada lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan. ia juga tertakluk kepada Perintah Perihal Dagangan Takrif Halal 2011 di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 yang merupakan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Di bawah perintah ini, barang-barang makanan dan minuman berstatus halal tidak boleh ditempatkan bersekali atau bercampur dengan barangan yang tidak halal. Oleh itu penjualan barangan makanan ataupun minuman yang tidak halal perlu diasingkan dengan makanan atau minuman yang halal. Ketidakpatuhan kepada perintah ini merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan penalti.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2013 tidak ada sebarang aduan berkaitan kesalahan meletakkan minuman beralkohol yang berstatus tidak halal bersekali dengan minuman halal diterima oleh kementerian ini. Pada masa yang sama kementerian ada mengadakan pemeriksaan bersama dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM bagi mengesan kesalahan-kesalahan berkaitan halal di premis-premis perniagaan. Melalui kerjasama ini, sebanyak 20 kes telah dihasilkan pada tahun ini dengan nilai rampasan RM3,632.

Yang Berhormat, sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mendapati terdapat pelanggaran peraturan ini di mana-mana, sukacita saya mohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan aduan kepada pihak kementerian bagi membolehkan penyiasatan dijalankan ke atas peniaga terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan mengenai cadangan supaya pengeluaran bil terperinci atau *itemised bill* kepada pengguna diwajibkan di semua jenis restoran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, pengguna berhak meminta bil terperinci dikeluarkan oleh peniaga bagi sebarang pembayaran yang dibuat dan sekiranya peniaga gagal mengemukakan bil tersebut, ia merupakan satu kesalahan di bawah akta ini.

Walau bagaimanapun perlu diambil maklum bahawa pengeluaran bil terperinci kepada pengguna bukan merupakan satu kewajipan di bawah akta kecuali sekiranya diminta oleh pengguna. Bil terperinci yang dikeluarkan haruslah menyatakan nama dan alamat perniagaan, tarikh pembayaran dibuat, butiran bagi setiap item yang dibayar, jumlah amaun yang dibayar serta cukai yang dikenakan. Sekiranya peniaga enggan mengeluarkan bil yang diminta, pengguna boleh membuat aduan kepada Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk diambil tindakan di bawah seksyen 140, Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2013 terdapat tujuh kes berkaitan kesalahan ini diambil tindakan di mana dua kes merupakan aduan daripada orang awam, lima kes berdasarkan kepada pemeriksaan pegawai penguat kuasa kementerian dan daripada jumlah tersebut, dua kes telah dibayar kompaun manakala baki lima kes masih lagi di dalam siasatan.

Pada masa yang sama Yang Berhormat, peniaga juga diwajibkan untuk mempamerkan senarai harga atau menyediakan menu penyenaian harga dengan tepat dan jelas bagi makanan dan minuman yang dijual. Kegagalan peniaga mematuhi peraturan ini merupakan suatu kesalahan yang boleh diambil tindakan di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993. Maklumat-maklumat ini akan membolehkan pengguna mengetahui harga yang diperlukan dibayar sebelum membuat pilihan untuk menempah makanan ataupun minuman di restoran.

Mengenai dengan isu kegagalan peniaga untuk mengeluarkan bil bagi bayaran makanan jumlah RM1,400 untuk 35 orang yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebelum ini, Yang Berhormat bolehlah mengemukakan maklumat terperinci mengenai perkara tersebut untuk tindakan kementerian. Saya juga simpati dengan Yang Berhormat mengenai dengan isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu harga barangan di lapangan terbang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin Samad, ingin saya perjelaskan di sini bahawa kerajaan tidak mengawal harga atau menentukan harga bagi semua barangan yang dijual dalam pasaran. Kawalan harga hanya dilaksanakan bagi tujuan barang kawalan iaitu tepung gandum untuk kegunaan am, gula, beras ST15, minyak masak sawit, petrol RON 95, NGV dan diesel yang mana jika harganya tidak dikawal akan memberi kesan langsung kepada perbelanjaan harian orang ramai.

■2130

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita mengamalkan ekonomi bebas dan harga barangan pengguna secara amnya ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran di pasaran serta pelbagai faktor. Antaranya adalah kos pembekal sewaan, kos operasi serta keadaan pasaran produk itu sendiri iaitu lokasi di mana suatu produk itu dijual walaupun harga sesuatu barangan lebih mahal jika dibandingkan dengan produk yang sama di pasaran yang lain.

Ia tidak bermaksud perniagaan tersebut semestinya telah melakukan pencatutan atau pun pengambilan keuntungan tinggi yang tidak munasabah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Peniaga perlu menentukan harga yang berpatutan dan setimpal dengan tanggungan semua kos perniagaan dan tidak berlaku unsur perbuatan sengaja mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang tidak munasabah.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Walau bagaimanapun, kementerian menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993 terhadap semua peniaga runcit termasuklah premis-premis perniagaan di lapangan terbang. Di bawah perintah ini, para peniaga runcit diwajibkan untuk meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan atau mempamerkan senarai harga bagi makanan dan minuman yang ditawarkan untuk jualan kepada pengguna. Penandaan harga ini bertujuan memastikan peniaga memberi maklumat harga yang tepat bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dan membuat pilihan sebelum membeli sesuatu barangan. Dalam hal ini, para pengguna disarankan untuk menggunakan kebijaksanaan mereka dalam membuat perbelanjaan.

Kementerian juga ada menjalankan pemeriksaan secara berkala Yang Berhormat ke atas premis-premis, peniaga-peniaga di lapangan terbang KLIA dan juga LCCT untuk memastikan penandaan harga ini dipatuhi, kemudian akan mempertingkatkan lagi pemeriksaan dan pemantauan bagi melindungi kepentingan pengguna yang perlu menggunakan kemudahan di lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan mengenai kedudukan atau pun status perjanjian eksklusif dalam Akta Persaingan 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Persaingan 2010 diperkenalkan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan melindungi proses persaingan bertujuan untuk melindungi pengguna. Persoalan sama ada perjanjian eksklusif merupakan satu pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010 atau tidak bergantung kepada kuasa pasaran yang dimiliki oleh perusahaan yang terbabit.

Justifikasi kepada keperluan perjanjian ini serta setakat mana wujudnya kekangan bagi perusahaan lain dalam bidang yang sama untuk menembusi pasaran. Di dalam hal ini, pihak MOICC sentiasa peka dan memantau keadaan semasa di pasaran dengan melihat sama ada terdapat apa-apa perlakuan atau ciri-ciri pasaran itu yang bersifat menghalang atau menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran. Pihak MOICC telah dan sedang mengambil tindakan ke atas banyak pihak di atas pelbagai pelanggaran yang tersenarai di bawah Akta Persaingan 2010 seperti pelaksanaan perjanjian antipersaingan antara perusahaan dengan berkongsi pasaran atau menetapkan harga jualan dan penyalahgunaan kedudukan dominan oleh sesuatu perusahaan secara sendirian atau kolektif dalam pasaran barangan atau perkhidmatan.

Dalam pada masa yang sama, pihak MOICC juga sedang giat menjalankan siasatan ke atas beberapa pihak melibatkan pelbagai industri seperti perkapalan, makanan, pendidikan, farmaseutikal dan sebagainya yang disyaki terlibat dengan aktiviti yang bersifat antipersaingan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini dan saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh kementerian ini untuk dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih kepada Kementerian Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib. Silakan Yang Berhormat.

9.35 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada 11 orang Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu tentang Kementerian Sumber Manusia dengan membawa 11 isu. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau andai kata terdapat kurang catat dan

tidak tercatat oleh pegawai-pegawai saya di kementerian dan mungkin boleh berjumpa dengan saya dan kementerian pada masa akan datang.

Saya bawa 11 isu Tuan Yang di-Pertua. Pertama ialah pengangguran. Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu ingin tahu tentang kadar pengangguran. Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim tidak ada dalam Dewan ini dan Yang Berhormat Puan Bathmavathi, ada? Ada. Juga minta kadar pengangguran negara atas sebab-sebab rakyat tidak dapat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia, kadar pengangguran di Malaysia pada suku tahun ketiga 2013 adalah 3.1% bersamaan 431,000 orang yang kita anggap tidak bekerja. Kadar pengangguran yang kurang daripada 4% boleh dianggap sebagai *full employment*, maknanya guna tenaga penuh. Secara perbandingan kalau kita lihat, maknanya kadar pengangguran negara kita ini memang amat rendah. Umpamanya Perancis 11.1% pengangguran, Kanada 7.2%, Amerika 7.2%, United Kingdom 7.7%, Saudi Arabia 12.1%. Maknanya kadar pengangguran negara kita cukup terkawal dan kita mempunyai guna tenaga penuh.

Mengikut portal *JobsMalaysia* - terdapat tentang pengangguran juruterbang yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim, saya ingat saya jawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Langkah-langkah bagi mengurangkan pengangguran yang ditimbulkan oleh dua Yang Berhormat Senator yang lain. Kementerian Sumber Manusia melaksanakan 12 program bagi membantu rakyat Malaysia untuk mendapatkan pekerjaan. 12 aktiviti tersebut serta pencapaian adalah seperti berikut. Ini agak panjang Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan sedikit. Portal *JobsMalaysia*, karnival pekerjaan, penempatan dengan kerjasama APS, temu duga terbuka, *holiday placement*, *night career fair*, dengan izin, penempatan balik *client account*, penempatan balik program kerjasama agensi lain, *employability programme*, penempatan kerja separa masa, program khas dan integrasi *JobsMalaysia* sektor awam, SPA, SPP, yang melibatkan secara sejumlah penempatan pekerjaan sehingga November 2013 kepada 197,774 orang. Inilah usaha kita dalam mengatasi pengangguran di negara kita ini.

Melalui 12 program tersebut sehingga November 2013, saya sudah sebutkan tadi. Sebanyak 112 karnival pekerjaan telah diadakan di seluruh negara. Pecahan adalah seperti berikut. Kita ada 14 negeri, Perlis, Kedah. Perlis katakan ada 6 kita adakan karnival pekerjaan, Kedah 8, Pulau Pinang 10, Perak 10, Selangor 23, Wilayah Persekutuan 12, Negeri Sembilan 8, Melaka 7, Johor 11, Pahang 13, Terengganu 9, Kelantan 7, Sabah kita sedang hendak buat dan Sarawak Tuan Yang di-Pertua.

Karnival Pekerjaan Peringkat Kebangsaan akan diadakan pada 21 Disember hingga 22 Disember 2013 bertempat di PWTC, Kuala Lumpur. Sebanyak 10,000 kekosongan jawatan akan ditawarkan oleh 80 majikan. Sebanyak 80 majikan telah bersedia dengan kita untuk menawarkan pekerjaan kepada rakyat negara kita ini dan akan kita laksanakan pada 21 Disember dan 22 Disember ini. Sementara itu, kita mempunyai 83 pejabat tenaga kerja PTK seluruh negara dan 19 pusat *JobsMalaysia* dan bersedia membantu pencari kerja untuk mengetahui kekosongan jawatan terkini, menyediakan klinik kerjaya dan juga ceramah kerjaya.

■2140

Jadi, layarilah portal *JobsMalaysia* untuk membantu anak watan kita mendapatkan pekerjaan. Saya hendak sebutkan pusat *JobsMalaysia* ini, kita ada 14. Di Kedah ada dua, Pulau Pinang dua, Perak

dua, Selangor dua, Wilayah Persekutuan satu, Negeri Sembilan satu, Melaka satu, Johor dua, Pahang dua, Terengganu satu, Kelantan satu, Sabah satu dan Sarawak satu. Pusat *JobsMalaysia* sebagai pusat sehenti bagi perkhidmatan pekerjaan selain menawarkan perkhidmatan di atas talian, Pusat *JobsMalaysia* juga menawarkan khidmat sokongan seperti berikut:

- (i) kemudahan *online* secara percuma di semua Pusat *JobsMalaysia*;
- (ii) mengadakan Program Penempatan Pekerjaan melalui karnival pekerjaan, temu duga terbuka dan program penempatan lain khusus untuk golongan OKU, suri rumah, ibu tunggal, pesara dan lain-lain; dan
- (iii) memberikan khidmat bimbingan kerjaya kepada semua pencari pekerja.

Dalam jangka masa yang panjang, kerajaan terus berusaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada rakyat Malaysia melalui penubuhan lima Wilayah Koridor. Masing-masing telah mewujudkan peluang, di Iskandar Malaysia 584,000 peluang pekerjaan, 16,355 di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), 1.6 juta di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE), 900,000 peluang pekerjaan di Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan 40,000 di Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Ini adalah antara sumbangan dan usaha yang kita buat bagi menyediakan peluang pekerjaan untuk mengatasi masalah pengangguran di negara kita.

Kedua, ialah pekerja asing. Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader nampaknya tidak ada di dalam Dewan. Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung pun tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia sudah tamat tempoh.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sudah tamat tempoh. Diucapkan terima kasih kepada beliau di atas perkhidmatan selama ini. Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan, saya tidak tahu sama ada perlu saya menjelaskan ataupun tidak perlu. Tidak perlu? Terima kasih Yang Berhormat, saya akan jawab secara bertulis...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Ini kerana semalam saya telah memberikan huraian yang cukup luas dan panjang tentang pekerja asing ini. Saya terus pergi kepada latihan kemahiran. Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun meminta bilangan pelatih kemahiran yang dikeluarkan daripada ILP, IKM, IKBN dan Pusat GiatMARA bagi tahun 2010 hingga 2013. Sementara itu, Yang Berhormat Senator Puan Roslin meminta penjelasan sejauh manakah program-program latihan kemahiran yang dijalankan oleh ILP dan ADTEC berjaya melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, bilangan pelatih yang dikeluarkan oleh institut latihan kemahiran awam bagi Jun 2013 adalah sebanyak 199,575 orang. Maklumat lengkap adalah seperti berikut. Saya hendak sebutkan sedikit institusi-institusi kemahiran yang telah mengeluarkan pelatih-pelatih ini. Kalau saya memperincikan secara kecil mungkin agak lama. Antaranya ialah Kementerian Sumber Manusia sebanyak 22,062 orang dari 32 buah institut, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Institut Kemahiran Mara, Kolej Kemahiran Tinggi Mara sebanyak 46,378 orang dengan 254 buah institut.

Kementerian Belia dan Sukan dengan 16,140 orang di bawah Yang Berhormat kita, tahniah kerana mengumpulkan banyak pingat emas. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui politeknik dan kolej komuniti sebanyak 11,140 orang dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui 12 institut dengan jumlah 3,857 orang. Maknanya melalui 434 institut ini, kita telah boleh mengeluarkan 199,575 orang pelatih.

Jumlah SKM yang dikeluarkan oleh JPK. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sejumlah 391,339 Sijil Kemahiran Malaysia. Maknanya pelatih-pelatih yang mendapat latihan ini kita akan keluarkan SKM dan mereka ini diiktiraf. Tahap 1, Tahap 5 telah dikeluarkan oleh JPK mulai tahun 2010 hingga November 2013. Terdapat 1,124 pusat bertauliah yang ditauliahkan oleh JPK, maklumat lengkap adalah seperti di bawah. Kita ada 391,339 daripada tahun 2010 hinggalah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia menerusi 32 buah institut latihan kemahiran iaitu Institut Latihan Perindustrian, ADTEC, JMTI, Jabatan Tenaga Manusia bagi tempoh 2010 hingga 2013 telah mengeluarkan 25,222 orang pelatih seperti mana yang saya sebutkan tadi. Jadi, yang kecil di bawah itu tidak perlulah saya bacakan. Bidang yang ditawarkan oleh Institut Latihan Tenaga Manusia ini, bidang latihan yang ditawarkan di ILJTM ini adalah seperti mekanikal dan pengeluaran, elektrik dan elektronik, ICT, sivil dan bangunan, bukan logam dan pencetakan.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan tenaga kerja berkemahiran rakyat tempatan sebagai persediaan menjadi negara maju, kita banyak melakukan pelbagai program yang saya ingat pagi tadi telah pun saya jelaskan cukup panjang tentang program ini, mungkin saya sebutkan sedikit promosi...

Timbalan Yang di-Pertua: Secara ringkas sahaja Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Promosi Skills Malaysia, karnival kemahiran, pentauliah pusat-pusat bertauliah JPK, yang mana untuk makluman Dewan sehingga Oktober 2013 sebanyak 1,124 pusat bertauliah telah pun ditauliahkan untuk menjalankan 5,339 program latihan kemahiran dan pelatih yang berjaya menamatkan program tersebut akan dipersijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia. Jadi untuk makluman Dewan juga, daripada maklumat yang kita terima, lebih daripada 84% keluaran institut latihan kita ini diterima dalam pasaran pekerjaan. Ini satu petanda yang cukup baik.

Dalam pada itu juga, kita memperbanyakkan NOSS tahap tinggi, maknanya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. Standard ini ada di dalam kementerian kita iaitu bagaimana kita boleh menentukan supaya pelatih-pelatih yang kita latih ini mempunyai standard yang diterima oleh bukan sahaja kerajaan bahkan oleh pihak syarikat dan juga swasta.

Kemudian, kita memastikan jaminan kualiti program kemahiran. Kod amalan pentauliah program kemahiran, kemudian kita juga memberikan penarafan bintang pusat bertauliah. Maknanya pusat-pusat bertauliah yang menyediakan latihan ini, kita mengkategorikan mereka dengan memberikan bintang yang menentukan di mana sebenarnya kualiti mereka berada. Kementerian juga melaksanakan kerjasama dengan badan-badan persijilan serta badan-badan industri dan profesional antarabangsa yang boleh saya sebutkan antaranya ialah *City & Guilds UK*, *Scottish Qualifications Agency (SQA)*, *The Computing Technology Industry Association USA*, *London Chamber of Commerce and Industry (LCCI)* serta *TWI Training and Certification*. Ini di antara kerjasama yang kita buat dengan peringkat

antarabangsa. Jadi, itu saya ingat tentang kemahiran yang telah pun kita pastikan untuk rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua yang keempat ialah tentang gaji minimum. Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat ada? Oh! Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat ada, Yang Berhormat Dato' Maznah pun ada. Kedua-dua Yang Berhormat Senator ini mengemukakan tentang isu mengenai pelaksanaan gaji minimum termasuklah Yang Berhormat Dato' Maznah meminta kerajaan meneliti semula majikan yang menyeleweng dan manipulasi penstrukturan gaji minimum.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator, perkara-perkara yang berkaitan dengan gaji minimum ini. Akta Majlis Perunding Gaji Negara 2011 [Akta 72] kadar gaji minimum dalam Perintah Gaji Minimum 2012, bulanan RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah dan Sarawak. Tarikh kuat kuasa ialah 1 Januari 2013 dan 1 Julai kecuali majikan yang telah mendapat penundaan. Kalau saya hendak *explain* panjang Tuan Yang di-Pertua, cuma kita pernah memberikan sebanyak 144 penundaan sehingga 31 Disember.

Walau bagaimanapun bermula daripada 1 Januari tahun depan, semua majikan mesti melaksanakan gaji minimum ini. Jadi, tentang persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Maznah, jangan bimbang Yang Berhormat, kita akan memberikan perhatian. Oleh sebab saya tidak boleh menilai sejauh mana kejayaan pelaksanaan gaji minimum ini, bermula 1 Januari 2014, kita akan memastikan bahawa kita akan menguatkuasakan agar pekerja-pekerja di negara kita ini akan mendapat faedah daripada pelaksanaan gaji minimum ini.

■2150

Penalti pada undang-undang telah pun disediakan melalui akta yang ada dan majikan tidak boleh mengambil pandang enteng dan pandang ringan tentang pelaksanaan gaji ini kerana pekerja mereka pada saya adalah aset untuk mereka. Pekerja dan majikan tidak boleh dipisahkan. Majikan tidak akan menjadi kaya atau untung kalau tidak ada pekerja yang setia kepada mereka. Begitu juga pekerja tidak akan dapat habuan bulanan kalau tidak ada majikan yang memberikan gaji kepada mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, manakala berkenaan cadangan penstrukturan berdasarkan tenaga gaji untuk pekerja baru dan lama pihak kerajaan mengambil maklum akan cadangan ini dan perlu diingatkan pelaksanaan dasar gaji minimum adalah bertujuan meletakkan gaji lantai atau gaji pokok sahaja di sektor swasta dan bukannya gaji keseluruhan pekerja. Gaji minimum dibayar kepada pekerja tanpa mengira latar belakang akademik atau kemahiran yang dimiliki juga gender mereka. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita minta supaya majikan janganlah memandang kecil kepada peranan yang dimainkan oleh pekerja-pekerja mereka.

Kelima ialah urusan umur persaraan minimum. Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir ada? Ada. Ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753] mula dilaksanakan pada 1 Julai 2013 dan akan melibatkan semua pekerja di sektor swasta. Sebanyak 331 buah syarikat telah memohon untuk penundaan pelaksanaan selama enam bulan.

Namun hanya 258 buah syarikat iaitu melibatkan seramai 1,628 orang pekerja telah mendapat pengecualian. Maknanya pada umumnya keseluruhan majikan, sebahagian besar majikan dan

keseluruhan pekerja adalah menyokong umur persaraan minimum 60 tahun ini. Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan...

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sila, sila.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Saya ingin dapat penjelasan kalau tidak boleh dijelaskan pada kali ini, secara bertulis. Adakah kedapatan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan pemerintah ataupun *government-link companies* dalam bahasa Inggeris dengan izin, yang juga mendapat pengecualian sepanjang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri saya cadangkan tidak payah jawab. Buat secara bertulis.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya tidak ada maklumat Yang Berhormat Senator, *insya-Allah* saya akan berikan secara bertulis. Terima kasih banyak.

Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi memantau pelaksanaan umur persaraan minimum. Kegagalan majikan dalam mematuhi akta ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Tuan Yang di-Pertua, tentang Kesatuan Sekerja yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir minta supaya Kementerian Sumber Manusia memandang serius hal berkaitan dengan hak berkesatuan, hak untuk aktif dalam kesatuan pekerja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hak untuk berkesatuan hak untuk bergiat aktif dalam kesatuan pekerja dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan akta-akta yang berkaitan. Konvensyen ILO 98 Malaysia juga telah pun meratifikasikan Konvensyen ILO 98 yang menjamin hak untuk berkesatuan.

Akta Kesatuan Sekerja 1959- melalui Akta Kesatuan Sekerja 1959 tidak menghalang mana-mana pekerja atau majikan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak menubuhkan kesatuan sekerja. Akta Kerja 1955 menyebut bahawa, "*...suatu kontrak perkhidmatan tidak boleh mengandungi apa-apa terma yang menghalang seseorang pekerja itu untuk menganggotai sesebuah kesatuan sekerja atau menyertai dalam aktiviti kesatuan sekerja berdaftar sama ada sebagai pegawai kesatuan atau selainnya*". Maknanya ini- saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana menyuarakan perkara ini. Sebenarnya bagi kita tidak ada halangan untuk pekerja terlibat dengan kesatuan sekerja.

Akta Perhubungan Perusahaan 1967, seksyen 5 juga melarang mana-mana orang campur tangan melalui hak pekerja dan majikan untuk menubuhkan, membantu menubuhkan dan menganggotai kesatuan sekerja serta menyertai dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan tidak boleh menyekat keahlian kesatuan seseorang pekerja. Cuma saya Tuan Yang di-Pertua, kita banyak mempunyai beberapa ratus kesatuan sekerja. Beberapa isu sahaja yang berlaku yang melibatkan kesatuan sekerja dengan majikan ini.

Saya sekali lagi hendak mengulangi bahawa hasrat kita, kita hendak supaya majikan dengan kesatuan sekerja mengadakan hubungan yang harmoni seperti mana saya sebutkan tidak ada ertinya kalau pergeseran berlaku antara kesatuan dengan majikan kerana kedua-duanya saling perlu-memerlukan. Bak aur dengan tebing, aur tidak boleh bangga kalau duduk di tepi tebing kerana tanpa tebing ia tidak boleh berdiri tegak di tepi tebing. Begitu juga tebing akan runtuh kalau tidak ada aur. Itu

mungkin pepatah lama, yang mungkin kita boleh lihat dan ubah suai sedikit. Istilah saya, saya gambarkan majikan dengan kesatuan ini bak pintu yang berdaun dua. Maknanya kalau rumah kita pintu berdaun dua, tidak ada maknanya pintu kalau hanya tinggal satu daun. Mesti ada kedua-duanya sekali. Barulah rumah itu boleh ditutup dan dijaga dengan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang eksploitasi wanita bekerja di rumah, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir juga menimbulkan perkara ini. Beliau membangkitkan isu eksploitasi terhadap golongan wanita yang bekerja di rumah dari segi kontrak yang dia dapati.

Untuk makluman, dalam hubungan majikan dan pekerja kontrak yang mengikut kedua-dua belah pihak dipanggil kontrak pekerjaan, kontrak di bawah servis yang diliputi di bawah Akta Kerja 1955. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Namun begitu sehingga hari ini, Jabatan Tenaga Kerja belum lagi menerima apa-apa aduan berhubung dengan eksploitasi terhadap golongan wanita bekerja di rumah ini. Jadi saya Yang Berhormat Senator kalau ada, minta pekerja wanita ini bukan sahaja berjumpa dengan jabatan kita bahkan saya bersedia untuk bertemu dengan mereka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. *Insyah-Allah* kita akan dapat atasi bahawa wanita ini sebenarnya menyumbang kepada pembangunan negara ini cukup besar. Wanita tidak tepuk dekat saya pun? [*Tepuk*] Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua pun wanita.

Tuan Yang di-Pertua, caruman PERKESO. Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir juga menimbulkan tentang perlindungan PERKESO, SOCSO yang pekerja berpendapatan rendah di mana perlindungan sewaktu bekerja dan waktu perjalanan daripada tempat bekerja ke rumah dan sebaliknya. Akan tetapi dikatakan dalam kes-kes tertentu dia melencong sedikit, maka pihak PERKESO tidak akan mengambil tanggungjawab. Maknanya PERKESO akan bertanggungjawab apabila berlaku kemalangan kepada pekerja yang pergi kerja dan kemudian pulang daripada tempat kerja mengikut laluan biasa, itu yang sebutkan sedikit, melencong sedikit.

Jadi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan ini ialah perlindungan PERKESO bagi pekerja, sukacita dimaklumkan bahawa PERKESO mempunyai tanggungjawab berkanun terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi melindungi pencarum yang bergaji RM3,000 dan ke bawah melalui Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. PERKESO diamanahkan untuk menguruskan Kumpulan Wang Keselamatan Sosial yang diberi oleh caruman daripada majikan dan pekerja.

Di bawah seksyen 26, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 menyatakan sekiranya berlaku kemalangan atau penyakit khidmat yang berkaitan dengan pekerjaan, maka ia ditakrifkan sebagai bencana pekerjaan. Begitu juga bagi mana-mana perjalanan sama ada pergi balik ke tempat kerja atau yang terbit dari pekerjaannya di bawah seksyen 24(1) akta yang sama juga ditakrif sebagai bencana pekerjaan. Manakala di bawah seksyen 24(2) akta yang sama pula mengatakan bahawa sekiranya laluan perjalanan pergi balik kerja mendapati wujudnya lencongan dari laluan asal, maka dinyatakan sebagai bukan bencana pekerjaan. Jadi umpama saya ambil contoh, kalau katalah si pekerja ini melalui jalan 'A' tetapi tiba hari itu dia balik melalui jalan 'B' di mana dia pergi disko, pergi ke kedai dan sebagainya, ini yang menimbulkan sedikit persoalan. Akan tetapi kalau katalah jalan laluan biasa itu terlibat mungkin ada

kemalangan, ada mungkin *traffic jammed* cukup hebat, cukup teruk melibatkan dia mengubah sedikit laluan itu mungkin ini saya kira PERKESO pun ada dia punya fleksibiliti...

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ada isu sebelum ini berhubung dengan soal solat Jumaat.

■2200

Umumnya kita mengetahui bahawa kebanyakan pekerja yang beragama Islam pada waktu Jumaat, dia bersolat Jumaat. Mengikut tafsiran yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ini tidak termasuk dalam liputan tersebut, satu. Kemudian, dalam kes pada waktu Ramadhan, bulan puasa, kilang-kilang yang tidak menyediakan kantin misalnya, menyebabkan sebahagian daripada pekerja Muslim keluar dari kilang untuk mendapatkan rezeki untuk berbuka puasa. Dalam tafsiran Yang Berhormat disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ini tidak termasuk. Inilah hal yang biasa ditimbulkan dan ini telah menimbulkan banyak kes dalam Jemaah Rayuan PERKESO, seperti yang saya timbulkan.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Syed. Saya kira ini, saya jarang mendengar Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Mungkin agaknya kurang isu ini tetapi berlaku. Akan tetapi saya sebagai Timbalan Menteri yang bertanggungjawab, saya mengambil serius akan perkara ini kerana kita tidak mahu timbul masalah agama, masalah gender, masalah kaum dan sebagainya berlaku antara majikan dan pekerja ini. Oleh sebab itulah ini antara peranan wujudnya majikan dan dengan kesatuan. Jadi, perundingan antara kesatuan dengan majikan perlu berjalan dengan baik. Andai kata perkara ini tidak boleh selesai, inilah peranan *tripartite* punya perundingan yang mana majikan peka dengan *union* dan kita kementerian.

Oleh sebab itulah, Yang Berhormat Senator kalau ada apa-apa seperti ini, bolehlah memaklumkan kepada kita. Saya akan mengambil perhatian supaya tidak timbul lagi perkara-perkara seperti ini berlaku dan kita dapat menghidupkan suasana yang harmoni, bukan sahaja dalam kalangan pekerja bahkan dalam kalangan di antara pekerja dan majikan bahkan rakyat di negara kita ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Lagi berapa..., banyak kah soalan?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sedikit lagi, sedikit sahaja. Berikutnya ialah Mahkamah Rayuan. Ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir juga. Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir juga menyatakan kes perburuhan tidak dapat diselesaikan dan mencadangkan Mahkamah Rayuan Perusahaan ditubuhkan. Berdasarkan amalan semasa, kes-kes tuntutan perburuhan dan pertikaian perusahaan akan melalui proses rujukan ke Mahkamah Buruh dan Mahkamah Perusahaan. Keputusan Mahkamah Buruh boleh dirayu ke mahkamah yang lebih tinggi manakala kes di Mahkamah Perusahaan boleh dimohon untuk dibuat semakan undang-undang di mahkamah lebih tinggi. Berdasarkan struktur yang ada, kepentingan dan hak pekerja yang telah diputuskan oleh Mahkamah Buruh dan Mahkamah Perusahaan adalah terbela melalui proses rayuan dan semakan penghakiman ke mahkamah yang lebih tinggi. Sistem yang diamalkan sekarang sudah cukup memadai bagi menjamin keadilan kepada semua pihak yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, kementerian berpandangan bahawa pada masa ini tidak ada keperluan untuk menubuhkan Mahkamah Rayuan Perusahaan sebagaimana yang dicadangkan.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: *[Bangun]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Walau bagaimanapun, kita akan melihat apakah kesesuaian ini akan boleh kita laksanakan.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menimbulkan isu ini dan isu ini sudah dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hajah Nancy semalam. Apa yang saya sebut dalam teks saya ialah di Mahkamah Tinggi diwujudkan sebuah mahkamah khusus untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan hal-hal perburuhan, hal-hal perhubungan perusahaan dan sebagainya. Di mana sekarang ini Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ada mahkamah mengenai keluarga, ada mahkamah mengenai perdagangan dan sebagainya. Jadi yang saya cadangkan supaya diadakan satu mahkamah khas dan diletakkan seorang hakim yang benar-benar faham tentang isu-isu perburuhan ini. Di mana pernah pada tahun 70-an atau 80-an dahulu, Allahyarham Tan Sri Harun Hashim merupakan seorang hakim yang handal dalam bidang perburuhan dan dia pernah menjadi Presiden Mahkamah Perusahaan untuk sekian waktu. Itu maksud saya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang antara isu yang disebutkan dan juga saya pernah mendengar kenyataan ini bahawa hakim di Mahkamah Tinggi mungkin sebahagiannya tidak ada pengetahuan yang luas tentang hal ehwal pekerjaan ini. Jadi saya ingat Tuan Yang di-Pertua, minta izin Yang Berhormat Senator boleh saya bawa kepada kementerian saya untuk perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tentang tribunal khas ini, saya ingat tidak perlu Yang Berhormat Senator, ya? Saya pergi kepada yang berikutnya ialah tentang pembangunan sumber manusia. Ini Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman mendapati Kementerian Sumber Manusia diperuntukkan RM1.42 bilion dalam Bajet 2014 dan dengan peruntukan RM31 juta yang berobjektif menyebarkan dasar, merancang program-program sumber manusia dan menghasilkan tenaga kerja mahir di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Roslin, kita telah melalui peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dan kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas bajet kepada kementerian ini. Kita telah memikirkan beberapa strategi. Di antara strategi yang akan diambil untuk mentransformasikan tempat kerja dan tenaga kerja adalah seperti berikut:

- (i) memodenisasikan undang-undang perburuhan bagi menarik pelabur di samping perlindungan hak pekerja;
- (ii) mengadakan jaringan keselamatan perburuhan untuk melindungi para pekerja dalam perubahan ekonomi yang berlaku sekarang;
- (iii) memperkukuhkan pengurusan sumber manusia melalui meningkatkan *performance* mereka;

- (iv) meningkatkan *upskilling* dan *reskilling* untuk memenuhi keperluan sumber manusia pihak industri, analisa maklumat pasaran buruh dengan membekalkan data dan analisa para buruh untuk perancangan tenaga manusia; dan
- (v) meningkatkan kepakaran wanita dalam penyertaan pasaran buruh dalam jawatan pengurusan.

Di antara program yang akan dikendalikan bersama-sama dengan jabatan-jabatan dan institusi lain adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kemahiran tenaga kerja yang berkemahiran rendah dan sederhana daripada 28% pada masa ini kepada 50% tenaga mahir pada tahun 2020; dan
- (ii) meningkatkan peluang pekerjaan melalui *job creation*, dengan izin dalam pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi dan sederhana.

Itu jawapan kepada Yang Berhormat Senator Puan Roslin. Saya kira yang terakhir ini Tuan Yang di-Pertua, ialah daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon yang membangkitkan tentang meminta persekitaran pekerjaan yang lebih fleksibel diwujudkan untuk pekerja wanita.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim juga menyuarakan kebanyakan majikan masih lagi tidak mahu melepaskan pekerja wanita mereka mengikut *flexible work arrangement* yang memberikan kelonggaran tempoh tempat dan waktu di tempat kerja. Beliau juga mencadangkan pekerja menguasai teknologi ICT. Beliau juga mencadangkan wanita yang bekerja dan memberikan sumbangan kepada ekonomi negara diberikan sedikit bantuan terutamanya bantuan amah ataupun pembantu rumah bagi meringankan tugas di rumah.

Manakala Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon ingin tahu langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan sumber manusia termasuk *flexible working hours* dan taska untuk menggalakkan kaum wanita bekerja serta membantu sasaran kerajaan untuk 55% pendapatan wanita dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman dua orang Yang Berhormat Senator, bagi makluman, sasaran 55% kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh menjelang tahun 2015 telah berjaya dicapai lebih awal daripada yang ditetapkan. Ini berdasarkan statistik suku ketiga tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan yang merekodkan kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh kini adalah pada kadar 56.4% berbanding 52.0% pada suku kedua tahun 2012. Inilah Tuan Yang di-Pertua, apabila wanita ini hebat, didesak dengan berbagai-bagai, diberikan sokongan yang cukup kuat, maka pencapaiannya telah melebihi apa yang kita rancang. Saya ucapkan syabas kepada wanita [Tepuk]

■2210

Bagi menggalakkan lebih ramai rakyat khususnya golongan wanita menyertai pasaran buruh dan mengoptimumkan penggunaan sumber negara, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah menguatkuasakan peraturan kerja, pekerja separa masa 2010. Peraturan kerja ini bertujuan untuk memberi alternatif kepada sistem bekerja sepenuh masa, menggalakkan penyertaan tenaga kerja terpendam seperti suri rumah dan pesara, menggalakkan fleksibiliti dalam pasaran buruh, mewujudkan

waktu kerja yang mesra pekerja, *flexible working hours* terutama kepada wanita dan menjana peluang pekerjaan yang lebih luas. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya ingat ada juga persoalan tentang pekerja India yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Lim.

Untuk makluman berhubung dengan isu majikan yang kurang mengambil pekerja dari kalangan kaum India dan Orang Asli, perkara ini merupakan budi bicara majikan yang berkenaan kerana ia turut berkait dengan jenis dan bentuk pekerjaan yang wujud dalam sebuah organisasi.

Bagi saya, kita sebagai badan yang bertanggungjawab di kementerian ini bahkan pada tahun ini kita telah menyediakan peruntukan khas kepada belia India untuk mereka mengikuti latihan-latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Dalam masa yang sama, saya ucapkan terima kasih banyak bukan sahaja kepada kementerian kita yang juga melibatkan Orang Asli tetapi kementerian-kementerian lain termasuklah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan yang juga telah memberikan sokongan dalam kita membangunkan masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi bagi pihak Yang Berhormat Menteri, bagi pihak keluarga Kementerian Sumber Manusia mengucapkan jutaan terima kasih kepada 11 Ahli Dewan Negara yang agak serius, berminat tentang masalah manusia kerana manusia adalah kita semua dan kita tidak boleh lari dari masalah kemanusiaan itu. Saya ucapkan syabas dan tahniah. Kalau ada kekurangan jawapan yang saya beri, maka bolehlah berjumpa dengan saya dan pegawai-pegawai kita di kementerian. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua dan untuk akhirnya ucapan selamat tahun baru, selamat menyambut Krismas dan selamat pulang ke kawasan masing-masing dengan selamat. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Beralih ke Kementerian Wilayah Persekutuan. Silakan Yang Berhormat.

10.12 mlm.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 di Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas, Dewan Negara pada tahun 2013 kali ini.

Keprihatinan, ketelitian dan kepekaan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang melibatkan kesejahteraan dan keharmonian hidup serta kebajikan warga Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat amnya amatlah kami hargai. Ini termasuklah cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah kami ambil maklum.

Saya mula dengan menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan. Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman berkenaan dengan penilaian semula Cukai Taksiran di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, berdasarkan kepada peruntukan di bawah seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], pihak

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah boleh mengkaji semula penilaian semula setiap lima tahun. Walau bagaimanapun, DBKL mengambil pendekatan keperluan penambahan hasil bergantung kepada keperluan perbelanjaan tahunan. Untuk tempoh berkenaan, DBKL menampung perbelanjaan tersebut dengan hasil Cukai Taksiran dan hasil-hasil lain.

Cukai Taksiran adalah merupakan hasil utama secara tetap bagi maksud pembiayaan perbelanjaan pengurusan DBKL. Bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini, hasil Cukai Taksiran tidak mencukupi untuk membiayai kos pengurusan. Kekurangan ini telah ditampung oleh hasil-hasil lain DBKL. Antara hasil-hasil yang dimaksudkan ialah hasil caj pembangunan, geran bantuan kerajaan, bayaran denda, lesen-lesen dan hasil penjualan hartanah.

Hasil-hasil lain ini mula menunjukkan penurunan. Sebagai contoh hasil caj pembangunan adalah tertakluk kepada pembangunan hartanah yang mana ia makin berkurangan kesan daripada kekurangan tanah untuk dibangunkan. Hasil-hasil lain juga tidak konsisten. Oleh yang demikian, dengan adanya penilaian semula ini dijangkakan pihak DBKL dapat meningkatkan lebih kurang 185 hasil Cukai Pintu tahun 2014 dengan pertambahan hasil sebanyak RM400 juta bagi tempoh lima tahun. Kenaikan sebenar tidak akan membebaskan golongan pemilikan tanah pendapatan rendah dan sederhana. Bagi golongan ini, kenaikan Cukai Taksiran adalah sangat minimum.

Bagi mengimbangi kenaikan nilai tahunan ini, kadar Cukai Pintu diturunkan antara 1% hingga 4% mengikut kategori harta. Untuk makluman bahawa kadar Cukai Pintu tertinggi yang akan dikenakan adalah 10% dan yang terendah ialah 1% atas nilai tahunan. Berbanding dengan tahun 2013, kadar tertinggi ialah 12% dan yang terendah ialah 2%. Kadar cukai tertinggi ialah Cukai Hartanah Komersial dan kadar terendah untuk hartanah kampung tradisi seperti Kampung Baru, Sungai Penchala dan Gombak Dalam.

Kepada soalan yang berikutnya, penilaian terperinci mengenai kenaikan cukai taksiran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, pemberitahuan dan hebahan kepada warga kota mengenai pelaksanaan cukai taksiran baru 2014 telah pun dibuat melalui kaedah-kaedah seperti berikut:

Pertama, semasa dialog Bajet 2014 bersama warga kota di Institut Dewan Bandaraya (IDB) pada 1 Oktober 2013. Perkara ini telah turut disiarkan di dalam beberapa surat khabar pada 2 Oktober 2013 seperti *Utusan Malaysia* dan *Harian Metro*. Kenyataan akhbar bertarikh 17 November memaklumkan mengenai semakan semula cukai taksiran bagi semua pegangan berkadar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan perkara yang berkaitan dengannya. Makluman mengikut peruntukan seksyen 143 [Akta 171] adalah seperti berikut:

- (i) Notis Semakan Semula senarai nilai bertarikh 18 November 2013 kepada semua pemilik hartanah di Kuala Lumpur; dan
- (ii) Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 18 November 2013ewartakan mengenai penyediaan senarai nilai baru 2014 dan senarai nilai ini boleh disemak di tingkat 4, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan iklan di surat khabar tempatan bertarikh 18 November 2013 memaklumkan perkara yang sama seperti perkara dua di atas.

Soalan yang ketiga oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, bantahan awam terhadap Cukai Taksiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memproses dan memastikan semua pemilik yang mengemukakan bantahan akan dijemput hadir pada sesi pendengaran bantahan kelak.

DBKL sedang membuat persediaan untuk menambahkan lokasi pendengaran bantuan serta Panel Jawatankuasa Pendengaran Bantahan Cukai Pintu. Sesi pendengaran bantahan dijadualkan pada bulan Januari hingga Mac tahun 2014 hadapan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, DBKL turut mengambil maklum terhadap pandangan ini dan akan memastikan penilaian semula akan datang dibuat pada tahun 2019 tertakluk kepada kelulusan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta mencelah sedikit. Sedikit sahaja.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Sila, sila.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya tidak puas hati dengan jawapan mengapa penilaian ambil masa sehingga 21 tahun untuk buat penilaian sebegini? Macam mana soalan keseragaman senarai penilaian atau pun *tone of the list* dalam bahasa Inggeris dengan izin? Oleh sebab pembangunan banyak dalam masa 21 tahun itu?

Bagaimanakah kita hendak menyeragamkan supaya tiap-tiap orang yang membayar cukai itu sama ada yang baru dan yang lama ini bayar dengan secara adil di antara satu sama lain. Oleh sebab itulah, peruntukan dalam Akta Tempatan itu memberi lima tahun sekali.

■2220

Saya fikir kalau 21 tahun baru buat penilaian, maka tidak seragamlah senarai penilaian itu sebab kita ada pembangunan-pembangunan yang lain. Kedua, pendek sahaja, berhubung dengan bantahan. Sekarang kita dah ada 50,000 bantahan dan kita nak mulakan bantahan dalam bulan Januari sehingga Mac. Kalau nak kira keadilan, saya fikir tak dapat buat dalam masa tiga bulan sungguhpun berapa banyak jawatankuasa dan sebagainya. Ini kerana mereka itu kena buat bantahan dengan secara adil. Jadi, saya nak minta pandangan Yang Berhormat dalam dua perkara ini supaya kita semua faham. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Senator Dato' Abdul Rahim. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, soalan pertama tadi saya akan beri jawapan secara bertulis kerana saya tak ada faktor-faktor yang kita perlu untuk beri jawapan. Akan tetapi bagi soalan kedua pula, saya yakinkan Yang Berhormat bahawa kita ada cukup panel pendengaran dan bantahan, cukup. Kita akan laksanakan pendengaran pembantahan ini dalam masa tiga bulan. Ini saya beri keyakinan kepada Yang Berhormat. Terima kasih. Saya teruskan dengan pertanyaan seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, memperbanyakkan lampu-lampu LED di Kuala Lumpur.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, Kementerian Wilayah Persekutuan akan membantu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

memasang 28 juta pelancong. Menyasarkan, *sorry*, minta maaf. Menyasarkan 28 juta pelancong luar bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur sedang melaksanakan pemasangan lampu gerbang LED di jalan-jalan di pusat bandar yang menjadi tumpuan pelancong bermula dengan Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut. Di samping itu, DBKL juga akan memasang lampu-lampu festival menggunakan LED untuk musim-musim perayaan seperti Sambutan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Krismas serta Tahun Baru. Seterusnya kepada soalan berikut, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sikit Datuk?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mengenai lampu-lampu jalan yang hendak dipasang itu. Yang akan memasang, Bandaraya kah, atau diswastakan? Itu yang saya hendak pastikan. Kalau diswastakan, saya minta supaya diberi keutamaan kepada syarikat pengiklan bumiputera yang selama ini ketinggalan dalam bidang ini, kalau hendak diswastakan. Ini permintaan saya. Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sikit. Apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, soal lampu LED. Hanya dinyatakan dipasang waktu-waktu perayaan utama sahaja. Kita hendak memeriahkan, mencantikkan, mengindahkan keadaan Kuala Lumpur. Kita hendak sepanjang masa, lampu LED itu kena pasang sepanjang masa di jalan-jalan utama khususnya. Kita tengok macam di pinggir-pinggir bandar agak suram dan ini agak menggusarkan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawab secara ringkas sahaja Yang Berhormat ya.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Untuk soalan pertama, DBKL akan mengeluarkan tender untuk pemasangan lampu-lampu LED ini dan ada kriteria-kriteria yang telah ditentukan untuk pemasangan lampu melalui tender yang akan dikeluarkan. Bagi soalan kedua pula, memanglah cadangan Yang Berhormat amat dialu-alukan dan memang kementerian sedang melihat bagaimana melaksanakan ini tanpa membebankan mana-mana pihak. Seterusnya, kepada kaedah-kaedah gerai di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, terdapat lebih kurang 60,000 penjaja di Kuala Lumpur yang berdaftar dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Daripada jumlah tersebut, seramai 18,000 penjaja statik atau gerai di tepi jalan dan selebihnya berniaga di pasar atau pusat penjaja DBKL sekitar Kuala Lumpur. Tindakan DBKL adalah dengan berusaha menyediakan program penyusunan dan naik taraf gerai-gerai penjaja di tepi jalan yang tidak teratur supaya lebih kemas, teratur dan bersih. Di samping itu, DBKL juga merancang dengan menyediakan program-program bagi menaiktarafkan gerai-gerai perniagaan di tepi jalan sekitar Kuala Lumpur seperti berikut ini.

Jangka masa pendek- tindakan penguatkuasaan diteruskan kepada mana-mana gerai yang tidak teratur dan kotor seperti penutupan gerai untuk pembersihan, pengeluaran notis kompaun dan pembatalan lesen perniagaan. Berdasarkan statistik tahun 2013 sehingga Ogos, sebanyak 272...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Yang Berhormat, minta laluan sedikit.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya fikir cukuplah Yang Berhormat, tak payah mencelahlah, masa memang tak mengizinkan. Mohon maaf Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Sehingga Ogos, sebanyak 272 pembatalan lesen telah dibatalkan dan sebanyak 341 kompaun telah dikeluarkan bagi kesalahan daripada segi kebersihan.

Jangka masa sederhana- transformasi penjaja sedia ada kepada bentuk penjaja yang lebih *hygienic* dan cantik seperti penyediaan dan pembiayaan kios kenderaan mudah alih yang ditempatkan di lokasi-lokasi strategik dan bersesuaian.

Jangka masa panjang- menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur melalui penempatan semula penjaja ke dalam bangunan contoh pusat penjaja sedia ada dan baru. Tindakan ini akan dilaksanakan melalui program penempatan pelesenan setempat pusat penjaja-pusat penjaja yang sedia ada oleh pemaju seperti dalam arahan pembangunan (DO). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, melalui pendekatan *Town Hall Hearing*, DBKL telah mengadakan beberapa *lab* dan *retreat* melibatkan agensi-agensi berkaitan bersama persatuan penjaja, pasar perniagaan dan gerai. Antaranya, *lab* bagi program bazar Ramadhan, mengadakan *public engagement* sebelum program pemindahan dan penempatan semula penjaja gerai, pengubahsuaian pusat penjaja dan lain-lain program. Antara program penyusunan semula gerai atau penjaja yang telah dan sedang diadakan adalah seperti berikut:

- (i) program penempatan semula penjaja di tepi jalan ke pusat penjaja sedia ada dan pusat penjaja yang baru dibina. Contohnya, pemindahan penjaja di Jalan Pantai Permai, Lembah Pantai ke Pusat Penjaja Bazaria Pantai dan pemindahan penjaja ke Pusat Penjaja di Lot PT80 Jalan Masjid India;
- (ii) program pembinaan semula pasar-pasar berbangunan. Contohnya, Pasar Raja Bot dan Pasar Besar Bukit Bintang;
- (iii) program pemindahan dan transformasi penjaja tepi jalan di Little India, Brickfields; dan
- (iv) program penyusunan semula dan transformasi pasar malam di mana terdapat sekurang-kurangnya tujuh buah pasar malam dinaiktarafkan setiap tahun. Contohnya, Pasar Malam Bandar Baru Sentul, Pasar Malam Pekan Sungai Besi, Pasar Malam Gombak Setia, Pasar Malam Jalan Jujur di Bandar Tun Razak, Pasar Malam Jalan Kuching, Pasar Malam Batu Muda dan Pasar Malam Taman IKS, Jalan Batu Muda.

Program penyertaan pihak swasta melalui kaedah perancangan iaitu DBKL mensyaratkan kompleks bangunan swasta membina pusat penjaja untuk ditempatkan penjaja dan peniaga kecil. Antaranya Gombak, Damansara, Naza TTDI, Menara Bank Islam dan Cozy Bonzana. DBKL akan terus merancang, menyusun dan menaikkan golongan penjaja ini melalui kaedah kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, FAMA, *SME Corporation*, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan serta agensi dari NGO lain yang berkaitan. DBKL juga sedang mengkaji untuk melantik juru perunding bagi melaksanakan kajian penyusunan penjaja dan gerai di Kuala Lumpur.

Soalan berikut juga daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, keadaan lampu-lampu jalan di Kuala Lumpur selalu terpadam atau *blackout*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, beberapa lampu isyarat di pusat Bandaraya Kuala Lumpur sering mengalami terpadam atau *blackout* disebabkan oleh masalah fuis yang kerap terbakar apabila berlaku ribut petir dan kilat. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang merancang untuk meningkatkan sistem pembumian atau *earthing system* bagi mengatasi masalah ini dan mengkaji pemasangan penangkap kilat atau *arrester* yang lebih berdaya tahan.

■2230

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berkaitan masalah kesesakan di Jalan Kuching adalah kesan dari kerja-kerja pembinaan pengadang dan pelbagai jalan yang sedang berjalan. Kerja-kerja pembinaan pengadang dan pelbagai jalan ini adalah bagi tujuan mengatasi masalah kecurian besi pengadang yang sering berlaku dan mengakibatkan kerugian kepada pihak DBKL.

Oleh yang demikian, DBKL memutuskan supaya pengadang besi diganti dengan membina pengadang konkrit dari jenis *double exploded curve*. Pengadang konkrit ini bukan sahaja berfungsi sebagai pengadang kenderaan tetapi juga berfungsi sebagai kotak taman (*planter box*) bagi tujuan landskap seperti mana yang telah dilaksanakan di Jalan Mahameru, Jalan Bangsar yang kelihatan sangat cantik. Besi-besi yang ditinggalkan disimpan di stor DBKL Cheras. Adalah tidak dinafikan semasa pembinaan jalan ini mengalami gangguan lalu lintas. Walau bagaimanapun, ia adalah bersifat sementara dan akan kembali pulih selepas kerja-kerja pembinaan tamat yang dijangkakan pada penghujung tahun 2013 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng tidak ada di sini...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah. Dia sudah tamatkan perkhidmatannya. Yang Berhormat boleh jawab secara bertulis kepada beliau.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Ya, oleh itu saya ingin buat satu pembetulan berkenaan dengan satu jawapan yang saya berikan tadi kepada Dato' Abdul Rahim iaitu berkenaan dengan muka surat 21 perenggan dua, "*Oleh yang demikian dengan adanya penilaian semula ini dijangkakan pihak DBKL dapat meningkatkan lebih kurang 18% dan bukan 185.*" seperti dalam teks saya tadi. Saya minta maaf atas kesilapan *typo* ini tadi.

Dengan ini saya mengucapkan terima kasih. Selamat bercuti, selamat menyambut Hari Krismas dan selamat tahun baru 2014. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Sekarang tanpa membuang masa lagi saya mempersilakan Kementerian Belia dan Sukan. Saya hendak merakamkan kepada semua di Dewan ini, inilah salah seorang Yang Berhormat Menteri yang datang dan sanggup menggulung [*Tepuk*] Saya ucap syabas kepada Yang Berhormat lebih-lebih lagi orang belia ini. Akan tetapi harapnya Menteri-menteri lain ikutlah sedikit.

Silakan Yang Berhormat.

10.33 mlm.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara atas pandangan yang telah dikemukakan sewaktu perbahasan Belanjawan 2014 dalam sidang Parlimen pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mula, saya pohon izin kerjasama dan nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua kalau sekiranya ada Ahli Yang Berhormat yang tidak ada dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua dapat maklumkan kepada saya. Jadi saya dapat bagi jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat. Saya bantu Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Pertamanya adalah melahirkan dan mengenal pasti atlet serta membangunkan atlet dari peringkat sekolah sehingga mencapai kejayaan di peringkat dunia. Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin dan Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng..., ada?

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Chiew Lian Keng tidak ada. Dato' Syed Ibrahim bin Kader pun tidak ada.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin?

Tuan Yang di-Pertua: To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin ada?... Tadi dia ada?... Tidak apalah. Yang Berhormat hantar jawapan bertulis sahaja.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Oleh yang demikian saya pohon agar dapat memberi jawapan yang bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: ...Kepada mereka itu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Kepada mereka *insya-Allah*.

Kedua Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan yang saya lihat pun tidak ada. Oh! Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada. Walaupun OKU, dia ada lagi ini. Syabas saya ucapkan [*Tepuk*]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, tahniah. Kementerian melalui MSN telah pun melaksanakan pembangunan atlet Paralimpik sejak tahun 2007. Sehingga kini Yang Berhormat, seramai 74 orang atlet daripada 12 sukan sedang menjalani sukan secara sepenuh masa dan secara sambilan. Bagi tahun 2014, sebanyak RM9.3 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan persediaan atlet Paralimpik bagi penglibatan mereka dalam Sukan Para Asia di Napitau, Myanmar pada 2014 Januari dan temasya Sukan Komanwel di Glasgow Scotland dan juga Sukan Para Asian, Incheon pada bulan Oktober.

KBS juga telah memperuntukkan sejumlah RM49.3 juta bagi menaik taraf kemudahan di Kompleks Sukan Kampung Pandan untuk tujuan latihan sepenuh masa atlet OKU. Kompleks ini dikenal pasti sebagai pusat kecemerlangan sukan Paralimpik telah pun siap dan bakal diserahkan kepada KBS pada hari esok iaitu Rabu 18 hari bulan Disember dan saya amat mengalu-alukan sekiranya Yang Berhormat Senator dapat jadi tetamu khas saya ke pusat tersebut apabila kita terima daripada kontraktornya.

Antara atlet OKU yang cemerlang di peringkat antarabangsa contoh Mohd. Ziyad Zolkefli. Seorang daripada sukan olahraga kategori *intellectual disable* bagi acara lontar peluru lelaki yang telah berjaya pada tahun ini untuk muncul sebagai peringkat dunia. Bukan juara peringkat Asian, bukan juara

peringkat Asia tapi *world champion* [Tepuk] Dalam Kejohanan *IPC World Athletic Championship* di Lyon, France pada bulan Julai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KBS pada tahun depan selain daripada peruntukan untuk menyediakan atlet Paralimpik di peringkat atlet kita juga akan memperkenalkan satu program untuk menggalakkan sukan di kalangan OKU iaitu di peringkat akar umbi di mana mereka yang bukannya atlet elit Paralimpik juga boleh terlibat dalam sukan daripada golongan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, tabung bola sepak negara perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Tuan Yang di-Pertua: Dia ada lagi, dia ada lagi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Memang ada Tuan Yang di-Pertua, saya nampak depan saya. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam. Pertamanya sebab sebagai Presiden Persekutuan Karate Malaysia. Karate telah banyak menyumbang banyak pingat dalam Sukan SEA baru-baru ini [Tepuk] Tahniah kepada Yang Berhormat Senator atas kepimpinan yang terserlah.

Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara telah pun ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 2010 dengan dana permulaan sebanyak RM10 juta dan RM10 juta sekali lagi pada tahun 2011 dan tabung ini juga akan digunakan untuk program pembangunan bola sepak negara yang akan ataupun pelan pembangunan bola sepak negara yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada bulan Januari pada tahun 2014.

Membendung ahli-ahli sukan menjadi mangsa sindiket pertaruhan haram. Pohon Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator...

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Boleh saya mencelah?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sila Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, silakan.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cadangkan hari itu untuk meningkatkan lagi prestasi pemain-pemain bola sepak di seluruh negara. Kementerian tubuhkan tabung bola sepak dan bagi bantuan satu negeri RM5 juta. Jadi kalau kita ada 14 negeri RM70 juta dan FAM juga kita patut sediakan peruntukan yang besar supaya standard kita boleh meningkat sehingga seperti persatuan bola sepak di Eropah.

Oleh sebab itu saya cadangkan syarikat-syarikat besar yang dapat konsesi daripada kerajaan misalnya syarikat YTL, syarikat IPP yang lain, Ananda, kemudian GLC, syarikat-syarikat yang dapat import barang-barang tertentu ke negara menyumbang. Katakan satu syarikat bagi RM5 juta. Jadi kalau ada 20 syarikat sudah ada RM100 juta.

Kemudian syarikat-syarikat besar macam bank-bank untung berbilion-bilion dan mereka juga boleh menyumbang katakan RM5 juta. Jadi kalau kumpul kita boleh dapat dalam RM200 juta dan diberikan kepada persatuan-persatuan bola sepak negeri dan juga persatuan bola sepak kebangsaan. Ini boleh menaikkan prestasi bola sepak dan akhirnya kita dapat menjadi *world standard* dan ramai orang akan datang menonton dan akhirnya pulangan yang lebih besar dapat kita nikmati hasil daripada sumbangan RM200 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, okey Yang Berhormat.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Kalau ini dapat jadi satu industri, saya rasa boleh dapat banyak pulangan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya penjelasan itu kalau hendak sambung lagi panjang itu Yang Berhormat. Okey.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Senator, satu cadangan yang baik dan sudah semestinya kita pun telah memajukan permintaan kepada sektor swasta untuk membantu dari segi pembiayaan pelan pembangunan bola sepak negara. Sebagai contoh ada negeri-negeri seperti Johor di mana di bawah kepimpinan Tengku Mahkota Johor sendiri dapat digunakan tajaan daripada Johor Corp. untuk membangunkan semula pasukan Johor DT dengan jayanya di Johor.

Akan tetapi perkara yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator tadi akan kita ambil maklum untuk kita membantu persatuan bola sepak negeri supaya di akar umbi itu yang penting adalah pembangunan di akar umbi. Bukan hanya kita melihat kepada pasukan kebangsaan dan kebetulan juga bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, telah menang pada hari ini menewaskan Vietnam tadi 2-1 [*Tepuk*] Dan akan jumpa Indonesia pada 19 hari bulan Disember.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya, ada Tuan Yang di-Pertua?... Ada.

■2240

Kementerian telah pun, telah membangkitkan membendung ahli-ahli sukan menjadi mangsa sindiket pertaruhan haram. Satu perkara yang penting. Tahniah kepada Yang Berhormat bangkitkan perkara ini. Kementerian telah menandatangani MOU Integriti Dalam Sukan melalui ibu pejabat Pesuruhjaya Sukan dan Majlis Sukan Negara dengan Institut Integriti Malaysia pada bulan Julai yang lalu. Juga MSN dan juga Pesuruhjaya Sukan juga sedang giat mengadakan kempen pendidikan dan penerangan memerangi gejala rasuah dalam sukan kepada atlet, pegawai, pemegang jawatan dalam badan-badan sukan melalui program yang dianjurkan dengan kerjasama pihak Institut Integriti dan juga SPRM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi sukan bola sepak, saya sendiri telah pun mengadakan perjumpaan bersama dengan Jawatankuasa Integriti FAM pada bulan Mei 2013 dalam membantu untuk membanteras gejala rasuah dalam bola sepak ketika kita melalui pendekatan *education engagement and enforcement*, dan *enforcement*, dengan izin. Satu ketetapan dicapai iaitu mewajibkan semua persatuan atau kelab bola sepak menubuhkan Jawatankuasa Integriti masing-masing melibatkan penyertaan SPRM dan PDRM. Kita akur salah satu penghalang kepada proses pendakwaan dalam isu *bookie* ini adalah dalam kita tidak cukup dapat bukti dan kesediaan saksi untuk memberi keterangan.

Diharapkan penubuhan jawatankuasa ini akan menjadi salah satu saluran kepada pemain terutamanya, jurulatih dan pegawai pasukan dalam membuat aduan dan dalam buat keterangan dan juga memberi maklumat terhadap unsur-unsur rasuah di dalam pasukan masing-masing. Suka saya kongsi di sini, kesemua persatuan atau kelab bola sepak telah pun menubuhkan Jawatankuasa Integriti untuk memantau dan untuk membantu mereka yang didatangi oleh *bookies* untuk menyampaikan maklumat kepada pihak yang berkenaan.

Program pembangunan belia memupuk semangat patriotik dan kebudayaan di kalangan belia. Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong dan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg. Usaha ini memerlukan kerjasama kolektif daripada semua kementerian, NGO dan komuniti. KBS sahaja tidak dapat memupuk semangat patriotisme. Ini perlukan satu pendekatan yang bersepadu di kalangan semua agensi dan juga semua cabang kerajaan yang sedia ada. Kementerian sentiasa mengkaji dan menambah baik pelaksanaan program mengikut keperluan belia dengan mengambil kira aspek patriotisme, kesukarelaan dan perpaduan dari masa ke semasa.

Antara program yang terbuka kepada semua kaum tanpa mengira latar belakang demografi di seluruh negara kita adalah contoh, sambutan Hari Belia Negara di peringkat daerah, negeri, kebangsaan. Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional bagi mereka yang tidak layak ataupun tidak dipilih untuk mengikuti PLKN. Anugerah Remaja Perdana di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan universiti. Program *MyCore*, *Perdana Leader Fellowship*, *Youth Icon*, Rakan Muda MyCamp, Jelajah IM4U dan program patriotisme sempena Hari Kebangsaan. Jadi, sentiasa KBS dalam semua program kita mementingkan soal perpaduan, soal patriotisme, mengingatkan kepada anak muda bahawa mereka adalah penyumbang kepada kejayaan dan pembangunan negara kita.

Program dan aktiviti yang dianjurkan KBS dalam menangani masalah sosial dan jenayah di kalangan belia, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin sekali lagi. KBS melalui Bahagian Pembangunan Rakan Muda akan melaksanakan program Inklusiviti Sosial dengan izin, *Social Inclusion* bagi mengurangkan jenayah di kalangan belia yang berpotensi tinggi terdedah dengan jenayah. Kawasan yang dikenal pasti bagi melaksanakan program ini adalah khususnya di kawasan *black spot* dengan kerjasama KDN, PBT, PDRM dan juga agensi kerajaan dan juga NGO yang berkaitan kerana kita percaya kepada prinsip bahawa *prevention is better than cure*, dengan izin. Kita harus mencegah daripada mereka terlibat dalam jenayah dengan kita mengadakan program *inclusion* ataupun program di mana kita melibatkan diri dengan kerajaan dan dengan agensi kerajaan sama ada melalui kerjaya, pendidikan, keusahawanan dan sebagainya supaya mereka ini yang ada di kawasan hitam tidak terjebak dalam gejala gengsterisme, jenayah dan sebagainya.

Untuk bantuan pertubuhan belia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, KBS setakat ini telah memberi peruntukan tetap pentadbiran secara tahanan kepada Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Negeri dan juga Majlis Belia Daerah termasuk Badan Gabungan Majlis Belia Malaysia di peringkat kebangsaan seperti mana Yang Berhormat pun sedia tahu sebagai bekas pemimpin belia. Selain daripada itu, kementerian juga menyediakan peruntukan program kepada persatuan belia yang memohon bagi melaksanakan aktiviti pembangunan belia di semua peringkat. Walau bagaimanapun, hanya permohonan daripada persatuan belia yang aktif saja yang dipertimbangkan. Ada permohonan, ada *suggestion*, cadangan untuk kita bagi semula kepada semua pertubuhan belia yang berdaftar di bawah *Registrar of Youth*, dengan izin, tetapi setelah kita semak ada banyak yang tidak aktif. Oleh yang demikian, kita hanya melihat kepada yang aktif, yang menunjukkan prestasi supaya kita dapat bantu mereka.

Ini adalah sebagai satu galakan untuk memastikan semua persatuan belia bergerak aktif melaksanakan program dan aktiviti. Mungkin Yang Berhormat tanya bagaimana kita dapat pastikan bahawa kita aktif ataupun mereka mencapai prestasi yang tinggi. Oleh yang demikian, bermula daripada tahun 2014, Kementerian Belia dan Sukan akan melaksanakan sistem penarafan bintang ataupun *star rating*, dengan izin, kepada pertubuhan belia melalui Sistem e-ROY di bawah Pertubuhan Pendaftar Belia bagi memperkasakan persatuan dan memudahkan pihak KBS memantau keaktifan pertubuhan-pertubuhan Belia.

Melalui sistem ini, bantuan akan disalurkan mengikut penarafan yang diperoleh oleh pertubuhan belia tersebut dengan prinsip ganjaran berasaskan prestasi. Apabila mereka dapat kemukakan maklumat mengenai mesyuarat mereka, aktiviti mereka, pentadbiran mereka yang cemerlang, maka kita dapat salurkan bantuan dan juga memperkasakan mereka dengan lebih banyak lagi.

Bilangan pelatih dan kursus yang bakal dilahirkan oleh Institut Kemahiran Belia Negara di bangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Jumlah pelatih IKBN yang dikeluarkan dalam tempoh 2010 hingga 2013 adalah seramai 23,064 graduan. Setiap tahun IKBN dapat melahirkan seramai lebih kurang 5,000 orang graduan. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan melalui pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan 2014 yang lepas berkenaan menaik taraf serta melaksanakan pendekatan latihan dua syif ataupun *double shift*. Kementerian menyasarkan dapat melahirkan seramai 9,000 graduan setahun secara berperingkat bermula pada tahun 2015 dalam pelbagai bidang kemahiran yang ditawarkan di IKBN di mana para graduan ini akan tamat latihan dengan sekurang-kurangnya memperoleh persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) minimum tahap dua ataupun lebih tinggi lagi.

Dalam pada masa yang sama, kita dalam proses merekayasa kurikulum dan juga pembelajaran dan pengajian di IKBN kita supaya tahap kebolehpasaran, *marketability*, dengan izin, dan *employability*, dengan izin, dapat kita tingkatkan bagi graduan kita sebab kita sedari bahawa latihan vokasional dan teknikal adalah amat penting untuk menjadi asas kepada pembangunan negara dan ekonomi berpendapatan tinggi.

Berkenaan dengan sambutan Hari Belia Negara yang telah juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Penganjuran Hari Belia Negara telah menarik ramai sukarelawan yang terdiri daripada pelajar institut pendidikan tinggi, NGO dan pasukan beruniform. Bagi tahun 2012, seramai 3,000 sukarelawan telah menyumbang tenaga. sebanyak 150,000 jam sepanjang tempoh lima hari sambutan Hari Belia Negara 2012. Secara langsung, penganjuran HBN telah membangkitkan semangat kesukarelawan dari kalangan para pelajar dan masyarakat melalui penyertaan yang ramai dan meningkat dari tahun ke tahun.

Penilaian Impak Sosial Festival Belia Putrajaya 2013, dulu kita panggil Hari Belia Negara. Tahun 2013, kita panggil Festival Belia Putrajaya oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IRIS) telah menggunakan lima indikator iaitu pembangunan belia, perpaduan nasional, konsep 1Belia 1Malaysia, pembangunan budaya dan kreativiti. Aspek kreativiti telah memberi impak yang tinggi iaitu sebanyak 81.1%, manakala perpaduan 1Belia 1Malaysia dan pembangunan belia sebanyak 74%.

Rumusan keseluruhan penganjuran Festival Belia Putrajaya 2013 telah memberi impak yang positif kepada para pengunjung, peserta dan golongan belia.

Seterusnya merujuk kepada pandangan Ahli Yang Berhormat berkenaan penglibatan belia di peringkat akar umbi dalam sambutan Hari Belia Negara. Ada yang bangkitkan bahawa Hari Belia Negara, Festival Belia Putrajaya terlalu tertumpu kepada Putrajaya dan tidak memberi penglibatan ataupun peluang penglibatan kepada belia di peringkat akar umbi. Oleh yang demikian untuk makluman, penglibatan belia di peringkat akar umbi pada tahun akan datang 2014, semua acara atau aktiviti Hari Belia berbentuk pertandingan akan dipertandingkan terlebih dahulu di peringkat daerah dan negeri sebelum pertandingan akhir dilaksanakan di Putrajaya.

Antara acara-acara yang dimulakan di peringkat daerah dan negeri akan berbentuk sukan, kebudayaan, kesenian dan kerohanian. Contohnya pertandingan nasyid akan diadakan, pertandingan saringan di peringkat daerah seterusnya ke peringkat negeri dan pertandingan ke peringkat kebangsaan akan diadakan sempena dengan Festival Belia Putrajaya pada tahun 2014. Semua program dan pertandingan sempena Hari Belia akan dilaksanakan bersama dengan Majlis Belia Negeri, Majlis Belia Daerah, persatuan belia dan sukan tempatan. Ini agar kita menunjuk bahawa kali ini Festival Belia Putrajaya dapat penglibatan daripada akar umbi dan ada *sense of belonging*, *sense of ownership*, dengan izin, daripada anak-anak muda yang mungkin selama ini melihat bahawa ada satu festival yang besar, yang dianjurkan di Putrajaya dengan satu kesan yang cukup baik tetapi penglibatan daripada mereka agak kurang.

■2250

Jadi, kita menambah baik tahun ini dengan penglibatan sampailah ke peringkat akar umbi supaya mereka merasainya. Tuan Yang di-Pertua, topik yang akhir yang disentuh dalam perbahasan infrastruktur dan kemudahan sukan, pembinaan gelanggang futsal di negeri Melaka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat senator Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Kementerian melalui Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh telah menyediakan infrastruktur dan kemudahan sukan dengan membina sebanyak 1,870 gelanggang futsal di seluruh negara merangkumi kawasan bandar dan juga kawasan luar bandar. Manakala di Melaka sebanyak 96 gelanggang futsal telah pun siap dibina dan diguna pakai, yang dibina oleh Kementerian Belia dan Sukan.

KBS memang mempunyai perancangan untuk menambah kemudahan sukan di seluruh negara dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, surat...

Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya takut Yang Berhormat Menteri terlupa, saya pun ada tanya mengenai bantuan kepada persatuan-persatuan silat.

Tuan Khairy Jamaluddin: Persatuan silat? Okey. Saya habiskan dahulu yang ini dahulu Yang Berhormat. Permintaan yang paling banyak saya terima adalah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat adalah pembinaan gelanggang futsal kerana ini cukup popular. Walaupun ada kawasan di mana penyelenggaraannya tidak berapa baik tetapi permintaan untuk dibina gelanggang futsal di mana sahaja saya pergi saya akan terima sepucuk surat cinta daripada Ahli Yang Berhormat tempatan untuk membina gelanggang futsal. Memang kita ada perancangan, namun demikian oleh kerana kekangan belanjawan

dan sebagainya kita tumpu kepada langkah menaiktarafkan dan membaik pulih gelanggang futsal yang sedia ada kerana banyak yang kita buat audit baru-baru ini, ada dalam 10%, 20% yang memerlukan penambahbaikan kerana tidak dapat penyelenggaraan yang baik daripada mereka yang dipertanggungjawabkan.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohd Ali tadi bantuan untuk penubuhan silat. Saya mengucapkan tahniah sebab Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohd Ali juga Presiden Pertubuhan Pencak Silat Antarabangsa dan kita juga melihat bahawa atlet-atlet silat kita terutamanya daripada puteri daripada wanita telah mendapat pingat emas di Sukan SEA baru-baru ini. Saya akan teliti perkara tersebut dan saya akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat mengenai perkara tersebut, *insya-Allah*.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohd Ali tahun hadapan, dalam satu program perdana Kementerian Belia dan Sukan iaitu FIT Malaysia, kita jenamakan semula Program Malaysia Cergas iaitu kita hendak mewujudkan negara bersukan, kita hendak menggalakkan lagi sukan di kalangan akar umbi. Salah satu daripada aktiviti yang telah kita kenal pasti ialah silat. Pohon kerjasama dan sokongan daripada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohd Ali. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah maklum balas dan jawapan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Kalau sekiranya...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: *[Bangun]*

Dato' Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Seorang dahulu, sila Yang Berhormat.

Dato' Khairudin Samad: Tidak ada apa Tuan Yang di-Pertua, cuma saya secara peribadi dan saya rasa rakan-rakan Ahli Yang Berhormat semua bersetuju dengan saya bahawa saya ingin merakamkan jutaan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, kementerian dan atlet-atlet kita yang telah berjaya mengumpul pingat yang begitu banyak untuk Sukan SEA yang sedang berlangsung ini. Kita mendoakan semoga mereka terus mencapai kejayaan sehingga tamat kejohannya. Sekian, terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan berkenaan silat, saya juga hendak bersama Yang Berhormat Datuk Seri mengucapkan jutaan terima kasih. Keduanya ialah kalau dapat Yang Berhormat pertimbangkan mungkin dalam program-program melibatkan belia akan datang boleh diwujudkan kembali Rakan Muda Waja Diri kerana ia dilihat dapat menyatukan dalam konteks perpaduan anak-anak muda kita di peringkat akar umbi. Akhir sekali juga hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat di atas kejayaan kontinjen negara di Sukan SEA dan Yang Berhormat sendiri telah turun padang, *lead by example* kepada semua yang berada di Myanmar. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Megat kerana berada di situ bersama dengan kontinjen silat kita yang telah meraih pingat emas dan saya tertunggu-tunggu Yang Berhormat Datuk Megat sendiri yang mencadangkan supaya kita hidupkan semula Rakan Muda Waja Diri. Yang Berhormat Datuk Megat dengan penglibatan dalam silat dapat

membantu saya, sudah pasti dan saya yakin ramai anak muda yang akan terlibat dalam bidang silat. Ahli Yang Berhormat juga, saya ucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberi kepada kontinjen kita.

Setakat hari ini kita memperoleh 27 pingat emas, 25 pingat perak dan 48 pingat gangsa. Sasaran kita dalam Sukan SEA kali ialah 40 pingat emas Tuan Yang di-Pertua. Kita terpaksa letak 40 bukan 50 ataupun 60 sebab di Myanmar ini dia potong 28 potong pingat emas yang kita menang di Indonesia. Sukan dan acara itu dia potong sebab mungkin dia risau dengan kehebatan Malaysia. Jadi terpaksa potong pingat bagi acara-acara tersebut. Jangan risau Tuan Yang di-Pertua, 2017 kita akan menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA dan *insya-Allah* kita letakkan KPI bahawa kita akan muncul sebagai juara keseluruhan Sukan SEA pada tahun 2013.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan izin, *Merry Christmas, Happy New Year. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam* Yang Berhormat. Saya mewakili semua mengucapkan syabas dan tahniah. Pertama, di atas kerjaya Yang Berhormat yang begitu cemerlang dan kedua, sungguhpun Yang Berhormat berada di Vietnam datang juga ke Dewan ini. Di situ harga ia cukup mahal sekali. Tanpa membuang masa lagi saya mempersilakan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Di samping itu Yang Berhormat, saya terpanggil, kalau sekiranya dalam persidangan Dewan Negara ini kalau boleh, contohnya ada seorang ini, Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd. Sadique duduk di situ lagi. Maknanya kalau semangat kebersamaan itu boleh kita sama-sama, agaknya sampai sidang habis, amat dialu-alukan. Janganlah sudah habis, semua balik. Tinggallah kita semua Ahli Dewan Negara ini. Akhirnya, kementerian yang akhir sekali nanti tidak ada orang lagi. Tidak apa, silakan Ahli Yang Berhormat.

10.56 mlm.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insya-Allah* akan mengambil masa yang agak ringkas. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada seorang sahaja Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin yang telah membangkitkan isu berkaitan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan Belanjawan 2014 di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat senator telah bertanya tentang kejayaan penanaman kenaf bagi menggantikan penanaman tembakau dan langkah untuk membangunkan tanaman kenaf di negara ini serta jumlah pengeluaran dan hasil jualan kenaf bagi tahun 2009 hingga 2013.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian melalui Lembaga Tembakau Negara (LTN) ketika itu telah mula membangunkan tanaman kenaf sejak tahun 2005 melalui penanaman secara lot percubaan. Pada mulanya penanaman kenaf tertumpu di kawasan tanah berpasir ataupun dengan izin, *Beach Ridges Interspersed with Swales* (BRIS) dengan ringkasnya di Kelantan dan Terengganu yang juga merupakan tanah-tanah bekas tanaman tembakau. Pada bulan April 2010, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara ataupun ringkasnya LKTN telah pun ditubuhkan. Bagi meningkatkan hasil pengeluaran tanaman kenaf telah dikembangkan ke luar daripada kawasan tanah BRIS khususnya di negeri Pahang, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Perak. Jumlah

pengeluaran Kenaf bagi tahun 2009 adalah sebanyak 2,911 tan diikuti dengan 2,463 tan bagi tahun 2010 dan 2,266 tan bagi tahun 2011. Bagi tahun 2012 dan 2013, pengeluaran kenaf meningkat dengan masing-masing 4,090 tan dan 6,354 tan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2009 hingga 2013 sejumlah 2,076 tan kenaf bernilai lebih RM540,000 telah dibekalkan kepada pihak industri sebagai bahan mentah. Pengeluaran produk kenaf adalah masih di tahap permulaan dan proses pengeluaran produk adalah bergantung sepenuhnya kepada tempahan dan permintaan pasaran. Manakala di peringkat pasaran antarabangsa pula, LKTN masih lagi belum menembusi antarabangsa kerana penanaman kenaf di Malaysia masih lagi di peringkat pekebun-pekebun kecil dan tanpa ada ladang yang berskala besar. Usaha-usaha dalam pembangunan dan pengkomersialan tanaman kenaf bermula di peringkat hulu dengan galakan penanaman kenaf kepada pekebun kecil dengan keluasan tidak melebihi dua hektar semusim ataupun dua kali setahun, menjadikan empat hektar setahun. LKTN juga telah menyediakan insentif-insentif dari mula penanaman sehingga kepada jaminan pembelian balik hasil kenaf dari pekebun kecil sebagai galakan dan untuk meyakinkan mereka untuk bergiat dalam industri baru ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, sektor ini masih lagi menghadapi kesukaran dalam menarik minat pengusaha memandangkan hasil pendapatan yang masih agak rendah. Pertamanya, di kawasan tanah BRIS iaitu purata sekitar RM1,000 hingga RM2,000 sehektar semusim.

■2300

Bagi kawasan tanaman yang subur pula, tanaman kenaf perlu bersaing dengan aktiviti pertanian yang lain yang lebih menguntungkan seperti tanaman buah-buahan dan juga sayuran. Bekas-bekas penanam tembakau yang diberikan bantuan untuk melaksanakan aktiviti pertanian alternatif juga kurang berminat untuk terlibat serius dengan tanaman kenaf. Antara faktor yang menyumbang termasuklah pendapatan yang kurang menarik saya nyatakan tadi berbanding dengan tanaman lain serta peringkat usia kebanyakan penanam tembakau lalu yang sudah agak berusia dan mereka tidak berminat lagi untuk terlibat dengan sebarang aktiviti pertanian yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menggalakkan pengusaha baru agar lebih kompetitif bagi tahun 2014, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5 juta bagi pembangunan ladang kenaf berskala besar sama ada kepada individu mahupun kepada syarikat yang berminat. Kita jangka lebih 300 hektar akan dapat kita wujudkan kawasan penanaman kenaf yang baru. Di peringkat hiliran pula, LKPN telah mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat perintis kenaf tempatan dalam membangunkan pasaran dan pembangunan produk-produk kenaf seperti *biocomposite*, *insulator*, *fabric*, dengan izin, dan *pulp* untuk pasaran tempatan dan dijangka mampu untuk kita hantar ke luar negara.

Selain dari itu juga, LKTN telah mengadakan kerjasama dengan institusi penyelidikan dalam dan luar negara seperti MARDI, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Mara, SIRIM dan *Fujian Agriculture* dan *Forestry* daripada Universiti China bagi membangunkan teknologi pengeluaran kenaf di peringkat hulu khususnya dalam bidang pengeluaran benih kenaf, agronomi, teknologi penuaian dan pemprosesan *fiber* dan *core* dengan izin bagi memenuhi keperluan industri kenaf tempatan.

Selanjutnya, bagi memastikan industri kenaf terus berdaya maju dan kompetitif, satu Pelan Induk Pembangunan Industri Kenaf Negara ataupun ringkasnya PIPK sedang dirangka dan dijangka siap untuk

dilaksanakan pada tahun 2014. Melalui pelan induk ini, industri kenaf dijangka akan dapat dipacu dengan lebih terancang dan sistematik dan dijangka akan dapat memberikan impak ekonomi kepada negara sebagai satu sumber pertumbuhan baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahaja isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun semasa perbahasan Belanjawan 2014 berada di bawah bidang kuasa kementerian ini. Terima kasih banyak-banyak kepada semua dan *insya-Allah* kita akan mengambil tindakan susulan kepada industri ini khasnya supaya mampu menyumbang nilai tambah yang lebih tinggi kepada sektor komoditi menjelang tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak-banyak juga Yang Berhormat kerana dapat menjimatkan masa. Sekarang tanpa membuang masa saya persilakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

11.03 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Nampaknya kementerian yang terakhirlah pada malam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa Yang Berhormat masih ada lagi.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Setelah menunggu beberapa hari. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan isu di bawah kementerian ini sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Tidak banyak hanya dua orang sahaja.

Seperti mana Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian MOSTI bertanggungjawab melalui agenda sains, teknologi dan inovasi negara menerusi pembiayaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan, perkhidmatan sains dan pembudayaan sains teknologi dan inovasi. Dalam bidang ini, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara telah diluluskan pada 27 Mac 2013 dalam konteks agenda transformasi negara. Dasar Sains ini merupakan satu dasar nasional yang memastikan legenda sains, teknologi dan inovasi di arus perdana diterima pakai dan di laksana oleh semua kementerian, agensi, pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan. Dalam erti kata lain, sains teknologi dijadikan unsur dan aspek penting dalam penggubalan dasar negara.

Jadi isu pertama dibangkitkan ialah isu yang berkaitan dengan Program Inovasi Inklusif dari perbahasan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Ada sini? Tidak ada tetapi oleh kerana saya ada dua saya jawab jugalah. Telah menyentuh isu berkaitan Program Inovasi Inklusif dan menyarankan kepada kementerian agar kumpulan sasaran Program Inovasi Inklusif ini dapat dikenal pasti terutama inovasi yang dilakukan oleh masyarakat akar umbi serta masyarakat luar bandar dan membantu mereka mengkomersialkan hasil inovasi mereka.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, inovasi merupakan salah satu aspek penting yang ditekankan di dalam pembangunan negara. Seajar dengan itu pada tahun 2013, sejumlah RM30 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pelaksanaan Program Inovasi Inklusif yang melibatkan 20 buah program di seluruh negara oleh pelbagai agensi di bawah MOSTI, pertubuhan bukan kerajaan NGO dan juga syarikat-syarikat swasta. Sejumlah 220 produk inovasi yang berpotensi boleh dikomersialkan telah dikenal pasti menerusi program ini sebagai langkah awal proses saringan bagi semua inovasi tersebut sedang dijalankan sekarang.

Selain daripada itu MOSTI di bawah agensi lain seperti Agensi Inovasi Malaysia (AIM) di bawah Jabatan Perdana Menteri seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator juga telah melaksanakan beberapa program bertujuan memajukan pembangunan inovasi secara *inclusive*. Di antara Program *I Think* yang dibuat dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bertujuan untuk memperkenalkan kemahiran berfikir aras tinggi. Program ini telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 di 10 buah sekolah perintis, di 10 buah negeri termasuk sekolah-sekolah di luar bandar. Kini Program *I Think*, sedang berkembang di semua 10,000 buah sekolah di seluruh negara. Program ini menggalakkan pemikiran analitis, kritis dan kreatif sebagai asas pemikiran inovasi di kalangan semua lapisan warga pelajar.

Kedua, Program Cabaran Gigih yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2013 telah mengenal pasti secara *outsource*, secara menambahkan pendapatan yang dilakukan oleh rakyat seluruhnya dan isi rumah yang berpendapatan rendah. Sebanyak 2,700 penyertaan diterima dan sehingga kini, seramai 50 mentor telah dipilih untuk membimbing sehingga 10,000 *portage* bagi mereplikasikan model untuk menjana pendapatan tambahan. Program perintis ini berpotensi menjana pendapatan RM2.7 juta sebulan bagi pulangan untuk 10,000 buah isi rumah yang berpendapatan rendah. Di samping itu, program ini juga mengiktiraf dan melahirkan individu yang berjaya menambahkan pendapatan, menggalakkan inovasi dalam membantu diri sendiri di kalangan masyarakat berpendapatan rendah.

Ketiga, pengenalan Program Cabaran Eureka juga dibuat dengan objektif untuk melonjakkan cabaran kepada rakyat terutama bagi golongan muda bagi mencetus idea, bagi menyelesaikan masalah sosial dan keperluan masyarakat. Antara cabaran yang telah dilontarkan ke arah menyejahterakan hubungan kejuruan, mengurangkan keselamatan jalan raya dan sebagainya. Proses cabaran ini secara langsung, tidak langsung akan menggalakkan penglibatan oleh masyarakat akar umbi untuk mencungkil inovasi dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan memenuhi keperluan.

Kedua, berkenaan isu yang hangat adalah berkenaan ramalan kaji cuaca. Dalam sesi perbincangan, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah meminta supaya Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan ramalan cuaca yang lebih awal berserta amaran yang lebih tepat agar rakyat bersedia menghadapi bahaya ancaman banjir di kawasan mereka. Berdasarkan *Standard Operation Procedure* (SOP) Jabatan Meteorologi Malaysia, nasihat hujan peringkat kuning akan dikeluarkan dalam tempoh 20 ke 48 jam sebelum berlakunya luaran monsun yang boleh menyebabkan episod hujan di Malaysia.

Kalau kata kuning itu maksudnya berkemungkinan berlakunya luaran monsun dalam tempoh 24 ke 48 jam ya. Maksudnya *alertnya* 20 ke 48 jam. Nasihat ini akan menasihatkan amaran hujan lebat peringkat jingga sekiranya episod hujan akan dijangka berlaku dalam tempoh beberapa jam akan datang. Bermaksudnya kita akan bagi dia *warning*, maksudnya dalam masa terdekat hujan akan turun dengan lebatnya dan *intensity* hujan yang sedang berlaku juga akan meningkat.

Jadi untuk episod hujan yang melanda di negeri-negeri Pantai Timur dan Johor pada 1 dan 7 Disember 2013, Jabatan Meteorologi telah mengeluarkan nasihat hujan lebat peringkat kuning seawal 26 jam pada 26 November 2013 untuk daerah di Kelantan seperti Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Putih, Machang dan Tanah Merah dan Terengganu daerah Besut, Setiu, Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu.

■2310

Nasihat hujan lebat tersebut dikemaskinikan pada 29 dan 30 November lagi sebelum ditingkatkan kepada amaran hujan lebat peringkat jingga pada 2 Disember 2013. Nasihat dan amaran yang dikeluarkan telah memenuhi SOP jabatan. Sebanyak 12 nasihat dan amaran telah dikeluarkan atau dikemaskinikan pada tempoh 26 November hingga 8 Disember 2013. Nasihat dan amaran tersebut disalurkan melalui Agensi Pengurusan Bencana melalui sistem pesanan ringkas SMS, faksimile, telefon dan e-mel. Nasihat dan amaran tersebut juga disebarkan kepada orang ramai melalui siaran televisyen, TV1, media massa, laman sesawang serta media sosial *Facebook* dan *Twitter* oleh Jabatan Meteorologi. Setiap nasihat dan amaran yang dikeluarkan turut disertakan dengan impak yang mungkin dihadapi seperti banjir di kawasan yang berkedudukan rendah, agar penduduk di daerah yang disebutkan dapat mengambil tindakan sehabis sewajarnya.

Di sini ingin saya menyumbangkan lagi sekali ingin saya menceritakan laporan kaji cuaca pada hari ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum balik habis sesi Parlimen kali ini. Berdasarkan kepada perkembangan cuaca terkini, nasihat hujan lebat monsun peringkat kuning maksudnya 20 ke 24 jam dari sekarang yang dikeluarkan pada November telah dilanjutkan sehingga 22 Disember. Maksudnya sampai 22 Disember kemungkinan hujan lebat akan berlaku di kawasan tuan-tuan dan puan-puan. Susulan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang diadakan semalam mengenai penggunaan istilah yang seragam, maka nasihat hujan lebat akan menggunakan istilah gelombang hujan lebat monsun di samping memberi penekanan kepada banjir. Jadi tuan-tuan dengar ini, ini yang terakhir.

Sehubungan dengan itu, nasihat hujan lebat di peringkat kuning telah pun dikeluarkan pada 15 Disember, dikemaskinikan seperti berikut. Nasihat hujan lebat peringkat kuning gelombang kedua hujan lebat monsun boleh mengakibatkan banjir di Terengganu seperti di Daerah Dungun dan Kemaman, Pahang di Daerah Kuantan, Pekan dan Rompin, Johor di Daerah Segamat dan Mersing dijangka berlaku mulai dari esok hingga 22 Disember. Semua agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana banjir dinasihatkan mengambil tindakan siap siaga yang sewajarnya. Satu lagi akibat oleh banjir besar kali ini adalah air pasang setinggi 1.4 meter sampai 3.30 meter dijangka berlaku dari 18 ataupun esok hingga 23 Disember yang akan menyumbang kepada kejadian banjir yang lebih buruk. Anggaran angin kencang dan

gelora laut bergelora juga telah dikeluarkan pada 24 Disember yang juga akan berterusan sehingga 22 Disember 2013.

Jadi saya harap ini dapat memberi perhatian kepada Yang Berhormat semua. Sekian sahaja penjelasan saya berhubung dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa MOSTI yang secara langsung dan tidak langsung. Bagi mengakhiri penggulungan ini saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang berminat kepada kementerian ini. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab menggulung pada hari ini. Silakan Yang Berhormat.

11.13 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh*.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ada 25 Senator yang membangkitkan banyak perkara dan dia mengambil masa dua jam untuk menjawab tetapi saya tidak akan mengambil masa dua jam cukuplah sekadar mungkin setengah jam. Akan tetapi untuk berlaku adil kepada yang telah membangkitkan maka saya memulakan jawapan. Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, Yang Berhormat Senator Chew Lee Giok mengenai senarai barang di bawah GST. Model GST yang dicadangkan oleh kerajaan telah pun mengambil kira corak perbelanjaan rakyat termasuk golongan berpendapatan rendah. Menurut perangkaan yang dikeluarkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, semua Yang Berhormat sebut itu semua sudah tidak ada, kalau boleh Yang Berhormat teruskanlah.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi jawapan bertulis Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey tidak ada. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud, Yang Berhormat Senator Pau Chiong Ung, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed...

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada, ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Singapura memperkenalkan GST pada kadar permulaan yang rendah 3% kerana Singapura tidak mempunyai cukai kepenggunaan seperti di Malaysia. Singapura pula mengenakan GST ke atas semua barang dan perkhidmatan dengan hanya memberi pengecualian ke atas perkhidmatan kewangan dan rumah kediaman. Berbanding Malaysia GST akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada dan struktur GST yang dicadangkan mengecualikan banyak barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin. Tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada Yang Berhormat jawab secara bertulis.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Impak GST. Pada masa sekarang rakyat Malaysia membayar cukai jualan dan cukai perkhidmatan ke atas barangan dan perkhidmatan tertentu. Golongan berpendapatan rendah juga tidak terkecuali daripada membayar cukai jualan. Kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan mendapati bahawa di bawah GST golongan berpendapatan RM2,000 ke bawah akan membelanjakan sebanyak RM51.89 atau 2.59% sebagai perbelanjaan GST.

Manakala mereka yang berpendapatan RM8,000 ke atas dijangka akan membelanjakan sebanyak RM242.16 atau 4.04% sebagai perbelanjaan GST daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan sebanyak RM6,000. Berdasarkan kepada kajian ini didapati adalah tidak benar tanggapan bahawa golongan berpendapatan rendah membayar lebih berbanding golongan berpendapatan tinggi apabila GST dilaksanakan. Malah golongan yang berpendapatan tinggi akan membayar lebih berbanding kumpulan yang berpendapatan rendah. Ini membuktikan model GST yang dicadangkan adalah bersifat progresif bukan regresif.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam...

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Perangkaan hasil kutipan GST bagi tempoh April sehingga Disember 2015 adalah sebanyak RM23.18 bilion. Setelah mengambil kira kos pelaksanaan pakej-pakej bantuan GST dan juga kehilangan hasil daripada pemansuhan cukai jualan dan cukai perkhidmatan, kutipan bersih GST tahun 2015 adalah dijangka sebanyak RM3.87 bilion sahaja. Lebihan hasilnya akan digunakan untuk pembangunan negara. Hasil yang diperolehi akan juga bertambah setiap tahun. Misalnya tahun kedua anggaran yang kita dapat daripada GST setelah ditolak segala perkhidmatan yang lain-lain itu ialah RM9.09 bilion.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Senator Pau Chiong Ung, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat...

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Program Kesedaran dan Latihan GST adalah memastikan rakyat Malaysia bersedia dengan GST. Program-program konsultansi, kesedaran, rundingan seperti *inclusive* telah dijalankan di seluruh negara dan ianya telah diteruskan sehingga tarikh pelaksanaan GST. Semenjak tahun 2010 sehingga November 2013 sebanyak 4,812 program telah dijalankan yang telah dihadiri oleh 232,835 orang. Penerangan GST merupakan usaha secara kolektif antara semua kementerian melalui inisiatif yang dijalankan kerajaan seperti penyiaran iklan di TV, radio dan surat khabar arus perdana. Adalah diharap maklumat yang tepat dan betul berkenaan GST dapat disebar luas.

Kerajaan juga telah mewujudkan hotline GST iaitu 1300-888-555 dan *website* khas GST iaitu gst.customs.gov.my.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Senator Pau Chiong Ung, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok. Pemantauan dan kawalan harga. Bagi memastikan pelaksanaan GST berjalan lancar kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan GST yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan II. Antara isu yang sedang diberi perhatian adalah berkaitan dengan harga yang mana ramai pihak bimbang akan isu berkaitan dengan pengambilan untung berlebihan oleh peniaga. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan pada 1 April 2011. Sebagai panduan pada pengguna agar tidak ditindas oleh peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan kerajaan akan mengeluarkan *shopper's guide* atau senarai harga barangan. Ini bagi membolehkan perbandingan harga dibuat tiga bulan sebelum pelaksanaan GST.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, tidak ada?...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin tidak ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman ada. Dia rajin hari ini.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian kerajaan kepada rakyat terbahagi kepada tiga iaitu subsidi, yang kedua insentif dan yang ketiga bantuan yang berjumlah sebanyak RM39.4 bilion, RM39 juta bagi tahun 2014. Jumlah subsidi yang diperuntukkan bagi tahun 2014 adalah sejumlah RM27.6 bilion ataupun RM27 juta. Banyak itu. Jenis-jenis subsidi yang terlibat antaranya ialah subsidi gas cecair (LPG), diesel dan petrol, bantuan tunai BR1M, Skim Penstabilan Harga Minyak, subsidi harga beras, subsidi harga padi, subsidi baja padi, subsidi untuk nelayan, subsidi pendidikan, subsidi kesihatan.

Antara langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengawal peningkatan subsidi ini adalah dengan melaksanakan rasionalisasi subsidi secara berperingkat.

■2320

Kerajaan juga pada masa ini sedang menyediakan sistem kumpulan data bersepadu bagi penerima bantuan sebagai langkah untuk mengelakkan pertindihan pemberian peruntukan. Langkah ini dapat mengawal peningkatan peruntukan pemberian kerajaan. Walaupun demikian, rakyat akan sentiasa

marah setiap kali kita mengurangkan subsidi kepada perkara-perkara yang telah kita umumkan sebelum ini.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin, langkah yang diambil dengan menyediakan peruntukan mengurus dan pembangunan yang dibelanjakan dengan berkesan dan berhemah. Kita akan mengeluarkan surat pekeliling dan sudah pun mengeluarkan surat pekeliling mengenai perbelanjaan berhemah. Seterusnya, kita membuat pemeriksaan bajet tahunan lebih ketat. Seterusnya memastikan pengurusan nilai ataupun *value management*. Kemudian memperkenalkan pengauditan ke atas projek yang melebihi RM100 juta. Pengagihan semula sumber-sumber sedia ada *predeployment*, dengan izin. Seterusnya pelaksanaan rasionalisasi subsidi secara berperingkat dan memperkenalkan bajet berasaskan *outcome* ataupun *outcome-based budgeting* dengan izin. Satu lagi adalah melaksanakan Program *National Blue Ocean Strategy*, Strategi Lautan Biru Nasional dengan melibatkan pemikiran di luar kebiasaan yang mengaplikasikan cara-cara kerja yang kreatif dan inovatif dengan menggunakan kos yang minimum.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir mengenai peruntukan tambahan, Bajet 2014 disediakan berdasarkan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang akan dilaksanakan pada tahun 2014. Berdasarkan keperluan projek program oleh kementerian mengikut kos semasa dan kemampuan kewangan semasa kerajaan serta sasaran defisit tahunan. Walau bagaimanapun, peruntukan tambahan perlu disediakan sekiranya berlaku perkara-perkara di luar kawalan seperti bencana alam, kenaikan harga barang api global dan keputusan-keputusan terbaru kerajaan contohnya pemberian bonus.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Kementerian Kewangan menghargai cadangan supaya bajet tambahan supaya pegawai-pegawai menjaga institusi Islam. Namun demikian perkara ini adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Oleh itu Jabatan Agama Islam Negeri boleh membawa perkara ini untuk pertimbangan kerajaan negeri masing-masing.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir dan Yang Berhormat Senator Puan Roslin, isu defisit fiskal yang berterusan. Pertama sebabnya ialah kerana pada tahun 1997 dan tahun 1998 berlaku peristiwa 11 September dan kejatuhan mendadak syarikat berkaitan dot com pada tahun 2011 serta peperangan Iraq penularan wabak sindrom pernafasan akut SARS pada tahun 2003. Semuanya telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal mengembang bagi menangani kesan kelembapan ekonomi global.

Seterusnya berlaku juga apa yang disebut sebagai krisis kewangan global tahun 2008 dan tahun 2009. Kemudian berlaku lagi krisis *subprime*. Semuanya ini telah menyebabkan kita menghadapi defisit fiskal pada tahun 2010 selaras dengan pemulihan ekonomi yang semakin kukuh. Konsolidasi fiskal diteruskan. Keadaan ini dapat dilihat melalui pengurangan ketara defisit fiskal kepada 5.4% berbanding 6.7% pada tahun 2009. Seterusnya, defisit fiskal terus berkurangan kepada 4.8% pada tahun 2011 dan 4.5% tahun 2012. Bagi tahun 2013 paras defisit di sasarkan kepada 4% dan 3.5% pada tahun 2014. Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham isu kebergantungan...

Tuan Yang di-Pertua: Siapa nama dia Yang Berhormat?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Isu kebergantungan terhadap hasil berasaskan petroleum dan gas. Hasil Kerajaan Persekutuan yang berasaskan petroleum dan gas sebahagian besarnya terdiri daripada cukai pendapatan petroleum, royalti dan dividen. Pada tahun 2012 jumlah hasil tersebut adalah RM70.2 bilion dan menyumbang lebih daripada satu per tiga kepada jumlah keseluruhan hasil kerajaan.

Sebagai peratusan jumlah hasil kerajaan, hasil berasaskan petroleum dan gas telah menurun daripada 41% pada tahun 2009 kepada anggaran 32% pada tahun ini. Bagi tahun 2014 peratusan hasil tersebut dijangka terus menurun kepada 29% kepada jumlah keseluruhan hasil. Pelbagai langkah telah dan akan diambil, contohnya menambah baik pentadbiran cukai supaya lebih cekap dalam pungutan cukai, meningkatkan penggunaan *e-filling* dan kemudahan untuk membayar cukai termasuk pembayaran cukai secara atas talian, meningkatkan pematuhan cukai termasuk melalui penguatkuasaan dan pengauditan cukai yang lebih baik, meluaskan lagi asas cukai, seterusnya mewujudkan GST 2015 dan memperteguh asas-asas ekonomi makro negara untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan keuntungan sektor swasta.

Panjang lagi jawapannya, saya pendekkan. Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin...

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Program Baucar Buku 1Malaysia merupakan inisiatif kerajaan bagi membantu golongan pelajar di IPTA dan IPTS serta pelajar Tingkatan Enam untuk membeli buku dan peralatan akademik. Pada tahun 2014, kerajaan telah bersetuju meneruskan pemberian BR1M dengan nilai sebanyak RM250 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM325 juta. Mengenai cadangan supaya dinaikkan nilai kadar baucar buku pada RM300, ia merupakan salah satu manifesto Kerajaan Barisan Nasional dalam tempoh lima tahun ini dan akan dilaksanakan kemudian.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga mengani BR1M berbanding kos kehidupan. Perlu difahami apabila pelaksanaan GST pada April 2015 barangan makanan utama dan kemudahan asas seperti beras, ayam, ikan, daging, sayur-sayuran, tepung, minyak masak dan pelbagai lagi adalah tidak dikenakan GST. Pada masa yang sama, pada tahun 2015 kerajaan turut memberi bantuan sebanyak RM300 secara *one-off* kepada golongan berpendapatan rendah penerima BR1M.

Selain itu kerajaan komited untuk meneruskan pemberian BR1M pada golongan berpendapatan rendah. BR1M tahun 2014 bagi isi rumah berpendapatan RM3,650 pendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000 - RM450. Individu bujang pendapatan RM2,000 ialah RM300 dan kita juga ada memberikan iBR1M iaitu insurans BR1M yang merupakan satu-satunya dalam dunia ini apabila meninggal dunia khairat kematiannya ataupun bantuannya dan juga apabila *accident* misalnya sehingga ke RM30,000.

Di samping itu ianya tidak termasuk komitmen kerajaan bagi meneruskan bantuan persekolahan, baucar buku, penyeragaman harga, produk Kedai Rakyat 1Malaysia yang akan ditambah pada tahun hadapan 60 buah lagi. Jadi, kita pakej bantuan yang amat banyak pada rakyat. Bukan hanya satu.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman mengenai RPGT dan *stamp duty*. Pada masa ini duti setem telah pun dikenakan kepada pembeli hartanah. Setakat ini tidak perlu untuk meningkatkan kadar duti setem. Ini kerana langkah-langkah yang diumumkan dalam Bajet 2014

adalah memadai iaitu menaikkan kadar RPGT, meningkatkan harga minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta dan melarang pemaju perumahan melaksanakan projek perumahan berciri DIBS ataupun dengan izin *developer interest bearing scheme*. Kemudian antara faktor kenaikan hartanah adalah penawaran rumah mampu milik yang terhad terutama di kawasan bandar. Ini membuka ruang kepada aktiviti spekulasi dalam pasaran hartanah. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bank Negara Malaysia, Pusat Maklumat Hartanah Negara sentiasa memantau harga-harga hartanah.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Chin Su Phin tidak ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Norliza tadi ada. Sekarang ada lagi?..
[Disampuk] Dah balik. Teruskan ya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ada. Dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh- mengenai mengubah skim subsidi petroleum. Kerajaan dari semasa ke semasa berusaha untuk mengkaji semula bagi memperkukuhkan mekanisme pemberian subsidi minyak supaya lebih efisien serta menepati kumpulan sasaran. Walau bagaimanapun, proses penstrukturan semula ini perlu dibuat dengan teratur dan teliti bagi memastikan ia tidak membebankan rakyat dan memberikan kesan positif kepada ekonomi negara.

Bagi tahun 2013 perbelanjaan subsidi minyak adalah dianggarkan sebanyak RM24.8 bilion atau RM2,000 juta sebulan yang mana semua jumlah tersebut adalah untuk faedah dan kegunaan orang ramai. Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan. Ada. Insentif cukai pada majikan yang menggaji pekerja tempatan, tiada insentif khusus untuk menggalakkan majikan menggaji pekerja tempatan. Namun potongan cukai dua kali disediakan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D. Kedua, menjalankan aktiviti latihan kepada pekerja tempatan dalam sektor perkilangan, perhotelan dan juga perkhidmatan.

Mengenai insentif yang diberi kepada syarikat yang menggunakan teknologi *branding*, teknologi *labor intensive*. Insentif yang diberi kepada syarikat untuk mempromosikannya adalah pertama taraf perintis, dengan izin, *pioneer status* dengan pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya untuk tempoh lima tahun.

Dato' Maznah binti Mazlan: Minta maaf. Teknologi tinggi, menggunakan teknologi tinggi. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey, betul. Bidang teknologi tinggi itu yang pertama taraf perintis. Kedua, elaun cukai pelaburan iaitu *investment tax allowance* dengan potongan cukai sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh lima tahun. Ketiga, pakej galakkan istimewa diberikan mengikut merit setiap kes dengan pengecualian cukai pendapatan

sepenuhnya untuk tempoh lima hingga 10 tahun. Keempat, potongan cukai bagi pengambilan syarikat berteknologi tinggi asing oleh syarikat tempatan. Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

Tuan Yang di-Pertua: Ada? Tidak ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, Suruhanjaya Sekuriti supaya melaksanakan piawaian sekuriti berdasarkan syariah...

Tuan Yang di-Pertua: Siapa?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Puan Roslin.

■2330

Tuan Yang di-Pertua: Puan Roslin ada?...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) selaku pengawal selia pasaran modal Malaysia telah mempelopori pembangunan pasaran modal Islam sejak penubuhannya pada tahun 1993 di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 bermula daripada kaedah penyaringan bagi menentukan status syariah sekuriti-sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia. Pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh SC bagi terus membangun dan memantapkan pasaran modal Islam negara.

Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor, Senator Dato' Haji Yahaya Mat Ghani...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Yahaya ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:Mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan tabung khas untuk pembeli rumah membuat pinjaman pada kadar faedah 1%. Pada masa ini kerajaan tiada cadangan itu. Walau bagaimanapun, kerajaan telah pun melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu rakyat memiliki rumah mampu milik seperti berikut:

- (i) Skim Rumah Mampu Milik di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB);
- (ii) Program Perumahan Rakyat (PPR) kelolaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (iii) Perumahan rakyat 1Malaysia (PR1MA);
- (iv) Skim Rumah Pertamaku (SRP); dan
- (v) Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP).

Senator Tuan Saiful Izham, bagaimana kerajaan akan mengurus hutang sehingga 30 September 2013. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM529.2 bilion atau 53.6% daripada KDNK. Kita telah meletakkan siling 55%. Daripada jumlah tersebut, hutang dalam negeri berjumlah RM512.3 atau 96.8% manakala baki RM16.9 atau hanya 3.2% merupakan hutang luar negeri. Bagaimanakah kaedah untuk kita memastikan mengurangkan hutang?

- (i) memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus. Pinjaman kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan;
- (ii) mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan belanja berhemat, cekap dan berkesan;
- (iii) penubuhan Jawatankuasa Dasar Fiskal yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;

- (iv) memperbanyak program perkongsian awam-swasta (*public-private partnership*), dengan izin terutama bagi projek-projek berimpak tinggi; dan
- (v) melaksanakan sistem pemantauan hutang yang komprehensif dengan pihak berkuasa memantau rapi paras dan struktur hutang secara obligasi, melunaskan hutang secara keseluruhannya.

Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor tidak ada, mengenai Laporan Audit, mengenai tender pukal. Beliau juga menyebut, tidak ada. Tidak perlu dijawab pada malam ini.

Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya, mencadangkan pengeluaran dana daripada Kerajaan Pusat kepada kawasan luar bandar, ada penyelarasan. Agensi pusat kementerian menyalurkan dana kepada jabatan peringkat negeri adalah tertakluk kepada peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Penurunan kuasa telah diberikan kepada agensi pusat kementerian untuk melaksanakan projek-projek tertentu.

Walau bagaimanapun, terdapat juga agensi pusat kementerian yang telah membenarkan jabatan di peringkat negeri termasuk Sabah dan Sarawak untuk menguruskan sebut harga atau tender bagi diputuskan di peringkat jabatan negeri atau di peringkat agensi pusat kementerian. Oleh yang demikian adalah terpulang kepada agensi pusat kementerian untuk memutuskan tender sama ada di peringkat pusat atau di peringkat Lembaga Perolehan Sabah dan juga Lembaga Perolehan Sarawak bagi tujuan mempercepatkan pelaksanaan sesuatu projek perolehan kerajaan.

Senator Datuk Raja Ropiaah.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah tidak ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit mengenai mengkaji semula pekeliling kelayakan kadar keraian hotel dan lain-lain bagi penjawat awam. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang mengkaji cadangan kenaikan kadar itu bagi di bawah peraturan bertugas rasmi yang sedang berkuat kuasa memandangkan perkara ini melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan. Pelaksanaannya belum dapat dimuktamadkan buat masa ini.

Senator Dato' Maznah binti Mazlan mencadangkan supaya kontrak perolehan kenderaan jabatan kerajaan juga diberi kepada syarikat lain selain daripada Spanco. Sukacita dimaklumkan bahawa Spanco hanya untuk kereta salun sahaja tetapi untuk kereta selain daripada itu adalah diberikan juga kepada syarikat-syarikat lain.

Senator Dato' Boon Som a/l Inong, mengenai MoF membuat *one stop centre* bagi pelesenan. Setakat ini kerajaan telah menubuhkan enam buah pusat transformasi bandar (UTC) yang berfungsi sebagai *one-stop centre* bagi menempatkan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan sektor swasta di dalam satu bangunan. Pelaksanaan UTC telah terbukti membantu rakyat dalam meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kerajaan di kaunter. Cadangan untuk mewujudkan OSC ataupun *one-stop centre*, dengan izin, bagi pelesenan perniagaan adalah baik dan MoF akan mempertimbangkan cadangan ini sebagai salah satu perkhidmatan untuk ditawarkan di UTC dan jumlah UTC juga kita akan perbanyakkan.

Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud, adakah KTMB akan diswastakan? Pada awalnya kerajaan telah menerima cadangan daripada syarikat MMC Corporation Berhad untuk melaksanakan kajian ketekunan wajar dengan izin, *due diligence* bagi tujuan penswastakan KTMB. Walau bagaimanapun MMC telah mengemukakan cadangan terbaru yang melibatkan usaha sama antara MMC dan KTMB untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan dan operasi KTMB.

Pada masa ini kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan atau komitmen mengenai cadangan terbaru berkenaan perkara ini dan ia perlu diperhalusi dengan lebih terperinci agar ia benar-benar memberi pulangan terbaik kepada kerajaan dan manfaat kepada rakyat.

Akhir Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit mengenai PR1MA dan SPNB, Syarikat Perumahan Negara Berhad memainkan peranan sebagai pemaju berlesen di bawah Akta Pemaju Perumahan. Penjualan dan pembayaran adalah melalui kemajuan pembinaan dan adalah tertakluk jadual di dalam perjanjian jual beli di bawah akta. Setakat ini SPNB belum bercadang mengadakan pembelian melalui skim sewa beli. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, boleh. Terima kasih, minta maaf ya. Ia satu sahaja. Saya ada bertanya tentang *Antimonopoly Act* iaitu yang dipanggil Akta Persaingan 2010 yang mana telah dijawab oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri tetapi penjelasannya ialah apa itu akta itu? Saya bukan bertanya apa akta itu? Saya bertanya dari perspektif akta ini bertujuan untuk mengelak berlakunya monopoli dan supaya wujud persaingan yang sihat dan juga pelanggan dan pengguna mendapat pilihan dan juga harga yang kompetitif dalam pasaran.

Perspektif itu saya bertanya sama ada sekarang ini kita lihat di bawah kerajaan pun ada banyak syarikat yang pada anggapan saya berbentuk seperti monopoli. Saya faham tujuannya kenapa, mengapa, saya tidak soal. Akan tetapi ada atau tidak di antara syarikat-syarikat yang diwujudkan oleh kerajaan ini seperti Spanco contohnya di mana teknologi itu sudah dimahiri oleh banyak rakyat yang lain di negara ini sama ada peluang begini boleh dibuka juga kepada lain-lain pihak di negara kita yang sudah bersedia untuk berkecimpung dengan sokongan, dukungan kerajaan seperti yang dinikmati oleh Spanco contohnya. Terima kasih, itu soalan saya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato Maznah. Saya ada ramai pegawai daripada hujung sana sampai hujung sini Tuan Yang di-Pertua. Mereka akan menjawab secara bertulis. Terima kasih *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Semua Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Menteri dan semua pegawai daripada kementerian yang berada di belakang sana yang sanggup berada di Dewan ini sehingga waktu ini *[Tepuk]* saya ucapkan syabas dan tahniah. Dan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen, Dato' Seri Shahidan yang juga masih berada di sini, saya ingin menyatakan di sini bahawa Yang Berhormat semua tengok bahawa Dewan Negara ini, saya dapati sekarang ini berada berjumlah 34 orang semuanya.

Saya ucapkan syabas. Pada masa dahulu ada yang cuba curi-curi tulang tetapi *alhamdulillah* sekali ini semua agaknya bagus berada di sini. Ini melambangkan ada peningkatan sekarang ini penglibatan Yang Berhormat di sini di Dewan Negara. Saya harap juga pihak kementerian dan pegawai-pegawai sama-sama kita manfaatkan untuk mempertingkatkan lagi mutu perbahasan kita di Dewan Negara ini.

Di samping itu saya hendak ambil kesempatan juga sikap dan peranan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau tengok sebelah kiri saya ini, hanya dua orang yang tidak ada. Agaknya mereka pun memang betul-betul komited. Selalu agaknya Senator Ezam itu jarang juga ada, tetapi malam ini dia ada. Baguslah, bagus, bagus. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang cuba tidak ada mendapat kelulusan saya itu, saya hendak bagi tahu, saya ada catatkan di sini KPI Yang Berhormat, ada juga saya simpan.

Dengan itu saya akhir sekali, mengambil kesempatan bahawa Mesyuarat kita hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu esok, 18 Disember 2013.

Sekian. *Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.42 malam.]